

Istana dan Politik Johor

1835-1885

Istana dan Politik Johor 1835-1885

Abdullah Zakaria Ghazali

Yayasan Penataran Ilmu
No. 109, Tingkat 2,
Jalan Kampung Pandan
55100 Kuala Lumpur

1997

Yayasan Penataran Ilmu
No. 109, Tingkat 2,
Jalan Kampung Pandan
55100 Kuala Lumpur

© 1997 Abdullah Zakaria Ghazali, Kuala Lumpur. Hakcipta Terpelihara.

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengerusi, Yayasan Penataran Ilmu, No. 109, Tingkat 2, Jalan Kampung Pandan, 55100 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing-in-Publication data

Abdullah Zakaria Ghazali

Istana dan politik Johor (1835-1885 / Abdullah Zakaria Ghazali.

Bibliografi: ms 185-195

Mengandungi indeks

ISBN 983-9851-12-8

ISBN 983-9851-13-16 (krs)

1. Johor-Kings and rulers-History-1835-1885 2. Johor-Politics and
and government-F story-1835-1885. 3. Johor-History-1835-1885.

I. Judul.

959.5119

M

924950

Dicetak oleh:

Angkatan Edaran Enterprise Sdn. Bhd.
2, Jalan Nilam 1/6, Taman Perindustrian
Teknologi Tinggi Subang, Batu 3,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-737 2043 Faks: 03-737 4043


959.5119

ABD

10 MAR 1998

Perpustakaan Negara
Malaysia

*Untuk ayah, ibu dan keluarga
yang sentiasa memberi galakan*



Kandungan

<i>Singkatan</i>	ix
<i>Penghargaan</i>	xiii
<i>Pendahuluan</i>	xv
<i>Peta 1</i>	xvii
<i>Peta 2</i>	xviii
BAB I KELUARGA YANG BERSAING	1-22
Keturunan Keluarga Sultan	
Keturunan Keluarga Temenggung	
Keluarga Sultan dan Temenggung hingga 1835	
BAB II PERSAINGAN SULTAN ALI DENGAN TEMENGGUNG IBRAHIM DAN ABU BAKAR	23-44
Kemangkatan Sultan Husin dan Pengisytiharan	
Tengku Ali Sebagai Sultan	
Temenggung Mengorak Langkah	
Perjanjian 1855 dan Kesannya	
BAB III MASALAH PENGGANTIAN SULTAN ALI	45-71
Kemangkatan dan Pemakaman Sultan Ali	
Masalah Penentuan Pemerintah Muar	
Sara Hidup Keluarga Sultan Ali	

BAB IV	MAHARAJA BERKUASA DI MUAR	73–94
	Temenggung dan Penghulu-penghulu Muar ke Johor Bahru	
	Pemilihan Pemerintah Muar	
	Maharaja Abu Bakar Meminta Diiktiraf Sebagai Sultan	
BAB V	TUNTUTAN TENGKU ALAM	95–117
	Bantahan Terhadap Pemilihan Pemerintah Muar	
	Tuntutan Tengku Alam Terhadap Muar	
	Sokongan Kepada Tuntutan Tengku Alam	
	Reaksi Kerajaan British Terhadap Tuntutan Tengku Alam	
BAB VI	PERTEMPURAN 1879	119–154
	Kerahan dan Berkumpul	
	Pertempuran di Lubuk Bandan	
	Pertempuran di Kubu Maharaja Lela	
	Pertempuran di Relau	
	Pertempuran di Anak Ayer Lemak Kerbau	
BAB VII	KESUDAHAN	155–168
	Penangkapan dan Perbicaraan	
	Hutang Tengku Alam	
	Tawaran Sara Hidup Kepada Tengku Alam	
	Maharaja Abu Bakar Memohon Gelaran Sultan	
	Kemangkatan Tengku Alam	
BAB VIII	KESIMPULAN	169–183
	Bibliografi	185–195
	Lampiran	197–218
	Indeks	219–226

Singkatan

ACCTA	- <i>Appeal Case - the Chitties versus Tunku Allum [Tengku Alam]</i>
ACVTA	- <i>Appeal case - the Chitties versus Tunku Alam</i>
AMSA	- <i>Affairs at Moar [Muar], subsequent to the death of Sultan Alii [Sultan Ali]</i>
AOTAM	- <i>Allowance Offered to Tunku Allum of Muar</i>
ASM	- <i>Affairs of the State of Muar</i>
ATA	- <i>Action Against Tunku Alam</i>
ATACM	- <i>Acceptance by Tunku Alam of the Offer of the Muar Compensation Money</i>
CAI	- <i>Case of Awang Ibrahim</i>
CMDSJ	- <i>Copy of the Treaty of 1855 between SULTAN OF JOHOR and TUMONGGONG [TEMENGGUNG], and for the CORRESPONDENCE respecting MUAR Since the DEATH of the late SULTAN of JOHOR</i>
C.O.	- <i>Colonial Office</i>
CTAMS	- <i>Claims of Tunku Allum to the Moar Succession</i>
CTSJT	- <i>Copy of the Treaty of 1855 between the Sultan of Johore and his Tumonggong</i>
DAMJ	- <i>Draft Agreement with the Maharaja of Johore</i>
DAPAM	- <i>Debts of the late Sultan Ali of Muar and the Payments to Tunku Allum by the Maharaja of Johore</i>
DSA	- <i>Debts of the late Sultan Ali of Muar</i>

- DSAK - *Death of Sultan Alli Iskandar Shah of the territory of Kesang or Moar*
- DTA - *Death of Tunku Alam*
- EMJSM - *Election of the Maharaja of Johore to be Sultan of Moar*
- ISCSS - *In the Supreme Court of Straits Settlements, Settlement of Singapore*
- IMSA - *Injustice of the proposed arrangement for the administrations of Moar consequent on Sultan Allie's death*
- JIAEA - *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*
- JMBRAS - *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*
- JSBRAS - *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*
- JSEAH - *Journal of Southeast Asian History*
- JSEAS - *Journal of Southeast Asian Studies*
- MAMJ - *Memo of Agreement with Maharaja of Johor*
- MASS - *Moar Affairs - Succession to the Sultanate*
- MBRAS - *Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*
- MCA - *Muar Compensation Allowance*
- MP - *Muar Papers*
- MSHCS - *Memorandum Submitted to the Honourable the Colonial Secretary*
- PAAA - *Proposed Agreement - Agree to Alteration*
- PFSMG - *Punic Faith: or The Way in which the rightful Sultan of Muar has been treated by the British Government*

PLC	- <i>Papers laid before the Legislative Council by Command His Excellency the Governor</i>
PLSA	- <i>Provision to be made for the family of the late Sultan Ali</i>
PMCMJ	- <i>Payment of the Muar Compensation Money by the Maharaja Johore</i>
PTASMD	- <i>Proclamation of Tunku Alum as Sultan over marriage and divorce</i>
PVEMJ	- <i>Proposed Visit to England of the Maharaja of Johore</i>
RITASMB	- <i>Report further interview with Tunku Alam and result, and Tunku Alam being proclaimed Sultan by certain Malay and Bugis</i>
RMJS	- <i>Request of the Maharaja of Johore to be recognized as Sultan</i>
RSM	- <i>Ruler of the State of Moar</i>
SSR	- <i>Straits Settlements Records</i>
TATM	- <i>Trouble Arrest of the Tumonggong of Moar</i>
TCT	- <i>The Chitties versus Tunku Alam</i>
TMS	- <i>The Muar Succession</i>
TPMJ	- <i>Title and Position of the Maharaja of Johore</i>
t.t.	- tanpa tarikh
VGMTC	- <i>Visit of Governor to the Moar territory and conference with various chiefs of new native confederation</i>

Penghargaan

Buku ini adalah kemas kini daripada tesis Doktor Falsafah yang diajukan kepada Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada tahun 1984. Ketika menyiapkan kajian ini beberapa orang dan pihak tertentu terlibat. Tanpa bantuan dan kerjasama mereka, kajian ini, tidak mungkin dapat dihasilkan. Dalam proses menyiapkan kajian ini, saya sangat terhutang budi kepada Profesor Dato' Dr. Khoo Kay Kim selaku penyelia yang tekun dan sabar meluangkan masa memberi komen, panduan, dan tunjuk ajar yang sangat berguna. Ucapan terima kasih juga kepada Nik Mohamad bin Nik Abdullah dan Encik Sulaiman yang tidak jemu-jemu membantu saya ketika membuat salinan mikrofilem di Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Tidak ketinggalan terima kasih kepada kedua-dua sahabat saya yang sama-sama menjalankan penyelidikan di Johor dan Singapura, saudara Ahmad Nazri bin Abdullah dan Mahmud bin Embong. Ucapan yang sama saya beri kepada saudara Mohd. Fadzil bin Othman. Ucapan terima kasih juga kepada Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur; Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur; Arkib Negara Malaysia Cawangan Selatan, Johor Bahru; Arkib Negara Malaysia Cawangan Timur, Kuala Terengganu; Perpustakaan Nasional Singapura; Perpustakaan Universiti Singapura; Muzium Negeri Terengganu dan kakitangan kerana kerjasama yang sangat bernilai ketika kajian ini dijalankan. Terima kasih juga kepada saudara Abdullah Azmi bin Abdul Khalid, Profesor Madya Adnan bin Haji Mohd. Nawang, Dr. Amarjit Kaur, dan Prof. Madya Mohamed bin Abu Bakar kerana galakan dan perangsang yang diberikan. Juga terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa serta keluarga saya yang turut menggalakkan penyelidikan ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Universiti Malaya kerana bantuan kewangan (Peruntukan F) yang diberikan ketika kajian ini dijalankan. Akhir kata ucapan terima kasih kepada Puan Pauline Lee, saudara Othman Ab. Ghani, dan saudari Rahemah Ahmad.

Abdullah Zakaria bin Ghazali
Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya Kuala Lumpur
1996

Pendahuluan

Pada abad ke-19 Johor mengalami suatu perkembangan sejarah yang penting, iaitu persaingan antara keluarga Sultan dengan keluarga Temenggung. Namun sejarah Johor pada abad itu selalunya dibincangkan dari segi kemajuan pemerintahan dan ekonomi di bawah pemerintahan Temenggung Ibrahim dan Temenggung Abu Bakar (kemudianya digelar Maharaja dan Sultan). Padahal perkara persaingan antara kedua-dua keluarga Sultan dan Temenggung adalah penting walaupun setakat ini tidak diberi perhatian yang wajar oleh sejarawan. Aspek ini dapat menghuraikan kemunculan kerajaan Johor Moden yang berbeza daripada Johor Lama yang diasaskan oleh kerabat diraja kesultanan Melaka. Perkara ini bukan sahaja memperlihatkan kewujudan dinasti baru, iaitu keluarga Temenggung, malahan perkara ini menunjukkan berakhirnya kekuasaan dan kedaulatan keluarga Sultan daripada keturunan Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV (sebelum itu digelar Bendahara) yang mengantikan Sultan Mahmud (mangkat dijulang) pada 1699.

Dengan berdasarkan sumber-sumber yang telah dan belum diterbitkan, terutamanya rekod rasmi *British (Colonial Office), Muar Papers*, kajian ini cuba meneliti persaingan antara keluarga Sultan dengan keluarga Temenggung di Johor dari 1835 hingga 1885. Jangka masa ini dipilih kerana masalah itu mula timbul pada 1835 apabila Sultan Husin (Sultan Johor dan Singapura) mangkat di Umbai, Melaka. Selanjutnya bibit-bibit persaingan mula bercambah antara kedua-dua keluarga tersebut.


Kajian ini juga menunjukkan bagaimana persaingan itu menyebabkan berpindahnya kuasa pemerintahan daripada keluarga Sultan kepada keluarga Temenggung pada 1855, dan keluarga Sultan hanya berkuasa di Muar-Kesang sahaja. Seterusnya, Muar turut dikuasi oleh keluarga Temenggung pada 1877. Kajian ini juga cuba menunjukkan penglibatan pihak British dalam mengubah keseimbangan antara dua pihak itu daripada satu tahap ke tahap lain.

Persaingan ini semakin menarik kerana terlibatnya individu dan golongan tertentu serta kerajaan British sehingga tercetus pertempuran antara Tengku Alam (keluarga Sultan) dengan Maharaja Abu Bakar (keluarga Temenggung) pada 1879. Dalam proses


persaingan itu, Tengku Alam berusaha menuntut hak terhadap Muar dan gelaran Sultan yang sebelum ini digunakan oleh ayahandanya, Sultan Ali, yang mangkat pada 1877; Maharaja Abu Bakar pula berusaha untuk mengukuhkan kekuasaannya di seluruh Johor, termasuk kawasan Muar-Kesang.

Secara tidak langsung kajian ini cuba menunjukkan bahawa keadaan dan individu tertentu adalah faktor yang tidak kurang pentingnya dalam mencorakkan perkembangan sejarah - Johor Moden adalah contohnya. Individu yang dimaksudkan ialah A. E. H. Anson yang pada suatu ketika menjadi Pemangku Gabenor Negeri-Negeri Selat apabila Gabenor, Sir William Jervois bertugas di Australia. Keadaannya pula ialah kemangkatan Sultan Ali pada tahun 1877. A. E. H. Anson meletakkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar buat sementara dan Pejabat Tanah Jajahan London tidak membatalkan keputusan ini.

Yang perlu dijelaskan ialah Perjanjian 10 Mac 1855 dan keputusan penuh di Kuala Kesang pada tahun 1877 (Maharaja Abu Bakar diakui sebagai pemerintah Muar) tidak menamatkan persaingan antara keluarga Sultan dengan keluarga Temenggung. Pertempuran selanjutnya berlaku pada 1879 dan dimenangi oleh Maharaja Abu Bakar. Kemunculan dinasti Temenggung di Johor Moden bukan sahaja mengambil masa lebih kurang setengah abad, bahkan mencetuskan pertempuran. Pada 1885, berkuat kuasa perjanjian antara kerajaan Johor dengan Kerajaan British. Menurut Artikel VII perjanjian itu, Maharaja Abu Bakar boleh menggunakan gelaran Sultan.



Peta 1 : Johor di Abad Kesembilan belas



Peta 2 : Menunjukkan beberapa tempat yang terlibat dalam Pertempuran Muar, 1879.

BAB I

Keluarga Yang Bersaing

Persaingan hak dan kuasa yang berlaku di Johor pada kurun ke-19 adalah antara keluarga Sultan dengan keluarga Temenggung. Keluarga Sultan yang terlibat ini ialah keturunan Sultan Husin Shah, yang diiktiraf sebagai Sultan Singapura dan jajahan takluknya pada tahun 1819. Baginda ialah putera Sultan Mahmud Shah Johor (1761-1812). Keturunannya daripada Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV Johor (1699-1721), iaitu anak Bendahara Johor, Tun Habib Abdul Majid yang bergelar Bendahara Padang Saujana. Temenggung Ibrahim dan Temenggung Abu Bakar (kemudiannya bergelar Maharaja Abu Bakar) pula ialah keturunan Temenggung Abdul Rahman Johor. Temenggung Abdul Rahman ini terlibat dalam perjanjian dengan Sir Stamford Raffles pada tahun 1819. Menurut perjanjian itu, Tengku Long Husin diakui sebagai Sultan bagi Singapura dan jajahan takluknya, dengan gelaran Sultan Husin Shah.

Keluarga Sultan dan keluarga Temenggung berasal daripada keturunan yang sama, iaitu Bendahara Tun Habib Abdul Majid. Namun terdapat dua versi yang berbeza bagi keturunan Bendahara Tun Abdul Majid. Pertamanya, keturunan Sultan Sulaiman yang mangkat di Senggora; keduanya, keturunan Sayyid dari Hadramaut.

Versi pertama merupakan sumber Terengganu, karangan Datuk Seri Nara Wangsa. Sumber ini disebut sebagai sumber Terengganu kerana didapati di Terengganu. Sumber ini mencatatkan keturunan Bendahara Tun Habib Abdul Majid seperti Rajah 1.

Rajah 1

Salasilah Tun Habib Abdul Majid

Sumber: Muzium Negeri Terengganu dan Arkib Negara Malaysia, Cawangan Kuala Terengganu.

Walaupun dalam sumber ini terdapat persamaan berkenaan nama Bendahara Padang Saujana, iaitu Abdul Majid, tetapi ada juga perbezaan. Salasilah ini mengemukakan Bendahara Padang Saujana sebagai Sultan Abdul Majid bergelar Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana. Padahal Abdul Majid tidak pernah menjadi Sultan dan lebih dikenali dengan gelaran Tun Habib Majid Bendahara Seri Maharaja Datuk Padang Saujana. Penggunaan gelaran "Sultan" pada nama itu dipercayai memberi gambaran bahawa adanya percubaan untuk merapatkan lagi hubungan Abdul Majid dengan keturunan Sultan Johor. Ini salah satu cara yang digunakan untuk menguatkan kedudukan seseorang tokoh dengan mengubah suai salasilah.

Ternyata bahawa Bendahara Seri Maharaja Datuk Padang Saujana dikenali dengan gelaran Tun Habib Abdul Majid dan bukan Sultan Abdul Majid (sebagaimana catatan sumber Terengganu). Gelaran Habib menunjukkan bahawa Abdul Majid berketurunan Sayyid, iaitu bangsa Arab. Ini bersesuaian pula dengan salasilah

yang terdapat dalam manuskrip Melayu "Fasal Pada Menyatakan Keturunan Raja-Raja Temenggung di dalam Muar", dan tulisan R.O. Winstedt (1979), *A History of Johore (1365-1895)*.

Kalau berdasarkan "Fasal Pada Menyatakan Keturunan Raja-Raja Temenggung di dalam Muar" dan salasilah yang dikemukakan oleh R.O. Winstedt itu, keturunan Temenggung Johor mempunyai hubungan persaudaraan dengan Temenggung Muar. Keturunan Temenggung Johor dinyatakan dalam Rajah II. Ini merupakan versi kedua bagi keturunan Bendahara Tun Habib Abdul Majid.

Rajah II

Salasilah Temenggung Johor

Sayyid Idrus (Hadramaut)

+

Anak Sultan Aceh

|

Sayyid Zainal Abidin

+

Gensyi Almarhum Johor (Kota Tinggi)

|

Anak Orang Kaya
Darma Muar

+ Maharaja Seri Di Raja

?
(Tiada anak)

Datuk Pasir Di Raja
(mentadbir Muar)

Bendahara Padang Saujana
(Tun Habib Abdul Majid)

Marhum Bakal

+

Marhum Kota Tinggi
(Sultan Mahmud, marhum
mangkat dijulang 1699)

+ kahwin

? nama tidak diketahui

Sumber: "Fasal Pada Menyatakan Keturunan Raja-Raja Temenggung di dalam Muar", tersimpan di Arkib Negara, Cawangan Selatan, Johor Bahru.

Dalam salasilah ini Tun Habib Abdul Majid, ayahanda Tun Abdul Bendahara Seri Maharaja (kemudian bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV) adalah keturunan Arab dari Hadramaut.


Keturunan Keluarga Sultan

Kesultanan Johor, dari awal hingga sekarang, terdiri daripada tiga keturunan, iaitu keturunan kesultanan Melaka, keturunan Bendahara, dan keturunan Temenggung. Apabila Melaka ditawan oleh Portugis pada 10 Ogos 1511, Sultan Melaka terakhir, iaitu Sultan Mahmud Shah, mengundurkan diri ke Hulu Muar, Pagoh (sesetengah mengatakan ke Penarikan). Baginda seterusnya pergi ke Pahang, ke Bintan (Riau), dan akhirnya ke Kampar lalu mangkat di situ pada tahun 1528. Apa yang perlu ditegaskan di sini, Portugis hanya berjaya menawan Melaka, tetapi keturunan raja Melaka masih wujud selepas itu. Keturunan dari Melaka inilah yang mengasaskan kerajaan Melayu Johor. Walaupun semasa pengasasannya kerajaan Johor seringkali diserang oleh Portugis serta Aceh dan kalah, tetapi raja-raja keturunan Melaka dapat menegakkan kerajaan Johor. Salasilah raja-raja Melaka yang memerintah Johor ditunjukkan dalam Rajah III.

Sultan Mahmud Shah mangkat di Kampar lalu digantikan oleh puteranya yang bergelar Sultan Alauddin Riayat Shah II. Puteranya itu bersemayam di Johor. Kemudiannya takhta kerajaan Johor diwarisi oleh Sultan Muzaffar Shah III dan seterusnya oleh Sultan Abdul Jalil Shah I. Pengganti berikutnya ialah Raja Omar yang bergelar Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II. Selepas itu Raja Mansur menduduki takhta kerajaan Johor dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah III. Baginda digantikan oleh Raja Abdullah yang bergelar Sultan Abdullah Muayat Shah. Sultan Abdullah mangkat di Pulau Tembelan dan dikenali dengan gelaran Marhum Tembelan. Dengan itu takhta kerajaan diwarisi oleh Raja Bujang, putera Sultan Alauddin Riayat Shah III, dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Shah III. Kemudiannya baginda digantikan oleh Sultan Ibrahim Shah dan seterusnya Sultan Mahmud II. Sultan Mahmud Shah II mangkat dibunuh oleh Megat Sri Rama.¹

¹Berkenaan pembunuhan itu, lihat, Abdullah Zakaria Ghazali, "Sultan Keturunan Kesultanan Melaka di Pahang dan Johor", *Jurnal Sejarah Melaka*, Bil. 7, 1982, him. 58-59.

Rajah III
Salasilah Keturunan Raja Melaka
Yang Memerintah Johor



+ kahwin

Dikatakan keturunan Sultan Melaka yang terakhir memerintah Johor ialah Sultan Mahmud Shah II. Apabila Sultan Mahmud dibunuh pada 1699 dan dengan alasan baginda tidak berputera, takhta kerajaan berpindah kepada keluarga Bendahara. Bendahara Tun Sulong (Tun Abdul Jalil), anak Bendahara Tun Habib Abdul Majid, dilantik menjadi Sultan Johor dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Berikutkan pelantikan ini semua anak Bendahara Tun Sulong yang dilahirkan setelah baginda menjadi Sultan bergelar Tengku dan Raja; sebaliknya anak yang dilahirkan semasa menjadi Bendahara

kekal bergelar Tun. Antara anak Sultan Abdul Jalil Riayat Shah ialah Tun Abas, Raja Sulaiman, Tengku Kamariah (Tengku Bongsu), Tengku Tengah (Tengah Fatimah atau Tengku Erang), Raja Abdul Rahman, dan Tengku Mandak. Semasa pemerintahan Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV, Johor diserang dan ditawan oleh Raja Kechil. Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV dijadikan Bendahara semula oleh Raja Kechil. Kemudiannya, pertelingkahan berlaku semula antara Raja Kechil dengan Sultan Abdul Jalil. Akibatnya Sultan Abdul Jalil berundur ke Pahang, kemudiannya ke Terengganu, dan seterusnya ke Pahang semula. Baginda mangkat di Kuala Pahang pada tahun 1721 kerana dibunuh oleh Nakhoda Sekam dengan perintah Raja Kechil. Baginda dikenali sebagai Marhum Kuala Pahang.

Raja Kechil menduduki takhta kerajaan Johor dengan pusat pentadbirannya di Riau, dan bergelar Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah. Namun demikian dengan bantuan Bugis, Raja Sulaiman, iaitu putera Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV berjaya mengalahkan Raja Kechil dan dilantik menjadi Sultan Johor-Pahang-Riau-Lingga. Baginda digelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah dan bersemayam di Riau. Semasa pemerintahannya, jawatan Yamtuan Muda dimulakan di Johor. Jawatan ini diwujudkan sebagai memenuhi janji antara Sultan Sulaiman dengan upu-upu Bugis, iaitu Daeng Parani, Daeng Marewah, Daeng Menambun, Daeng Kemboja, dan Daeng Kemasi. Perjanjiannya ialah jika mereka berjaya menyingkirkan Raja Kechil (Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah) daripada kerajaan Johor, orang Bugis akan dilantik sebagai Yamtuan Muda. Yamtuan Muda sebenarnya lebih berkuasa daripada Sultan. Jawatan Yamtuan Muda yang pertama disandang oleh Daeng Marewah.

Setelah Sultan Sulaiman mangkat, takhta kerajaan berpindah kepada puteranya, Tengku Abdul Jalil, dan bergelar Sultan Abdul Jalil Muadzam Shah. Sultan Abdul Jalil tidak sempat memerintah kerana setelah diisyiharkan, baginda mangkat di Selangor. Sultan Abdul Jalil digantikan oleh puteranya, Raja Ahmad, bergelar Sultan Ahmad. Setelah Sultan Ahmad mangkat takhta kerajaan Johor digantikan oleh saudara baginda, Raja Mahmud, dengan gelaran Sultan Mahmud III.

Sultan Mahmud III memerintah kerajaan Johor-Pahang-Riau-Lingga dari 1761 hingga 1812, dan bersemayam di Lingga. Baginda mempunyai dua putera, iaitu Tengku Husin (Tengku Long) dan Tengku Abdul Rahman. Kedua-duanya bukan anak gahara; Tengku Husin ialah putera Sultan Mahmud dengan Che Makoh, anak Daeng Maturang atau Daeng Jaafar, manakala Tengku Abdul Rahman ialah

putera Sultan Mahmud dengan Che Mariam, anak Bandar Hasan. Perkahwinan Sultan Mahmud dengan Tengku Hamidah, anak Raja Haji, tidak melahirkan anak. Oleh sebab Tengku Hamidah atau lebih dikenali sebagai Tengku Puteri, tidak mempunyai anak, maka Tengku Husin dipeliharanya. Tengku Husin dilantik sebagai pengganti Sultan oleh Sultan Mahmud. Salasilah Bendahara yang memerintah Johor ditunjukkan dalam Rajah IV.

Rajah IV

Salasilah Bendahara Yang Memerintah Johor



- Masa antara 1718-1722 Johor di bawah pemerintahan Raja Kechil dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah
- + kahwin
- T.A. tiada anak
- @ atau

Pada 12 Januari 1812, Sultan Mahmud mangkat di Lingga. Kini berlaku persaingan antara kedua-dua orang putera baginda, Tengku Husin dan Tengku Abdul Rahman, untuk menduduki takhta kerajaan Johor. Tengku Puteri sendiri lebih suka jika Tengku Husin menjadi pengganti Sultan Mahmud; manakala para pembesar pula menyokong Tengku Abdul Rahman.

Antara pembesar yang menyokong Tengku Abdul Rahman ialah Yamtuan Muda Raja Jaafar, anak Raja Haji. Beliau menjadi Yamtuan Muda Johor yang keenam bagi menggantikan Yamtuan Muda Raja Ali yang meninggal dunia pada tahun 1806. Dengan sokongan para pembesar yang diketuai oleh Yamtuan Muda Raja Jaafar, Tengku Abdul Rahman dilantik sebagai Sultan. Baginda bergelar Sultan Abdul Rahman I dan bersemayam di Lingga. Keturunan baginda seterusnya menjadi Sultan Lingga.

Pengisytiharan Tengku Abdul Rahman sebagai Sultan bererti menyingkirkan Tengku Husin, putera sulung Sultan Mahmud III. Ketika itu Tengku Husin berada di Pahang untuk mengahwini Che Wan Esah, iaitu adik Bendahara Pahang, Tun Ali. Disebabkan Tengku Husin tiada di Lingga, Yamtuan Muda Johor, Raja Jaafar, mengambil kesempatan melantik Tengku Abdul Rahman sebagai pengganti Sultan. Tengku Abdul Rahman pada mulanya menolak tetapi akhirnya menerima perlantikan itu kerana merasakan bahawa jenazah ayahandanya perlu dimakamkan segera. Ini disebabkan dalam adat istiadat Melayu, seorang pengganti Sultan perlu ditabalkan terlebih dahulu sebelum jenazah Sultan dimakamkan. Namun Tengku Abdul Rahman lebih merupakan boneka kerana segala pentadbiran dikendalikan oleh Yamtuan Muda Johor.

Apabila Tengku Husin pulang ke Lingga, didapati Tengku Abdul Rahman telah pun menduduki takhta kerajaan. Dengan itu Tengku Husin berundur dan tinggal di Pulau Penyengat bersama Tengku Puteri. Tengku Puteri memihak kepada Tun Husin dan menyimpan alat-alat kebesaran negeri. Namun demikian pada tahun 1822 alat-alat kebesaran ini diambil secara paksa oleh Yamtuan Muda. Menurut C.H. Wake (1975) pada tahun 1823 Tengku Abdul Rahman ditabalkan sebagai Sultan dengan dihadiri oleh Yamtuan Muda dan pegawai-pegawai Belanda. Pertelingkahan berkenaan takhta kerajaan Johor digambarkan oleh Haji Muhammad Said Sulaiman (1930) sebagai penyebab rakyat Johor terbahagi kepada dua pihak. Satu pihak menyokong Tengku Husin dan satu pihak lagi menyokong Tengku Abdul Rahman. Seterusnya pembesar bermesyuarat untuk menentukan pengganti Sultan Mahmud. Oleh kerana Belanda lebih

suka kepada Tengku Abdul Rahman, maka Tengku Husin berundur perlahan-lahan ke Terengganu. Haji Muhammad Said Sulaiman mencatatkan bahawa pada tahun 1818 Tengku Abdul Rahman dilantik sebagai Sultan. Kalau diperhatikan gambaran yang diberikan itu terdapat perbezaan yang ketara. Perlantikan Tengku Abdul Rahman bukan setelah Tengku Husin berundur ke Terengganu tetapi ketika beliau berada di Pahang kerana berkahwin di sana. Selain itu perlantikan tersebut dilakukan dengan usaha Raja Jaafar, Yamtuan Muda Johor.

Temenggung Abdul Rahman dan Farquhar, Residen Singapura, mengarahkan Raja Embong ke Riau secara rahsia untuk menjemput Tengku Husin datang ke Singapura. Tujuan mereka ialah untuk menabalkan Tengku Husin sebagai Sultan. Dengan itu Raja Embong berangkat ke Riau. Pada 1 Februari 1819 Tengku Husin sampai ke Singapura. Dengan keadaan yang demikian Stamford Raffles campur tangan dalam masalah takhta ini. Melalui usaha yang dilakukan oleh Raffles, Temenggung Abdul Rahman dan Tengku Husin menandatangani perjanjian pada 6 Februari 1819. Menurut perjanjian ini Tengku Husin diakui sebagai Sultan Johor; Temenggung pula sebagai pemerintah Singapura dan daerahnya.

Apabila Sultan Husin mangkat, sepatutnya Tengku Ali yang mengantikannya menjadi Sultan Johor, termasuk Singapura. Ini berdasarkan adat dan tradisi kesultanan Melayu. Namun sokongan kuat yang diberikan oleh British kepada Temenggung Johor menyebabkan Tengku Ali terpaksa menghadapi beberapa masalah untuk mendapatkan takhta kerajaan Johor, termasuk Singapura, yang memang hak warisnya. Walaupun demikian Tengku Ali akhirnya diakui juga sebagai Sultan.

Masalah ini timbul sekali lagi apabila Sultan Ali mangkat. Temenggung dengan sokongan British tidak mahu mengakui Tengku Alam, putera Sultan Ali, sebagai Sultan dan pengganti Sultan Ali.

Keturunan Keluarga Temenggung

Beberapa perkara perlu dihalusi dalam menghuraikan salasilah Temenggung Johor. Perhatian ini perlu diambil kerana terdapat beberapa salasilah Temenggung Johor yang berbeza antara satu sama lain. Walaupun begitu terdapat persamaan dalam salasilah itu; keturunan Temenggung Johor berasal daripada Bendahara Habib Tun Abdul Majid, iaitu Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana. Satu perkara yang menarik ialah keturunan Temenggung Johor

menggunakan gelaran Daeng. Gelaran Daeng biasanya digunakan oleh keturunan Bugis. Oleh itu suatu perkara yang menjadi persoalan, apakah Temenggung Johor yang kemudian menjadi pemerintah Johor ini daripada keturunan Bugis?

R.J. Wilkinson (1971) menyatakan yang keturunan Temenggung Johor berasal daripada Bendahara Tun Abdul Majid, Padang Saujana. Tun Abdul Majid berputerakan Tun Abdul Jamal yang kemudiannya menjadi Bendahara. Anak Tun Abdul Jamal, Tun Husin, seterusnya menjadi Bendahara. Tun Husin pula berputerakan Tun Abdul Majid dan Tun Abdul Jamal. Tun Abdul Majid kemudiannya menjadi Bendahara Pahang dan Tun Abdul Jamal pula menjadi Temenggung Johor. Temenggung Abdul Jamal mendapat anak perempuan yang berkahwin dengan Daeng Kechil. Perkahwinan ini menghasilkan anak lelaki, Daeng Abdul Rahman. Daeng Abdul Rahman pula memperoleh anak lelaki, Daeng Ibrahim. Daeng Ibrahim pula meninggalkan waris anak lelaki, Daeng Abu Bakar. Rajah V menunjukkan salasilah Temenggung Johor yang dikemukakan oleh R.J. Wilkinson.

Rajah V

Salasiah Temenggung Johor




* kahwin

Sumber: R.J. Wilkinson (ed), *Papers on Malay Subjects*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 75

Sekiranya dibandingkan sumber Terengganu karangan Datuk Seri Nara Wangsa, di samping persamaan terdapat juga perbezaan dengan salasilah yang dikemukakan oleh R.J. Wilkinson. Sumber Terengganu mengemukakan salasilah Temenggung Johor seperti Rajah VI.

Rajah VI

Salasilah Temenggung Johor



Kedua-dua salasilah ini menyatakan keturunan Temenggung daripada Tun Habib Abdul Majid (dalam sumber Terengganu yang dicatatkan Sultan Abdul Majid). Sumber Terengganu mengemukakan susunan galur keturunan yang lebih atas daripada (Sultan) Abdul Majid. Walaupun begitu, sama ada disebut sebagai Tun Habib Abdul Majid atau Sultan Abdul Majid, puteranya pula bernama Abdul Jamal. Bendahara Abdul Jamal pula berputerakan Bendahara Husin. Tun Bendahara mendapat putera bernama Tun Abdul Jamal (dinyatakan sebagai Che Abdul Jamal dalam sumber Terengganu).

Bermula daripada Bendahara Tun Abdul Jamal terdapat perbezaan. Sumber Terengganu mencatatkan putera Bendahara Abdul Jamal bernama Che Abdul Hamid (juga dikenali sebagai Daeng Kechil). R.J. Wilkinson pula mencatatkan bahawa Bendahara Tun Abdul Jamal mempunyai anak perempuan. Kemudiannya selepas putera Tun Abdul Jamal ini kedua-dua salasilah ini mempunyai persamaan semula, iaitu Temenggung Abdul Rahman, Temenggung Ibrahim (putera Temenggung Abdul Rahman) dan Temenggung Abu Bakar (seterusnya bergelar Maharaja), putera Temenggung Ibrahim.

Persoalan yang boleh ditimbulkan disini, siapakah dia Daeng Kechil itu? R.J. Wilkinson tidak memberi penjelasan berkenaan Daeng Kechil. Setakat ini ada sumber menyatakan Bendahara Tun Abdul Jamal mempunyai dua orang anak bernama Che Ayu dan Hassan. Di samping itu memang ada seorang Bendahara bernama Tun Husin, tetapi Tun Husin ini adalah putera Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV, iaitu putera sebelum menjadi Sultan. Tun Husin pula menjadi Bendahara di Terengganu. R.J. Wilkinson berpendapat gelaran Daeng ini digunakan oleh keluarga Temenggung kerana anak perempuan Tun Abdul Jamal berkahwin dengan Daeng Kechil, seorang Bugis. Dalam sumber lain dinyatakan yang Daeng Kechil berketurunan Bugis. Oleh itu dalam surat bertarikh 18 Mei 1878, Gabenor Negeri-Negeri Selat, W.F. Robinson, menyatakan yang pengiktirafan British terhadap Maharaja Abu Bakar berasaskan kepada pertimbangan dan bukan keturunan.²

Walaupun R.O. Winstedt (1979), C.A. Trocki (1979), dan C.H. Wake (1982), mengatakan bahawa Temenggung Johor daripada keturunan Tun Habib Abdul Majid, Bendahara Seri Maharaja Padang

²C.O. 273/93, "The Muar Succession" (TMS), W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 18.5.1878.

Saujana, tetapi terdapat perbezaan dengan catatan R.J. Wilkinson dan sumber Terengganu. Salasilah itu mencatatkan yang keluarga Temenggung ini daripada keturunan Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV, anak Bendahara Tun Habib Abdul Majid, dan bukan keturunan Bendahara Tun Abdul Jamal, saudara Sultan Abdul Jalil Riayat Shah. Salasilah yang dikemukakan itu ditunjukkan dalam Rajah VII.

Rajah VII

Salasilah Temenggung Johor



+ kahwin

Sumber: R.O. Winstedt, *A History of Johore (1365-1895)*

Antara anak Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV ialah Tun Abas. Anak Bendahara Tun Abas ialah Abdul Majid dan Abdul Jamal. Abdul Majid menjadi Bendahara Pahang dan Abdul Jamal pula Temenggung Johor. Keturunan Temenggung Abdul Jamal ini seterusnya mewarisi gelaran Temenggung dan menjadi pemerintah Johor. Temenggung Abdul Jamal berkahwin dengan Raja Maimunah, anak Daeng Parani dengan Tengku Tengah atau Tengku Erang. Daeng Parani salah seorang upu-upu Bugis yang terlibat dalam masalah politik kerajaan Johor dengan membantu Raja Sulaiman putera Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV menentang Raja Kechil. Beliau juga terlibat dalam persengketaan perebutan kuasa di Kedah, dan berperang dengan Raja Kechil yang membantu salah seorang keluarga yang terlibat.³ Dalam pertempuran ini Daeng Parani terbunuh. Tengku Tengah atau Tengku Erang ialah puteri Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Pada mulanya puteri itu bertunang dengan Raja Kechil, tetapi diputuskan oleh Raja Kechil yang lebih menyukai saudara Tengku Tengah iaitu Tengku Kamariah.

Perkahwinan Temenggung Abdul Jamal dengan Raja Maimunah melahirkan Daeng Ibrahim. Daeng Ibrahim berputerakan Daeng Abdul Rahman; Daeng Abdul Rahman pula turut menamakan puteranya Daeng Ibrahim. Daeng Ibrahim inilah yang berputerakan Daeng Abu Bakar yang kemudiannya menjadi Sultan Johor. Di sini ternyata bahawa gelaran Daeng datangnya daripada Raja Maimunah, anak Daeng Parani. Ini jelas dilihat pada Rajah VIII.

³Terebutan takhta kerajaan antara Sultan Muhammad Jiwa dengan saudaranya (Raja Nambang). Sultan Muhammad Jiwa mendapat bantuan Bugis, manakala saudara Sultan Muhammad Jiwa mendapat sokongan Raja Kechil. Pertempuran ini berlaku pada tahun 1720-an.

Rajah VIII**Salasilah Temenggung Johor**

Tengku Tengah + Daeng Parani

Raja Maimunah

+

Temenggung Abdul JamalDaeng Chela'
(Daeng Chelak)Daeng Kechil
(Tun Ibrahim)

Engku Muda

Abdul Rahman
(Temenggung 1806)Raja Bulang
(perempuan)

+

Raja Husin
(kemudian Sultan
Singapura)

+ kahwin

Sumber: R.O. Winstedt, "The Bendahara and Temenggongs", hlm. 63.

Dalam salasilah yang dikemukakan oleh R.J. Wilkinson, tidak didapati maklumat yang jelas berkenaan siapa itu Daeng Kechil yang menyebabkan Temenggung Johor menggunakan gelaran Daeng. Sebaliknya dalam salasilah yang dikemukakan oleh R.O. Winstedt pula tidak terdapaturaian berkenaan penggunaan gelaran Daeng bagi keturunan Temenggung Abdul Jamal. Walaupun Temenggung Abdul Jamal berkahwin dengan Raja Maimunah, anak Daeng Parani, tetapi masih kurang jelas tentang penggunaan gelaran Daeng oleh keturunannya itu.

Dalam tulisan Frank Swettenham (1929) berkenaan salasilah Temenggung Johor, dinyatakan bahawa sama ada kedudukan ibunya lebih tinggi atau bapanya keturunan Bugis. Kalau lauh hendak

dikatakan yang penggunaan gelaran Daeng itu disebabkan ibunya, Raja Maimunah, lebih tinggi darjatnya, ini tidak munasabah kerana Temenggung Abdul Jamal dan Raja Maimunah adalah saudara sepupu. Bendahara Tun Abas, bapa Temenggung Abdul Jamal, ialah abang kepada Tengku Tengah, ibu Raja Maimunah. Dalam hal ini R.O. Winstedt menyatakan gelaran Daeng mungkin kerana keturunan itu mengambil sempena nama datuknya, Daeng Parani.

Persoalan keturunan Temenggung Johor menggunakan gelaran Daeng ada dihuraikan dalam manuskrip Melayu "Hikayat Johor serta Pahang". Dalam hikayat itu dinyatakan yang keturunan Temenggung adalah daripada Bugis. Dalam sumber ini, putera Jaya (Daeng Marewah) berkahwin dengan Che Ayu, anak Tun Abdul Jamal. Hasil daripada perkahwinan Daeng Marewah dengan Che Ayu, lahir Daeng Abdul Majid. Daeng Abdul Majid pula berkahwin pula dengan Tun Khatijah dan mendapat Daeng Abdul Rahman. Daeng Abdul Majid dilantik menjadi Temenggung. Apabila beliau meninggal dunia, Daeng Abdul Rahman menjawat tugas sebagai Temenggung bagi menggantikan bapanya. Beliau juga dikenali sebagai Temenggung Singapura. Temenggung Abdul Rahman mendapat anak, bernama Daeng Ibrahim yang seterusnya menggantikannya sebagai Temenggung. Beliau juga dikenali sebagai Temenggung Johor.

Selain Daeng Ibrahim, Temenggung Abdul Rahman juga mempunyai beberapa orang anak lagi, iaitu Che Puan Sulong, Che Puan Isah, dan Che Engku Andak. Che Puan Sulong berkahwin dengan anak raja Riau. Begitu juga dengan Che Puan Isah yang pada mulanya berkahwin dengan anak raja Riau tetapi kemudiannya bercerai. Selepas itu Che Puan Isah berkahwin dengan Sayyid Jaafar. Hasil perkahwinannya ini, lahirlah Sayyid Muhammad dan Sayyid Husin.


Sayyid Muhammad pula mendapat anak, iaitu Tuan Sulong, Sayyid Jaafar, Sayyid Abdul Rahman, dan Sharifah Aminah. Manakala Sayyid Husin pula mendapat anak, Sayyid Abdullah, Sayyid Abdul Rahman, Sayyid Jaafar, dan Sayyid Ahmad.

Temenggung Daeng Ibrahim mempunyai enam orang anak, iaitu Che Wan Abu Bakar, Che Wan Muhammad, Che Wan Abdullah, Che Wan Abdul Rahman, Che Wan Abdul Majid, dan Che Wan Muhammad Khalid. Apabila Temenggung Daeng Ibrahim meninggal dunia, jawatan Temenggung dipegang oleh anaknya Daeng Abu Bakar atau dikenali juga sebagai Che Wan Abu Bakar (lihat Rajah IX).

Temenggung Abu Bakar ini, dengan bantuan British, menolak kekuasaan dan kewibawaan keturunan Sultan Johor dan mengisyiharkan dirinya sebagai Sultan Johor. Bermula daripada Temenggung Abu Bakar, keturunan Temenggung menjadi Sultan Johor. Salasilah ini dikemukakan dalam Rajah IX.

Rajah IX

Salasilah Temenggung Johor



+ kahwin

Sumber: "Hikayat Johor serta Pahang"

"Hikayat Johor serta Pahang" dengan jelas menunjukkan yang keturunan Temenggung Johor bukanlah berasal daripada Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV seperti yang didakwa oleh keturunan

Temenggung. Sebaliknya keturunan tersebut berasal daripada Temenggung Abdul Jamal, kemudiannya bergelar Bendahara, iaitu saudara kepada Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Melihat kepada huraian yang baik tentang keturunan Temenggung Johor, kesahkan salasilah Temenggung Johor dalam "Hikayat Johor serta Pahang" boleh dipertanggungjawabkan.

Namun dalam tulisan Raja Ali Haji, *Silsilah Melayu dan Bugis* serta *Tuhfat al-Nafis* hanya disebut tiga orang sahaja anak Daeng Marewah dengan Che Ayu. Mereka ialah Lamappaono', timang-timangan Encik Ono', Engku Fatimah, dan Engku Puan. Engku Fatimah berkahwin dengan Yamtuan Muda Johor Daeng Kemboja (Marhum Janggut), iaitu anak Daeng Parani. Perkahwinan ini melahirkan dua orang anak, iaitu Raja Abdul Samad dan Raja Ali Riau yang menjadi Yamtuan Muda Riau. Manakala Engku Puan mendapat anak bergelar Tengku Muda Riau. Salasilah ini dikemukakan dalam Rajah X.

Rajah X

Salasilah Temenggung Johor



* kahwin

Sumber: Raja Ali Haji, *Silsilah Melayu dan Bugis*, hlm. 104; R.O. Winstedt, *A History of Johore (1365-1895)*, hlm. 127-128, V. Matheson (ed.), *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 28, dan Haji Muhammad Salleh bin Haji Awang, "Salasilah Sultan Terengganu".

Apabila Temenggung Abdul Rahman meninggal dunia, anaknya, Daeng Ibrahim, dilantik menjadi Temenggung oleh Bendahara Tun Ali Pahang. Pengisytiharan ini dihadiri oleh Bendahara Tun Ali dan juga George Bonham, Residen Konsular Singapura. Sepatutnya Daeng Abdullah yang mewarisi jawatan Temenggung itu; namun beliau kurang siuan yang menyebabkan jawatan Temenggung diberikan kepada Daeng Ibrahim. Pengisytiharan ini dibuat di Teluk Belanga.

Daeng Ibrahim berkahwin dengan Tengku Andak, puteri Sultan Abdul Rahman Lingga. Daeng Ibrahim tinggal di Bulang dan Singapura. Di Singapura beliau tinggal di Teluk Belanga dan bersahabat dengan pegawai-pegawai Syarikat Hindia Timur Inggeris.

Keluarga Sultan dan Temenggung hingga 1835

Pada awal abad ke-19, Temenggung Abdul Rahman berkuasa di Singapura dan Johor. Beliau salah seorang menteri dalam susunan menteri-menteri bagi kerajaan Johor-Pahang-Riau-Lingga. Menurut Buyong Adil (1972) dan R.O. Winstedt (1979), beliau menggantikan bapanya, Abdul Hamid, sebagai Temenggung pada tahun 1806. Pada mulanya jawatan Temenggung ditawarkan kepada Engku Muda Muhammad (saudara Temenggung Abdul Rahman) tetapi ditolaknya dengan alasan bahawa beliau lebih layak sebagai Yamtuan Muda dan tinggal di Riau.

Walaupun demikian, kuasa pentadbiran terletak di tangan Sultan Mahmud. Pada masa pemerintahan Sultan Mahmud ini, kerajaan Johor-Pahang-Riau-Lingga mengalami zaman kemerosotan. Keadaan ini bertambah teruk apabila Sultan Mahmud mangkat pada tahun 1812. Perpecahan berlaku disebabkan timbulnya masalah takhta kerajaan Johor-Pahang-Riau-Lingga. Hal ini berpunca daripada pembesar-pembesar yang melantik Tengku Abdul Rahman bagi menggantikan Sultan Mahmud di Lingga. Perlantikan ini bererti menolak Tengku Husin atau Tengku Long, putera sulung Sultan Mahmud. Tengku Husin pada masa itu berada di Pahang kerana melangsungkan perkahwinannya. Keadaan ini menyebabkan timbulnya rasa tidak puas hati Tengku Husin dan membawa kepada perselisihan dalam keluarga. Perlantikan Tengku Abdul Rahman disokong oleh Belanda yang menganggap Tengku Husin sebagai seorang yang lemah.

Semasa kerajaan Johor-Pahang-Riau-Lingga menghadapi masalah perebutan takhta ini, Stamford Raffles tiba di Singapura.

Beliau begitu berminat dengan Singapura. Ini menyebabkan beliau menjalankan usaha bagi menandatangani perjanjian dengan Temenggung Abdul Rahman dan Tengku Husin pada tahun 1819. Usaha beliau ini berjaya.

Melalui perjanjian ini pihak British melantik dan mengesahkan Tengku Husin sebagai Sultan Johor dan Singapura pada 6 Februari 1819.⁴ Kandungan perjanjian ini boleh dirujuk pada Lampiran A.⁵ Pengisytiharan perlantikan Tengku Husin dibaca oleh Encik Yahya dan dicatatkan oleh Abdullah bin Abdul Kadir seperti yang berikut:

Bahawa ketahuilah oleh segala orang, maka Tuan Governor General yang di Benggala mengangkat Sultan akan Tengku Long, dan digelar dia Sultan Husin Shah Ibnu Marhum Sultan Mahmud Shah dalam negeri Singapura ini serta daerah takluk jajahannya.*

Pengiktirafan ini bermakna Sultan Husin dan keturunannya akan mewarisi takhta dan merupakan waris yang sah bagi memerintah Johor, termasuk Muar dan Singapura.

Setelah menandatangani perjanjian itu, Sultan Husin menghantar surat kepada saudaranya, Tengku Abdul Rahman. Dalam suratnya itu, Sultan Husin meminta maaf dan menyatakan baginda dalam keadaan yang tidak bebas serta menandatangani perjanjian itu kerana tekanan British.

Temenggung Johor dan keturunannya pula menjadi pembesar yang sah di Johor. Dalam perjanjian itu juga, pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris berjanji akan membayar wang sara hidup sebanyak \$5,000.00 setahun kepada Sultan Husin dan \$3,000.00 kepada

*C.O. 273/405, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir, "The Power of a Sultan". C.O. 273/327, "ISCSS", Statement of Claim Suit No. 2 of 1896; R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali", terlampir surat W.J. Butterworth kepada Timbalan Gabenor Benggala, 21 Oktober 1846.

⁴Perjanjian Sir Thomas Stamford Raffles dengan Sultan Husin Muhammad Shah dan Dato' Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja, 11 Rabi-ul-akhir 1234 (6.2.1819), Arkib Negara Malaysia, Cawangan Selatan, Johor Bahru.

⁵Abdullah bin Abdul Kadir, *Hikayat Abdullah*, Jilid I, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 198.

Temenggung Abdul Rahman.⁷ Selain itu Temenggung akan mendapat tambahan pendapatan, iaitu separuh jumlah cukai yang dipungut daripada perahu tempatan yang menggunakan pelabuhan.

Matlamat pertama British dalam perjanjian 6 Februari 1819, iaitu antara pihak British, Tengku Husin dan Temenggung Abdul Rahman, ialah meletakkan Sultan dan pembesar Melayu di bawah kawalannya. Seterusnya British berhasrat untuk memisahkan Singapura daripada politik orang Melayu. Namun begitu matlamat kedua pihak British itu telah gagal.

Penglibatan Syarikat Hindia Timur Inggeris di Singapura ini menimbulkan reaksi daripada pihak Belanda. Perselisihan melalui surat-menjurat berlaku antara kedua-dua pihak itu. Belanda dalam aduannya menimbulkan rasa tidak puas hati kerana Tengku Husin dilantik sebagai Sultan Johor. Sebaliknya Belanda mengiktiraf Tengku Abdul Rahman yang bersemayam di Lingga sebagai Sultan Johor. Bagi Stamford Raffles pula, perlantikan Tengku Abdul Rahman tidak sah kerana tidak disertai dengan alat-alat kebesaran.

Walaupun demikian perselisihan itu berakhir apabila terikatnya perjanjian Inggeris-Belanda di London pada 17 Mac 1824. Menurut L.A. Mills (1966) dan N. Tarling (1969), perjanjian itu telah menyebabkan kerajaan Melayu-Johor-Riau-Lingga berpecah kepada dua; Tanah Melayu termasuk Singapura, dan kepulauan Riau di Indonesia.

Sultan Husin membuat aduan kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris kerana merasakan wang sara hidup sebanyak \$5,000.000 setahun yang diterimanya tidak mencukupi. Tambahan pula Temenggung Abdul Rahman mendapat sebahagian cukai yang dikenakan terhadap perahu-perahu tempatan yang masuk ke pelabuhan. Dengan itu pada 7 Jun 1823, Raffles membuat persetujuan agar Sultan Husin menerima \$1,500.00 dan Temenggung Abdul Rahman pula \$800.00 setiap bulan sepanjang hayat mereka. Namun demikian Sultan dan Temenggung tidak boleh memungut cukai. Selain itu dibuat syarat agar undang-undang British dikuatkuasakan; namun pengakuan dibuat untuk menghormati undang-undang Melayu. Seterusnya semua tanah di Singapura, kecuali kepunyaan Sultan dan Temenggung, akan diuruskan oleh British.

⁷Semua bayaran yang dinyatakan dalam buku ini dalam mata wang Sepanyol kerana mata wang tersebut yang digunakan pada zaman itu.

Walau bagaimanapun penyelesaian itu gagal. Ketika itu John Crawford telah pun menggantikan Farquhar sebagai Residen Singapura. Beliau diarahkan untuk menyelesaikan masalah pengambilan Singapura. Dengan itu pada 2 Ogos 1824, Syarikat Hindia Timur Inggeris telah menandatangani perjanjian dengan Sultan Husin dan Temenggung Abdul Rahman. Sultan Husin dan Temenggung Johor itu, serta waris dan pengganti mereka bersetuju untuk menyerahkan Singapura kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris.

Melalui perjanjian itu juga Sultan dan Temenggung serta waris atau pengganti mereka tidak menetap di mana-mana di dalam negeri mereka. Syarikat Hindia Timur Inggeris berjanji akan membayar kepada Sultan Johor, waris atau penggantinya sebanyak \$20,000.00; dan kepada Temenggung Johor, waris dan penggantinya \$15,000.00. Selain itu, Sultan Johor akan menerima \$1,300.00 sebulan sepanjang hayatnya. Temenggung Johor pula akan menerima \$700.00 sebulan sepanjang hayatnya. Pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris sanggup membayar \$20,000.000 kepada Sultan dan penggantinya serta \$15,000.00 kepada Temenggung dan penggantinya sebagai ganti rugi rumah dan tanah, jika mereka hendak meninggalkan Singapura dan menetap di Johor.

Temenggung Abdul Rahman yang terlibat dalam perjanjian penyerahan Singapura dengan Stamford Raffles telah meninggal dunia pada 8 Disember 1825. Dengan itu jawatan Temenggung digantikan oleh anaknya, Temenggung Ibrahim.

Sultan Husin kemudiannya berpindah ke Umbai, Melaka, dan mangkat di sana pada tahun 1835. Baginda digantikan oleh puteranya, Tengku Ali, dengan gelaran Sultan Ali.

BAB II

Persaingan Sultan Ali dengan Temenggung Ibrahim dan Abu Bakar

Tahun 1835-1877 memperlihatkan suatu persaingan yang tidak kurang pentingnya antara Tengku Ali, putera Sultan Husin, dengan Temenggung Ibrahim, anak Temenggung Abdul Rahman, dan seterusnya dengan Temenggung Abu Bakar. Hal ini berkaitan dengan kedudukan, gelaran Sultan dan hak terhadap Johor. Persaingan ini berlaku semata-mata disebabkan keinginan Temenggung untuk menjadi pemerintah yang berkuasa di Johor. Dalam persaingan ini pihak British memberi sokongan kepada Temenggung, manakala Tengku Ali mendapat sokongan daripada beberapa orang saudagar British yang tinggal di Singapura.

Kemangkatan Sultan Husin dan Pengisytiharan Tengku Ali sebagai Sultan

Sultan Husin mangkat di Umbai, Melaka, pada 2 September 1835 dan dimakamkan di sana.¹ Sultan Husin meninggalkan beberapa

¹ C.O. 273/405, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali", terlampir surat W.J. Butterworth kepada Timbalan Gabenor Bengala, 21 Oktober 1846, C.O. 273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Carnavon, 26 November 1877, C.O. 273/327, "ISCSS", Statement of Claim Suit No. 24 of 1896.

orang putera hasil daripada tiga perkahwinannya. Antaranya ialah Tengku Jalil, Tengku Muhammad Ali (Tengku Ali), dan Tengku Jaafar yang berlainan ibu. Tengku Ali yang pada masa itu berumur sebelas tahun adalah lebih muda daripada Tengku Jalil. Balu Sultan Husin mendapat sejumlah kecil wang sara hidup. Wang sara hidup yang ditetapkan kepada putera-puteri Sultan Husin: Tengku Jalil dan Tengku Teh, masing-masing \$55.00, manakala Tengku Ali dan Tengku Jaafar, masing-masing \$70.00.²

Walaupun Tengku Ali putera kedua tetapi dilantik sebagai pengganti ayahandanya dan bergelar Sultan Ali Iskandar Shah. Ternyata Tengku Ali dilantik menjadi Sultan melangkaui saudara tuanya, Tengku Jalil; terjadinya demikian kerana Tengku Ali adalah anak gahara, manakala Tengku Jalil bukan anak gahara.³ Tengku Jalil mempunyai sembilan orang anak; yang tertua ialah Tengku Ismail yang lebih dikenali sebagai Tengku Sulong.⁴

Tengku Ali pernah dicadangkan menjadi Sultan Johor oleh Sir Samuel Garling, Residen Konsular Melaka, pada 1830-an. Cadangan ini tidak disetujui oleh Murchison, Gabenor Negeri-Negeri Selat. Seterusnya, Murchison digantikan oleh Samuel George Bonham sebagai Gabenor Negeri-Negeri Selat pada Disember 1836. Oleh itu Tengku Ali hanya diiktiraf sebagai pengganti Sultan Husin pada 16 September 1840. Pengisytiharan ini berdasarkan adat dan undang-undang Melayu. Pelantikan Tengku Ali sebagai Sultan diiktiraf oleh kerajaan British.⁵

² C.O. 273/405, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali", terlampir, surat W.J. Butterworth kepada Timbalan Gabenor Benggala, 21 Oktober 1886.

³ C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 1, "Further Memorandum regarding the History of Sultan Ali's family, and of his Affairs".

⁴ Lihat juga C.O. 273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir, Enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Carnavon, 26 November 1877, C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, terlampir, Enclosure 1, "Further Memorandum regarding the History of Sultan Ali's family, and of his Affairs".

⁵ C.O. 273/327, F. Swettenham kepada Chamberlain, 8 September 1898, C.O. 273/327, "ISCSS", Statement of Claim Suit No. 241 of 1896.

Pada tahun itu juga, Sultan Ali menghantar surat kepada Residen Konsular di Melaka meminta agar pihak British menambahkan wang elauan sara diri untuknya. Dalam usaha mendapatkan elauan tambahan ini, Sultan Ali menyatakan bahawa wang yang lebih diperlukan untuk melayani anak-anak raja, para pembesar serta pengikut-pengikutnya. Surat Sultan Ali ini kemudiannya dihantar ke Benggala pada 24 November 1840 oleh Samuel George Bonham, Gabenor Negeri-Negeri Selat ketika itu. Permohonan Sultan Ali ini disetujui oleh kerajaan Benggala.⁶

Pengisytiharan Tengku Ali sebagai Sultan dilakukan oleh Thomas Church, Residen Konsular Singapura, dengan arahan Gabenor Negeri-Negeri Selat, Samuel George Bonham.⁷ Bagi Sultan Ali, pengisytiharan ini menandakan pengakuan dan pengesahan yang baginda adalah pengganti ayahandanya, Sultan Husin, sebagai Sultan Johor. Pengisytiharan ini lebih menunjukkan bahawa pihak British cuba mengelakkan daripada berlakunya pertikaian berkenaan harta benda Sultan Husin yang ditinggalkan di Kampung Gelam.

Pada tahun 1846, Sultan Ali meminta British menabalkannya untuk menggantikan ayahandanya. Permintaan Sultan Ali agar dinaikkan elauannya dan ditabalkan sebagai Sultan telah disampaikan kepada Timbalan Gabenor Benggala oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat, W.J. Butterworth, pada 21 Oktober 1846.⁸ Dalam suratnya itu, W.J. Butterworth menyatakan persetujuannya dengan pandangan Murchison sebelumnya yang menyatakan Sultan Husin tidak pernah diakui sebagai Sultan Johor oleh negeri-negeri Melayu dan tidak menikmati hasil dan kesetiaan politik di dalam negerinya. Selain itu, W.J. Butterworth melaporkan bahawa Sultan Ali berhutang kira-kira lima belas ribu ringgit dan hartanya telah banyak dijual. Laporan ini hasil daripada penyiasatan yang dilakukan oleh W.J. Butterworth sendiri. Oleh sebab itu W.J. Butterworth bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh Thomas Church bahawa Sultan Ali pasti akan menghadapi masalah kewangan. Dengan

⁶ C.O. 273/405, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir surat W.J. Butterworth kepada Timbalan Gabenor Benggala, 21 Oktober 1946.

⁷ C.O. 273/416, "CMDSJ", E.A.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 2, "Minutes by the Colonial Secretary", 17 Julai 1877.

⁸ C.O. 273/405, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali", terlampir surat W.J. Butterworth kepada Timbalan Gabenor Benggala, 21 Oktober 1846.

itu W.J. Butterworth menyatakan bahawa beliau tidak akan memperakui kenaikan elauan Tengku Ali. Namun demikian, W.J. Butterworth menegaskan bahawa perkara ini tertakluk kepada pertimbangan Timbalan Gabenor Benggala.

Berkenaan penabalan Sultan Ali pula, W.J. Butterworth menyatakan keraguannya untuk mendapatkan sokongan Temenggung Johor dan Bendahara Pahang. Keadaan menjadi sukar lagi kerana Sultan Ali seringkali menghadapi masalah kewangan dan tidak begitu pintar untuk membolehkan baginda memperoleh pengaruh yang kuat daripada Temenggung Johor. Seterusnya dalam suratnya yang bertarikh 15 April 1852, W.J. Butterworth menyatakan bahawa Sultan Ali tidak berkaliber.⁹ Ternyata bahawa W.J. Butterworth tidak menyokong permohonan Sultan Ali.

Temenggung Mengorak Langkah

Persaingan antara Sultan Ali dengan Temenggung Ibrahim memang tidak boleh dielakkan kerana Temenggung Ibrahim mempunyai kepentingan sendiri terhadap Johor. Sultan Ali pula seboleh-bolehnya akan mempertahankan gelaran Sultan yang diwarisinya itu. Wujudnya dua kepentingan yang bertentangan ini menyebabkan berlakunya persaingan. Malahan sepanjang hidupnya, Sultan Ali sentiasa menghadapi saingan daripada Temenggung Ibrahim.

Pengisytiharan Tengku Ali (Sultan Ali) sebagai Sultan dianggap oleh Thomas Church sebagai suatu langkah yang kurang bijak. Menurut pandangannya, Sultan Ali kurang berkebolehan. Selain itu pengisytiharan Sultan Ali juga tidak begitu disukai oleh Bendahara Tun Ali yang berkuasa di Pahang. Bagi Bendahara Tun Ali, perlantikan itu akan menjaskan kepentingannya untuk menjadi pemerintah yang berkuasa di Pahang kerana Sultan yang dimaksudkan ini ialah Sultan Johor, Pahang dan Singapura. Dalam adat Melayu, Bendahara adalah pembesar pertama di bawah Sultan; dan Temenggung pula pembesar di bawah Bendahara. Cita-cita Bendahara Tun Ali ini ternyata pada tahun 1853 apabila

⁹ C.O. 273/405, E.A. Blundell kepada Residen Konsular Singapura, 15 April 1852. Surat ini diakui benar oleh kerani M.B. Brockwell dan Penolong Setiausaha Kolonial, Negeri-negeri Selat, S.M. Arthur.

beliau telah mengisyiharkan dirinya sebagai pemerintah yang berkuasa di Pahang. Sekali lagi terbukti yang Bendahara Tun Ali telah mengetepikan sistem politik tradisional Johor, Pahang dan Singapura; seterusnya mengetepikan kuasa Sultan Johor yang pada teorinya lebih unggul.

Masalah politik merupakan faktor utama yang menyebabkan berlakunya persaingan antara Sultan Ali dengan Temenggung Ibrahim. Masalah politik yang dimaksudkan ialah adanya citacita Temenggung untuk menjadi pemerintah yang berkuasa di Johor dan cuba hendak mengetepikan Sultan Johor iaitu Sultan Ali. Faktor-faktor lain seperti kedudukan ekonomi dan personaliti masing-masing juga membantu mewujudkan persaingan antara kedua-dua pihak.

Kedudukan ekonomi Sultan Ali jauh ketinggalan berbanding dengan Temenggung Ibrahim. Sultan Ali semasa hayatnya banyak meminjam wang.¹⁰ Wang ini digunakan untuk menampung kehidupan keluarganya.¹¹ Oleh itu Sultan Ali sentiasa menghadapi kesulitan wang.¹² Baginda berhutang dengan Kavana Chana Shellapah, seorang ceti di Singapura, dan sebagai akibatnya tidak dapat menjelaskan hutang berjumlah \$5,250.00. Sultan Ali seterusnya didakwa di mahkamah. Kejadian ini menyebabkan pihak British memandang rendah kepada Sultan Ali.¹³

Kedudukan ekonomi Temenggung Ibrahim pula teguh selain mendapat pendapatan bulanan sebanyak \$350.00 Beliau juga memperoleh pendapatan daripada hasil-hasil hutan dan perniagaan di Johor. Temenggung Ibrahim telah menjalankan usaha membuka tanah-tanah baru dan menggalakkan orang Cina datang ke Johor untuk mengusahakan tanaman gambir dan lada hitam. Galakan ini

¹⁰ C.O. 273/91, "Affairs at Moar, subsequent to the death of Sultan Ali", (seterusnya diringkaskan menjadi "AMSA"), W.F. Robinson kepada Carnavon, terlampir memo, (t.t.).

¹¹ C.O. 273/104, "Debts of the late Sultan Ali of Muar", (seterusnya diringkaskan menjadi "DSA"), Frederick Weld kepada Kimberley, 30 Ogos 1880.

¹² C.O. 273/104, "DSA", Frederick Weld kepada Kimberley, 30 Ogos 1880, terlampir "Memorandum by the Attorney General on the subject of the debts of the late Sultan Ali of Muar" 28 Ogos 1880.

¹³ Hasrom Haron, "Sejarah Johor, 1855-1885 - Pengasasan dan Pengukuhan" Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1971/72, hlm. 2-3. Mahmood Adam, "Johor di bawah Abu Bakar: Satu Kajian mengenai Keutuhan Politik Johor", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 9.

serta keadaan kemerosotan perusahaan lada hitam di Singapura dan Riau, menyebabkan orang Cina mengubah hala dan bertumpu ke Johor. Kemasukan orang Cina ke Johor yang digalakkan oleh Temenggung itu semakin meningkat pada tahun 1840-an. Pembukaan ladang-ladang ini menyebabkan Temenggung menjadi kaya dan pengeluaran tanaman tersebut meningkat kepada 8,000 paun setahun. Pendapatan Johor dan seterusnya pendapatan Temenggung bertambah lagi dengan terhasilnya kajian berkenaan kegunaan getah perca pada tahun 1843 oleh Dr. Montgomerie, pakar bedah Inggeris. Getah perca menjadi bahan yang penting apabila Royal Asiatic Society mengakui kegunaannya dalam alat pembedahan dan bahan kimia.

Sememangnya personaliti dan pengaruh politik Sultan Ali amat berbeza daripada Temenggung Ibrahim, sehingga ada yang menyatakan bahawa kebolehan dan peribadi seseorang itu adalah faktor yang boleh menentukan siapa pemerintah Johor. Temenggung Ibrahim memang dikenali oleh saudagar-saudagar tempatan dan asing di Singapura. Malah pengaruh politiknya meliputi pegawai-pejawai British seperti Gabenor Negeri-Negeri Selat, W.J. Butterworth, dan juga Residen Konsular Singapura, Thomas Church. Pengaruh ini disebabkan Temenggung Ibrahim memberi bantuan untuk membasmi perompak yang ada di sekitar pantai Singapura. Sebagai mengenang jasa Temenggung Ibrahim, kerajaan British India memberi sebilah 'pedang kehormatan' kepadanya dalam satu upacara pada 1 September 1846.¹⁴ Ini menunjukkan bahawa pegawai atasan British memberi perhatian kepada Temenggung Ibrahim. Juga terbukti Temenggung Ibrahim dan pegawai-pejawai British mempunyai hubungan yang erat.

Sultan Ali dianggap oleh pihak British sebagai seorang yang lemah dan tidak cekap. Selain pernah didakwa di mahkamah, Sultan Ali banyak mengharapkan wang sara hidup yang diberikan oleh pihak British untuk menyara keluarganya. Berbeza sekali dengan Temenggung Ibrahim, beliau tidak mengharapkan sangat kepada wang pendapatan yang diberikan oleh pihak British. Sebaliknya beliau memperoleh pendapatan daripada perusahaan lada hitam, gambir, dan hasil-hasil hutan seperti getah perca dan kayu balak.¹⁵

¹⁴ W.H. Read, *Play and Politics in Malaya*, London, 1901, hlm. 13.

¹⁵ Hasrom Haron, op.cit., hlm. 2.

Dari segi pengaruh politik pula, Sultan Ali hanya mendapat bantuan dan sokongan daripada W.H. Read, seorang saudagar British yang terkenal. W.H. Read merupakan ahli tidak rasmi Majlis Undangan Negeri-Negeri Selat dan Pengerusi Dewan Perniagaan Singapura. Beliau memainkan peranan yang penting dalam politik, perdagangan, dan sosial di Tanah Melayu. Sultan Ali pernah meminta W.H. Read menolongnya membina kesultanan Johor Lama semula dan meletakkan baginda sebagai Sultan. Namun demikian cita-cita Sultan Ali ini tidak berhasil. W.H. Read menjadi penasihat dan penyimpan mohor Sultan Ali.

Menurut N. Tarling (1969), Mahmood Adam (1975), dan Shanmugasundram (1958), pertelingkahan dan persaingan secara terbuka antara Sultan Ali dan Temenggung Ibrahim bermula apabila Johor menjadi maju dan makmur, dan Sultan Ali berusaha untuk mendapatkan sebahagian hasil pendapatan Johor. Sultan Ali menghantar surat kepada British memohon supaya diiktiraf sebagai Sultan menggantikan ayahandanya. Sementara Sultan Ali berusaha mendapatkan pengiktirafan daripada British, Temenggung Ibrahim berusaha meluaskan pengaruhnya di kalangan pegawai-pegawai dan saudagar-saudagar British di Singapura. Temenggung Ibrahim juga menjalankan usaha mempengaruhi pemimpin-pemimpin tempatan agar menyokongnya. Langkah ini mencerminkan yang Temenggung Ibrahim tidak mengiktiraf Sultan Ali sebagai pengganti Sultan Husin serta bercita-cita untuk menguasai Johor.

Sultan Ali dan Temenggung Ibrahim masing-masing mendapat sokongan daripada pegawai-pegawai dan saudagar-saudagar British serta sebahagian penduduk Johor dan Singapura. Saudagar-saudagar yang menyokong Sultan Ali mempunyai kepentingan ekonomi di Johor. Saudagar-saudagar yang menyokong Temenggung Ibrahim pula terdiri daripada mereka yang telah pun mendapat keuntungan ekonomi hasil daripada persahabatan mereka dengan Temenggung. Dengan itu penyokong Temenggung ini menjalankan usaha mempengaruhi pegawai-pegawai British supaya menyokong Temenggung Ibrahim dan menentang Sultan Ali.¹⁶

¹⁶ C.D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 18.

Sultan Ali menghantar beberapa surat permohonan kepada British supaya mengiktirafnya sebagai Sultan. Pihak British pula beberapa kali menolak permohonan yang dibuat oleh Sultan Ali ini.¹⁷ Padahal, Thomas Church, Residen Konsular Singapura pada tahun 1840, telah pun mengisyiharkan yang Tengku Ali boleh mewarisi segala harta benda peninggalan Sultan Husin.¹⁸ Walaupun British menyatakan tidak mahu terbabit dalam persaingan Temenggung Ibrahim dengan Sultan Ali ini kerana akan mencabuli Perjanjian 1819 dan 1824, tetapi mereka terlibat dalam persaingan tersebut dengan memihak kepada Temenggung Ibrahim.

Kedudukan ekonomi yang berbeza antara Sultan Ali dan Temenggung Ibrahim dianggap sebagai faktor yang menentukan kejayaan Temenggung Ibrahim memperoleh kuasa. Pandangan ini tidaklah konkrit kerana apa yang nyata Temenggung mendapat sokongan yang kuat bukan sahaja daripada pegawai-pegawai British tetapi juga saudagar-saudagar British yang ada di Singapura. Dengan bantuan dan sokongan ini, Temenggung Ibrahim berjaya mengatasi Sultan Ali.

Walaupun Sultan Ali lebih kuat bergantung kepada jumlah wang yang diberi oleh pihak British sebagai sagu hati (dan ini memang tidak dapat menampung perbelanjaan Sultan Ali) tetapi kelemahan ekonomi tidak akan menghilangkan kuasanya sebagai Sultan sekiranya pihak British memberi sokongan kepada pihak yang berhak. Namun memang dari awal lagi British ternyata memberi sokongan kepada Temenggung Ibrahim. Sokongan British ini ada kaitan dengan perkembangan ekonomi di Johor. Pengeluaran lada hitam, balak, dan getah perca adalah hasil ekonomi Johor yang memberi peluang kepada saudagar-saudagar Inggeris untuk mengendalikan urus niaga.

Tindakan Temenggung Ibrahim meluaskan pengaruh dan kuasa di Johor disedari oleh Sultan Ali. Sesungguhnya Sultan Ali tidak mempunyai cara lain bagi mendapatkan gelaran Sultan, selain daripada meminta pengakuan daripada pihak British. Sultan Ali telah membuat rayuan yang pertama dalam bulan September 1846 kepada Gabenor-Jeneral India. Namun

¹⁷ Ibid., hlm. 179.

¹⁸ L.A. Mills, *British Malaya 1824-18647*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 179.

rayuan Sultan Ali tidak disetujui oleh Gabenor Butterworth.¹⁹ Padahal beliau mengetahui bahawa Sultan Ali adalah putera Sultan Husin, dan mengikut adat istiadat politik Melayu memang berhak menggantikan Sultan Husin menjadi Sultan.

Keadaan berubah apabila Gabenor Butterworth bercuti ke Australia dalam bulan November 1851 hingga 1853. Dikatakan demikian kerana E.A. Blundell, Residen Konsular Pulau Pinang yang memangku jawatan Gabenor itu, lebih menunjukkan simpati kepada Sultan Ali. E.A. Blundell seterusnya menjadi Gabenor sehingga tahun 1859. Pada 14 Januari 1853, E.A. Blundell menulis surat kepada kerajaan Benggala untuk menyatakan yang Temenggung Ibrahim mengakui Sultan Ali sebagai Sultan dan sanggup membayar \$300.00 sebulan selama tiga tahun. Tawaran ini tertakluk kepada syarat bahawa Sultan Ali tidak melibatkan diri dalam pentadbiran Johor. Walaupun demikian E.A. Blundell tidak mengambil sebarang langkah untuk mewujudkan perjanjian rasmi berkenaan perkara ini. Sebaliknya beliau menyerahkannya kepada Gabenor Butterworth untuk membuat keputusan apabila pulang dari bercuti nanti.

Sementara persaingan antara Sultan Ali dengan Temenggung Ibrahim berterusan, pada 27 Mac 1852 Gabenor-Jeneral Belanda di Betawi membuat laporan kepada E.A. Blundell menyatakan bahawa Sultan Ali hadir di Lingga dan menyerahkan Johor kepada Sultan Mahmud Lingga. E.A. Blundell dapat memujuk Sultan Ali supaya pulang ke Singapura. Beliau telah mengambil beberapa langkah untuk menyelesaikan persaingan antara Sultan Ali dan Temenggung Ibrahim. Dalam usahanya ini, beliau juga membuat cadangan kepada kerajaan British di India supaya menyelesaikan persaingan tersebut dengan segera. Antara cadangannya adalah supaya kerajaan British India memberi wang sagu hati kepada Sultan Ali, sebagaimana yang ditawarkan oleh Temenggung Ibrahim. Wang sagu hati itu akan dibayar tiap-tiap bulan, iaitu hasil Johor dibahagi dua; dan bayaran itu akan turut bertambah apabila hasil pendapatan Johor meningkat. Namun demikian penyelesaian yang dicadangkan itu gagal kerana W.H. Read membuat bantahan bagi pihak Sultan Ali. Pada 20 Julai 1852, E.A. Blundell menghantar

¹⁹ Ibid., hlm. 184.

surat kepada pentadbiran India supaya mengiktiraf Sultan Ali sebagai Sultan dengan alasan untuk keadilan.²⁰

Sultan Ali kemudiannya membuat kenyataan akan berpindah ke Johor dan mendirikan kerajaan Johor. Keadaan ini membimbangkan Temenggung Ibrahim. Dengan itu Temenggung Ibrahim sanggup membayar sebahagian daripada pendapatan negeri Johor kepada Sultan Ali. Selain itu Temenggung Ibrahim sanggup mengakui Sultan Ali sebagai Sultan. Sultan Ali hanya mahu mengakui Temenggung Ibrahim sebagai menterinya dan akan menyerahkan kawasan tertentu kepada Temenggung Ibrahim. Pendapatan kawasan itu hendaklah diserahkan sebahagiannya kepada Sultan Ali. Sultan Ali juga meminta supaya Temenggung Ibrahim membayar \$10,000.00 kepadanya sebagai wang tunggakan. Cadangan Sultan Ali ini tidak disetujui oleh Temenggung Ibrahim; sebaliknya beliau bersetuju membayar \$300.00 sebulan untuk tempoh tiga tahun kepada Sultan Ali. Selain itu Temenggung Ibrahim bersetuju melantik Sultan Ali sebagai Sultan. Pengakuan Temenggung Ibrahim ini diberitahu oleh E.A. Blundell kepada kerajaan Bengala pada 14 Januari 1853 dan mengharapkan persetujuan daripada pihak sana.²¹

Sultan Ali kemudiannya telah membuat kenyataan akan mendapatkan bantuan daripada kuasa luar sekiranya pihak British dan Temenggung tidak berlaku adil terhadap haknya. Keadaan ini sekali lagi membimbangkan Temenggung Ibrahim dan juga pihak British. Dengan itu Temenggung Ibrahim sanggup membayar \$500.00 setiap bulan kepada Sultan Ali sebagai pencen dan \$5,000.00 sebagai tunggakan serta bersedia mengakui Sultan Ali sebagai Sultan. Namun begitu Temenggung Ibrahim memberi syarat kepada Sultan Ali supaya menyerahkan jajahan Johor kepada Temenggung dengan sepenuhnya; dan Sultan Ali dan keturunannya tidak akan tinggal buat selama-lamanya di Johor. Sultan Ali akhirnya menerima cadangan Temenggung Ibrahim ini, dan sanggup menerima \$500.00 sebulan; jumlah ini akan ditambah apabila pendapatan Johor meningkat.

²⁰ Teh Eng Kim, 'E.A. Blundell as Governer (1855-1859)', Graduation Exercise, University of Malaya, Singapore, 1959, hlm. 4.

²¹ Abdullah Ayub, 'The Johore Succession Controversy: 1860-1878', Graduation Exercise, University of Malaya, Singapore, 1953, hlm. 15.

Sultan Ali menerima tawaran tersebut kerana menyedari bahawa baginda tidak mempunyai harapan untuk mempertahankan haknya. Selain itu masalah kesempitan wang yang dialami turut mempengaruhi keputusannya itu. Keputusan Sultan Ali ini disetujui oleh Pemangku Gabenor Blundell. Namun demikian Sultan Ali meminta supaya satu kawasan, iaitu Kesang, diserahkan kepadanya. Temenggung Ibrahim menolak permintaan Sultan Ali tetapi tekanan daripada Thomas Church menyebabkan beliau bersetuju.²²

Perjanjian 1855 dan Kesannya

Persaingan antara Sultan Ali dan Temenggung Ibrahim membawa kepada perjanjian antara kedua-dua pihak pada 10 Mac 1855.²³ Antara syarat yang penting dalam perjanjian ini ialah fasal pertama dan ketiga. Fasal pertama perjanjian ini mencatatkan:

Adalah Yang Maha Mulia Sultan Ali Iskandar Shah Ibn Sultan Husin Muhamad Shah pada dirinya sendiri sampai keturunannya atau waris gantinya adalah di dalam surat ini ada menyerahkan dengan sepenuh-penuh kerajaan dan haknya kepada Dato' Temenggung Daeng Ibrahim Seri Maharaja Ibn Dato' Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja sampai pada keturunannya atau waris gantinya selama-lamanya ialah semuanya tanah daerah takluk Johor itu melainkan tanah Kesang yang kemudian lagi disebutkan di dalam surat ini.

Manakala fasal ketiga pula mencatatkan:

Adalah Dato' Temenggung Daeng Ibrahim Seri Maharaja Ibn Dato' Temenggung Daeng Ibrahim Seri Maharaja ibn

²² Mahmood Adam, op.cit., hlm. 13.

²³ C.O. 273/101, Sultan Alaudin Alam Shah bin Sultan Iskandar Shah (Sultan yang sah bagi Muar dan jajahannya) kepada Ratu British, 20 Mac 1879. C.O. 273/416, "Copy of the Treaty of 1855 between the Sultan of Johore and his Tumonggong". (berikutnya diringkaskan sebagai "(CSJT")". Berkennaan Perjanjian 1855, ini, sila lihat Lampiran B.

Dato' Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja [ada melepaskan] sekalian tuntutan di atas daerah tanah Kesang ialah tanah itu di antara Sungai Kesang dan Sungai Muar dan ialah Sungai Kesang itu menjadi sempadan sebelah utara dan Sungai Muar itu sebelah selatan dan ialah tanah itu [tatkala] dahulu ada di dalam daerah juga dan lagi dikabulkanlah Sultan Ali Iskandar Shah ibn Sultan Husin Muhammad Shah sampai pada keturunannya atau waris gantinya mempunyai dan memakai tanah itu [dengan secukup-cukup kerajaan dan] memiliki selama-lamanya.

Melalui perjanjian ini Sultan Ali diiktiraf berkuasa di Muar-Kesang, dan menarik diri daripada menuntut takhta kerajaan Johor.²⁴ Selain itu Sultan Ali dan waris-warisnya akan dibayar \$580.00 setiap bulan oleh Temenggung dan waris-warisnya kerana menyerahkan kedaulatan Johor tersebut. Muar-Kesang diakui oleh Temenggung sebagai hak Sultan dan waris-warisnya.²⁵

Perjanjian 1855 ini disifatkan sebagai buah fikiran British.²⁶ Sultan Ali pada awalnya tidak sanggup menandatangani perjanjian ini kerana bimbang akan kehilangan gelaran dan hak kawasan yang telah pun dimiliki. Namun tekanan daripada pihak British menyebabkan baginda tidak ada pilihan dan menandatangani perjanjian itu. Perjanjian tersebut dianggap sebagai titik peralihan kuasa Temenggung di Johor, tidak termasuk Muar-Kesang.²⁷ Juga dinyatakan bahawa mulai tahun 1855 Temenggung bebas daripada saingan hak terhadap Johor.²⁸ Ini bermakna mulai 1855, kekuasaan keluarga Temenggung di Johor, kecuali Muar-Kesang, bertambah kukuh. Namun kekuasaan itu belum lagi teguh dan masih dicabar oleh keluarga Sultan. Misalnya, Sultan Ali masih cuba untuk mengambil kuasa di Johor semula.²⁹

²⁴ C.O. 273/405, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali". C.O. 273/98, "PLC", "Precis of the History of Sultan Ali".

²⁵ C.O. 273/416, "CMD SJ", Kolonel Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877, Enclosure I, "Precis of the History of Sultan Ali". Lihat juga MP "CMD SJ", Kolonel Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877, Enclosure 1, "Precis of the History of Sultan Ali". C.O. 273/91, "DSAK", Kolonel Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877, Enclosure 1, "Precis of the History of Sultan Ali".

²⁶ R.O. Winstedt, *A History of Johore (1365-1895)*, hlm. 92.

²⁷ Mahmood Adam, op. cit., hlm. 14.

²⁸ Carl A. Trocki, *Prince of Pirates*, Singapore University Press, Singapore, 1979, hlm. 83.

²⁹ R.J. Wilkinson (ed.), op. cit., hlm. 73. Mahmood Adam, op. cit., hlm. 18.

Perjanjian 1855 juga menarik perhatian akhbar tempatan. Akhbar tempatan membuat kritikan berkenaan Perjanjian 1855. *Singapore Free Press*, 3 Januari 1856, melaporkan bahawa gelaran yang diberikan kepada Tengku Ali adalah tidak bermakna. *Straits Times*, 19 Januari 1861, mencatatkan bahawa sekiranya Sultan Ali dirasakan belum layak menyandang gelaran Sultan, maka pentadbiran sementara boleh dipangku oleh Temenggung sebagai wakil sehingga Sultan Ali dewasa dan seterusnya diberi gelaran Sultan. Pada 2 Mac 1861, *Straits Times* melaporkan bahawa perjanjian itu tidak sah kerana Sultan Ali yang menandatangani perjanjian tersebut tidak mengerti dan dipaksa pula untuk menurunkan tandatangannya. *Straits Times*, 1 Februari 1862, menerangkan yang Sultan Ali sepatutnya tidak boleh menandatangani perjanjian tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan dalam rundingan dengan pembesar-pembesarnya. Oleh itu akhbar tersebut menegaskan bahawa pemberontak sahaja yang boleh memaksa Sultan Ali menandatangani Perjanjian 1855.

Persaingan ini berterusan kerana Sultan Ali tidak puas hati dengan Perjanjian 1855. Baginda menyedari bahawa gelaran Sultan yang diakui dalam Perjanjian 1855 adalah tidak bermakna. Sementara itu Temenggung Ibrahim dan pihak British telah mengambil peluang ketika Sultan Ali kesempitan wang untuk memaksa baginda menandatangani perjanjian itu. Kesedaran berkenaan haknya terhadap Johor serta keadaan ekonomi dan politik menyebabkan Sultan Ali mengambil tindakan untuk mendapatkan kuasa semula di Johor. Suatu perkara yang perlu diakui ialah keadaan muka bumi Kesang sememangnya tidak dapat memberi hasil kepada Sultan Ali, dan baginda sendiri tidak membangunkan kawasan Kesang. Namun perkara yang tidak boleh diketepikan di sini ialah Sultan Ali tidak mempunyai wang untuk membangunkan Kesang kerana hasil Johor dipungut oleh Temenggung Ibrahim. Oleh itu tidak wajar sekali segala kesalahan berkenaan tidak membangunkannya Kesang itu diletakkan kepada Sultan Ali.

Dalam pada itu perselisihan juga berlaku antara Sultan Ali dengan Temenggung Ismail, iaitu Temenggung Muar, berkenaan sempadan Muar. Perkara ini membabitkan pentadbiran Temenggung Muar dan Sultan Ali. Temenggung Ismail sepatutnya tidak menimbulkan sebarang kesulitan. Walaupun kuasanya sebagai temenggung itu berasingan daripada pentadbiran Temenggung Johor, tetapi beliau masih di bawah pemerintahan Sultan Johor. Malahan Temenggung Muar mendapat tauliah mentadbir Muar daripada Sultan Johor.

Sultan Ali tidak tinggal di Muar, tetapi di Singapura. Walaupun begitu Sultan Ali dikatakan menyerahkan kedaulatan haknya terhadap Muar kepada tiga orang: guru sekolah, Baboo Ramasamy; ceti, Kavana Chana Shellapah; dan ketua Bugis, Sulawatang.³⁰

Temenggung Ismail sebagai Temenggung Muar tetap enggan mengakui kekuasaan Sultan Ali. Ini menyebabkan Sultan Ali berpakt dengan Sulawatang, ketua Bugis, untuk menundukkan Temenggung Ismail.³¹ Sultan Ali sanggup memberi ganjaran dua pertiga daripada hasil Muar kepada Sulawatang sekiranya berjaya.

Pada tahun 1858, Sulawatang menyerang Segamat. Akibat tindakan Sulawatang ini, Temenggung Ismail menyelamatkan diri ke Pengkalan Kota, Segamat. Oleh kerana kawasan itu dianggap di bawah pentadbiran dan kuasa Temenggung Ibrahim, Gabenor Negeri-negeri Selat memberi amaran kepada Sultan Ali dan mengarahkannya supaya memanggil Sulawatang pulang.³² Selain itu Gabenor Negeri-Negeri Selat menyatakan kesanggupannya untuk menyelesaikan masalah Muar sebelum perkara itu merebak.

Sultan Ali pula dalam jawapannya kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat menegaskan bahawa Muar adalah haknya dan kerana itulah baginda menandatangani Perjanjian 1855. Di samping itu dikemukakan soalan kepada Gabenor berkenaan siapa yang melantik Temenggung Muar dan menjadi pemerintah di Muar. Berkenaan perkara itu, Gabenor Negeri-Negeri Selat mengakui bahawa Temenggung Muar dilantik oleh Sultan Johor. Beliau juga mengakui bahawa persoalan Muar serta Temenggung Muar tidak disentuh dalam Perjanjian 1855. Namun beliau membuat alasan bahawa kedua-dua perkara tersebut tidak termasuk dalam perjanjian kerana tidak menyedari tentang adanya Temenggung di Muar.³³ Ternyata alasan itu kurang tepat dan sesungguhnya adalah suatu perkara yang tidak munasabah sekiranya Gabenor Butterworth sendiri tidak mengetahui adanya Temenggung di Muar.

³⁰ C.O. 273/405, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali".

³¹ SSR. R. 39, Gabenor Orfeur Cavenagh kepada Setiausaha Kerajaan India, Fort William, 17 April 1861.

³² SSR. G6, E.A. Blundell kepada Sultan Ali, 19 September, 1857.

³³ *The Singapore Free Press*, 24 Jun, 1858.

³⁴ Ibid. Mahmood Adam, op. cit., hlm. 20.

Apa yang jelas, melalui Perjanjian 1855, Sultan Ali diisytiharkan sebagai Sultan dan berkuasa di Muar-Kesang; Temenggung Muar pula dilantik oleh Sultan Johor. Oleh itu apabila Sultan Ali diisytiharkan sebagai Sultan Johor dan berkuasa di Muar-Kesang, ini bererti dengan sendirinya baginda terus berkuasa terhadap Temenggung Muar. Sebaliknya Gabenor Negeri-Negeri Selat menasihati Sultan Ali supaya tidak mengambil sebarang tindakan sehingga tiba keputusan daripada Gabenor British di Bengal. Sementara itu Sultan Ali diarahkan memanggil Sulawatang dan para pengikutnya pulang.

Di samping itu perselisihan juga berlaku antara Temenggung Ibrahim dan Temenggung Muar, iaitu Temenggung Ismail. Perselisihan itu timbul apabila Temenggung Ibrahim memulakan kekuasaannya di Muar. Langkah Temenggung Ibrahim itu ditentang oleh Temenggung Ismail. Disebabkan kekacauan yang dicetuskan oleh Sulawatang, Temenggung Ismail berundur ke Segamat. Pengunduran Temenggung Ismail ke Segamat ini membantu kedudukan Temenggung Ibrahim dalam persaingannya dengan Sultan Ali. Tambahan pula Segamat adalah di bawah pentadbiran Temenggung Ibrahim. Peluang yang baik ini tidak dilepaskan oleh Temenggung Ibrahim; beliau menghantar anaknya, Abu Bakar, dan Penolong Residen Konsular Melaka, Alexander, menemui Temenggung Ismail di Segamat. Sebenarnya Abu Bakar dan Alexander dihantar ke Segamat kerana pihak di sana menolak kekuasaan Temenggung.

Dalam pertemuan itu, Abu Bakar dan Alexander berjaya mempengaruhi Temenggung Ismail sehingga beliau memberi pengakuan untuk tunduk di bawah pemerintahan Temenggung Ibrahim. Pengakuan Temenggung Ismail ini memberi erti yang sangat besar dalam persaingan antara Sultan Ali dan Temenggung Ibrahim. Kini Temenggung Ismail, yang sebelum itu adalah pembesar Muar dan disahkan oleh Sultan Johor, tidak lagi menjadi pemerintah mutlak di Muar. Beliau juga tidak lagi memberi taat setia kepada Sultan Johor, iaitu Sultan Ali. Temenggung Ibrahim berjaya mengambil kesempatan mempengaruhi Temenggung Ismail yang berada dalam keadaan genting agar tunduk kepadanya.

Kerajaan British pada masa itu mengamalkan dasar tidak menggalakkan campur tangan dalam urusan negeri-negeri Melayu. Namun ternyata yang ia telah terlibat dan memainkan peranan yang sangat penting menyokong Temenggung Ibrahim dalam persaingan dengan Sultan Ali. Residen Konsular Melaka telah

berjaya mempengaruhi Gabenor Negeri-Negeri Selat, E.A. Blundell, yang tinggal di Singapura untuk membuat syor kepada Gabenor-Jeneral British di Benggala supaya membeli daerah Muar daripada Sultan Ali. Rancangan ini dicadangkan untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya kekacauan di Muar. Selain itu cadangan juga dibuat supaya pihak British membayar penceh kepada Sultan Ali dan Temenggung Muar. Namun demikian cadangan ini tidak terlaksana, barangkali disebabkan Gabenor-Jeneral terlalu sibuk.³⁵

Belum pun penyelesaian tentang cadangan untuk membeli Muar dibuat, kekacauan berlaku sekali lagi di Muar. Kali ini Sulawatang dan para pengikutnya antara tujuh puluh hingga lapan puluh orang datang ke Muar.³⁶ Mereka merampas dan juga mencuri harta penduduk Muar. Namun demikian Sulawatang dapat diundurkan oleh sebahagian penduduk Muar yang berjumlah antara tiga ratus hingga enam ratus orang.³⁷ Tindak balas penduduk Muar ini menyebabkan Sulawatang dan pengikutnya mengundurkan diri ke dalam hutan di kawasan Melaka, iaitu kawasan ke atas dari Sungai Kesang. Semasa berada di sana, Sulawatang dan pengikutnya sekali lagi melakukan kakau-bilau. Ini menyebabkan mereka diserang oleh polis Melaka. Ada antara mereka yang sempat menyelamatkan diri dan sebahagian lagi telah ditangkap.³⁸

Walaupun demikian, pada tahun 1860 Sulawatang dan pengikutnya datang semula; kali ini mereka mendesak penduduk Segamat membayar hasil dan tunduk kepada Sultan Ali. Tindakan Sulawatang ini diketahui oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat, E.A. Blundell. Beliau memberi amaran kepada Sulawatang supaya tidak mengacau dan seterusnya berundur dari Segamat.³⁹ Namun demikian Sulawatang muncul sekali lagi. Akhirnya dia dan pengikutnya ditangkap oleh orang suruhan Maharaja Abu Bakar pada tahun 1873 kerana menjalankan tindakan pungutan cukai di Kuala Muar.⁴⁰

³⁵ Mahmood Adam, hlm. 20-21.

³⁶ C.O. 273/405, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali".

³⁷ Mahmood Adam, op.cit., hlm. 21.

³⁸ *The Singapore Free Press*, 24 Jun dan 15 Julai 1858.

³⁹ SSR G.6, Surat Gabenor kepada Pemerintah Tempatan, 1850-1868, November 1858.

⁴⁰ Muhammad Ibrahim bin Abdullah, *Kesah Pelayaran Muhammad Ibrahim*, Pejabat Cetak Kerajaan, Johor, 1956, hlm. 25-34.

Sementara itu persaingan antara Sultan Ali dan Temenggung Ibrahim berterusan. Pengikut Sultan Ali sering berselisih faham dan bergaduh dengan pengikut Temenggung Ibrahim. Pada tahun 1855-1856 berlaku pertikaian kerana Temenggung Ibrahim menyekat pengikut Sultan Ali daripada mengambil hasil hutan di Johor.⁴¹ Peristiwa tersebut diadukan oleh Sultan Ali kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat. Dalam aduan itu Sultan Ali menyatakan bahawa kalau berdasarkan kepada Perjanjian 1855, perniagaan antara baginda dan Temenggung adalah bebas. Gabenor pun berusaha mendapatkan penjelasan daripada Temenggung Ibrahim berkenaan peristiwa tersebut. Temenggung Ibrahim menolak dakwaan Sultan Ali itu. Sebaliknya Temenggung Ibrahim menyatakan bahawa pengikut Sultan Ali yang datang ke Johor hendaklah mematuhi peraturan dan undang-undang Johor. Mereka juga hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Temenggung sebelum mengambil hasil-hasil hutan; selain itu mereka perlu membayar cukai.⁴²

Akibatnya persaingan antara Sultan Ali dan Temenggung Ibrahim bertambah runcing. Sultan Ali pun mulai mendakwa bahawa Perjanjian 1855 tidak sah. Baginda telah menghantar wakilnya beberapa kali untuk berbincang dengan Gabenor bagi membatalkan Perjanjian 1855 itu. Sebagai alasan, Sultan Ali menyatakan bahawa perjanjian itu ditandatangani tanpa perbincangan atau mesyuarat dengan pembesar-pembesarnya terlebih dahulu. Hal ini bertentangan dengan adat istiadat Melayu. Segala alasan yang dikemukakan oleh Sultan Ali ditolak oleh Gabenor. Selain itu Gabenor menyatakan bahawa pembesar tidak berhak campur tangan dalam hal perjanjian tersebut.⁴³

Kegagalan Sultan Ali untuk membatalkan Perjanjian 1855 ini telah memperhebat lagi persaingan antara Sultan Ali dan Temenggung Ibrahim yang sampai ke kemuncaknya pada tahun 1860. Waktu itu setiausaha Sultan Ali, Bujal, telah berjaya mengumpulkan tiga puluh ribu orang pengikut Sultan Ali di Muar bagi melancarkan serangan terhadap Johor dan melantik Sultan Ali sebagai Sultan seluruh Johor. Berkenaan persiapan Sultan Ali untuk melancarkan serangan di Johor itu dilaporkan oleh Temenggung Ibrahim kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat yang baru, Kolonel Orfeur Cavenagh.

⁴¹ SSR G.6, Surat Gabenor kepada Pemerintah Tempatan, 1850-1868; 3 Jun 1858.

⁴² Mahmood Adam, op.cit., hlm. 22.

⁴³ O. Cavenagh, *Reminiscences of the Old Indian Official*, London, 1884, hlm. 308.

Gabenor pun memberi amaran kepada Sultan Ali. Dalam amaran itu Gabenor menyatakan bahawa selagi Sultan Ali tinggal di Singapura, maka baginda adalah di bawah perlindungan British. Juga pengikut-pengikut Sultan Ali tidak boleh mengganggu ketenteraman serta keamanan yang wujud di Semenanjung Tanah Melayu.⁴⁴ Walaupun diberi amaran, Sultan Ali tidak mengendahkannya dan enggan memanggil Bujal pulang.⁴⁵ Berkemaan persiapan Sultan Ali di Muar itu, *Straits Times* bertarikh 9 Februari 1861, mencatatkan bahawa kira-kira tiga puluh ribu orang pengikut Sultan Ali bersiap sedia di Muar dan hanya menunggu ketibaan baginda sahaja bagi melancarkan serangan di Johor. Pada masa itu Gabenor tidak ada di Singapura, tetapi di Pulau Pinang. Namun demikian Gabenor mengarahkan Residen Konsular Melaka supaya menyekat penduduk Melaka daripada keluar agar mereka tidak terlibat dan bekerjasama dengan Bujal.

Tidak lama kemudian pihak British menghantar kapal perang *Hoogly* ke Tanjung Gading, Muar, untuk meninjau kekuatan pengikut-pengikut Sultan Ali di bawah pimpinan Bujal. Sementara itu, Residen Konsular Melaka memberi amaran kepada Sultan Ali setelah mendapat arahan Gabenor. Dalam amaran itu, Sultan Ali tidak dibenarkan keluar dari Singapura. Baginda diberitahu bahawa Perjanjian 1855 yang telah pun ditandatangani itu tidak boleh dipinda lagi, dan tindakan menyekat bekalan senjata akan dilakukan. Selain itu British memberi kata dua, iaitu kalau Sultan Ali tidak mematuhi amaran yang diberikan tersebut, British tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang keras terhadap baginda.⁴⁶

Rancangan Sultan Ali di bawah pimpinan Bujal dibatalkan. Pembatalan rancangan tersebut ada kaitan dengan amaran Gabenor kepada Sultan Ali, kehadiran kapal perang British, *Hoogly*, di Kuala Sungai Muar dan keupayaan angkatan Sultan Ali yang tidak sekuat seperti yang disangkakan.⁴⁷ Dalam bulan November 1862, secara rasmi Sultan Ali memberitahu Gabenor bahawa baginda akan

⁴⁴ SSR G. 6, Surat Gabenor Orfeur Cavenagh kepada Sultan Ali, 14 Disember 1860.

⁴⁵ SSR U. 42, Setiausaha Kerajaan Negeri-Negeri Selat kepada Residen Konsular Melaka, 21 Februari 1861.

⁴⁶ SSR U. 42, Setiausaha Kerajaan Negeri-Negeri Selat kepada Residen Konsular Melaka, 21 Februari 1861.

⁴⁷ SSR V. 32, Gabenor Orfeur Cavenagh kepada Sultan Ali, 14 Februari 1860.

berpindah dari Singapura ke Muar dan seterusnya menetap di situ.⁴⁸

Masalah kewangan menyebabkan Sultan Ali membuat pinjaman wang daripada ceti, Kavana Chana Shallepah, di Singapura sebanyak \$53,000.00, dengan kadar faedah sebanyak 15%. Pinjaman itu dipercayai dibuat untuk perbelanjaan persiapan menyerang Johor. Sultan Ali juga telah menggadaikan tanah (seluas 20 hektar yang telah diuntukkan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris kepadaannya) kepada Kavana Chana Shallepah untuk mendapatkan wang bagi perbelanjaan hidupnya. Sultan Ali memberi jaminan kepada ceti bahawa baginda akan menyerahkan wang sebanyak \$500.00 yang didapati daripada Perjanjian 1855 sebagai tambahan kepada \$170.00 yang diberikan oleh kerajaan British kepada ceti itu.⁴⁹

Pada tahun 1862 Sultan Ali sekali lagi membuat pinjaman sebanyak \$15,000.00 daripada Kavana Chana Shallepah. Sebagai jaminan Sultan Ali sanggup menyerahkan \$20,000.00, yang patut dibayar oleh pihak British melalui Perjanjian 1824, kepada ceti.⁵⁰ Pinjaman itu dibuat dengan kadar faedah 24% dan cagarannya pula kesanggupan menjual seluruh kawasan Muar dan Kampung Gelam. Pada tahun 1862 Sultan Ali meminta wang \$20,000.00 daripada kerajaan British seperti yang tercatat dalam Artikel VII Perjanjian 1824. Sultan Ali mahukan wang \$20,000.00 ini dan juga wang sara hidup \$170.00 tiap-tiap bulan yang dibayar oleh kerajaan British. Wang tersebut hendak digunakan sebagai membayar hutang kepada Kavana Chana Shallepah.⁵¹ Sultan Ali melantik Tengku Alam, W.H. Read dan J. Guthrie sebagai wakil baginda untuk menyerahkan harta benda di Singapura kepada kerajaan British.

⁴⁸ C.O. 273/151, "MSHCS", 11 Ogos 1886. Lihat juga C.O. 273/416, "CMD SJ", Kolonel Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877, Enclosure 1, "Precis of the History of Sultan Ali".

⁴⁹ C.O. 273/104, "DSA", Frederick Weld kepada Kimberley, 30 Ogos 1880, terlampir "Memorandum by the Attorney General on the Subject of the Debts of the Late Sultan Ali of Muar", 28 Ogos 1880. Lihat juga "CMD SJ", Kolonel Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877, Enclosure 1, "Precis of the History of Sultan Ali". C.O. 273/91, "DSAK", Kolonel Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877, Enclosure 1, "Precis of the History of Sultan Ali".

⁵⁰ C.O. 273/104, "DSA", Frederick Weld kepada Kimberley, 30 Ogos 1880, terlampir "Memorandum by the Attorney General on the Subject of the debts of the late Sultan Ali".

⁵¹ C.O. 273/416, "CMD SJ", Kolonel Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877, Enclosure 1, "Precis of the History of Sultan Ali".

Sebagai menjawab permintaan Sultan Ali, pihak British menyatakan bahawa jumlah wang \$20,000.00 akan dibayar kepada wakil Sultan Ali setelah urusan harta benda tersebut diselesaikan. Dalam menguruskan soal ini, pihak British melantik T. Dunman, J.D. Vaughan dan H. Hewetson sebagai wakilnya. Tidak lama kemudian Sultan Ali meninggalkan Singapura.

Pada 31 Julai 1862, Che Wan/Daeng Abu Bakar menggantikan ayahandanya, Temenggung Ibrahim, yang meninggal dunia, sebagai Temenggung Johor.⁵² Temenggung Abu Bakar disifatkan sebagai berfikiran maju dan bertenaga, serta menjalankan pentadbirannya berdasarkan kepada cara Barat.

Dalam bulan Julai 1863, Gabenor Cavenagh melaporkan kepada kerajaan India bahawa tuntutan Sultan Ali belum diselesaikan kerana baginda telah pun menjual sebahagian tanah yang diperuntukkan kepadanya. Dengan itu kerajaan India mengarahkan Gabenor Cavenagh supaya menggantungkan keputusan membayar \$20,000.00 kepada Sultan Ali sehingga baginda menyerahkan tanah yang telah diberikan kepadanya untuk kediaman peribadi.⁵³ Dalam bulan April 1866 Kavana Chana Shallepah mengadu kepada kerajaan Negeri-Negeri Selat bahawa Sultan Ali mungkin janji kerana tidak membayar \$500.00 tiap-tiap bulan yang sepatutnya dibayar oleh Temenggung. Sultan Ali menegaskan bahawa bayaran itu tidak dibuat kerana baginda memerlukan \$500.00 untuk memajukan jajahan Kesang.

Tuntutan Sultan Ali terhadap wang \$20,000.00 dan wang sara hidup \$170.00 daripada kerajaan British tidak dilayani oleh Gabenor Cavenagh. Alasannya ialah Sultan Ali tidak mematuhi syarat Perjanjian 1824. Ini kerana baginda telah pun menggadaikan sebahagian hartanya (yang diberikan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris) kepada ceti, Kavana Chana Shallepah.⁵⁴

Walaupun berada di Melaka, Sultan Ali masih amat yakin untuk mendapatkan kuasa politik di Johor. Pada masa itu pergolakan politik berlaku juga di Pahang, iaitu perebutan kuasa antara dua orang bersaudara, Wan Mutahir dengan Wan Ahmad. Dalam perebutan kuasa di Pahang ini Wan Ahmad mendapat sokongan

⁵² J. de V. Allen, "Johore 1901-1914", *JMBRAS*, Vol. 45, Pt. 2, 1972, him. 1.

⁵³ C.O. 273/416, "CMDJS", Kolonel Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877, Enclosure 1, "Precis of the History of Sultan Ali".

⁵⁴ C.O. 273/104, "DSA", Frederick Weld kepada Kimberley, 30 Ogos 1880, terlampir, "Memorandum by the Attorney General on the subject of the debts of the late Sultan Ali of Muar", 28 Ogos 1880.

daripada Sultan Terengganu, iaitu Baginda Omar, dan Tengku Mahmud Lingga(bekas SultanLingga), manakala Wan Mutahir mendapat sokongan yang kuat daripada Temenggung Abu Bakar. Perang saudara di Pahang ini dianggap oleh Sultan Ali sebagai suatu peluang yang baik untuk baginda bertindak. Sultan Ali yakin bahawa Wan Ahmad akan berjaya mengalahkan Wan Mutahir di Pahang. Dengan itu Sultan Ali bercita-cita untuk pergi ke Pahang bagi mengiktiraf Wan Ahmad sebagai Bendahara. Bagi Sultan Ali, apabila Wan Ahmad menjadi Bendahara, maka Wan Ahmad pula akan melantik dan mengiktirafnya sebagai Sultan bagi Johor-Pahang.⁵⁵ Hasrat Sultan Ali ini diketahui oleh Temenggung Abu Bakar. Temenggung Abu Bakar juga menyedari jika Sultan Ali diiktiraf oleh Wan Ahmad sebagai Sultan, ini bererti harapan dan cita-citanya untuk menjadi pemerintah yang berkuasa di Johor akan terhapus. Memandangkan kepada keadaan ini, Temenggung Abu Bakar memberi sokongan kepada Wan Mutahir. Sokongan yang diberikan oleh Temenggung Abu Bakar ini dapat dianggap sebagai usaha secara tidak langsung bagi mempertahankan kekuasaan dan kewibawaannya di Johor.⁵⁵

Setelah mendapat berita bahawa Wan Ahmad berjaya di Pahang, Sultan Ali pun bertolak dari Umbai ke Ulu Muar, melalui Sungai Serting, dan menuju ke Pekan, Pahang. Tujuan baginda ke sana ialah untuk berbincang dengan Wan Ahmad. Baginda memberitahu akan harapannya supaya dilantik dan diiktiraf oleh Wan Ahmad sebagai Sultan Johor-Pahang. Cita-cita Sultan Ali itu tidak tercapai kerana Wan Ahmad tidak mahu mengiktirafnya. Wan Ahmad enggan kerana beliau tidak mahu merumitkan masalah politik Pahang. Tambahan pula Pahang baru sahaja selesai daripada perang saudara. Walaupun demikian Sultan Ali dikahwinkan oleh Wan Ahmad di Pahang.⁵⁶ Setelah itu Sultan Ali pun pulang ke Umbai, Melaka.

⁵⁵ SSR. R. 41, Gabenor O. Cavenagh kepada Setiausaha Kerajaan India, Fort William, 30 Disember 1862.

⁵⁶ R.O. Winstedt, *A History of Johore (1365-1895)*, hlm. 105.

Sir Harry Ord menjadi Gabenor Negeri-Negeri Selat bagi menggantikan Kolonel Orfeur Cavenagh dari 5 Februari 1867 hingga 1873. Beliau menunjukkan sikap menyokong Temenggung Abu Bakar. Gabenor Harry Ord percaya bahawa perlu baginya memberi peranggang kepada Temenggung Abu Bakar supaya mentadbirkan negeri Johor berdasarkan sistem pentadbiran British. Dengan cara demikian Gabenor itu berkeyakinan akan dapat mempengaruhi sultan-sultan yang lain agar menjalankan dasar yang akan diamalkan oleh Johor itu.

Sultan Ali masih menghadapi masalah kewangan. Oleh itu untuk mengatasi masalah tersebut, pada tahun 1868 Sultan Ali mewakilkan Baboo Ramasamy untuk mentadbir daerah Muar, termasuk mengutip cukai. Baboo Ramasamy tidak berjaya menjalankan tugasnya dan seringkali menghantar rayuan kepada pihak British untuk mendapatkan hak di Muar.⁵⁷ Pada tahun 1872, Sultan Ali memberi konsesi selama lima tahun kepada seorang Eropah bagi menjalankan perusahaan melombong bijih timah di suatu kawasan di Muar. Sekali lagi rancangan melombong di Muar ini gagal. Oleh itu Sultan Ali memberi konsesi lagi dalam daerah Muar kepada Herr Lind, Studer dan Fenner. Langkah Sultan Ali yang sering memberi konsesi dalam daerah Muar ini jelas menunjukkan masalah kesempitan wang yang dihadapinya.

* Pihak British memberi sokongan yang kuat kepada Temenggung Abu Bakar. Perkara ini terbukti apabila pada tahun 1868 pihak British mengakui gelaran 'Maharaja Johor' yang digunakan oleh Temenggung.⁵⁸ Ini juga menunjukkan bahawa Temenggung merupakan wakil pengaruh British/Sultan Ali mangkat pada 20 Jun 1877 ketika berusia lima puluh tiga tahun.

⁵⁷ C.O. 273/405, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali".

⁵⁸ Keith Sinclair, "The British Advance in Johore, 1885-1914", *JMBRAS*, Vol. 40, Pt. 1, 1967, hlm. 94.

BAB III

Masalah Penggantian Sultan Ali

Sebab menghadapi masalah tersebut

Kemangkatan Sultan Ali tidak menunjukkan sebarang tanda yang memungkinkan berakhirnya persaingan antara Temenggung dan keluarga Sultan Ali. Persaingan tersebut berterusan; kali ini Maharaja Abu Bakar cuba mengambil alih dan menguasai Muar-Kesang pula. Padahal Muar-Kesang telah diserahkan kepada Sultan Ali dan keturunannya, sebagaimana yang tercatat dalam Perjanjian 1855. Pihak British pula begitu giat memainkan peranan memberi sokongan kepada Maharaja Abu Bakar supaya mengambil Muar-Kesang sebagai jajahan Johor.

Kemangkatan dan Pemakaman Sultan Ali

Setelah Sultan Ali mangkat pada hari Rabu, 20 Jun 1877 di Umbai, Melaka, timbul pula masalah dalam menentukan penggantinya. Masalah ini timbul kerana adanya usaha daripada British dan Maharaja Abu Bakar untuk menghalang Tengku Alam, putera Sultan Ali, daripada diisytiharkan sebagai pengganti. Masalah ini juga menyebabkan jenazah Sultan Ali lewat dimakamkan, kira-kira dua minggu selepas kemangkatannya. Kelewatan ini ada kaitan dengan perselisihan pihak British dan Maharaja Abu Bakar dengan Tengku Alam. Mengikut adat istiadat dalam kesultanan Melayu, jenazah Sultan hanya dimakamkan setelah pengisytiharan pengganti dibuat.

Namun begitu dalam persoalan Sultan Ali ini, jenazah baginda akhirnya dimakamkan tanpa diisytiharkan pengganti.¹

Jenazah Sultan Ali selamat dimakamkan di Umbai, Melaka, pada 8 Julai 1877.² Belanja pemakaman itu didahulukan oleh Maharaja Abu Bakar. Maharaja Johor itu sendiri bertolak ke Melaka pada 5 Julai 1877 untuk menghadiri upacara pemakaman tersebut. Pemakaman itu turut dihadiri J. Douglas, Setiausaha Kerajaan Negeri-Negeri Selat. J. Douglas diarahkan oleh Kolonel Anson, Pemangku Gabenor Negeri-Negeri Selat, supaya menyekat sebarang percubaan untuk melantik putera atau waris Sultan Ali sebagai pengganti Sultan berdasarkan adat istiadat³. Selain itu J. Douglas juga diarahkan melawat Sungai Kesang untuk memerhatikan kampung di sepanjang tebing sungai.⁴ Pemergiannya ini disertai oleh C.J. Irving, yang menjadi Ketua Audit Negeri-Negeri Selat dari tahun 1867-1879.

J. Douglas tiba di Melaka pada 8 Julai 1877. Juga hadir di upacara pemakaman itu ialah Temenggung Muar, Pemangku Leftenan-Gabenor, Tengku Sulong dan Tengku Omar.⁵ Walaupun Sultan Ali mempunyai beberapa orang putera, tidak seorang pun daripada mereka dilantik menjadi Sultan sebelum baginda dimakamkan.⁶

¹ C.O. 273/92, "TMS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir Singapore Daily Times, 12 Disember 1877, tercatat surat Muhammad Salleh, anak Temenggung Muar dengan enam orang kepada H.E. Administrator, Straits Settlements, (A.E.H. Anson) 26 Julai 1877. C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 4, surat Temenggung Ismail kepada H.E. Administrator, Straits Settlements, 28 Julai 1877.

² C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 4, surat Temenggung Ismail, Lubuk Tebrau, kepada A.E.H. Anson, 28 Julai 1877. C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, terlampir surat Mohamed Salleh (anak Temenggung) dan enam orang kepada Pentadbir Negeri-Negeri Selat, 26 Julai 1877. C.O. 273/92, "TMS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir, Singapore Daily Times, 12 Disember 1877. Lihat juga C.O. 273/92, "TMS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember, 1877, terlampir, Singapore Daily Times, 12 Disember 1877, tercatat surat Tengku Alam kepada A.E.H. Anson, 4 Julai 1877.

³ A.E.H. Anson adalah Leftenan Gabenor Pulau Pinang (1867-1882). Beliau pernah memangku jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat dalam tahun 1871, 1877 dan 1879. (Mohd. Fadzil Othman (Pengenalan dan Anotasi), op. cit., hlm. 161; E. Thio, *British Policy in the Malay Peninsula 1880-1910*, hlm. xxvi; Philip Loh Fook Seng, *The Malay States 1877-1895*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 31).

⁴ C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, C.O. 273/98, "PLC", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877.

⁵ C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 2, "Minute by the Colonial Secretary", 17 Julai 1877.

⁶ C.O. 273/416, A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 4, surat Temenggung Ismail, Lubuk Tebrau, kepada A.E.H. Anson, 28 Julai 1877.

Temenggung Muar kemudiannya kembali ke Muar melalui jalan darat.

Sementara itu pada 9 Julai 1877, pukul 3.00 pagi, J. Douglas dan C.J. Irving bertolak dari Melaka dengan kapal api, *Pluto*, memudiki Sungai Kesang dan Muar. Mereka juga dikatakan mencuba setakat mana kapal api itu boleh memudiki Sungai Kesang dan Muar. Mereka sampai di Kuala Kesang, Lenga, Bukit Kepong dan Kampung Puteh. Daerah Lenga adalah di bawah pentadbiran Andak dan di sana juga terdapat rumah Maharaja Johor. Setelah melawat kawasan-kawasan tersebut, rombongan itu pulang ke Singapura.

Sultan Ali meninggalkan beberapa orang putera dan puteri daripada tiga orang isterinya. Isterinya yang pertama, Raja Guyah dari Siak, Sumatera, melahirkan dua orang puteri. Seorang puterinya mangkat dan yang seorang lagi berkahwin dengan Raja Kedah. Isterinya yang kedua, Raja Siti, keturunan Daeng Bugis, melahirkan Tengku Alam. Isteri ketiga, anak penghulu di Melaka, melahirkan empat orang putera dan tiga orang puteri. Putera yang sulung dengan isteri ketiga ialah Tengku Mahmud.⁷

Temenggung Muar, Tengku Sulong dan saudara Tengku Sulong mengatakan bahawa Tengku Alam adalah waris yang berhak. Mereka telah membuat pengakuan bahawa Tengku Alam adalah pengganti Sultan Ali. Kolonel Anson menuduh yang pengakuan tersebut dipengaruhi oleh beberapa orang Eropah dan mereka yang rapat dengan Tengku Alam.⁸ Di tempat pemakaman Sultan Ali, Temenggung Muar dan beberapa orang penghulu memberi hormat kepada Tengku Alam. Ini sedikit sebanyak menunjukkan bahawa Tengku Alam mempunyai sokongan daripada sebilangan pihak.

Berikutnya Temenggung Muar dan beberapa orang anak raja menyampaikan dokumen kepada J. Douglas dan C.J. Irving yang juga mengakui bahawa Tengku Alam adalah calon yang berhak

⁷ C.O. 273/416, "CMD SJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 1, "Further Memorandum regarding the History of Sultan Ali's family, and of his Affairs".

⁸ C.O. 273/416, "CMD SJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 4, surat Temenggung Ismail, Lubuk Tebrau, kepada A.E.H. Anson, 28 Julai 1877. Lihat juga C.O. 273/416, "CMD SJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877, Enclosure 4, "Copy of a Minute by the Lieutenant-Governor of Penang [A.E.H. Anson] on the Subject of the Succession to the Rulership of the State of Muar" (t.t.). Lihat juga C.O. 273/91, "AMSA", W.F. Robinson kepada Carnavon, 31 Oktober 1877, terlampir memo, (t.t.).

menggantikan Sultan Ali.⁹ Dalam surat itu Temenggung Ismail sebagai Temenggung Muar, dan beberapa orang lain menurunkan cap dan tandatangan menyatakan bahawa apabila Sultan mangkat putera sulungnya akan menjadi pengganti. Perkara ini selaras dengan adat istiadat Melayu. Dengan itu mereka bersetuju Tengku Alam sebagai pengganti Sultan Ali. Pengakuan ini ditandatangani oleh Temenggung Paduka Tuan Ismail (Temenggung Muar), Tengku Sulong, Tengku Mahmud dan Tengku Omar dan dicapkan oleh Temenggung Muar. Pengakuan ini dibuat di Melaka pada hari Khamis 1 Rejab 1297 T.H. (12 Julai 1877). Kandungan dokumen ini disiarkan oleh akhbar *Singapore Daily Times* bertarikh 12 Disember 1877.¹⁰

W.F. Robinson mengesahkan bahawa pengakuan mereka itu adalah satu dan tidak bercanggah dengan adat dan sistem penggantian. Dalam sistem penggantian kesultanan Melayu, putera Sultan yang mangkat adalah calon yang layak dan sah menggantikan ayahandanya.¹¹

Masalah Penentuan Pemerintah Muar

Kemangkatan Sultan Ali telah merimbulkan masalah pengganti beliau dan pemerintah Muar. Sepatutnya persoalan ini boleh dipertikaikan lagi. Perjanjian 1855 jelas mencatatkan bahawa Muar diserahkan kepada Sultan Ali dan keturunannya. Kemangkatan Sultan Ali mengakibatkan persaingan antara Maharaja Abu Bakar dengan Tengku Alam pula. Akhirnya Muar yang sepautunya hak Sultan Ali dan keturunannya diambil alih oleh Maharaja Abu Bakar.

⁹ C.O. 273/416, "CMD SJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877, Enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Carnavon, 26 November 1877; Enclosure 12, "Minutes respecting Tunku Alam's petition by the Colonial Secretary", J. Douglas, 28 November 1877.

¹⁰ C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir surat Tengku Alam kepada Carnavon, 26 November 1877, Lampiran H, "Translation of a Malay Document", 12 Julai 1877. C.O. 273/92, "TMS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877.

¹¹ C.O. 273/91, "AMSA", W.F. Robinson kepada Carnavon, 31 Oktober 1877, terlampir memo (t.t.).

Sebelum mangkat, Sultan Ali telah membuat wasiat di Mahkamah Melaka, iaitu di hadapan E.E. Isemonger,¹² untuk menyerahkan harta pusaka dan daerah Muar kepada Tengku Mahmud.¹³ Namun demikian Kolonel Anson mempercayai bahawa wasiat itu tidak berasaskan amalan adat istiadat Melayu dan akan menimbulkan kekacauan.¹⁴ Pendapat Kolonel Anson itu memang benar kerana dalam perlantikan pengganti Sultan Ali sepatutnya diadakan mesyuarat bagi Majlis Pembesar dan Penghulu dan dicadangkan calon pengganti.¹⁵ Selepas itu calon berkenaan akan diiktirafkan oleh Majlis itu sebagai Tengku Besar. Namun demikian Sultan Ali tidak berbuat demikian; sebaliknya pula dilantik Tengku Mahmud, puteranya daripada isteri ketiga, sebagai penggantinya melalui surat wasiat.¹⁶

Muhammad Haji Alias (1928) dalam buku *Tarikh Dato' Bentara Luar Johor* mencatatkan bahawa Sultan Ali berwasiat supaya tidak memilih Tengku Alam kerana Orang Besar, Penghulu dan

¹² E.E. Isemonger dilahirkan pada 28 April 1836. Pada 7 Februari 1856 berkhidmat di Pejabat Audit, Negeri-Negeri Selat dan berhenti pada 31 Ogos 1867. Pada 4 September 1867, beliau berkhidmat semula di Negeri-Negeri Selat kepada Setiausaha Tanah Jajahan, 5 Februari 1897). Pada Mei 1882 E.E. Isemonger menggantikan Henry Trotter sebagai *Postmaster* Tanah Jajahan. (W. Makepeace, G.E. Brooke & R.J. Braddell, Vol. 11, op.cit., hlm. 162).

¹³ C.O. 273/416, "CMDSJ", Enclosure 2, A.E.H. Anson kepada Maharaja Johor, 29 Jun 1877; lihat juga C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 1, "Further Memorandum regarding the History of Sultan Ali's family, and of his Affairs". C.O. 273/92, "IMSA", W.H. Read kepada Meade, (t.t.) C.O. 273/98, "PLC", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 29 Jun 1877. C.O. 273/91, "AMSA", W.F. Robinson kepada Carnavon, 31 Oktober 1877, terlampir memo. (t.t.) C.O. 273/327, F. Swettenham kepada Chamberlain, 8 September 1898.

¹⁴ C.O. 273/416, "CMDSJ", Enclosure 2, A.E.H. Anson kepada Maharaja Johor, 29 Jun 1877. C.O. 273/98, "PLC", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 29 Jun 1877.

¹⁵ A.E.H. Anson mencatatkan bahawa Majlis Pembesar dan Penghulu ini adalah "Waris" (C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 1, "Further Memorandum regarding the History of Sultan Ali's family, and of his Affairs"). Sesungguhnya "Waris" dalam sistem politik Melayu, ialah putera atau puteri Sultan atau kerabat diraja. Apabila dinyatakan "Waris" untuk menggantikan takhta kerajaan bukan dimaksudkan badan atau Majlis, tetapi tokoh atau calon itu sendiri.

¹⁶ C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 1, "Further Memorandum regarding the History of Sultan Ali's family, and of his Affairs". C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877, Enclosure 1, "Precis of the History of Sultan Ali". C.O. 273/106, Minit, 25 Mei 1880.

Temenggung Muar tidak menyukainya. Yang menarik lagi wasiat itu diketahui oleh pihak British tetapi dirahsiakan. Akhirnya perkara tersebut diketahui juga oleh Temenggung Muar dan lebih sepuluh orang penghulu. Mereka datang ke Singapura dengan tujuan menyatakan tidak menyokong Tengku Alam kerana belum kenal biasa. Oleh itu pihak British mengikut kehendak mereka dengan menyerahkan Muar ke bawah pentadbiran Johor.¹⁷

Dalam pada itu ada juga yang menyatakan Tengku Mahmud bukan keturunan darah raja yang sebenar.¹⁸ Oleh itu bertentangan dengan adat istiadat Melayu sekiranya Tengku Mahmud dilantik sebagai pengganti Sultan Ali.¹⁹ Pada masa itu Tengku Mahmud berusia kira-kira tiga belas tahun.²⁰ Ada juga dicadangkan agar Tengku Mahmud digelar Datuk Kesang. Cadangan ini tidak disetujui oleh Maharaja Abu Bakar yang lebih suka kalau digunakan sahaja gelaran Tengku Mahmud Kesang.

Selepas kemangkatan ayahandanya, Tengku Alam menghantar surat kepada Kolonel A.E.H. Anson yang bertugas sebagai pemangku Gabenor. Dalam surat itu Tengku Alam menyatakan yang usianya ketika itu tiga puluh dua tahun dan sebagai putera Sultan Ali dan Raja Siti adalah waris yang mutlak menggantikan ayahandanya. Tuntutan Tengku Alam itu tidak dilayani oleh Kolonel Anson. Sebaliknya beliau menegaskan bahawa Maharaja Johor akan memerintah Muar sehingga keputusan kedudukan Muar dibuat. Selain itu Kolonel Anson juga menyatakan Tengku Alam tidak boleh menjalankan sesuatu yang bermanfaat kecuali dengan tunjuk ajar Maharaja Johor. Bagi Kolonel Anson, seseorang yang mewarisi harta Sultan Ali tidak semestinya bergelar Sultan. Gelaran Sultan itu adalah

¹⁷ Muhammad b. Haji Alias, *Tarikh Dato' Bentara Luar Johor*, Johor Bharu, 1928, hlm. 84-85.

¹⁸ C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877. Tentang Tengku Mahmud, A.E.H. Anson menegaskan yang ia akan mencuba mendapatkan tempat untuk belajar di Sekolah Raffles (Raffles School). (Lihat juga C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Maharaja Johor, 29 Jun 1877. C.O. 273/98, "PLC", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 29 Jun 1877. C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877, Enclosure I, "Precis of the History of Sultan Ali". C.O. 273/98, "PLC", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877.

¹⁹ C.O. 273/106, Minit, 25 Mei 1880.

²⁰ C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure I, "Further memorandum regarding the History of Sultan Ali's family, and of his Affairs".

²¹ C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 5, Maharaja Johor (Maharaja Abu Bakar) kepada A.E.H. Anson, 3 Ogos 1877.

warisan Sultan Johor dan dianugerahkan hanya dengan ihsan kepada Sultan Husin Muhammad Shah kerana baginda menjual kedaulatan Johor kepada Temenggung. Oleh yang demikian gelaran Sultan ketika itu terhapus. Beliau juga menyatakan bahawa dengan kemangkatan Sultan Ali bermakna berakhirnya elauan kerajaan kepada Sultan Ali dan waris-warisnya. Bayaran elauan ini pula dikatakan sebagai elauan bantuan kepada Sultan Ali yang sangat miskin.²²

Kenyataan Kolonel Anson ternyata tidak tepat. Kolonel Anson mencatatkan bahawa Sultan Husin telah menjual kedaulatan Johor kepada Temenggung padahal sebenarnya perkara jual beli Johor tidak pernah berlaku antara keluarga Sultan dengan Temenggung. Selain itu penyerahan kedaulatan Johor dibuat oleh Sultan Ali dalam perjanjian baginda dengan Temenggung Ibrahim pada 10 Mac 1855.²³ Namun begitu penyerahan kedaulatan Johor ini tidak termasuk Muar-Kesang. Kemudian dalam kenyataan Kolonel Anson juga disebut bahawa gelaran Sultan yang digunakan oleh Sultan Ali terhapus dengan sendirinya setelah baginda mangkat. Sekali lagi kenyataan Kolonel Anson bercanggah dengan Perjanjian 1855 kerana gelaran Sultan boleh digunakan oleh keturunan Sultan Ali yang mengantikannya²⁴. Apa yang ketara, Kolonel Anson menjalankan usaha supaya seboleh mungkin mengetepikan waris yang hak sebagai Sultan dan hendak meletakkan Muar-Kesang di bawah pemerintahan Maharaja Abu Bakar.

Kolonel Anson dan juga J. Douglas menyatakan bahawa Tengku Alam sama seperti ayahandanya, Sultan Ali, iaitu bersifat lemah dan pemikirannya tidak tajam. Minat British hendak meletakkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar dapat dilihat sejak di upacara pemakaman Sultan Ali lagi. Ketika berada di Melaka untuk menghadiri upacara itu, J. Douglas menerangkan kepada Tengku Sulong dan Tengku Omar berkenaan masalah sama ada hendak mengiktiraf wasiat Sultan Ali atau tidak. Sekiranya wasiat Sultan Ali itu tidak diiktirafkan, maka timbul persoalan siapa yang wajar untuk diiktirafkan sebagai ganti Tengku Mahmud. Ini kerana

²² C. 273/92, "TMS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *The Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877, tercatat surat Kolonel A.E.H. Anson kepada Tengku Alam, 5 Julai 1877. Lihat juga C.O. 273/101, P. Benson Maxwell, "Correspondence - A Malayan Grievance" *Pall Mall Gazette*, 15 Mei 1879.

²³ C.O. 273/92 "TMS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *The Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877, "Ucapan W.H. Read di Majlis Perundangan Singapura".

²⁴ Sila lihat perjanjian, Lampiran B.

keputusan telah pun dibuat bahawa Maharaja Abu Bakar mentadbir Muar buat sementara sehingga masalah penggantian selesai. Keputusan itu tidak disetujui oleh Tengku Sulong yang menegaskan bahawa Temenggung Johor adalah wakil Sultan Ali. Seterusnya beliau menegaskan bahawa pembesar-pembesar Muar mungkin menentang keputusan British meletakkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja.

Setelah mendengar bantahan daripada Tengku Sulong, J. Douglas menegaskan bahawa sekiranya berlaku kekacauan, maka Tengku Sulong akan dipertanggungjawabkan. Tengku Sulong hanya bersetuju Maharaja Johor menjadi pemerintah sementara bagi Muar. Menurut Tengku Sulong, setelah Sultan mangkat keputusan hendaklah dibuat oleh "Waris" untuk memilih dan menentukan pengganti.

Apabila mendengar perkara itu J. Douglas membuat kesimpulan bahawa Tengku Sulong bercita-cita hendak menjadi pemerintah Muar. Kesimpulan J. Douglas tidak berasas sama sekali kerana pada 9 Ogos 1877 Temenggung Muar bersama-sama dengan tiga orang putera Tengku Abdul Jalil telah bertemu dan membuat keputusan untuk melantik Tengku Alam sebagai pemerintah Muar. J. Douglas yang meragui perlantikan Tengku Alam ini menegaskan bahawa Sultan Husin mangkat dengan meninggalkan tiga orang putera. Tengku Jalil putera yang pertama dan Tengku Ali putera kedua. Seterusnya, semasa Sultan Ali menjadi Sultan, baginda tinggal di Singapura dan Muar di bawah pentadbiran Tengku Jalil. Disebabkan keadaan ini J. Douglas merasakan bahawa keluarga Tengku Jalil juga perlu diberikan perhatian.²⁵

Sebenarnya, Tengku Abdul Jalil adalah wakil Sultan Ali di Muar dan bukannya Sultan. Selain itu, masalah tersebut tidak sepatutnya timbul kerana bersama-sama Temenggung Muar, tiga orang putera Tengku Jalil telah melantik Tengku Alam sebagai pengganti Sultan Ali. Jelas bahawa Kolonel Anson memainkan peranan yang penting dalam usaha meletakkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar. Ini dapat dibuktikan daripada suratnya kepada Setiausaha Negeri Tanah Jajahan, Carnavon. Dalam

²⁵ C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 2, "Minute by the Colonial Secretary", 17 Julai 1877. C.O. 273/92, "IMSA", W.H. Read kepada Meade, (t.t.).

surat itu dinyatakan bahawa dasar yang paling baik ialah menafikan hak Artikel IV Perjanjian 1855, menggalakkan serta membenarkan Maharaja Johor memiliki Kesang, dan membantunya mendapatkan kawasan tersebut.²⁶ Semasa membuat keputusan untuk meletakkan Muar di bawah jagaan Maharaja Johor, Kolonel Anson tidak merujuk kepada Majlis Kerja (*Executive Council*).²⁷

Carnavon bersetuju dengan pandangan Kolonel Anson untuk meletakkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja Johor sementara menunggu keputusan pengganti pemerintah Muar diselesaikan. Walau bagaimanapun arahan daripada Carnavon adalah jelas. Penentuan pengganti tersebut hendaklah berdasarkan kepada adat istiadat dan kehendak penduduk tempatan. Setelah penentuan pengganti dibuat, Sultan yang baru dilantik itu perlu disahkan oleh kerajaan British. Namun demikian sekiranya tidak ada tanda kekacauan akan berlaku kalau pengantian ditangguhan, Carnavon meminta Kolonel Anson membatalkan keputusannya itu sehingga W.F. Robinson datang ke Singapura.²⁸

Sebaliknya Kolonel Anson berazam untuk meletakkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar. Beliau seterusnya mencadangkan supaya diberikan wang sara hidup kepada keluarga Sultan Ali. Perkara ini diperakukan oleh Kolonel Anson dalam suratnya kepada Carnavon bertarikh 4 Ogos 1877. Dalam suratnya itu, Kolonel Anson memperakukan Maharaja Johor mengambil alih pentadbiran Muar, dan memasukkan kawasan itu ke dalam negeri Johor.²⁹ Kolonel Anson mengesyorkan supaya diberi juga wang sara hidup kepada keluarga Tengku Jalil, yang waktu itu diwakili oleh Tengku Sulong. Elaun yang hendak diberikan itu adalah sebahagian daripada \$2,004.00 yang sebelum itu diberikan kepada Sultan Ali. Seterusnya beliau mencadangkan bahawa \$50.00

²⁶ "It would, so far as can be foreseen, appear, that the best policy for this Government would be to forgo its priority of right under the 4th Article of the 1855 Treaty with Johor to become possessed of the State of Kesang, and to allow and encourage the Maharaja of Johor to become the possessor of it; and to grant him every lawful and reasonable assistance in obtaining it." C.O. 273/416, "CMD SJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877. Lihat juga C.O. 273/98, "PLC", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877. Artikel IV, Perjanjian 1855, sila lihat lampiran B.

²⁷ C.O. 273/416, "CMD SJ", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 24 Oktober 1878.

²⁸ C.O. 273/416, "CMD SJ", Carnavon kepada A.E.H. Anson, 4 Ogos 1877.

²⁹ C.O. 273/416, "CMD SJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877.

atau \$60.00 sebulan adalah mencukupi untuk diberikan kepada Tengku Sulong. Pemberian itu dengan syarat Tengku Sulong tinggal di Singapura dan tidak melakukan sebarang kesalahan. Cadangan Kolonel Anson untuk meletakkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar buat sementara sebelum keputusan pemerintah Muar dibuat telah disetujui oleh Temenggung Muar dan penghulu-penghulu Muar.³⁰ Maharaja Abu Bakar menyedari bahawa Muar tidak mempunyai hasil untuk membayar wang sara hidup kepada keluarga Sultan Ali. Oleh itu sudah pasti bayaran tersebut akan diambil daripada hasil Johor.³¹

Kolonel Anson mengambil keputusan untuk menyerahkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar pada tahun 1877.³² Bagi Maharaja Abu Bakar, tawaran itu merupakan peluang yang baik bagi meluaskan lagi pengaruh dan kuasanya. Oleh itu Maharaja Abu Bakar menerima tawaran Kolonel Anson.³³ Sebenarnya Kolonel Anson menyerahkan Muar kepada Maharaja Abu Bakar untuk sementara waktu sahaja.³⁴ Walaupun begitu perkara tersebut tidak dirujuk kepada Majlis Kerja di Singapura, sebagaimana yang sepatut dibuatnya terlebih dahulu. Langkah Kolonel Anson itu menyebabkan Setiausaha Negeri Tanah Jajahan, Carnavon, memberi amaran kepada Kolonel Anson dan mengingatkannya supaya tidak melibatkan diri serta campur tangan dalam urusan negeri Melayu.

³⁰ C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 18 Oktober 1877, Enclosure 1, Temenggung Muar dan empat orang kepada A.E.H. Anson, 13 Oktober 1877. C.O. 273/91, "Moar affairs - succession to the Sultanate", (seterusnya diringkaskan "MASS"), W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877, terlampir A.E.H. Anson kepada Temenggung Muar (t.t.). C.O. 273/91, "Affairs of the State of Muar", (seterusnya diringkaskan "ASM"), A.E.H. Anson kepada Carnavon, 29 September 1877. C.O. 273/91 "RSM", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 18 Oktober 1877, terlampir Temenggung dan Penghulu-penghulu Muar kepada A.E.H. Anson, 18 Oktober 1877.

³¹ C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 5, Maharaja Johor (Maharaja Abu Bakar) kepada A.E.H. Anson, 3 Ogos 1877.

³² "... I would ask your Highness, as the person next to this Government most interested in the affairs of Muar, and also best acquainted with its laws and customs, to undertake the guardianship of that State [Muar] ..." C.O. 273/416, "CMDSJ", Enclosure 2, A.E.H. Anson kepada Maharaja Johor, 29 Jun 1877.

³³ Setelah menerima tawaran, Maharaja Johor menegaskan "... I have much pleasure in acceding to that request". C.O. 273/416, "CMDSJ", Abu Bakar, Maharaja Johor kepada A.E.H. Anson, 30 Jun 1877. Lihat juga C.O. 273/98, "PLC" Maharaja Abu Bakar kepada A.E.H. Anson, 30 Jun 1877.

³⁴ C.O. 273/416, "CMDSJ", Enclosure 2, A.E.H. Anson kepada Maharaja Johor, 29 Jun 1877.

Keputusan Kolonel Anson untuk meletakkan Muar di bawah Pentadbiran Maharaja Abu Bakar buat sementara adalah untuk mengelakkan sebarang kemungkinan berlakunya kekacauan dalam masalah penggantian Sultan Ali.³⁵ Kolonel Anson mengambil tindakan demikian berdasarkan Artikel IV dan VI, Perjanjian 10 Mac 1855, yang ditandatangani oleh Sultan Ali dan Temenggung Ibrahim.³⁶ Artikel IV Perjanjian 1855 mencatatkan:

Yang Maha Mulia Sultan Ali Iskandar Shah Ibn Sultan Husin Muhammad Shah sampai pada keturunannya atau waris gantinya ada berjanji di dalam ini bahawa tanah daerah Kesang yang tersebut itu tiadalah boleh diberi atau dijualkan pada siapa-siapa atau pada lain-lain raja jikalau tiada lebih dahulu ditawarkan pada East India Company dan kemudian kepada Dato' Temenggung Daeng Ibrahim Seri Maharaja Ibn Dato' Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja sampai pada keturunannya atau waris gantinya dengan sama harga dan perjanjian yang bagaimana Sultan Ali Iskandar Shah Ibn Sultan Husin Muhammad Shah sampai pada keturunannya atau waris gantinya telah sudah suka dan boleh mendapat menjual pada siapa-siapa atau pada raja-raja yang lain yang hendak membeli itu.

Artikel VI pula mencatatkan:

Kedua-dua pihak yang membuat surat perjanjian ini iaitu ada berjanji membantu apa-apa perselisihan atau kusutan yang kemudian akan terjadi atau terbit di antara kedua pihak itu dari hal yang tersebut di dalam perkara yang keempat dan yang kelima bolehlah diserahkan perselisihan itu pada hukuman atau perselesaian Government India kerana sebabnya dengan ketahui Gabenor India itu perjanjian ini di antara kedua-dua pihak ada terbuat.

Oleh kerana kerajaan British tidak berhajat untuk memiliki Muar, maka Kolonel Anson menawarkan kawasan itu kepada Maharaja Abu Bakar. Seterusnya Kolonel Anson mengharapkan agar pihak Pejabat Kolonial menimbangkan yang tindakannya tidak

³⁵ C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Lord Carnavon, 6 Julai 1877.

³⁶ Muhammad Said bin Sulaiman, *Buku Teriti Johor dengan Pertambahan Johor Bahru, 1940.C.O. 273/416, Treaty of 1855 between the Sultan of Johore and His Highness Dato Temongong*.

Muar di bawah pentadbiran Maharaja.⁴⁶ Dalam mentadbirkan Muar, Maharaja Abu Bakar menyedari yang beliau akan menghadapi masalah berkaitan dengan tanah, terutamanya yang diberikan konsesi oleh Sultan Ali, misalnya kepada Major Studer. Tambahan pula tersebar berita menyatakan beberapa orang perseorangan ingin meneroka tanah di Muar dan Kesang untuk pertanian, seperti tembakau. Walaupun begitu mereka ini hanya akan terlibat apabila masalah hak terhadap Muar diselesaikan dan keamanan dicapai.⁴⁷

Sementara Kolonel Anson sibuk dengan soal pemilihan pemerintah Muar, pada 30 Oktober 1877 W.F. Robinson memegang jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat yang sebelum ini dipangku oleh Kolonel Anson. Gabenor W.F. Robinson meneruskan langkah yang sebelum ini dilakukan oleh Kolonel Anson, iaitu memihak kepada Maharaja Abu Bakar. Beliau menyatakan sekiranya langkah Kolonel Anson tidak bercanggah dengan adat penggantian di Muar, maka beliau tidak dapat melihat sebarang sebab untuk meraguinya dan menentang dasar yang dicadangkan.⁴⁸

Namun Carnavon telah menyatakan kepada W.F. Robinson bahawa kerajaan British tidak mahu campur tangan, lebih-lebih lagi dalam hal yang bertentangan dengan adat istiadat orang Melayu. Namun demikian, di samping menegaskan perkara ini, Carnavon juga menyatakan adalah baik diwujudkan keamanan di Muar.⁴⁹ Langkah Kolonel Anson meletakkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja Johor mendapat kritikan daripada Michael Hicks Beach yang menggantikan Carnavon sebagai Setiausaha Negeri Tanah Jajahan. Michael Hicks Beach menegaskan bahawa Kolonel Anson

⁴⁶ C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 25 Ogos 1877, terlampir, "Respecting a Meeting of Chiefs held at Segamat [Segamat], on the Upper Muar, August 1877".

⁴⁷ C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 29 September 19, September 1877, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada A.E.H. Anson, 28 September 1877. Lihat juga c.o. 273/91, "ASM", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 29 September 1877, terlampir Maharaja Abu Bakar kepada A.E.H. Anson, 28 September 1877.

⁴⁸ "If Colonel Anson is right [about the usual method of deciding succession of Muar according to Malay customs], and I see no reason to doubt it, no possible objection can be taken to the line of policy proposed to be adopted in the case of the Muar succession", C.O. 273/416, "CMDSJ", William F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877. Lihat juga C.O. 273/91, "AMSA", W.F. Robinson kepada Carnavon, 31 Oktober 1877. Lihat juga C.O. 273/91, "MASS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877.

⁴⁹ C.O. 273/91, "MASS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877.

mengambil langkah tersebut tanpa terlebih dahulu merujuk kepada Majlis Kerja (*Executive Council*).⁵⁰

Kritikan ini dijawab oleh W.F. Robinson dalam suratnya kepada Michael Hicks Beach bertarikh 24 Oktober 1878. Dalam surat ini, W.F. Robinson menyatakan tidak ada sebarang peraturan yang mensyaratkan urusan negeri Melayu dirujuk kepada Majlis Kerja.⁵¹

W.F. Robinson menyokong Maharaja Abu Bakar kerana kebolehan dankekayaan yang dimilikinya. Puji seperti ini juga pernah dinyatakan oleh Carnavon kepada Maharaja Abu Bakar.⁵² Selain itu telah ternyata kebolehan dalam politik dan kukuhnya ekonomi Johor di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar, malah Temenggung Ibrahim sebelum itu. Inilah faktor-faktor penting yang dikatakan menyebabkan keluarga Temenggung mencapai kejayaan dalam persaingan dengan keluarga Sultan Husin sebagai pemerintah Johor dan Muar.

Sebenarnya alasan kejayaan keluarga Temenggung ini masih boleh dibahaskan. Walaupun Gabenor dalam suratnya kepada Setiausaha Negeri Tanah Jajahan di London mencatatkan bahawa Tengku Alam adalah lemah, miskin dan tidak berpengalaman, ini tidak bermakna kejayaan Temenggung itu bergantung penuh kepada faktor-faktor kekayaan dan kebolehannya. Sokongan British yang diberikan oleh pegawaiannya, Pemangku Gabenor, iaitu Kolonel Anson, dan kemudiannya Gabenor W.F. Robinson, banyak membantu kejayaan keluarga Temenggung. British memainkan peranan mempengaruhi Maharaja Abu Bakar supaya menawarkan elaun kepada keluarga Sultan. Gabenor percaya masalah tuntutan terhadap Muar akan selesai sekiranya Maharaja Abu Bakar membayar jumlah elaun yang sesuai kepada Tengku Alam.⁵³

⁵⁰ C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 24 Oktober 1878. Lihat juga C.O. 273/101, Sultan Alaudin Alam Shah ibni Sultan Ali Iskandar Shah (Sultan yang sah bagi Muar dan jajahannya) kepada Ratu British, 20 Mac 1879. ". . . [Colonel A.H. Anson] without consulting with his proper legal adviser the Attorney general without ever consulting the Treasurer, the leading member of the Executive Council and without obtaining the sanction of your Majesty Secretary of State for the colonies, took upon himself to appoint His Highness the Maharaja of Johore the grandson of our grandfather Tumenggung and the son of our father Tumenggong to take charge of our country of Moar [Muar] . . ."

⁵¹ "I have the honor to report that it does not appear to have been the rule to consult the Executive Council on question connected with the Native State". C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 24 Oktober 1878.

⁵² C.O. 273/91, "MASS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877.

⁵³ C.O. 273/92, "TAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877.

Sara Hidup Keluarga Sultan Ali

Sebagaimana yang tercatat dalam Perjanjian 1855, Maharaja Abu Bakar dan pengganti seterusnya sanggup membayar wang sara hidup sebanyak \$500.00 tiap-tiap bulan kepada Sultan Ali, waris dan pengganti-penggantinya. Maharaja Abu Bakar mengesyorkan kepada Kolonel Anson supaya jumlah \$500.00 ini dibahagikan kepada waris Sultan Ali. Pembahagian wang tiap-tiap bulan pula dicadangkan seperti berikut: kedua-dua bahu Sultan Ali masing-masing menerima sebanyak \$31.25 (atau \$32.00); manakala setiap putera Sultan Ali menerima \$67.30 (atau \$68.00); dan setiap puterinya menerima \$33.65 (atau \$34.00). Untuk mengelakkan berlakunya sebarang kekeliruan pada masa akan datang berkenaan jumlah wang yang dibahagi itu, Maharaja Abu Bakar mencadangkan agar dibuat perjanjian baru.⁵⁴ Pada 24 September 1877, Maharaja Abu Bakar menghantar cek *Chartered Bank of India* bernilai \$68.00 kepada Tengku Alam sebagai wang sara hidup. Dalam suratnya pula Maharaja Abu Bakar menyatakan bahawa bayaran itu akan diteruskan hingga notis berkenaan elauan tersebut diberitahu kelak.⁵⁵ Surat Maharaja Abu Bakar itu disampaikan oleh pengiring Maharaja Abu Bakar sendiri kepada Tengku Alam. Walau bagaimanapun tawaran cek itu tidak diterima oleh Tengku Alam.

⁵⁴ C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 5, Maharaja Johor (Maharaja Abu Bakar) kepada A.E.H. Anson, 3 Ogos 1877, Enclosure 5, "Memorandum" oleh Maharaja Abu Bakar. Lihat juga C.O. 273/104, Debts of the late Sultan Ali of Muar and of the Payments to Tunku Alum [Tengku Alam] by the Maharaja of Johor", (seterusnya diringkaskan menjadi "DAPAM"), Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberly, 24 Ogos 1880. Lihat juga C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 18 Mei 1878, terlampir "Memorandum of Proposals made by His Highness the Maharaja of Johor for the benefit of the family of the late Sultan Ali in the event of His Highness' recognition by Her Majesty's Government as future Ruler of Muar".

⁵⁵ C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 29 September 1877, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada A.E.H. Anson, 28 September 1877, Enclosure 2, Maharaja Abu Bakar kepada Tengku Alam, 4 Ramadan 1294 (24 September 1877). C.O. 273/91, "ASM", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 29 September 1877, terlampir, Maharaja Abu Bakar kepada A.E.H. Anson, 28 September 1877, terlampir, Maharaja Abu Bakar kepada Tengku Alam, 4 Ramadan 1294 (24 September 1877).

Kemudiannya Maharaja Abu Bakar terlibat pula dengan Tengku Alam dalam soal sewaan tanah di Kampung Gelam, Singapura. Tengku Alam memungut wang sewa tanah ayahandanya di Kampung Gelam daripada seorang bangsa Eropah yang bertugas di Oriental Bank, Singapura. Maharaja Abu Bakar berpendapat yang Tengku Alam tidak berhak menerima wang itu. Dalam hal sewaan tanah ini, Kolonel Anson menegaskan, sekiranya berdasarkan kepada undang-undang British, hak Tengku Alam terhadap tanah di Kampung Gelam adalah sah. Oleh itu Maharaja Abu Bakar perlu mengemukakan kes itu di mahkamah untuk membuktikan dakwaannya. Dari sini dapat dilihat bagaimana Maharaja Abu Bakar cuba menandingi Tengku Alam. Selain itu Maharaja Abu Bakar menyatakan bahawa harta benda tersebut terbiar tanpa jagaan yang baik. Oleh itu suatu tindakan amat perlu diambil.

Selain Tengku Alam, Tengku Neh dan Tengku Samboh juga menolak tawaran sara hidup daripada Maharaja Abu Bakar. Oleh kerana kedua-dua saudara ini tinggal bersama Tengku Alam, Maharaja Abu Bakar mengesyaki penolakan itu dipengaruhi oleh Tengku Alam. Maharaja Abu Bakar juga menghantar wang sara hidup kepada Tengku Sarimbah dan anak-anaknya. Bayaran sara hidup ini dikendalikan oleh ejen Maharaja Abu Bakar, Tetuan Paterson, Simons & Co. Di samping itu Maharaja Abu Bakar menyatakan kesanggupannya untuk membayar barang-barang perhiasan isteri dan sedikit harta Sultan Ali yang digadaikan kepada seorang Cina di Melaka.⁵⁶ Maharaja Abu Bakar menghantar memorandum berkenaan perkara ini kepada W.F. Robinson.⁵⁷ Setelah menerima memorandum itu, W.F. Robinson menyatakan tawaran yang dikemukakan itu adalah mewah dan wajar.⁵⁸

⁵⁶ C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 29 September 1877, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada A.E.H. Anson, 28 September 1877. Lihat juga C.O. 273/91, "ASM", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 29 September 1877, terlampir, Maharaja Abu Bakar kepada A.E.H. Anson, 28 September 1877.

⁵⁷ C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 24 Disember 1878, terlampir W.F. Robinson kepada Maharaja Johor, 24 Oktober 1878. Lihat juga C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 18 Mei 1878, terlampir "Memorandum of Proposals by His Highness the Maharaja of Johor for the benefit of the family of the late Sultan Ali in the event of His Highness' recognition by Her Majesty's Government as future Ruler of Muar", 15 Mei 1878.

⁵⁸ C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 24 Oktober 1878, Enclosure 1, W.F. Robinson kepada Maharaja Johor, 24 Oktober 1878.

Persoalan bayaran wang sara hidup masih berterusan selepas Maharaja Abu Bakar dilantik sebagai pemerintah Muar. Beberapa langkah diambil untuk membayar wang sara hidup kepada keluarga Sultan Ali.⁵⁹ Pada 25 Jun 1878 Gabenor Negeri-Negeri Selat menghantar telegram kepada Pejabat Kolonial di London, menyatakan sukar bagi Tengku Alam dan Maharaja Johor membuat penyelesaian tentang wang sara hidup. Namun demikian W.F. Robinson menyatakan keyakinan bahawa kalau beliau sendiri dibenarkan turut terlibat dalam menyelesaikan masalah sara hidup ini, Tengku Alam mungkin akan menerimanya.⁶⁰

Oleh itu Pejabat Kolonial menghantar telegram kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat pada 29 Jun 1878 untuk menyatakan persetujuan dengan rancangan yang dinyatakan oleh W.F. Robinson itu.⁶¹ Dengan itu pada pagi 10 Julai 1878, W.F. Robinson berbincang dengan Tengku Alam di Pejabat Kerajaan. Dalam perbincangan tersebut Frank Swettenham menjadi penterjemah.⁶²

Dalam rundingan itu W.F. Robinson menyatakan bahawa kerajaan British akan mengiktiraf pemilihan Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar. Oleh itu untuk menjamin kehidupan Tengku Alam dan keluarga Sultan Ali, British menawarkan wang sara hidup sebanyak \$500.00 tiap-tiap bulan kepada Tengku Alam melalui Perbendaharaan Singapura. Selain itu wang sara hidup yang memuaskan akan juga ditawarkan kepada keluarga Sultan Ali. Tawaran wang sara hidup itu dibuat dengan syarat Tengku Alam akan memberi sebahagian daripada jumlah wang tersebut kepada Tengku Neh dan Tengku Samboh. Selain itu wang sebanyak \$120.00 sebulan akan dibayar kepada Tengku Alam untuk membantu saudara lelakinya, Tengku Mahmud. Tawaran \$500.00 sebulan ini sudah

⁵⁹ C.O. 273/93, "Provision to be made for the family of the late Sultan Ali", (seterusnya diringkaskan "PLSA"), W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 18 Mei 1878.

⁶⁰ C.O. 273/94, "Telegram, Gabenor Negeri-Negeri Selat kepada Pejabat Kolonial, 25 Jun 1878.

⁶¹ C.O. 273/94, Telegram Pejabat Kolonial kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 29 Jun 1878. Lihat juga C.O. 273/94, "TMS", William F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 14 Ogos 1878.

⁶² C.O. 273/95, "TMS, William F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 14 Ogos 1878.

ditetapkan khusus untuk Tengku Alam dan merupakan jumlah yang sebelum itu diterima oleh ayahandanya selepas Perjanjian 1855.⁶³

Setelah mendengar tawaran yang dikemukakan oleh W.F. Robinson, Tengku Alam cuba mendapatkan penjelasan sama ada tawaran itu dibuat untuk Johor. W.F. Robinon menyatakan yang tawaran tersebut bukan untuk Johor dan Muar tetapi sebagai penyelesaian bagi membolehkan Tengku Alam diiktiraf sebagai Raja Muar oleh Maharaja Abu Bakar.⁶⁴ Tengku Alam juga cuba mendapatkan penjelasan, sama ada tawaran itu dibuat berdasarkan pertukaran dengan Muar. W.F. Robinson menjelaskan bahawa tidak timbul masalah pertukaran Muar. Tawaran wang sara hidup itu akan diteruskan selagi Tengku Alam tidak menimbulkan kekacauan.⁶⁵

Selain itu baki sebanyak \$750.00 akan dibayar kepada keluarga Sultan Ali dengan syarat yang sama. Setelah membuat penjelasan berkenaan pembayaran wang sara hidup itu, W.F. Robinson cuba mendapatkan persetujuan daripada Tengku Alam. Namun demikian Tengku Alam menyatakan bahawa perkara itu perlu dirundingkan dengan keluarganya terlebih dahulu sebelum keputusan dibuat.⁶⁶ W.F. Robinson seterusnya cuba mempengaruhi Tengku Alam beberapa kali supaya menerima tawaran itu dan menyatakan kerajaan British telah pun mengiktiraf Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Johor. Walaupun demikian Tengku Alam tetap menegaskan yang sebarang keputusan tidak boleh dibuat sebelum berunding dengan keluarga dan sahabat-sahabatnya. Dengan itu sebelum rundingan ditamatkan, W.F. Robinson meminta supaya Tengku Alam menghantar keputusan tawaran wang sara hidup itu secepat mungkin dan seboleh-bolehnya pada hari Sabtu 13 Julai 1878.⁶⁷

⁶³ C.O. 273/95, "TMS", William F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 14 Ogos 1878, terlampir laporan F. Swettenham tentang perbincangan antara Tengku Alam dengan W.F. Robinson, 10 Julai 1878, (seterusnya diringkaskan menjadi C.O. 273/95, Laporan F. Swettenham, 10 Julai 1878).

⁶⁴ C.O. 273/95, "TMS", William F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 14 Ogos 1878, terlampir laporan F. Swettenham tentang perbincangan antara Tengku Alam dengan W.F. Robinson, 10 Julai 1878, (seterusnya diringkaskan menjadi C.O. 273/95, Laporan F. Swettenham, 10 Julai 1878). "It is not for Johore nor for Muar, but as a settlement for you and your relations in view of the probable recognition of the Maharajah of Johore as Raja of Muar".

⁶⁵ C.O. 273/95, laporan F. Swettenham, 10 Julai 1878. Lihat juga C.O. 273/95, "TMS", Michael Hicks Beach kepada W.F. Robinson, 29 Oktober 1878 (drif).

⁶⁶ C.O. 273/95, laporan F. Swettenham, 10 Julai 1878.

⁶⁷ C.O. 273/95, "Request of the Maharaja of Johore to be recognised as Sultan", (seterusnya diringkaskan menjadi "RMSJ"), W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 14 Ogos 1878, C.O. 273/95, laporan F. Swettenham, 10 Julai 1878.

W.F. Robinson telah membuat keputusan akan menghantar surat kepada Maharaja Abu Bakar tentang pengiktirafan kerajaan British terhadapnya sebagai pemerintah Muar. Seiringan dengan itu beliau meminta Maharaja Abu Bakar membayar wang sara hidup kepada keluarga Sultan Ali. Selain itu W.F. Robinson akan membawa masalah tawaran wang sara hidup dan pemilihan di Kesang kepada perhatian Majlis.⁶⁸

Berkenaan masalah tawaran wang sara hidup ini, W.F. Robinson berpendapat bahawa perselisihan peribadi antara Tengku Alam dan Maharaja Abu Bakar tidak mungkin dapat diselesaikan.⁶⁹ Cadangan W.F. Robinson untuk menyelesaikan masalah tawaran wang sara hidup kepada keluarga Sultan Ali pada keseluruhannya disetujui oleh Pejabat Tanah Jajahan.⁷⁰ Michael Hicks Beach mengingatkan W.F. Robinson supaya menyatakan rasa tidak senang kerajaan British dalam pertemuannya dengan Tengku Alam. Perkara itu tidak ada kaitan dengan penerimaan atau penolakan tawaran wang sara hidup. Malahan rasa tidak senang itu berpunca daripada percubaan untuk membatalkan keputusan yang telah dibuat oleh pembesar Muar serta diterima oleh kerajaan British. Michael Hicks Beach berharap sebelum suratnya tiba di tangan W.F. Robinson, Tengku Alam sudah pun menerima tawaran wang sara hidup itu. Cadangan W.F. Robinson hendak membawa masalah pengganti pemerintah Muar kepada Majlis dan menerbitkan surat-menjurat berkenaan masalah Muar disetujui oleh Michael Hicks Beach. Cara ini diharap akan dapat memperlihatkan tindakan pihak British sebagai memelihara keamanan dan kemakmuran negeri jiran.⁷¹ Walau bagaimanapun Tengku Alam menolak tawaran wang sara hidup ini kerana khuatir dituduh hendak menjual negerinya oleh orang Melayu.

Berdasarkan memorandum yang dibuat sendiri oleh Maharaja Abu Bakar pada 15 Mei 1878, beliau sanggup membayar wang sara hidup kepada keluarga Sultan Ali dan wang perjanjian sebanyak

⁶⁸ C.O. 273/95, "TMS", William F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 14 Ogos 1878.

⁶⁹ C.O. 273/95, "TMS", Telegram Gabenor Negeri-Negeri Selat kepada Setiausaha Tanah Jajahan, 25 Jun 1878.

⁷⁰ C.O. 273/95, "TMS", Telegram Setiausaha Tanah Jajahan kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 28 Jun 1878.

⁷¹ C.O. 273/95, "TMS", Michael Hicks Beach kepada W.F. Robinson, 29 Oktober 1878 (deraf).

\$500.00 akan dibayar tiap-tiap bulan sebagai tambahan. Kedua-dua bayaran itu akan dibayar oleh Maharaja Abu Bakar kepada keluarga Sultan Ali melalui kerajaan tempatan.⁷² Jumlah \$1,250.00 yang dicadangkan oleh Maharaja Abu Bakar sebagai bayaran sara hidup kepada keluarga Sultan Ali disetujui dalam perbincangan antara Maharaja Abu Bakar dengan W. F. Robinson.⁷³

Dalam usaha menjamin penyelesaian antara Tengku Alam dan Maharaja Abu Bakar, W.F. Robinson mengambil keputusan untuk berunding dengan W.H. Read, penyokong dan wakil Tengku Alam. Rundingan itu bertujuan mendapatkan kepastian sama ada keluarga Sultan Ali sanggup menerima wang sara hidup yang ditawarkan. Tawaran tersebut adalah sebagai sagu hati kepada Tengku Alam yang telah hilang kedaulatannya. Sekiranya tawaran itu diterima, maka penentuan akan dibuat berkenaan jumlah wang yang mencukupi untuk 'menutup mulut' Tengku Alam.⁷⁴ Berkenaan jumlah elauan untuk Tengku Mahmud, W.H. Read mengesyorkan agar hanya sebahagian sahaja dibayar kepada Tengku Mahmud manakala bakinya boleh disimpan di dalam bank untuk penggunaan masa depan.⁷⁵

Masalah jumlah wang sara hidup yang ditawarkan kepada keluarga Sultan Ali dibincangkan selanjutnya oleh W.F. Robinson dan W.H. Read. W.H. Read membuat keputusan bahawa beliau tidak boleh menerima dasar Pejabat Kolonial berkenaan masalah wang sara hidup keluarga Sultan Ali ini.⁷⁶ W.H. Read mempercayai bahawa keputusan Pejabat Kolonial itu akan mencetuskan rasa tidak puas hati yang hebat di kalangan orang Melayu dan seterusnya akan menimbulkan kekacauan yang hebat juga. Kekacauan yang mungkin berlaku itu akan menjatuhkan maruah dan menjelaskan sanjungan penduduk tempatan terhadap kebenaran dan kejuran British. W.H. Read berpendapat, kesanggupan Maharaja Abu Bakar membayar \$500.00 kepada keluarga Sultan Ali tiap-tiap bulan adalah suatu perkara kecil. Beliau mencadangkan supaya dibayar \$1,500.00 tiap-tiap bulan.

⁷² C.O. 273/93, William F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 23 Mei 1878.

⁷³ C.O. 273/96, William F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 24 Oktober 1878.

⁷⁴ C.O. 273/93, "TMS", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 18 Mei 1878.

⁷⁵ C.O. 273/93, "TMS", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 18 Mei 1878, terlampir W.H. Read kepada W.F. Robinson, 21 April 1878.

⁷⁶ C.O. 273/93, "TMS", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 18 Mei 1878, terlampir W.H. Read kepada W.F. Robinson, 21 April 1878. (Tidak sama dengan surat sebelum ini).

Dengan itu W.H. Read mengesyorkan dua cara pembahagian wang sara hidup kepada keluarga Sultan Ali. Pertama, membahagikan antara dua keluarga, atau keduanya kadar yang akan ditetapkan. Oleh kerana Gabenor W.F. Robinson pernah menyatakan \$1,000.00 sudah memadai untuk dibayarkan kepada keluarga Sultan Ali, W.H. Read menyediakan jadual pembahagian untuk jumlah ini. Dengan itu W.H. Read mengemukakan dua cadangan bayaran wang sara hidup kepada keluarga Sultan Ali. Dalam dua cadangan tersebut, W.H. Read mengemukakan pembahagian pertama kepada keluarga Sultan Ali daripada jumlah \$1,500.00 yang beliau syorkan. Pembahagian yang kedua pula berdasarkan kepada \$1,000.00 yang pernah disyorkan oleh Gabenor W.F. Robinson. Dalam kedua-dua cadangan itu, W.H. Read menyenaraikan pembahagian kepada A dan B. Pembahagiannya adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1

Cadangan Wang Sara Hidup Keluarga Sultan Ali

Penerima	Jumlah Wang Sara Hidup \$1,500.00 sebulan		Jumlah Wang Sara Hidup \$1,000.00 sebulan	
	A	B	A	B
Tengku Neh	\$300.00	\$250.00	\$225.00	\$175.00
Tengku Samboh	150.00	100.00	75.00	60.00
Tengku Alam	300.00	200.00	200.00	150.00
Jumlah	\$750.00	\$550.00	\$500.00	\$385.00
Tengku Sarimbah	250.00	200.00	150.00	150.00
Tengku Mahmud	100.00	150.00	70.00	95.00
Tengku Mansur	100.00	150.00	70.00	95.00
Tengku Abdullah	100.00	150.00	70.00	95.00
Tengku Fatimah	50.00	75.00	35.00	45.00
Tengku Alipah	50.00	75.00	35.00	45.00
Tengku Saripah	50.00	75.00	35.00	45.00
Tengku Zainab	50.00	75.00	35.00	45.00
Jumlah	\$750.00	\$950.00	\$500.00	\$615.00
Jumlah semua	\$1,500.00	\$1,500.00	\$1,000.00	\$1,000.00

Sumber: C.O. 273/93, "TMS", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 18 Mei 1878, terlampir W.H. Read kepada W.F. Robinson, 21 April 1878.

W.H. Read menegaskan bahawa Tengku Neh ditawarkan wang sara hidup yang lebih tinggi daripada Tengku Sarimbah. Penentuan ini berdasarkan kedudukan dan taraf Tengku Neh yang lebih tinggi berbanding dengan Tengku Sarimbah. Dalam cadangannya itu W.H. Read menyatakan kadar dalam senarai B lebih adil. W.H. Read menegaskan sekiranya Tengku Neh meninggal dunia, bahagian yang diuntukkan kepada Tengku Neh itu akan dibahagikan kepada Tengku Alam dan anak-anak Tengku Neh. Bahagian untuk Tengku Alam itu adalah sebagai tambahan kepada tawaran wang sara hidup dan supaya Tengku Alam tidak mencetuskan sebarang kekacauan. Seterusnya apabila Tengku Sarimbah meninggal dunia, bahagiannya itu akan diwarisi oleh anak-anaknya.

Setelah menerima cadangan W.H. Read ini, W.F. Robinson mengucapkan ribuan terima kasih serta meminta penjelasan berkenaan kedudukan hutang Sultan Ali dengan ceti.⁷⁷ Dalam penjelasannya berkenaan perkara tersebut, W.H. Read menyatakan urusan antara Sultan Ali dengan ceti tidak ada lagi setelah baginda mangkat. W.F. Robinson berpendapat, masalah wang sara hidup keluarga Sultan Ali akan mengambil masa yang agak panjang untuk diselesaikan. Dengan itu beliau sekali lagi meminta pandangan W.H. Read tentang pembahagian wang tersebut. Kali ini beliau membuat cadangan balas, iaitu sebanyak \$1,250.00 sebulan. W.F. Robinson meminta W.H. Read membuat cadangan agihan wang \$1,250.00 itu kepada keluarga Sultan Ali.⁷⁸ Pada 1 Mei, 1878, W.H. Read mengemukakan cadangan tersebut kepada W.F. Robinson. Cadangannya itu seperti tertera dalam Jadual II.

⁷⁷ C.O. 273/93, "TMS", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 18 Mei 1878, terlampir W.H. Read kepada W.F. Robinson, 21 April 1878.

⁷⁸ C.O. 273/93, "TMS", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 18 Mei 1878, terlampir W.H. Read kepada W.F. Robinson, 24 April 1878.

Jadual II**Cadangan Wang Sara Hidup Keluarga Sultan Ali**

Penerima	A	B
Tengku Neh	\$275.00	\$210.00
Tengku Samboh	100.00	80.00
Tengku Alam	250.00	180.00
Jumlah	\$625.00	\$470.00
Tengku Sarimbah	225.00	180.00
Tengku Mahmud	80.00	120.00
Tengku Mansur	80.00	120.00
Tengku Abdullah	80.00	120.00
Tengku Fatimah	40.00	60.00
Tengku Alipah	40.00	60.00
Tengku Saripah	40.00	60.00
Tengku Zainab	40.00	60.00
Jumlah	\$625.00	\$780.00
Jumlah keseluruhan	\$1,250.00	\$1,250.00

Sumber: C.O. 273/93, "TMS", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach,
18 Mei 1878, terlampir W.H. Read kepada W.F. Robinson, 1 Mei,
1878.

Namun begitu pada 2 Mei 1878 W.H. Read menulis surat kepada W.F. Robinson untuk meminda cadangan pembahagian wang sara hidup kepada keluarga Sultan Ali. Kali ini W.H. Read membahagikan \$1,250.00 kepada dua puluh satu bahagian. Pembahagiannya seperti jadual berikut:

Jadual III**Cadangan Wang Sara Hidup Keluarga Sultan Ali**

Penerima	Jumlah Wang Sara Hidup Bulanan		
	Bahagian	Ditetapkan	Dicadangkan
Tengku Neh	4	\$238.00	\$235.00
Tengku Samboh	1 1/2	89.25	90.00
Tengku Alam	3	178.50	180.00
			\$505.00
Tengku Sarimbah	2 1/2	148.75	145.00
Tengku Mahmud	2	119.00	120.00
Tengku Mansur	2	119.00	120.00
Tengku Abdullah	2	119.00	120.00
Tengku Fatimah	1	59.50	60.00
Tengku Alipah	1	59.50	60.00
Tengku Saripah	1	59.50	60.00
Tengku Zainab	1	59.50	60.00
			\$745.00
Jumlah keseluruhan		\$1,249.50	\$1,250.00

Sumber: C.O. 27393, "TMS", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 18 Mei 1878, terlampir W.H. Read kepada W.F. Robinson, 2 Mei, 1879.

W.H. Read membahagikan \$1,250.00 kepada 21 bahagian. Dengan itu 1 bahagian bersamaan \$59.50. Walaupun jumlah bahagian disenaraikan dalam ruang bertajuk "ditetapkan" (\$59.50 x jumlah bahagian) tetapi W.H. Read mencadangkan jumlah bahagian yang akan didapat oleh keluarga Sultan Ali dalam ruang "dicadangkan". Cadangan pembahagian wang sara hidup kepada keluarga Sultan Ali yang dibuat oleh W.H. Read dirujukkan oleh W.F. Robinson kepada Pejabat Tanah Jajahan di London dan juga kepada Maharaja Abu Bakar. W.F. Robinson menyatakan kepada Maharaja Abu Bakar bahawa keputusan pembayaran wang sara hidup akan dibuat setelah menerima surat daripada Pejabat Tanah Jajahan.⁷⁹

Pada 24 Oktober 1878, W.F. Robinson menulis surat kepada Tengku Alam untuk menyatakan yang pihaknya sedang mengatur pembayaran wang sara hidup kepada keluarga Sultan Ali. Sebanyak \$700.00 akan dibayar kepada Tengku Alam untuk membantu keluarganya; ibunya iaitu Tengku Neh, dan saudaranya Tengku Samboh, dan Tengku Mahmud. Bayaran ini akan diuruskan oleh Bendahari Kolonial. Manakala bayaran kepada keluarga Sultan Ali yang lain akan diuruskan oleh Gabenor. Agihan pembahagiannya adalah seperti berikut:

Jadual IV

Wang Sara Hidup Keluarga Sultan Ali

Penerima	Jumlah Bilangan
Tengku Sarimban	\$150.00
Tengku Mansur	100.00
Tengku Abdullah	100.00
Tengku Fatimah	50.00
Tengku Alipah	150.00
Tengku Saripah	50.00
Tengku Zainab	50.00


Sumber: C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 24 Oktober 1878, terlampir W.F. Robinson kepada Tengku Alam, 24 Ogos 1878. C.O. 273/96, W. F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 24 Oktober 1878, terlampir W.F. Robinson kepada Tengku Alam, 24 Oktober 1878.

⁷⁹ C.O. 273/93, William F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 18 Mei 1878.

Bayaran itu akan dibayar tiap-tiap bulan oleh Pejabat Tanah Jajahan. Wang sara hidup itu akan terus-menerus dibayar kepada Tengku Alam dan keturunannya, selagi kerajaan British berpendapat bayaran itu wajar. Namun bayaran itu akan dihentikan sekiranya anggaran perbelanjaan kerajaan memerlukan tindakan sedemikian. W.F. Robinson berjanji akan mengarahkan Bendahari mengeluarkan bayaran kepada mereka yang layak sebaik sahaja mendapat persetujuan daripada Tengku Alam.⁸⁰ Tawaran wang sara hidup itu ditolak oleh Tengku Alam. Walaupun Tengku Alam menolak tawaran wang sara hidup itu, W.F. Robinson masih yakin pada suatu masa nanti Tengku Alam akan menerima tawaran wang itu. Selain itu beliau sanggup menemui Tengku Alam bagi membincangkan perkara wang sara hidup itu.⁸¹

⁸⁰ MP. "Punic Faith" or The Way in which the Rightful Sultan of Muar has been treated by the British Government", Singapore, 1879, (seterusnya diringkaskan MP. "PPSMG"), Police G, Gabenor Negeri-Negeri Selat (William F. Robinson kepada Tunku Allum, 24 Oktober 1878).

⁸¹ C.O. 273/96, William F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 24 Oktober 1878. C.O. 273/98, William F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 7 Januari 1879.



BAB IV

Maharaja Berkuasa di Muar

Temenggung dan Penghulu-penghulu Muar ke Johor Bahru

Kolonel Anson memainkan peranan penting dalam hal ehwal Muar. Namun demikian beliau menyatakan yang kerajaan British tidak berhajat untuk terlibat dalam menentukan pemerintah Muar.¹ Kenyataannya itu tidak berasas kerana beliau dan kerajaan British sememangnya terlibat dalam soal pemilihan dan penentuan pemerintah Muar. Sebaik sahaja Sultan Ali mangkat pada 20 Jun 1877, Kolonel Anson meletakkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar (Maharaja Johor). Temenggung dan penghulu-penghulu Muar ditangkap dan diugut. Kemudiannya lebih kurang empat bulan sebelum Temenggung dan penghulu-penghulu dapat membuat penentuan yang wajar, pemilihan pengganti pemerintah Muar telah dibuat.²

¹ C.O. 273/92, "TMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877, "Ucapan W.H. Read di Majlis Perundungan Singapura".

² C.O. 283/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir keratan akhbar *Straits Times*.

Dalam masalah Muar ini Kolonel Anson ternyata berat sebelah apabila beliau menyokong Maharaja Abu Bakar berkuasa di Muar.³ Manakala W.F. Robinson pula berpendapat bahawa perlu dan wajar Muar diletakkan di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar.⁴ Walaupun demikian W.F. Robinson masih memberi pandangan untuk pertimbangan Carnavon, iaitu menyatakan yang Tengku Alam adalah putera sulung Sultan Ali dan berdarah raja. Begitu juga ibu Tengku Alam adalah keturunan raja. Oleh itu sememangnya Tengku Alam layak mewarisi takhta pemerintahan Muar.

Tengku Alam pasti diterima oleh penghulu-penghulu dan Temenggung Muar bagi menggantikan ayahandanya, Sultan Ali, sekiranya tidak ada campur tangan daripada British. Malahan setelah Sultan Ali mangkat, Temenggung dan penghulu-penghulu Muar telah pun membuat surat ikrar menyatakan Tengku Alam sebagai pengganti Sultan Ali. Ini menunjukkan bahawa Tengku Alam bukanlah bakal diterima sebagai pemerintah tetapi sudah pun diterima. Oleh itu peranan dan campur tangan British dalam masalah Muar sangat ketara sehingga Temenggung dan penghulu-penghulu yang pada mulanya mengakui Tengku Alam sebagai Sultan, kemudian mengubah pengakuan mereka kepada Maharaja Abu Bakar.

Temenggung dan penghulu-penghulu Muar telah diugut dan ditangkap lalu dibawa ke Johor Bahru. Semua tindakan ini dilakukan dengan arahan Maharaja Abu Bakar. Kapal api Maharaja Abu Bakar, *Pulai*, sampai di Muar pada 13 Julai 1877 dengan tujuan untuk menangkap Muhammad Salleh, iaitu anak Temenggung Muar, Penghulu Shamsu dan Penghulu Adam. Penangkapan itu dilakukan ketika mereka dalam perjalanan ke Melaka. Maharaja Abu Bakar juga dinyatakan menghantar dua ratus orang untuk menyerang Muar dan menangkap Temenggung Muar.⁵ Temenggung Muar, iaitu

³ C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877. Lihat juga C.O. 27/93, "TMS", W. F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir surat Maharaja Johor kepada W. F. Robinson, 5 Disember 1877 "... His Excellency the Administrator requested me [Marahaja] to assure the guardianship of Moar pending the decision of the Government upon the question of succession, ..."

⁴ C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877.

⁵ C.O. 273/416, "CMDSI", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 8, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada A.E.H. Anson, 3 Ogos 1877. Lihat juga C.O. 273/416, "CMDSI", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Carnavon, 26 November 1877.

Temenggung Ismail, telah dilantik oleh Sultan Ali pada tahun 1861 dan diiktiraf oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat, E.A. Blundell. Temenggung Ismail dan lima orang penghulu telah diancam; sekiranya mereka tidak menyerah diri dan tunduk kepada arahan, mereka akan ditembak dan rumah-rumah mereka digeledah dan dibakar. Oleh itu untuk mengelakkan sebarang pertumpahan darah, mereka menyerah diri dan seterusnya dibawa ke Johor Bahru.

Ketika berada di Johor Bahru, Temenggung dan penghulu-penghulu Muar sekali lagi diugut, sekiranya mereka tidak tunduk kepada Maharaja Abu Bakar, mereka akan dipenjarakan. Dengan itu Temenggung dan penghulu-penghulu Muar bersumpah di dalam masjid bahawa mereka sanggup mematuhi segala arahan Maharaja Abu Bakar.⁶

Ketika berada di Johor Bahru, Muhammad Salleh, Abas Jementah, Penghulu Subuh (Penghulu Dagang Subuh) Legeh, Penghulu Shamsu Tasik Kesang, Penghulu Adam Tanjung Gading, Penghulu Khamis Tanjung Gading dan Penghulu Ibrahim Tanjung Gading menghantar surat kepada Kolonel Anson, Pemangku Gabenor Negeri-Negeri Selat. Dalam surat itu, mereka menyatakan persetujuan dengan tindakan pihak British yang meletakkan Muar di bawah kuasa Maharaja Abu Bakar sementara menentukan pengganti yang sah. Juga, mereka menyatakan bahawa Maharaja Johor itu adalah "Tuan" mereka. Seterusnya mereka mempercayai bahawa dengan cara ini pihak British dapat mengelakkan daripada berlakunya sebarang kekacauan di Muar.⁷

Persetujuan sedemikian dinyatakan juga oleh Temenggung Ismail.⁸ Walaupun begitu semasa di Melaka, iaitu pada hari upacara pemakaman Sultan Ali, Temenggung Ismail tidak memberi sebarang

⁶ C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Carnavon, 26 November 1877.

⁷ C.O. 273/92, "TMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877, tercatat surat Muhammad Salleh dengan enam orang (Abas, Penghulu Subuh, Penghulu Shamsu, Penghulu Adam, Penghulu Khamis dan Penghulu Ibrahim) kepada Pentadbir Negeri-Negeri Selat, 26 Julai 1877, C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 3, surat Mohamed [Muhammad] Salleh, anak Temenggung Muar dan enam orang kepada A.E.H. Anson, 26 Julai 1877.

⁸ C.O. 273/92, "TMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877, tercatat "Ucapan W.H. Read di Majlis Perundangan Singapura", surat Temenggung Ismail, Lubuk Tebrau kepada Pentadbir Negeri-Negeri Selat, 28 Julai 1877.

pendapat berkenaan kedudukan Muar di hadapan Maharaja Abu Bakar dan C.J. Irving. Sebagai alasan beliau menegaskan bahawa ketika itu fikiran beliau tidak tenteram disebabkan rasa bimbang dan percakapannya dengan putera Sultan Ali. Namun begitu pada 28 Julai 1877, Temenggung Ismail menyatakan bahawa Maharaja Johor itu adalah pemerintah yang sebenar dan beliau sanggup mematuhi segala perintah.

Dalam suratnya kepada Kolonel Anson bertarikh 28 Julai 1877, Temenggung Ismail menyatakan kerajaan British atau Gabenor Negeri-Negeri Selat mempunyai alasan yang kuat menyerahkan pentadbiran Muar kepada Maharaja Abu Bakar sehingga perlantikan dibuat.

Di samping itu Temenggung Ismail menyatakan bahawa langkah tidak mengisyiharkan putera Sultan Ali sebagai pengganti adalah suatu tindakan yang baik. Namun demikian Temenggung Ismail dan penghulu-penghulu pernah membuat keputusan untuk melantik putera Sultan Ali sebagai pengganti. Keputusan tersebut berubah apabila Temenggung Muar itu menerima laporan mengejut daripada Kolonel Anson yang menyatakan Maharaja Johor sepatutnya menggantikan Sultan Ali di Muar. Berikut itu, Temenggung dan penghulu-penghulu Muar menyatakan rasa gembira mereka jika putera Sultan Ali tidak dilantik sebagai pengganti Sultan Ali di Muar. Mereka tidak suka putera Sultan Ali berkuasa di Muar; sebaliknya bersedia menerima Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar. Seterusnya mereka sanggup mematuhi perintah dan arahan daripada Maharaja Abu Bakar. Bagi Temenggung Muar, Maharaja Johor itu adalah tokoh yang paling layak mentadbir Muar. Dalam hal ini ternyata Kolonel Anson telah menghubungi Temenggung dan penghulu-penghulu Muar serta mempengaruhi mereka. Antara kandungan surat Kolonel Anson kepada Temenggung Muar meminta beliau ke Muar memilih seorang waris sebagai pemerintah Muar mengikut adat kebiasaan.*

Kehadiran Temenggung dan penghulu-penghulu Muar di Johor Bahru menimbulkan persoalan yang sangat penting. W.H. Read, yang mewakili Tengku Alam menyatakan bahawa telah berlakunya paksaan terhadap Temenggung dan penghulu-penghulu Muar. Dalam perbahasan di Majlis Perundangan (*Legislative Council*) pada hari

* C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877, Enclosure 1, A.E.H. Anson kepada Temenggung Muar, (t.t.).

Jumaat dalam bulan Disember 1877, W.H. Read menyatakan Maharaja Abu Bakar menggunakan paksaan. Temenggung dan penghulu-penghulu Muar telah ditangkap dan dibawa ke Johor Bahru. Perkara ini tidak dipercayai oleh Setiausaha Kolonial Negeri-Negeri Selat. Oleh itu, W.H. Read kemudiannya menghantar surat kepada Setiausaha Kolonial Negeri-Negeri Selat menyatakan kebenaran dakwaannya dalam Majlis Perundangan itu berserta dengan akuan Tengku Ahmad bin Tengku Long sebagai bukti. Akuan itu dibuat di hadapan Hakim Polis, William Edward Maxwell.

Dalam kenyataannya itu Tengku Ahmad bin Tengku Long menyatakan beliau diperintahkan oleh Maharaja Abu Bakar supaya menjemput Temenggung Muar ke Johor Bahru. Maharaja Abu Bakar mengarahkan Tengku Ahmad menangkap Temenggung Muar atau membunuhnya jika beliau menentang.¹⁰ Kenyataan ini jelas membuktikan berlakunya kekasaran terhadap Temenggung Muar. Perintah ini diarahkan oleh Raja Kechil dan Andak; manakala Raja Kechil dan Andak pula mendapat perintah daripada Maharaja Abu Bakar. Setelah menerima perintah itu, Tengku Ahmad berserta empat orang yang lain menuju ke rumah Temenggung Muar. Setiap orang yang bersama dengan Tengku Ahmad ini membawa senapang. Apabila tiba di rumah Temenggung Muar, Tengku Ahmad menyatakan perintah daripada Maharaja Abu Bakar yang meminta Temenggung datang menemuinya. Walaupun Temenggung memberi alasan bahawa tidak perlu berunding lagi kerana sudah ada pengganti yang sah tetapi Tengku Ahmad menjelaskan bahawa Temenggung mesti menemui Maharaja.

Pada masa itu kapal api Maharaja, *Pulai*, telah pun berlabuh di Kuala Muar. Dalam pada itu datang angkatan sebanyak dua puluh atau tiga puluh perahu kecil dan besar bersama-sama Tengku Haji Bugis, Ungku Andak dan Andak. Mereka turut disertai oleh pasukan polis dari rumah pasung Kuala Lenga, Sungai Muar. Mereka ini membawa senjata dan bermaksud untuk menyerang Muar.¹¹ Ungku

¹⁰ C.O. 273/92, "TMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1878, terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877, "Ucapan W.H. Read kepada Setiausaha Kolonial Negeri-Negeri Selat, 10 Disember 1877. Lihat juga C.O. 273/92, "TMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir surat W.H. Read kepada Setiausaha Kolonial Negeri-Negeri Selat, 10 Disember 1877, terlampir kenyataan Tengku Ahmad bin Tengku Long, 10 Disember 1877. Surat kenyataan ini ditandatangani oleh W.E. Maxwell, Majistret Polis dan Jaksa Pendamai, Negeri-Negeri Selat dan G. Rappe.

¹¹ C.O. 273/416, "CMDSJ", Enclosure 3, "Declaration of Tunku Ahmat".

Andak dan Andak datang ke Muar dengan kapal api, *Pulai*, bersama Temenggung dan beberapa orang penghulu pada hari Sabtu. Temenggung dan penghulu-penghulu pula bertolak dari Johor Bahru pada hari Jumaat. Ungku Haji juga turut hadir tetapi beliau terus pulang ke Johor Bahru dengan kapal api.¹² Jumlah pengiring Maharaja Abu Bakar lebih kurang dua ratus orang.

Andak kemudiannya cuba mendapatkan penjelasan daripada Tengku Ahmad sama ada Temenggung Muar ingin menemui Maharaja Abu Bakar atau tidak. Tengku Ahmad menjelaskan bahawa Temenggung Muar akan menemui Maharaja Abu Bakar. Kemudian datang Orang Kaya Padang berserta empat puluh atau lima puluh orang ke tempat Andak. Temenggung Muar memberitahu bahawa keluarganya bersama-sama utusan Maharaja Abu Bakar pergi ke Bukit Kepong. Temenggung Muar bersama-sama utusan Maharaja seterusnya ke Johor Bahru dengan kapal api, *Pulai*.

Maharaja Abu Bakar juga mengeluarkan perintah kepada Andak supaya memanggil Tengku Nong (Tengku Omar). Seperti juga perintah kepada Temenggung Muar, Tengku Nong akan ditangkap kalau menolak; dan seterusnya akan dibunuh kalau menentang. Sekali lagi Andak mengarahkan Tengku Ahmad untuk menjalankan perintah itu. Dengan itu Tengku Ahmad mencari Tengku Nong selama beberapa hari tetapi gagal menemuinya. Tengku Ahmad lalu pulang melaporkan perkara itu kepada Andak.

Penangkapan Temenggung dan penghulu-penghulu Muar ini disiarkan dalam akhbar *Straits Times*.¹³ Dengan tersiarnya berita itu, Carnavon meminta penjelasan daripada W.F. Robinson. Beliau mengharapkan agar berita itu tidak benar. Dengan itu W.F. Robinson meminta penjelasan daripada Maharaja Abu Bakar. Maharaja Abu Bakar menafikan berita itu dan menegaskan bahawa Temenggung datang melawatnya di Johor Bahru. Selain itu beliau menyatakan, disebabkan Kolonel Anson memintanya mentadbir Muar sementara menunggu keputusan daripada kerajaan tentang pengganti pemerintah Muar, maka adalah perlu baginya dan juga pihak British menemuduga Temenggung dan penghulu-penghulu Muar.

¹² C.O. 273/416, A.M. Skinner kepada Setiausaha Pejabat Kolonial Negeri-Negeri Selat, 12 November 1877.

¹³ C.O. 273/92, "TMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlaminir surat Maharaja Johor kepada William F. Robinson, 5 Disember 1877. C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877.

Disebabkan perkara inilah, Temenggung dan penghulu-penghulu Muar dijemput melawat Johor Bahru dan Singapura untuk menemui Kolonel Anson.

Jelas terdapat percanggahan dalam laporan Maharaja Abu Bakar itu. Beliau menyatakan yang Temenggung datang melawatnya, manakala dalam kenyataannya yang lain pula dikatakan beliau menjemput Temenggung termasuk juga penghulu-penghulu datang melawat Johor Bahru dan Singapura. Adanya perkara yang bertentangan ini seolah-olah menjadi bukti bahawa Maharaja Abu Bakar cuba menyembunyikan sesuatu. Ini juga boleh membuktikan bahawa dakwaan Tengku Alam dan berita akhbar *Straits Times* berkenaan paksaan dan penangkapan oleh Maharaja Abu Bakar terhadap Temenggung dan penghulu-penghulu Muar adalah benar.

Maharaja Abu Bakar menafikan yang beliau terlibat memaksa dan menangkap Temenggung dan penghulu-penghulu Muar. Beliau menegaskan tidak membuat sebarang perintah seperti pengakuan Tengku Ahmad; malah Andak yang dikatakan oleh Tengku Ahmad telah memerintahkan, tidak ada di Kuala Lenga pada masa itu. Andak berada di Segamat, iaitu enam puluh empat kilometer jaraknya dari Kuala Lenga. Namun begitu bagi mengukuhkan lagi penyangkalannya terhadap pengakuan Tengku Ahmad, Maharaja Abu Bakar melampirkan arahannya kepada Raja Ahmad serta laporan Raja Ahmad kepadanya. Turut disertakan pengakuan-pengakuan oleh Andak, Raja Ahmad, Ungku Haji, Ungku Andak, Orang Kaya Abu Bakar Padang dan Wan Muhammad Ali.¹⁴

Sekiranya berdasarkan kepada laporan Maharaja Abu Bakar yang melampirkan pengakuan beberapa orang yang diarahkan ke Muar itu, tidak terdapat sebarang arahan menyerang, memaksa serta menangkap Temenggung dan penghulu-penghulu Muar. Dalam buku *Tarikh Dato' Bentara Luar Johor* dicatatkan bahawa Temenggung Muar dan lebih daripada sepuluh orang penghulu datang sendiri untuk menemui pegawai British di Singapura. Mereka menyatakan yang mereka tidak menyokong Tengku Alam sebagai pemerintah Muar; sebaliknya menyerahkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja Johor,

¹⁴ C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878. Lihat juga C.O. 273/93, "Trouble arrest of the Tumonggong of Moar [Temenggung of Muar]", (seterusnya diringkaskan menjadi "TATM"), W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, terlampir Maharaja Johor (Abu Bakar) kepada W.F. Robinson, 5 Januari 1878.

iaitu Maharaja Abu Bakar. Tulisan ini menyangkal adanya paksaan dan penangkapan Temenggung dan penghulu-penghulu Muar.

Raja Ahmad bin Raja Shahid, dalam laporannya bertarikh 30 Julai 1877, menyatakan yang beliau diperintahkan oleh Maharaja Abu Bakar supaya mengarahkan seorang yang dirasakan sesuai ke Muar untuk memanggil Temenggung dan penghulu-penghulu Muar ke Johor Bahru.¹⁵ Dinyatakan tujuan panggilan itu ialah untuk memaklumkan kepada Temenggung dan penghulu-penghulu Muar yang Maharaja Abu Bakar diminta oleh kerajaan British mentadbir kawasan sebelah kiri tebing Sungai Muar. Dalam suratnya, Maharaja Abu Bakar mengarahkan Raja Ahmad memaklumkan penghulu dan penduduk di kiri Sungai Muar supaya tidak menimbulkan kekacauan. Selain itu diarahkan agar dibawa Temenggung dan penghulu ke Johor Bahru.¹⁶

Berikutan itu, Raja Ahmad mengarahkan beberapa orang untuk memberitahu perintah tersebut kepada Penghulu Kesang, Penghulu Tanjung Gading, Penghulu Tasik, Penghulu Chohong, Penghulu Jementah dan juga penduduk-penduduk Muar. Sebelum perintah Maharaja Abu Bakar disampaikan kepada penghulu-penghulu Muar, Raja Ahmad menghantar beberapa orang untuk mengesan di mana Temenggung Muar berada. Lebih kurang enam hari kemudian, beberapa orang yang ditugaskan itu pulang dan menyatakan Temenggung Muar berada di Lubuk Tebrau. Kemudiannya, pada 22 Julai 1877, Penghulu Adam, Penghulu Shamsu dan Penghulu Subuh, Menteri Khamis, Mukim Ibrahim, Wan Muhammad Salleh dan Wan Abas datang menemui Raja Ahmad untuk menghadap Maharaja Abu Bakar di Johor Bahru. Pada 23 Julai 1877, para penghulu berlepas ke Johor Bahru.

Pada 23 Julai 1877 Andak (Residen Muar) berada di Segamat. Di sana beliau mendengar berita bahawa Maharaja Abu Bakar

¹⁵ C.O. 273/92, "TATM", W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, terlampir Maharaja Abu Bakar kepada W.F. Robinson, 5 Januari 1878, terlampir laporan Raja Ahmad bin Raja Shahid, 19 Rejab 1294 (30 Julai 1877).

¹⁶ C.O. 273/416, "CMDSI", W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, Enclosure 2 "Translation A" Maharaja Abu Bakar kepada Raja Ahmad, 13 Julai 1877. Surat ini dikui benar di Kuala Muar, di atas kapal api *Pulau*. Lihat juga C.O. 273/93, "TATM", W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, terlampir Maharaja Abu Bakar kepada W.F. Robinson, 5 Januari 1878, terlampir, Maharaja Abu Bakar kepada Raja Ahmad bin Raja Shahid, 13 Julai 1877.

menghantar wakil untuk menjemput Temenggung Muar ke Johor. Dengan itu Andak menghantar Endut menemui Temenggung Muar di Lubuk Tebrau untuk menyatakan yang Maharaja Abu Bakar menjemputnya ke Johor Bahru. Keesokan harinya, 24 Julai 1877, Endut pulang untuk memberitahu bahawa Temenggung Muar ingin menemui Andak di Kuala Segamat.

Raja Ahmad mudik ke Lenga dengan kapal api, *Pulai*. Sewaktu berangkat ke Lenga, Raja Ahmad ditemani oleh Ungku Andak, iaitu Residen Padang, dan Orang Kaya Abu Bakar Padang dengan menaiki perahu kolek. Semasa berada di Lenga, Raja Ahmad menghantar pengikutnya menjemput Wan Muhammad Ali dan Ungku Haji di Bukit Kepong. Pada 24 Julai 1877, Ungku Haji datang menemui Raja Ahmad. Berikutnya, Raja Ahmad mengarahkan Ungku Haji ke Lubuk Tebrau untuk memberitahu Temenggung Muar supaya datang ke Johor Bahru.

Ungku Haji berangkat dengan perahu bernama *Jala* dan tiba di Lubuk Tebrau pada waktu malam. Di sana Ungku Haji menyampaikan perintah Raja Ahmad kepada Temenggung Muar. Temenggung menyatakan kesanggupannya pergi ke Johor Bahru untuk menemui Maharaja Abu Bakar. Pada waktu tengah harinya pula, Wan Muhammad Ali tiba. Beliau juga menerima arahan yang sama untuk menjemput Temenggung Muar. Wan Muhammad Ali memudiki sungai dan tiba di Kuala Segamat pada 25 Julai 1877. Di sana Wan Muhammad Ali bertemu dengan Andak. Wan Muhammad Ali memberitahu Andak yang beliau diarahkan oleh Raja Ahmad untuk menjemput Temenggung. Dengan itu Andak menaiki perahu, *Bidar*, bersama Wan Muhammad Ali menuju ke tempat Temenggung Muar di Lubuk Tebrau. Mereka tiba di sana pada waktu malam. Pada ketika itu Ungku Haji sudah pun berada di Lubuk Tebrau. Dalam pertemuan itu, Temenggung Muar menyatakan yang beliau akan menemui Raja Ahmad di Kuala Lenga.

Pada malam itu dengan bantuan pengikut Temenggung, Andak dihantar ke perahunya di Kuala Segamat. Juga pada malam yang sama Andak menghilir ke Lenga dan tiba pada 26 Julai 1877. Di sana Andak menemui Raja Ahmad. Andak melaporkan yang beliau telah pun menemui Temenggung Muar dan menasihatinya agar datang bertemu Maharaja Abu Bakar. Temenggung Muar itu dilaporkan akan tiba pada sebelah pagi. Seterusnya pada petang 26 Julai 1877, Andak bersama empat pendayung bertolak ke Segamat. Andak, Temenggung Muar dan keluarganya, bersama-sama Ungku Haji dan Wan Muhammad Ali berlepas dari Lubuk Tebrau pada

pagi 26 Julai 1877. Andak singgah dan bermalam di Bukit Kepong. Keesokan paginya 27 Julai 1877 beliau bertolak semula.

Temenggung Muar berserta Ungku Haji dan Wan Muhammad Ali bermalam di Tebing Tinggi. Pada pagi 27 Julai 1877, mereka bertolak lagi dan singgah sekejap di Bukit Kepong kerana hendak meninggalkan isteri, anak dan keluarga Temenggung Muar di situ. Ketika tiba di Legeh, Andak bertemu dengan Temenggung Muar yang diiringi oleh Wan Muhammad Ali dan Ungku Haji. Dalam pertemuan itu Temenggung Muar mengajak Andak bersama-sama menemui Raja Ahmad di Lenga. Andak menolak pelawaan itu dengan alasan beliau perlu ke Segamat untuk menemui Yamtuan Sri Menanti, Tunku Antah. Dalam perjalanan ke Lenga ini juga rombongan Temenggung Muar, Ungku Haji dan Wan Muhammad Ali bertemu dengan Ungku Andak, iaitu Residen Padang, di Bukit Putai. Temenggung Muar lalu mengajak Ungku Andak untuk ikut serta.

Sebelum itu, Ungku Andak juga diarahkan oleh Raja Ahmad untuk memberitahu penduduk di sebelah kiri Sungai Muar tentang Maharaja Abu Bakar yang menjadi pemerintah sementara Muar. Ungku Andak yang diiringi oleh Orang Kaya Abu Bakar mudik dari Kuala Muar ke Lenga. Mereka mudik dengan perahu kolek kepunyaan balai polis Padang; dan disertai oleh tujuh orang pengiring. Pengiring mereka ini tidak membawa senjata. Ungku Andak dan Orang Kaya Abu Bakar yang ada bersamanya kemudian mengiringi Temenggung Muar.

Rombongan Temenggung Muar tiba di Kuala Lenga, di kapal api, *Pulai*, pada 28 Julai 1877 pukul 9.00 malam. Sesampai sahaja di sana, Temenggung Muar terus pergi menemui Raja Ahmad. Kedatangan Temenggung Muar itu diiringi oleh Ungku Haji dan Wan Muhammad Ali. Di sana Temenggung menjelaskan bahawa beliau ingin pergi ke Johor untuk menemui Maharaja Abu Bakar. Temenggung Muar lalu dibawa pergi oleh Raja Ahmad dengan kapal api, *Pulai*, dari Kuala Lenga ke Kuala Muar. Mereka tiba di Johor Bahru pada 29 Julai 1877. Manakala Ungku Andak dan Orang Kaya Abu Bakar tidak turut serta ke Johor Bahru; mereka hanya tinggal di Kuala Muar.

Andak juga mengatakan yang beliau tidak menerima perintah daripada Raja Ahmad. Beliau juga menafikan yang beliau mengarahkan Tengku Ahmad dari Chunor memudiki sungai untuk menjemput Temenggung Muar. Seterusnya Andak menegaskan bahawa beliau tidak pernah berjumpa dengan Tengku Ahmad dan

Raja Ahmad di Lenga. Beliau juga membuat pengakuan bahawa beliau tidak mengarahkan Tengku Ahmad menjemput Tengku Nong atau Tengku Sulong, dan pasukan mata-mata berserta senjata tidak pernah mudik ke Lubuk Tebrau. Malah Tengku Ahmad ketika itu tidak ada di Lubuk Tebrau.¹⁷

Raja Ahmad juga menyatakan bahawa beliau tidak mengarahkan Tengku Ahmad menjemput Temenggung Muar untuk menemuinya. Pengakuan Raja Ahmad ini dilakukan di hadapan Haji Muhammad Saleh, Hakim Johor, pada 26 Disember 1877.¹⁸ Begitu juga dengan pengakuan Raja Haji, beliau tidak melihat sebarang rombongan polis untuk menyerang Muar. Seterusnya beliau menegaskan bahawa semasa beliau tiba di rumah Temenggung Muar, Tengku Ahmad tidak ada di situ, manakala Temenggung Muar tidak ada menyebut tentang Tengku Ahmad. Ungku Andak pula menyatakan tidak ada rombongan ke Lubuk Tebrau, sebaliknya hanyalah perahunya. Seterusnya Ungku Andak menyatakan bahawa beliau tidak mudik ke Lubuk Tebrau. Pengakuan yang sama juga dibuat oleh Orang Kaya Abu Bakar yang menyatakan beliau juga tidak mudik ke Lubuk Tebrau. Wan Muhammad Ali juga menafikan adanya pasukan orang atau perahu memudiki sungai untuk menyerang Temenggung Muar, dan menemui Tengku Ahmad. Selain itu Wan Muhammad Ali menyatakan bahawa Temenggung Muar tidak ada memberitahu yang Tengku Ahmad ada datang menemui beliau.

¹⁷ C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, Enclosure 4, "Translation C", pengakuan Andak di hadapan Tuan Haji Muhammad Saleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877. Lihat juga C.O. 273/93, "TATM", W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, terlampir Mahارaja Abu Bakar kepada W.F. Robinson, 5 Januari 1878, terlampir pengakuan Encik Andak di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877.

¹⁸ C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Januari 1878, Enclosure 5, "Translation D", pengakuan Raja Ahmad di hadapan Haji Muhammad Saleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877. Lihat juga C.O. 273/93, "TATM", W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878, terlampir Maharaja Abu Bakar kepada W.F. Robinson, 5 Januari 1878, terlampir pengakuan Ungku Haji di hadapan Tuan Haji Muhammad Salleh, Hakim Johor, 26 Disember 1877.

Maharaja Abu Bakar membuat pengakuan yang Temenggung Muar datang ke Johor Bahru tetapi beliau tidak menyekat pergerakannya; malah Temenggung beberapa kali melawat Singapura.¹⁹ Selain itu Maharaja Abu Bakar mengakui dua atau tiga buah perahu yang boleh membawa lima hingga lapan orang tiap-tiap buah mara ke Lubuk Tebrau. Namun demikian beliau menafikan kenyataan yang dibuat oleh Tengku Ahmad. Maharaja Abu Bakar menuduh Tengku Ahmad membuat pengakuan demikian kerana sakit hati kepada Andak.

W.F. Robinson tidak meragui kenyataan Maharaja Abu Bakar itu. Dalam suratnya kepada Carnavon bertarikh 9 Januari 1878, W.F. Robinson menyatakan tidak ada sebarang alasan menafikan kebenaran Maharaja Abu Bakar melalui pengakuan Raja Ahmad itu.²⁰ Dalam pada itu W.F. Robinson berpuas hati dengan laporan Maharaja Abu Bakar yang menafikan melakukan kekasaran dan mengarahkan penangkapan Temenggung dan penghulu-penghulu Muar. Selain itu W.F. Robinson menyatakan kepada Carnavon yang Maharaja Abu Bakar menghantar Wan Muhammad Ali dan Ungku Haji ke Lubuk Tebrau. Kedua-duanya pergi ke tempat kediaman Temenggung dan menjemputnya ke Johor Bahru. Dalam pertemuan dengan wakil Maharaja itu, Temenggung menyatakan persetujuannya dan ikut serta ke Johor Bahru.

Pemilihan Pemerintah Muar

Dalam pemilihan pemerintah Muar, Kolonel Anson sekali lagi terlibat. Beliau ada menyatakan bahawa perlu bagi Temenggung dan penghulu-penghulu Muar hadir di tempat yang akan diadakan upacara pemilihan pemerintah Muar. Selain itu Kolonel Anson juga menghantar surat kepada Temenggung Muar dan Maharaja Abu Bakar. Dalam suratnya kepada Temenggung Muar, Kolonel Anson

¹⁹ C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, Enclosure 1, Maharaja Johor, Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 5 Disember 1877. C.O. 273/92, "TMS" W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir surat Maharaja Johor kepada W.F. Robinson, 5 Disember 1877.

²⁰ C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1878.

meminta Temenggung dan penghulu-penghulu Muar datang ke tempat pemilihan nanti bagi menentukan pemerintah Muar. Seterusnya beliau menyatakan bahawa kerajaan British tidak akan campur tangan dalam pemilihan itu.

Dalam suratnya kepada Maharaja Abu Bakar, Kolonel Anson menyatakan yang Temenggung dan penghulu-penghulu Muar bersetuju supaya Maharaja Abu Bakar menjadi pemerintah sementara di Muar. Perlantikan ini adalah sehingga pemilihan yang sebenar dibuat nanti.²¹

Dalam pemilihan dan perlantikan pemerintah Muar, Kolonel Anson mengambil keputusan bahawa penentuan akan dibuat oleh Temenggung dan penghulu-penghulu Muar. Bagi Kolonel Anson, Temenggung Muar adalah orang yang paling berwibawa di Muar. Beliau juga menegaskan bahawa mereka yang layak mengundi ialah Temenggung Muar, Wan Muhammad Salleh, Wan Muhammad, Penghulu Besar Kamat Jementah, Menteri Khamis Tasik, Mukim Ibrahim; Penghulu Hasim dari Sungai Datuk, Penghulu Adam Tanjung Gading, Penghulu Sudin Chohong, Penghulu Rahmat Kundang, Penghulu Senchu (Sinchoh), Gemir; Penghulu Shamsu, Tasik; Orang Kaya Seman (Othman), Reng; Penghulu Dagang Subuh, Legeh; dan Penghulu Merjan, Kuala Kesang.

Walaupun Kolonel Anson memberi jaminan kepada Carnavon bahawa kerajaan British tidak akan terlibat dalam pemilihan tetapi beliau mengesyorkan supaya seorang wakil kerajaan dihantar ke upacara pemilihan. Wakil kerajaan itu akan bertidak sebagai saksi. Cadangan menghantar seorang wakil British ke tempat pemilihan itu dinyatakan oleh Kolonel Anson kepada Temenggung Muar. Kolonel Anson berharap cadangannya itu akan dipertimbangkan oleh W.F. Robinson yang akan memegang jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat.

²¹C.O. 273/91, "MASS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877, terlampir A.E.H. Anson kepada Maharaja Abu Bakar, 20 Oktober 1877. C.O. 273/91, "AMSA", W.F. Robinson kepada Carnavon, 31 Oktober 1877, terlampir A.E.H. Anson kepada Maharaja Johor, 20 Oktober 1877.

Tindakan Kolonel Anson yang meletakkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar buat sementara pada asasnya tidak ditentang oleh Pejabat Tanah Jajahan di London. Walaupun begitu Pejabat Tanah Jajahan memberi amaran kepada Kolonel Anson kerana melibatkan diri dalam hal ehwal negeri Melayu. Walaupun demikian Carnavon mengharapkan kebebasan diberi dalam penentuan pemerintah Muar serta adat istiadat tempatan diikuti.²²

Dalam soal ini Robert Meade, Penolong Setiausaha Tanah Jajahan, berasa tidak puas hati terhadap tindakan kerajaan Negeri-Negeri Selat yang meletakkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar. Namun demikian dalam arahannya kepada Kolonel Anson, Robert Meade memberi amaran supaya berhati-hati dalam masalah Muar. Beliau juga mengingatkannya agar kehendak Carnavon diturut, iaitu diberi kebebasan untuk melantik pemerintah mereka dan berdasarkan adat istiadat mereka. Dalam minitnya, Robert Meade membuat keputusan akan memberitahu Kolonel Anson supaya tidak melibatkan diri dalam adat istiadat Melayu semasa pemilihan pemerintah Muar. Keputusan itu dibuat setelah beliau mendapat laporan daripada W.H. Read bahawa antara lain, Temenggung Muar telah mengakui Tengku Alam sebagai pengganti Sultan Ali. Dalam suratnya kepada W.H. Read bertarikh 15 September 1877, Robert Meade menyatakan bahawa pemilihan Sultan dibuat mengikut adat tempatan dan tanpa gangguan atau paksaan. Oleh itu dapatlah ditegaskan bahawa Pejabat Tanah Jajahan, sama ada Carnavon atau Robert Meade, pada asasnya tidak menentang langkah Kolonel Anson yang meletakkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar. Namun peringatan diberi agar tidak melibatkan diri dalam soal adat istiadat tempatan.

Oleh itu Kolonel Anson meminta penjelasan daripada Temenggung Muar berkenaan tarikh pemilihan yang akan dibuat bagi memudahkannya menghantar wakil. Temenggung Muar menyatakan kepada Kolonel Anson bahawa beliau dan penghulu-penghulu Muar akan mengadakan upacara pemilihan di Kesang pada 8 November 1877, pukul 9.00 pagi. Beliau mengharapkan agar seorang pegawai British akan dihantar ke Kesang pada hari pemilihan itu.

²² C.O. 273/91, "DSAK", Lord Carnavon, kepada A.E.H. Anson, 3 September 1877.

Dalam telegramnya kepada Kolonel Anson, Carnavon memberi nasihat supaya tidak melibatkan diri dalam adat istiadat Melayu semasa pemilihan pemerintah Muar dibuat. Walaupun demikian Carnavon lebih yakin kepada kebolehan Maharaja Abu Bakar. Ini terbukti apabila beliau menyatakan bahawa dari segi pentadbiran dan kebolehan, tidak ada pemerintah lain yang dapat menandingi Maharaja Abu Bakar. Walaupun demikian Carnavon menyatakan pandangannya bahawa penduduk Muar adalah bebas untuk memilih pemerintah mereka sendiri.

Berkenaan wakil British di upacara pemilihan pemerintah Muar, pada mulanya W. F. Robinson yang menggantikan Kolonel Anson sebagai Gabenor, bercadang hendak menghantar J. Douglas, Setiausaha Kolonial. Namun kemudiannya keputusan dibuat untuk menghantar A.M. Skinner, Penolong Setiausaha Pejabat Kolonial Negeri-Negeri Selat. A.M. Skinner dipilih kerana beliau mengetahui adat istiadat dan bahasa Melayu. W.F. Robinson menegaskan bahawa tugas A.M. Skinner adalah sebagai pemerhati semata-mata dan tidak boleh campur tangan dalam pemilihan pemerintah Muar. Manakala Maharaja Abu Bakar telah menyatakan kepada W.F. Robinson bahawa beliau tidak akan pergi ke Muar sebelum penentuan pemerintah Muar dibuat.

A.M. Skinner menawarkan kepada Tengku Alam untuk turut sama menaiki kapal api, *Pluto*, ke Muar. Walaupun pada 6 November 1877, J. Douglas berjumpa Tengku Alam, namun beliau tidak memberitahunya bahawa Maharaja Abu Bakar akan mengarahkan para pengikutnya berundur dari Muar. Sebaliknya beliau menjelaskan bahawa pihak British tidak bertujuan untuk mempengaruhi mana-mana pihak tertentu. Dengan kata-kata lain, kerajaan British tidak akan melibatkan diri dalam pemilihan pemerintah Muar.

Selain itu Tengku Alam sebagai Waris mempunyai hak untuk hadir di Muar. Manakala pihak British pula amat berbesar hati dengan kehadirannya di sana nanti. Dengan itu Tengku Alam meminta kebenaran untuk menaiki kapal api, *Pluto*, ke Muar.

Namun J. Douglas tidak membenarkan Tengku Alam berbuat demikian. Alasan J. Douglas ialah pihak British telah tidak membenarkan pengikut Maharaja Abu Bakar menaiki kapal api, *Pluto*, untuk pergi ke Muar. Oleh itu adalah tidak adil sekiranya Tengku Alam dibenarkan menaiki kapal api itu ke Muar. J. Douglas lalu mengkritik A.M. Skinner yang memberi tawaran itu kepada Tengku Alam. Tawaran tersebut adalah bertentangan dengan prinsip pihak British yang berkecuali. Dengan itu Tengku Alam menegaskan yang baginda akan berangkat sendiri ke Muar.

Pada 6 November 1877, Tengku Alam telah diberitahu oleh J. Douglas bahawa kerajaan British telah memberi arahan supaya tidak campur tangan dalam masalah penggantian Muar. J. Douglas mengarahkan A.M. Skinner supaya tidak melibatkan diri dalam pemilihan tersebut. Pemilihan itu hendaklah diselesaikan oleh Temenggung Muar dan penghulu-penghulunya sendiri. Namun J. Douglas menyatakan yang tugas khas A.M. Skinner ialah menjelaskan kepada Temenggung dan penghulu-penghulu bahawa calon yang hendak dipilih itu hendaklah memberi manfaat kepada Muar. Segala arahan yang dinyatakan ini terkandung dalam surat J. Douglas kepada A.M. Skinner yang bertarikh 7 November 1877.

Selain itu A.M. Skinner juga diarahkan menjadi saksi dalam pemilihan pemerintah Muar. Beliau juga ditugaskan untuk menjelaskan kepada Temenggung dan penghulu-penghulu Muar supaya membuat pengisytiharan tanpa rasa takut atau paksaan. Selain itu A.M. Skinner juga diarahkan menerangkan kepada Temenggung dan penghulu-penghulu Muar bahawa Maharaja Johor adalah pemerintah sementara Muar. Seterusnya kerajaan British tidak akan mengakui pemerintah yang tidak diiktiraf oleh penduduk. Setelah pemilihan selesai, A.M. Skinner diarahkan memberitahu kepada Temenggung dan penghulu-penghulu Muar yang beliau akan membuat laporan dan menghantar laporan itu kepada kerajaan Negeri-Negeri Selat.²³

Walaupun larangan untuk campur tangan dibuat tetapi kerajaan Negeri-Negeri Selat tetap terlibat dalam menentukan pemerintah Muar. Penglibatan British dapat dilihat apabila bayaran bulanan sebanyak \$50.00 telah diberi kepada Tengku Sulong di Singapura dengan syarat beliau tidak pulang ke Muar. Tengku Sulong adalah kerabat Sultan Ali yang dekat.

Setelah mendapat arahan daripada J. Douglas, A.M. Skinner bertolak ke Muar pada hari Rabu 7 November 1877 dengan kapal api kolonial, *Pluto*. Pemergian A.M. Skinner ke Muar itu sebagai wakil kerajaan. Beliau tiba dan berlabuh 3.2 kilometer dari Kuala

²³ C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 14 November 1877, terlampir J. Douglas kepada A.M. Skinner, 7 November 1877. Lihat juga C.O. 273/91, "EMSJM", W.F. Robinson kepada Carnavon, 14 November 1877, terlampir J. Douglas kepada A.M. Skinner 7 November 1877.

Kesang pada hari Khamis 8 November 1877 pukul 8.00 pagi. Beberapa minit ke pukul 9.00 pagi kapal api, *Pluto*, mendarat di pangkalan, iaitu di tempat yang disediakan untuk perhimpunan bagi pemilihan pemerintah Muar.

Di sana A.M. Skinner mendapati beberapa buah perahu dengan bendera Johor yang berkibar. Hampir dua ratus atau tiga ratus orang berada di sana. Tempat perhimpunan itu kira-kira 0.8 kilometer dari Kuala Sungai Kesang. Di pangkalan itu dibina sebuah bangsal iaitu di hadapan jalan raya Ladang Herr Lind. Tempat perhimpunan itu dihiasi pula dengan daun-daun pisang dan kelapa. Perhiasan kelihatan dari pangkalan hingga ke balai. Balai itu juga dihiasi dengan indah.

Kedatangan A.M. Skinner disambut oleh Temenggung dan anaknya serta penghulu-penghulu Muar. Kira-kira dua ratus orang penduduk turut menyambutnya. Juga turut hadir di sana ialah tiga orang Jerman iaitu Herr Von Geelen, pengurus Ladang Herr Lind, Herr Lange, penolongnya, dan Herr Perser, pengurus ladang Dr. Bentley di Padang. Orang Jerman ini terlibat dalam tanaman tembakau.

Di balai, Temenggung duduk berhampiran penjuru meja, manakala A.M. Skinner di sebelah kiri, hampir di tengah-tengah. Ungku Andak serta Andak pula duduk berhadapan Temenggung. Penghulu-penghulu duduk mengikut taraf masing-masing di sebelah kanan Temenggung.

Sebagai memulakan perbincangan, A.M. Skinner cuba mendapatkan penjelasan daripada Temenggung sama ada semua penghulu yang berhak mengundi sudah datang. Persoalan juga timbul sama ada Ungku Andak dan Andak mempunyai hak dalam memilih pemerintah Muar atau tidak. Temenggung Muar menjelaskan bahawa Ungku Andak tidak berhak mengundi kerana Ungku Andak bukan penghulu; sebaliknya beliau seorang pegawai Maharaja dan bertugas sebagai Residen di Padang.

Sementara Temenggung memberi nama-nama penghulu, A.M. Skinner mengambil kesempatan mengajak Ungku Andak dan Andak keluar dari balai. Berikut itu Ungku Andak dan Andak kemudiannya tidak mengikuti perbincangan lagi. A.M. Skinner mengesyorkan supaya pengundian diadakan pada hari esoknya. Cadangan itu disetujui oleh Temenggung dan penghulu-penghulu. Kenduri diadakan untuk rakyat dengan perbelanjaan dibayar oleh Ungku Andak. Sebanyak \$32.00 dibelanjakan untuk kerbau dan \$4.00 untuk kambing.

Pada hari Jumaat, 9 November 1877, perbincangan dimulakan. Nama-nama mereka yang dicadangkan mengundi selesai disenaraikan pada pukul 11.00 pagi. Mereka yang boleh mengundi ialah Wan Salleh dan Wan Hassan (kedua-duanya anak Temenggung Muar), Penghulu Merjan dari Kuala Kesang, Penghulu Adam dari Tanjung Gading, Menteri Khamis, Penghulu Shamsu dari Tasik dan Penghulu Sudin dari Chohong. Mereka ini adalah penghulu-penghulu Sungai Kesang. Selain itu, yang boleh mengundi ialah Penghulu Senchu dari Gemir, Penghulu Seman dari Reng, Penghulu Kamat dari Jementah, Penghulu Rahmat dari Kundang, Penghulu Hasim dari Sungai Datuk dan Penghulu Dagang Subuh dari Legeh. Mereka ini adalah penghulu-penghulu Muar.

Sebelum pengundian dijalankan timbul masalah berkenaan kedua-dua orang anak Temenggung Muar, Wan Salleh dan Wan Hassan, dan juga masalah Penghulu Merjan. Wan Salleh dan Wan Hassan sebenarnya bukan penghulu. Oleh itu Penghulu Besar menegaskan bahawa Wan Salleh dan Wan Hassan bukan penghulu dan pangkat mereka berlainan daripada penghulu. A.M. Skinner cuba memasukkan Wan Salleh dan Wan Hassan sebagai pengundi dan mengesyorkan supaya mereka ini dimasukkan ke dalam golongan Penghulu Besar. Namun demikian penghulu-penghulu yang hadir telah menolak cadangannya itu.

Manakala Penghulu Merjan, keturunan Jawa, adalah penghulu orang Jawa di Kuala Kesang. Timbulnya masalah tentang Penghulu Merjan ini kerana Mat telah menuntut dan mengakui bahawa beliau sendiri adalah Penghulu Kuala Kesang. Mat menyatakan yang beliau mendapat kewibawaan bertulis daripada Sultan Ali sebagai penghulu bagi orang Jawa. Manakala Penghulu Merjan pula gagal menunjukkan "kuasa", dan memberi alasan capnya itu tertinggal di Johor Bahru. Padahal cap kuasanya telah diambil balik oleh Datuk Bentara Dalam.

Dengan itu untuk mengatasi masalah tersebut, kedua-duanya, Penghulu Merjan dan Mat, tidak boleh mengundi. Oleh itu orang yang berhak mengundi sekarang tinggal sepuluh orang sahaja, iaitu tidak termasuk Wan Salleh, Wan Hassan dan Penghulu Merjan. Semua penghulu hadir kecuali penghulu dari Pengkalan Kota, Muar, kerana jawatan penghulu itu masih kosong.

Kemudiannya penentuan bagi pemerintah Muar dijalankan. Dua orang penghulu bangun menyatakan Maharaja sebagai pemerintah Muar. Temenggung Muar kemudiannya bangkit dan bertanya, "Siapa yang hendak dijadikan Raja, adakah Maharaja?" Semua penghulu yang hadir menyatakan sokongan mereka. Beberapa

kali pertanyaan dibuat dan jawapan yang sama diberikan oleh penghulu-penghulu. Dengan itu Temenggung Muar berpaling kepada A.M. Skinner dan menghulurkan tangannya untuk berjabat dengan A.M. Skinner bagi memberi pengakuan yang sama. Setelah selesai, semua penghulu pulang. A.M. Skinner sempat juga berbual-bual dengan Penghulu Sudin dari Chohong dan Penghulu Dagang Subuh dari Legeh sebelum pulang ke Singapura.²⁴

Keputusan pemilihan itu disifatkan oleh akhbar *Straits Times* sebagai penipuan dan kepura-puraan.²⁵ Namun demikian bagi A.M. Skinner pemilihan Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar dibuat oleh Temenggung dan penghulu-penghulu Muar tanpa dipengaruhi oleh sesiapa termasuk pihak British. Pendapat A.M. Skinner itu dipercayai oleh W. F. Robinson. Dalam suratnya kepada Carnavon bertarikh 5 Disember 1877, W.F. Robinson menyatakan bahawa sokongan kepada Maharaja adalah keputusan mesyuarat yang sejati. Walau bagaimanapun laporan Skinner diragui oleh W.H. Read. Beliau berpendapat bahawa Skinner tidak membuat laporan yang lengkap.

Pemilihan yang berlangsung di Kuala Kesang ini dikritik oleh W.H. Read dalam Majlis Perundangan. Beliau menyatakan bahawa suatu yang aneh berlaku dalam pemilihan yang dikatakan adil itu. Sekiranya hal itu berlaku di England, tindakan itu dianggap sebagai ugutan dan ancaman; dan pemilihan itu tidak sah.²⁶

W.H. Read mempercayai bahawa dari bulan Julai hingga November, Temenggung dan penghulu-penghulu Muar berada di Johor Bahru. Mereka datang ke Muar dengan kapal api Maharaja. W.H. Read juga merasakan tidak adil tindakan British yang mengetepikan Tengku Alam sebagai keturunan Sultan Ali yang sah untuk meletakkan Muar di bawah pemerintahan Maharaja Abu Bakar.

²⁴ C.O. 273/416, A.M. Skinner kepada Setiausaha Pejabat Kolonial Negeri-Negeri Selat, 12 November 1877. Lihat juga C.O. 273/416, "EMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 14 November 1877. Lihat juga C.O. 273/91, "EMJS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 14 November 1877. C.O. 273/91, "EMJS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 14 November 1877, terlampir A.M. Skinner kepada J. Douglas, 12 November 1877. Lihat juga C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877.

²⁵ C.O. 273/92, "CTAMS", William F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir keratan akhbar *Straits Times*. "The truth is the election was a swindle and a farce."

²⁶ C.O. 273/92, "TMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877. "Ucapan W.H. Read di Majlis Perundangan Singapura".

Walau apa kritikan yang dibuat, pihak British menganggap pemilihan di Kesang yang menyokong Maharaja Abu Bakar sebagai keputusan sebulat suara. Sir Michael Hicks Beach di Pejabat Tanah Jajahan London tidak nampak sebarang kepentingan untuk melibatkan diri dalam keputusan yang dibuat itu. Namun demikian itu bukan bermakna bahawa kerajaan British tidak berniat untuk campur tangan dalam masalah Muar. Kenyataan ini boleh menggambarkan yang kerajaan British mungkin mengiktiraf pemilihan Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar. Ini terbukti kemudiannya apabila kerajaan British menyokong keputusan pemilihan Maharaja Abu Bakar itu dan mengiktirafnya.²⁷ Walaupun demikian Michael Hicks Beach mengarahkan W.F. Robinson agar mengiktirafkan Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar secara rahsia. Dengan cara ini Michael Hicks Beach berharap dapat mengelakkan tanggapan bahawa kerajaan British terlibat dalam mengesahkan perlantikan Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar.²⁸ Jelas bahawa pihak British telah bertindak bertentangan dengan prinsipnya yang berkecuali.

Maharaja Abu Bakar Meminta Diiktiraf Sebagai Sultan

Setelah berkuasa di Muar, Maharaja Abu Bakar memohon agar kerajaan British mengiktirafkan beliau sebagai Sultan. Keinginan Maharaja Abu Bakar itu disampaikan oleh W. Napier kepada Michael Hicks Beach. Perkara tersebut dibincangkan oleh pegawai-pegawai di Pejabat Tanah Jajahan. Robert Meade mengesyorkan agar pandangan daripada W.F. Robinson, Gabenor Negeri-Negeri Selat, diperoleh sebelum sesuatu keputusan dibuat. Cadangan Meade itu disetujui oleh Michael Hicks Beach.

Timbulnya keraguan untuk mengiktiraf Maharaja Abu Bakar sebagai Sultan adalah kerana keturunan Maharaja Abu Bakar dipersoalkan, iaitu sama ada berdarah raja atau tidak. Michael Hicks Beach menegaskan bahawa sekiranya Maharaja Abu Bakar berdarah raja, maka pengiktirafan itu tidak menyusahkan Maharaja Abu Bakar dan juga pihak British. Namun begitu Michael Hicks Beach

²⁷ C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 24 Oktober 1878, terlampir W.F. Robinson kepada Maharaja Johor, 24 Oktober 1878. C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 24 Oktober 1878.

²⁸ C.O. 273/93, Michael Hicks Beach kepada W.F. Robinson, 20 April 1878 (draft).

menyatakan bahawa Maharaja Abu Bakar telah menunjukkan kebolehan dan keupayaan yang istimewa dalam pentadbiran.

Ternyata bahawa pihak British meragui keturunan Maharaja Abu Bakar. Mereka bimbang kekacauan akan berlaku sekiranya selepas pengiktirafan sebagai Sultan dibuat terhadpanya, Maharaja Abu Bakar kemudiannya didapati bukan berdarah raja. Keraguan timbul di kalangan pegawai British di London kerana adanya laporan Gabenor William Jervois yang mencatatkan bahawa semua Sultan Melayu tidak mengiktirafkan kedudukan Maharaja Johor setaraf dengan mereka. Namun demikian W. Napier menyatakan kepada Michael Hicks Beach bahawa Maharaja Johor adalah keturunan daripada Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV.²⁹ Disebabkan timbul persoalan ini, telegram dihantar kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat untuk meminta pandangan berkenaan permohonan Maharaja Abu Bakar sebagai Sultan Johor.

W.F. Robinson kemudiannya mengajukan surat kepada Michael Hicks Beach pada 14 Ogos 1878. Dalam suratnya itu beliau menyatakan yang Maharaja Abu Bakar tidak perlu diiktiraf sebagai Sultan Johor. Ini disebabkan Maharaja Abu Bakar tidak mempunyai sebarang tuntutan untuk menjadi Sultan Johor. Selain itu negeri-negeri jiran yang jauh dari Johor, mengenali Maharaja Abu Bakar sebagai Temenggung. Oleh itu amatlah sukar untuk dinaikkan jawatan Temenggung ke taraf Sultan. Sekiranya Maharaja Abu Bakar diiktiraf sebagai Sultan, sudah pasti orang Melayu akan menganggap Maharaja Abu Bakar, anak Temenggung, telah belot kepada Sultan Ali dan mewarisi jajahan yang telah ditentukan kepada Sultan Husin.

Di samping itu walaupun pada praktiknya Sultan Ali tidak mempunyai kuasa dan wibawa dalam pemerintahan Johor, baginda dihormati dan diakui sebagai waris sah Sultan Johor oleh Sultan Terengganu, Sultan Kedah, Bendahara Pahang, Sultan Selangor dan Sultan Perak. Negeri-negeri di sekitar Melaka, Rembau, Johol dan Singapura turut mengiktirafnya. Ini bererti ada kemungkinan semua Sultan dan pembesar di Semenanjung Tanah Melayu bersimpati

²⁹ C.O. 273/97, W. Napier kepada Michael Hicks Beach, 30 Julai 1878.

kepada keluarga Sultan Ali. Oleh itu W.F. Robinson memberi kepastian bahawa Sultan Kedah, Terengganu, Kelantan, dan Selangor serta Bendahara Pahang tidak akan menerima Maharaja Abu Bakar sebagai Sultan. Ini bererti kalau kerajaan British hendak mengiktiraf Maharaja Abu Bakar sebagai Sultan, pihak British juga harus memaksa pemerintah-pemerintah Kedah, Terengganu, Kelantan, Selangor dan Pahang untuk berbuat demikian. Perkara itu adalah mustahil kerana pengaruh British di Semenanjung Tanah Melayu adalah lemah. Seterusnya sekiranya Maharaja Abu Bakar diiktiraf sebagai Sultan Johor, kerajaan British akan menerima kritikan akibat tindakannya yang mengakui perlantikan Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar. Malahan pengiktirafan Maharaja Abu Bakar sebagai Sultan akan menggemparkan masyarakat Melayu serta orang Eropah. Tindakan itu juga akan menyebabkan Tengku Alam membuat tuntutan semula terhadap kerajaan Johor serta disokong oleh orang Eropah dan orang Melayu.

Berdasarkan alasan-alasan itu W.F. Robinson menegaskan bahawa beliau tidak mengakui pengiktirafan Maharaja Abu Bakar sebagai Sultan Johor. Michael Hicks Beach menyatakan persetujuannya dengan kesimpulan yang dibuat oleh W.F. Robinson. Keputusan tersebut juga disetujui oleh pegawai-pegawai tertentu, seperti Robert Meade di Pejabat Tanah Jajahan, London.³⁰

³⁰ C.O. 273/95, "RMJS", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 14 Ogos 1878; Michael Hicks Beach kepada W.F. Robinson, 31 Oktober 1878 (draft), minit difail.

BAB V

Tuntutan Tengku Alam

Sikap British yang berat sebelah dengan menyokong Maharaja Abu Bakar dan mengakuinya berkuasa di Muar ditentang oleh Tengku Alam, putera Sultan Ali. Tengku Alam menuntut bahawa beliau adalah calon yang berhak menggantikan ayahandanya dengan gelaran Sultan dan berkuasa di Muar. Oleh itu sebagai melahirkan rasa tidak puas hati dan membuktikan yang beliau berhak, Tengku Alam mengajukan tuntutan kepada pihak British. Apa yang menarik dalam tuntutan ini, beliau mendapat sokongan daripada segolongan penduduk dan mereka mengajukan surat bantahan kepada kerajaan British.

Bantahan Terhadap Pemilihan Pemerintah Muar

Ketika Kolonel Anson masih memangku jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat, Tengku Alam mengajukan bantahan kepadanya pada 3 Ogos 1877. Beliau membantah terhadap tindakan Maharaja Abu Bakar yang menangkap Temenggung dan penghulu-penghulu Muar serta memaksa mereka bersumpah di dalam masjid menyatakan taat setia dan akan mematuhi segala arahan Maharaja Abu Bakar. Dalam bantahannya itu, Tengku Alam menyatakan Muar adalah

negeri bebas, iaitu bukan kepunyaan Maharaja Abu Bakar, dan oleh itu Maharaja tidak mempunyai hak terhadapnya.¹

Setelah menerima bantahan ini, Kolonel Anson menyatakan melalui A.M. Skinner bahawa beliau akan membuat penyiasatan di Muar. Beliau bercadang untuk bertolak ke Muar dengan kapal api, *Pluto*, pada 5 Ogos 1877. Tengku Alam ditawarkan untuk ikut bersama ke Muar bagi menyaksikan tindakan yang akan diambil terhadap bantahannya itu.²

Penangkapan Temenggung dan penghulu-penghulu Muar diketahui oleh Carnavon yang berada di England. Namun begitu oleh sebab berita penangkapan ini disiarkan dalam akhbar Singapura, maka beliau menganggap berita itu palsu. Kenyataan penangkapan ini ditegaskan oleh P. Benson Maxwell dalam *Pall Mall Gazette*, 14 Mei 1879, bertajuk "Correspondence - A Malayan Grievance". P. Benson Maxwell pernah menjadi peguam dan ketua hakim sebelum bersara pada 1871.

Kemudiannya, Tengku Alam meneruskan bantahannya kepada Gabenor W.F. Robinson yang memegang jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat yang sebelum itu dipangku oleh Kolonel Anson. Pada 13 November 1877, Tengku Alam mengunjungi W.F. Robinson dan mendesak supaya menentang keputusan pemilihan di Kuala Kesang yang melantik Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar. Bagi Tengku Alam, penghulu-penghulu yang membuang undi itu telah dipaksa. W.F. Robinson menyatakan kepada Tengku Alam bahawa kerajaan British akan menyiasat perkara tersebut. Selain itu beliau menyatakan yang kerajaan tidak mengiktiraf seseorang itu menjadi pemerintah sekiranya calon berkenaan tidak dapat memberi keyakinan kepada rakyat. Walaupun begitu W.F. Robinson memberi pengakuan bahawa sekiranya Tengku Alam membuat bantahan bertulis, beliau akan menyampaikan bantahan itu kepada Carnavon di England. Namun demikian bagi W.F. Robinson, beliau tidak akan membuat sebarang perubahan terhadap keputusan penghulu-penghulu yang melantik Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar.³

¹C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure B, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Kolonel Anson, 3 Ogos 1877.

²C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 9, A.M. Skinner kepada Tengku Alam, 4 Ogos 1877.

³C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 14 November 1877.

Lihat juga C.O. 273/91, "EMJS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 14 November 1877.

Dalam bantahannya itu, Tengku Alam juga menyatakan bahawa pemilihan pemerintah adalah mengikut Undang-undang Pewarisan Melayu dan tidak melalui pemilihan rakyat. Rakyat tidak mempunyai suara untuk menentukan bakal pengganti pemerintah mereka. Malahan menurutnya, jawatan Sultan adalah berketurunan, tidak dipilih, dan rakyat tidak mempunyai kuasa dalam soal itu.⁴

Sememangnya soal penggantian Sultan bukan ditentukan oleh rakyat atau melalui pemilihan. Sebaliknya, pengganti Sultan ditentukan oleh satu badan atau mereka yang bertanggungjawab dalam hal tersebut. Oleh itu dalam kes penggantian Sultan Ali yang berkuasa di Muar, maka sudah pasti yang bertanggungjawab dalam soal ini ialah Temenggung Muar dan waris-waris terdekat. Rakyat tidak mempunyai kuasa dalam pemilihan pengganti Sultan. Begitu juga jawatan Sultan adalah berketurunan. Berketurunan yang dimaksudkan di sini ialah keturunan daripada keluarga Sultan yang memerintah.

Selain itu, Tengku Alam menyatakan bahawa berdasarkan Perjanjian 10 Mac 1855, Muar adalah hak Sultan Ali, waris-waris, dan pengantinya.⁵ Sebagai menguatkan bantahannya itu, Tengku Alam melampirkan Perjanjian 1855 yang ditandatangani oleh Sultan Ali dan Temenggung Daeng Ibrahim. Artikel III perjanjian tersebut menyatakan Muar adalah menjadi hak pentadbiran Sultan Ali Iskandar Shah dan keturunan atau waris gantinya.⁶ Dalam surat bantahan dan tuntutannya itu, Tengku Alam mengharapkan pertimbangan yang adil daripada kerajaan British. Selain itu, Tengku Alam menyatakan yang pemilihan di Kuala Kesang itu tidak boleh diterima kerana pengundinya dipaksa dan diugut.⁷ Antara kandungan suratnya seperti berikut:

Tuntutan Tengku Alam ini mendapat perhatian J. Douglas. Beliau menyatakan bahawa tuntutan Tengku Alam itu menafikan hakikat yang Sultan Ali meninggalkan wasiat bagi menyerahkan negeri Muar dan harta kepada Tengku Mahmud, putera Sultan Ali

⁴C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Carnavon, 26 November 1877.

⁵C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir surat Tengku Alam kepada Carnavon, 26 November 1877.

⁶C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir surat Tengku Alam kepada Carnavon, 26 November 1877, terlampir lampiran J.

⁷C.O. 273/96, "TMS", W.F. Robinson kepada M. Hicks Beach, 28 Disember 1878, terlampir surat Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada W.F. Robinson, 26 November 1878.

dengan isteri ketiga. Namun begitu J. Douglas menyatakan pula yang wasiat tersebut tidak berguna dan dengan demikian negeri Muar masih tidak ada pemerintah. Surat pengakuan Temenggung dan penghulu-penghulu Muar kepada Tengku Alam sebagai pengganti Sultan Ali yang diserahkan kepada Irving dan J. Douglas di Melaka selepas pemakaman Sultan Ali dianggapnya sebagai tidak bernilai. Seterusnya J. Douglas menganggap mereka yang menurunkan tandatangan itu bukannya 'Waris'.⁸

Kolonel Anson pula berpendapat bahawa 'Waris' ini terdiri daripada Temenggung dan penghulu atau pemilih.⁹ Malah Maharaja Abu Bakar pula menyatakan 'Waris' atau Majlis di Muar terdiri daripada Temenggung Ismail (Temenggung Muar), Penghulu Dagang Subuh, Penghulu Adam, Penghulu Besar Kamat, Penghulu Menteri Khamis, Penghulu Sudin, dan Penghulu Rahmat.¹⁰ Padahal nama-nama ini bukanlah 'Waris' yang berhak menggantikan Sultan Ali; sebaliknya mereka adalah anggota Majlis di Muar.

Memandangkan timbulnya persoalan berkenaan 'Waris' ini, J. Douglas menyatakan yang 'Waris' adalah daripada perkataan Arab dan ertinya termasuk dalam soal-soal awam dan politik. Beliau menjelaskan bahawa dalam keadaan biasa dan berdasarkan undang-undang Islam, apabila seseorang meninggal dunia, semua anaknya adalah 'Waris' kepada harta yang ditinggalkan. Dalam politik pula 'Waris' ialah berdarah raja dan berkelayakan melalui keturunan untuk menggantikan Sultan yang mangkat.¹¹

Berkenaan pemilihan di Kuala Kesang yang dibangkitkan oleh Tengku Alam, J. Douglas menyatakan yang keputusan tersebut mengikut kehendak rakyat yang dilahirkan melalui penghulu. Namun begitu J. Douglas bersetuju dengan Tengku Alam bahawa pungutan suara yang dijalankan itu bukanlah adat Melayu dan rakyat tidak mempunyai kuasa dalam hal pemilihan Sultan. Walaupun demikian J. Douglas menyatakan bahawa disebabkan 'Waris' tidak hadir,

⁸ C.O. 273/92, "CTAMS", J. Douglas kepada W.F. Robinson, 28 November 1877.

⁹ C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, C.O. 273/92, "CTAMS", J. Douglas kepada W.F. Robinson, 28 November 1877. C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 1, "Further Memorandum regarding the History of Sultan Ali's family, and of his Affairs". C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 12, "Minute respecting Tunku Alam's petition by the Colonial Secretary" J. Douglas, 28 November 1877.

¹⁰ C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 5, Maharaja Johor (Maharaja Abu Bakar) kepada A.E.H. Anson, 3 Ogos 1877.

¹¹ C.O. 273/92, "CTAMS", J. Douglas kepada W.F. Robinson, 28 November 1877.

Temenggung dan penghulu adalah mereka yang layak untuk Kolonel Anson menyelesaikan masalah pemerintah Muar.¹²

Tuntutan Tengku Alam dalam suratnya yang bertarikh 26 November 1877 telah diterima oleh Setiausaha Negara di England. Setiausaha Negara, Michael Hicks Beach menyatakan bahawa beliau tidak akan melibatkan diri dalam keputusan yang telah dibuat. Dengan kata-kata lain, disebabkan keputusan meletakkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja Johor dibuat oleh Temenggung dan penghulu-penghulu Muar, maka kerajaan British tidak mahu campur tangan lagi. Alasannya, kedudukan Muar telah pun ditentukan oleh pembesar-pembesar yang berkuasa dan mempunyai wibawa. Keputusan kerajaan British ini disampaikan oleh W.F. Robinson kepada Tengku Alam.¹³ Namun demikian, tidak berapa lama setelah surat dihantar kepada Maharaja Johor dan Tengku Alam, W.F. Robinson menerima surat daripada Temenggung Muar menyatakan bahawa beliau dan penghulu-penghulu menyesal kerana melantik Maharaja sebagai pemerintah Muar; sebaliknya mereka mahukan Tengku Alam.¹⁴

Tengku Alam juga membantah pemilihan Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar ketika berbincang tentang masalah tawaran wang sara hidup pada 10 Julai 1878 di Pejabat Kerajaan. Tengku Alam menegaskan bahawa Temenggung dan penghulu-penghulu Muar melantik Maharaja Abu Bakar menjadi pemerintah Muar kerana mereka takut. Oleh itu, menurut Tengku Alam keputusan Kesang tidak sah. Selain itu Tengku Alam menyatakan yang baginda akan berunding dengan Sultan Kedah, Pahang, Terengganu, dan Kelantan berkenaan soal penggantian itu.¹⁵

¹² C.O. 273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 12, "Minute respecting Tunku Alam's petition by the Colonial Secretary" J. Douglas, 28 November 1877. C.O. 273/92, "CTAMS", J. Douglas kepada W.F. Robinson, 28 November 1877. "The election, therefore, that took place at Kuala Kessang [Kesang] was I imagine, an expression of the wishes of the people through their Headmen (the Temenggung and Penghulus) but Tunku Alam is no doubt correct in stating that a plebiscitum is not a recognized Malay Custom. In Malay Custom the 'people' do not count for much, politically or otherwise; but in the absence of 'Waris' the Headmen, i.e. Temenggong and Penghulus, were beyond a doubt the right persons for Colonel Anson to resort to."

¹³ C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 24 Oktober 1878, terlampir W.F. Robinson kepada Tengku Alam, 24 Oktober 1878.

¹⁴ C.O. 273/98, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 7 Januari 1879.

¹⁵ C.O. 273/95, Laporan F. Swettenham, 10 Julai 1878.

Tuntutan Tengku Alam Terhadap Muar

Di samping membantah keputusan pemilihan di Kuala Kesang, Tengku Alam juga menuntut hak terhadap Muar. Dalam tuntutannya itu, Tengku Alam menegaskan bahawa baginda adalah waris yang berhak menyandang gelaran 'Sultan' untuk menggantikan ayahandanya, Sultan Ali. Tuntutan itu diajukan kepada Kolonel Anson, Pemangku Gabenor Negeri-Negeri Selat; kemudiannya kepada pengganti Kolonel Anson, iaitu Gabenor W.F. Robinson. Selain itu, Tengku Alam juga mengajukan tuntutan kepada Carnavon di Pejabat Tanah Jajahan, London, dan Ratu British.

Selepas kemangkatan Sultan Ali, Tengku Alam telah diketepikan daripada menggunakan gelaran Sultan dan tidak mempunyai sebarang pemilikan terhadap Muar. Tindakan itu dilakukan oleh Kolonel Anson.¹⁶ Dengan itu, Tengku Alam telah menghantar surat kepada Kolonel Anson bertarikh 4 Julai 1877. Dalam suratnya itu, Tengku Alam menyatakan kemangkatan ayahandanya, Sultan Ali. Selain itu, Tengku Alam menegaskan dirinya sebagai putera sulung Sultan Ali dengan Raja Siti, dan merupakan waris sah berdasarkan adat-istiadat Melayu bagi menggantikan ayahandanya.¹⁷

Pada 5 Julai 1877, Kolonel Anson menjawab tuntutan yang dibuat oleh Tengku Alam. Dalam suratnya itu Kolonel Anson menyatakan bahawa pentadbiran Muar akan diuruskan oleh Maharaja Abu Bakar. Pentadbiran oleh Maharaja Abu Bakar ini berterusan sehingga keputusan pentadbiran Muar dibuat kemudian. Selain itu, Kolonel Anson mengingatkan Tengku Alam bahawa seseorang yang mewarisi harta Sultan Ali tidak semestinya diiktirafkan gelaran Sultan. Gelaran Sultan yang digunakan oleh Sultan Husin Muhammad Shah adalah gelaran Sultan bagi Sultan Johor. Penggunaannya diteruskan kepada Sultan Husin Muhammad Shah kerana baginda menjual

¹⁶ C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir surat Tengku Alam kepada Carnavon, 26 November 1877. Juga lihat C.O. 273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Carnavon, 26 November 1877.

¹⁷ C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir surat Tengku Alam kepada Carnavon, 26 November 1877, lampiran B, surat Tengku Alam kepada Kolonel Anson, 4 Julai 1877. Ketika itu Kolonel Anson masih memangku jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat.

kedaulatan Johor kepada Temenggung. Oleh itu gelaran Sultan kini terhapus. Kolonel Anson juga menyatakan bahawa bayaran sugu hati diberikan kepada Sultan Ali kerana baginda sangat miskin dan bayaran itu pula boleh ditarik balik pada bila-bila masa. Apabila Sultan Ali mangkat, segala keistimewaan berakhir, dan tidak akan dibaharui kepada mana-mana ahli keluarganya.¹⁸

Kenyataan Kolonel Anson berkenaan Sultan Husin menjual Johor kepada Temenggung Johor adalah tidak tepat. Sultan Husin tidak pernah menjual Johor kepada Temenggung tetapi menyerahkan Singapura kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris. Begitu juga Sultan Ali yang hanya menyerahkan Johor, tidak termasuk Muar, kepada Temenggung Ibrahim melalui Perjanjian 1855. Artikel III, Perjanjian 10 Mac 1855 jelas menunjukkan bahawa Muar adalah hak Sultan Ali, waris, dan pengantinya.¹⁹

Setelah menerima surat Kolonel Anson yang bertarikh 5 Julai 1877, Tengku Alam mengajukan surat bantahan kepada Kolonel Anson bertarikh 23 Julai 1877. Dalam suratnya ini, Tengku Alam membantah pemansuhan gelaran Sultan dan meletakkan Muar di bawah kawalan Temenggung. Bagi Tengku Alam, gelaran Sultan adalah hak keturunan. Kolonel Anson mendakwa yang gelaran Sultan telah terhapus dan Muar diletakkan di bawah pentadbiran

¹⁸ C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir surat Tengku Alam kepada Carnavon, 26 November 1877, lampiran C, surat Kolonel Anson kepada Tengku Alam, 5 Julai 1877. Lihat juga C.O. 273/92, "TMS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Times*, tercatat surat Kolonel Anson kepada Tengku Alam, 5 Julai 1877. Lihat juga C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 5, A.E.H. Anson kepada Tengku Alam, 5 Julai 1877.

¹⁹ C.O. 273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Carnavon, 26 November 1877. Lihat juga C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 11, "Extract from Treaty of Friendship and Alliance between His Highness Sultan Ali Iskandar Shah bin Sultan Husein Shah and His Highness Datoh [Datuk] Temenggong Daeng Ibrahim bin Abdul Rahman Sri Maharaja, concluded at Singapura pada 10 Mac, 1855."

Maharaja Johor kerana Tengku Alam, tidak dapat membuat sesuatu yang baik tanpa bimbingan Maharaja.²⁰

Apabila tempoh perkhidmatan Kolonel Anson sebagai Pemangku Gabenor Negeri-Negeri Selat tamat, jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat disandang pula oleh W.F. Robinson. Tengku Alam lalu mengalihkan tuntutannya kepada Gabenor baru. Dalam suratnya kepada W.F. Robinson bertarikh 26 November 1877, Tengku Alam mengharapkan agar tuntutannya diberikan pertimbangan yang wajar oleh pihak British.²¹ Setelah mendapat surat itu, W.F. Robinson sebagai Gabenor Negeri-Negeri Selat memberi jaminan untuk menyampaikan tuntutan Tengku Alam kepada Carnavon.²²

Di samping itu, Tengku Alam juga mengajukan surat tuntutan kepada Carnavon supaya memberikan pertimbangan yang wajar terhadap tuntutannya.²³ Tengku Alam menerangkan bahawa Sultan Mahmud Shah Johor mangkat dalam tahun 1812 di Lingga dan meninggalkan dua orang putera, iaitu Tengku Husin dan Tengku Abdul Rahman.²⁴ Pada masa kemangkatan Sultan Mahmud, Tengku Husin berada di Pahang kerana perkahwinannya dengan saudara Bendahara Pahang. Dengan itu, Tengku Abdul Rahman dilantik menjadi Sultan Johor. Pelantikan Tengku Abdul Rahman tidak disukai oleh Tengku Permaisuri (Tengku Hamidah), balu Sultan Mahmud. Seterusnya Tengku Permaisuri enggan menyerahkan alat-alat kebesaran.²⁵ Keadaan itu disedari oleh pihak British apabila hendak bertapak di Singapura. British juga menyedari bahawa tidak sah

²⁰C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir surat Tengku Alam kepada Kolonel Anson, 23 Julai 1877. Lihat juga C.O. 273/416, "CMDJS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 6, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Kolonel Anson, 23 Julai 1877. C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir surat Tengku Alam kepada Carnavon, 26 November 1877, lampiran C, surat A.E.H. Anson kepada Tengku Alam, 5 Julai 1877.

²¹C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir surat Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada W.F. Robinson, 26 November 1877. Lihat juga C.O. 273/416, "CMDJS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 1, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Carnavon, 26 November 1877.

²²C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir surat Setiausaha Kolonial Negeri-Negeri Selat (J. Douglas) kepada Tengku Alam, 26 November 1877.

²³C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir surat Tengku Alam kepada Carnavon, 26 November 1877.

²⁴Tengku Alam mencatatkan kemangkatan Sultan Mahmud Johor pada tahun 1810.

²⁵C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir surat Tengku Alam kepada Carnavon, 26 November 1877.

mendapatkan Singapura daripada Temenggung Abdul Rahman kerana kedudukannya dalam kerajaan Johor adalah sebagai pembesar di bawah Bendahara. Oleh itu, British menjemput Tengku Husin dari Riau untuk datang ke Singapura. Apabila tiba di Singapura, Tengku Husin diisytiharkan menjadi Sultan Johor. Tengku Husin kemudiannya menggunakan gelaran Sultan Husin Muhammad Shah Johor dan menyerahkan Singapura kepada kerajaan British.

Sultan Husin mangkat dalam bulan September 1835 di Melaka dan meninggalkan dua orang cucu, Tengku Mahmud dan Tengku Sulaiman, iaitu daripada puteranya, Tengku Muhammad. Tengku Muhammad ialah putera sulung Sultan Husin dengan isteri yang pertama, saudara Temenggung Abdul Rahman. Selain itu, melalui isterinya yang kedua, orang kebanyakan, Sultan Husin dikurniakan Tengku Abdul Jalil, manakala hasil perkahwinan dengan isteri yang ketiga melahirkan Tengku Ali, Tengku Jaafar, Tengku Maimunah dan Tengku Sepiah. Selepas kemangkatan Sultan Husin, takhta kerajaan diduduki oleh Tengku Ali. Walaupun Tengku Abdul Jalil daripada isteri yang kedua, tetapi tidak dilantik sebagai Sultan kerana bukan anak gahara. Pihak British mengiktiraf Tengku Ali sebagai Sultan pada tahun 1840 berlandaskan undang-undang dan adat-istiadat Melayu.²⁶ Demi menguatkan hujahnya itu, Tengku Alam melampirkan surat pengisyiharan bertarikh 16 September 1840, yang ditandatangani oleh Thomas Church, Residen Konsular Singapura. Dalam surat itu, Sultan Ali diiktiraf oleh kerajaan British sebagai pengganti ayahandanya dan berhak terhadap harta yang diberikan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris kepada Sultan Husin di Kampung Gelam, Singapura.²⁷

Tekanan yang dihadapinya menyebabkan Sultan Ali menandatangani perjanjian untuk menyerahkan Johor kepada Temenggung Daeng Ibrahim, anak Temenggung Abdul Rahman. Perjanjian itu dibuat pada 10 Mac 1855 melalui Encik Bujal yang diakui oleh pihak British. Tengku Alam menyatakan bahawa

²⁶ Lihat C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Carnavon, 26 November 1877. C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir surat Tengku Alam kepada Carnavon, 26 November 1877.

²⁷ C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir surat Tengku Alam kepada Carnavon, 26 November 1877, terlampir "Notification" ditandatangani oleh Thomas Church, Residen Konsular Singapura dengan arahan Gabenor Negeri-Negeri Selat, 16 September 1840.

perjanjian yang dibuat itu bertentangan dengan undang-undang Melayu dan British serta bercanggah dengan undang-undang antarabangsa.²⁸

Seterusnya Tengku Alam menyatakan Sultan Ali mangkat pada 20 Jun 1877 dengan meninggalkan seorang puteri (daripada Tengku Neh) yang berkahwin dengan Raja Kedah. Beliau sendiri adalah anak Sultan Ali dengan Raja Siti yang berketurunan Bugis.²⁹ Selain itu Sultan Ali juga meninggalkan tiga orang putera dan empat orang puteri dengan Che Samboh yang berasal dari Melaka. Walau bagaimanapun Tengku Alam menegaskan bahawa Temenggung Muar dan penghulu-penghulu Muar telah pun memberi pengiktirafan kepadaanya sebagai bakal pengganti Sultan Ali yang sah. Pengakuan itu dibuat oleh Penghulu Shamsu, Khamis, Merjam, Mukim, Ibrahim, dan Menteri Sudin.³⁰ Malah Temenggung Muar Ismail, Tengku Ismail, Tengku Muhammad, dan Tengku Nong membuat pengakuan bahawa Tengku Alam adalah calon yang berhak menggantikan Sultan Ali. Tengku Alam seterusnya meminta supaya W.F. Robinson menyampaikan perkara itu kepada menteri-menteri kerajaan British agar beliau tidak diketepikan sebagai mana berdasarkan undang-undang dan adat-istiadat negeri-negeri Melayu.³¹ Tindakan itu wajar dilakukan berdasarkan kebenaran dan keadilan.

Pihak British memberi jaminan bahawa perkara yang ditimbulkan oleh Tengku Alam itu akan dihantar untuk pertimbangan Setiausaha Negeri Tanah Jajahan.³² Pada 20 Mac 1879, Tengku Alam seterusnya menghantar surat tuntutan kepada Ratu British. Dalam suratnya itu, Tengku Alam menyatakan bahawa Kolonel Anson

²⁸ C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Carnavon, 26 November 1877. Lihat juga C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir surat Tengku Alam kepada Carnavon, 26 November 1877.

²⁹ C.O. 273/106, Minit, 25 Mei 1880.

³⁰ C.O. 273/92, "TMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877, "Ucapan W.H. Read di Majlis Perundangan Singapura".

³¹ C.O. 273/96, "TMS", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 28 Disember 1878, terlampir surat Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada W.F. Robinson, 26 November 1878.

³² C.O. 273/96, "TMSS", Cecil C. Smith, Setiausaha Kolonial Negeri-Negeri Selat kepada Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah, 9 Disember 1878.

mengambil keputusan meletakkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar dengan tidak merujuk kepada Majlis Penasihat di Singapura terlebih dahulu. Kolonel Anson juga dikatakan tidak mempedulikan bantahan daripada pembesar-pembesar yang telah mengakui Tengku Alam sebagai pengganti Sultan Ali.³³

Sokongan Kepada Tuntutan Tengku Alam

Tuntutan Tengku Alam mendapat simpati dan sokongan daripada kumpulan tertentu di Singapura. Haji Mahomed Sawley bin Tha Joodin (Haji Mahomed Salleh bin Tajuddin?) dan lima puluh orang dari Kampung Tanjung Pagar melahirkan sokongan mereka supaya dilantik Tengku Alam sebagai Sultan.³⁴

Setelah menerima surat rayuan yang menyokong Tengku Alam, J. Douglas, Setiausaha Pejabat Kolonial Negeri-Negeri Selat, menjelaskan kepada Haji Mahomed bahawa perkara penggantian Sultan Ali telah pun dirujuk ke England untuk dipertimbangkan oleh kerajaan British.³⁵

Seterusnya Encik Suman dan Encik Hurus yang mewakili seratus tiga orang dari Kampung Tanjung Katung membuat kenyataan kepada W. F. Robinson. Mereka menyatakan bahawa mereka adalah rakyat di bawah arahan dan kewibawaan Sultan Ali Iskandar Shah dan pentadbirannya berdasarkan agama Islam. Namun demikian setelah mangkatnya Sultan Ali, mereka berada dalam keadaan yang tidak tenteram kerana tidak ada pengganti. Memandangkan adanya putera sulung Sultan Ali, iaitu Tengku Alam, maka amatlah sesuai dilantiknya sebagai pengganti. Tengku Alam berdarah raja daripada kedua-dua belah pihak bonda dan

³³ C.O. 273/101, Sultan Alaudin Alam Shah bin Sultan Ali Iskandar Shah (Sultan yang sah bagi Muar dan jajahannya) kepada Ratu British, 20 Mac 1879.

³⁴ C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, "... we all do with one heart and accord, desire that Tunku Allum [Tengku Alam], the son and Heir of Sultan Ali Iskandar Shah Ahlallic [King of] Johore, be appointed as our lawful Sovereign by Your Excellency, who, as the representative of our most benevolent and gracious majesty Queen Victoria and Empress of India, as he is entitled to be our lawful sovereign accordingly to our rulers, customs and manners."

³⁵ C.O. 273/92, "CTAMS", J. Douglas kepada Haji Mahomed Sawley dan lima puluh orang, 23 November 1877.

ayahandanya. Melalui Tengku Alam nanti mereka berharap dapat menguruskan hal yang bersangkutan dengan agama Islam.³⁶

Rayuan dengan isi surat yang sama dibuat oleh Haji Abdul Aziz dan dua ratus dua puluh tiga orang yang lain dari Kampung Bugis dan Rochore.³⁷ Surat yang menyokong agar Tengku Alam dilantik sebagai pengganti Sultan Ali turut dihantar Abdul Rahman, iaitu Penghulu Tanah Merah Kichee, dan lima puluh tiga orang yang lain. Tok Jenang Abdullah dan seratus lima puluh orang dari Kampung Kalang turut berbuat demikian. Begitu juga Abdul Aris dan tiga ratus dua belas orang dari Kampung Kapor. Selain itu terdapat juga surat rayuan daripada Haji Musa dan tiga ratus empat puluh lima dari Kampung Kapor. Haji Hamzah Mansur Alkhatib dengan sebelas orang raja serta dua ratus lima puluh orang dari Kampung Gelam juga membuat surat rayuan. Surat-surat rayuan itu dihantar kepada W.F. Robinson sebagai Gabenor Negeri-Negeri Selat. Kesemua surat rayuan itu, kecuali daripada Haji Mahomed Sawley bin Tha Joodin dan lima puluh orang yang lain adalah sama isi kandungannya. Rujuk Lampiran C untuk mengetahui kandungan surat Haji Mahomed Sawley itu.

Setelah menerima surat-surat rayuan dan sokongan terhadap Tengku Alam ini, J. Douglas, Setiausaha Pejabat Kolonial Negeri-Negeri Selat membala surat-surat mereka. J. Douglas menegaskan bahawa perkara penggantian Sultan Ali telah dikemukakan kepada kerajaan British, dan kepadanya juga segala rayuan dirujuk.³⁸

³⁶ C.O. 273/92, "CTAMS", Encik Suman, Encik Hurus, dan seratus tiga orang yang lain kepada W.F. Robinson, Gabenor Negeri-Negeri Selat, 20 Ogos 1877 "... he [Tengku Alam] may decree upon the Islam religion according to the directions of the late Sultan [Sultan Ali] ... and has attained his majority and fit to perform the Mahomedan law [Islamic law] at every time and to keep clear of whatever is forbidden by the law. It is consequently evident that he should be accepted by the Mahomedan and civil laws and Rajahs."

³⁷ C.O. 273/92, "CTAMS", Haji Abdul Aziz dan dua ratus dua puluh tiga orang kepada W.F. Robinson, 20 Ogos 1877.

³⁸ C.O. 273/92, "CTAMS", J. Douglas kepada Haji Mahomed Sawley bin Tha Joodin dan lima puluh orang, 22 November 1877; J. Douglas kepada Encik Suman, Encik Hurus dan seratus tiga orang, 22 November 1877; J. Douglas kepada Haji Abdul Aziz dan dua ratus dua puluh tiga orang, 22 November 1877; J. Douglas kepada Abdul Rahman, Penghulu Tanah Merah Kichee dan lima puluh tiga orang, 22 November 1877; J. Douglas kepada Abdul Aris dan tiga ratus dua belas orang, 22 November 1877; J. Douglas kepada Haji Musa dan tiga ratus empat puluh lima orang, 22 November 1877; J. Douglas kepada Haji Hamzah Mansur Alkhatib dengan sebelas orang raja dan dua ratus lima puluh orang, 22 November 1877.

Tengku Saban yang mewakili penduduk Kampung Bengkulu, Kampung Gelam, dan Kampung Jawa juga menyatakan sokongan kepada Tengku Alam. Surat rayuan itu ditandatangani oleh lapan orang raja dan pengiring; enam orang ulama; dua orang penghulu; dan lapan belas orang pedagang.

Dalam surat itu dinyatakan bahawa mengikut adat-istiadat orang Melayu dan peraturan, putera Sultan dilantik sebagai pengganti apabila Sultan mangkat. Sebagai contoh, diterangkan bahawa selepas Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah mangkat, baginda digantikan oleh Raja Abdul Jalil. Apabila Sultan Abdul Jalil mangkat, gelaran Sultan disandang oleh Raja Ahmad. Setelah Sultan Ahmad mangkat, penggantinya ialah saudaranya, Tengku Mahmud dengan gelaran Sultan Mahmud III (1761-1812). Seterusnya apabila Sultan Mahmud mangkat, diganti pula oleh puteranya Tengku Abdul Rahman dengan gelaran Sultan Abdul Rahman yang berkuasa di Lingga. Seorang putera Sultan Mahmud lagi, iaitu Tengku Husin diberi gelaran Sultan Husin Muhammad Shah dan berkuasa di Johor dan Singapura. Apabila Sultan Husin mangkat, Tengku Ali dilantik sebagai pengganti dengan gelaran Sultan Ali. Oleh itu mereka mengharapkan pihak British tidak melupai adat yang pernah diamalkan itu. Seterusnya, mereka melahirkan rasa dukacita kerana keluarga Sultan yang beratus-ratus tahun menikmati gelaran Sultan kini diketepikan. Mereka mengharapkan Gabenor Negeri-Negeri Selat dan Setiausaha Negeri Tanah Jajahan akan memberi pertimbangan yang wajar berkenaan perkara itu.³⁹

Surat Tengku Saban itu ditujukan kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat dan diterjemahkan oleh M. Muhammed Shah. Dalam catatan surat itu, penggantian Sultan yang dikemukakan kurang tepat. Misalnya, Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah digantikan oleh Sultan Abdul Jalil, seterusnya Tengku Muhammad (sepatuinya Raja Ahmad). Selepas Sultan Muhammad, penggantinya ialah puteranya dengan gelaran Sultan Husin (sepatuinya saudara Sultan Ahmad, iaitu Sultan Mahmud). Apabila Sultan Husin mangkat, pengantinya ialah puteranya, Tengku Ali, dengan gelaran Sultan Ali. Sepatuinya, selepas Sultan Mahmud, Sultan Abdul Rahman di Lingga dan Sultan Husin di Johor dan Singapura. Kedua-duanya ialah putera Sultan Mahmud. Selepas Sultan Husin, pengantinya ialah puteranya,

³⁹C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 13, Tengku Saban dan lain-lain kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 28 November 1877.

Tengku Ali, yang bergelar Sultan Ali. Dipercayai bahawa kesilapan susunan itu tidak disedari. Namun apa yang penting ialah maksud surat itu jelas, iaitu adanya rasa dukacita kerana tindakan mengetepikan gelaran Sultan kepada Tengku Alam, putera Sultan Ali.

Selain itu rayuan juga dibuat oleh Haji Hamzah, Haji Ibrahim, dan Sayyid Husin. Haji Hamzah sebagai wakil beberapa orang yang lain telah menentang keputusan meletakkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja Johor kerana perkara itu bercanggah dengan adat istiadat yang diamalkan. Bantahan yang sama juga dilakukan oleh Haji Ibrahim yang mewakili beberapa orang yang lain, dan Sayyid Husin serta empat puluh tiga orang yang lain. Berdasarkan surat-surat rayuan itu jelas bahawa kebanyakannya penduduk kampung di Singapura masih memerlukan Sultan untuk menjalankan pentadbiran, termasuk hal-hal keagamaan. Calon Sultan yang dimahukan oleh mereka itu ialah Tengku Alam, putera Sultan Ali.

Dalam tuntutan terhadap Muar itu, W.H. Read memberi sokongan kepada Tengku Alam. W.H. Read memberitahu W.F. Robinson yang beliau akan mengemukakan masalah Muar itu kepada perhatian Majlis Perundangan di Singapura. Masalah Muar itu kemudiannya dibawa dan dibincangkan dalam Majlis Perundangan. Perdebatan berkenaan masalah Muar dibawa oleh W.H. Read dan disokong oleh I.S. Bond, ahli Dewan Perundangan Negeri-Negeri Selat. Ketika mengemukakan masalah Muar itu dalam Majlis Perundangan pada 7 Disember 1877, W.H. Read menyatakan yang Tengku Alam mempunyai hak terhadap Muar serta memetik Artikel I, Perjanjian 1855 (rujuk Lampiran B). Dalam perjanjian itu kedua-dua pihak, Sultan Ali dan Temenggung Daeng Ibrahim, bersetuju bahawa Muar adalah hak dan kepunyaan Sultan Ali dan keturunannya. Dalam perjanjian tersebut juga dicatatkan bahawa Sultan Ali atau keturunannya boleh melepaskan Muar dengan syarat ditawarkan kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris terlebih dahulu dan selepas itu barulah kepada Temenggung Johor. Oleh itu, tindakan British meletakkan Muar di bawah kuasa Temenggung Johor adalah bertentangan dengan perjanjian tersebut. Ini bermakna tindakan mengambil Muar dan meletakkannya di bawah pemerintahan Temenggung Johor adalah tidak sah.

Semasa ucapannya di Majlis itu, W.H. Read juga menarik perhatian berkenaan kenyataan bahawa Sultan Ali seorang yang lemah sifatnya dan tidak bijak serta banyak hutang. Menyentuh perkara itu, W.H. Read mengakui kebenarannya. Namun beliau tetap

memuji Sultan Ali yang merupakan seorang yang baik kerana tidak berjudi, bersabung ayam atau menghisap candu. W.H. Read menegaskan juga bahawa setelah Sultan Ali mangkat, Temenggung dan penghulu-penghulu Muar telah mengakui bahawa Tengku Alam adalah pengganti Sultan Ali. Seterusnya beliau menerangkan bahawa ketika upacara pemakaman, putera Sultan yang berada di situ diisyiharkan sebagai pengganti. Oleh itu W.H. Read tidak nampak, kenapa amalan tersebut tidak diikut semasa upacara pemakaman Sultan Ali. Selain itu W.H. Read menegaskan bahawa Maharaja melakukan paksaan dan menangkap Temenggung dan penghulu-penghulu Muar. Dengan itu dapatlah dikatakan bahawa cara meletakkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar adalah secara paksa.

Walaupun demikian W.H. Read tidak menentang sebarang usaha pihak British untuk memberi hadiah atau penghargaan kepada Maharaja Abu Bakar kerana khidmatnya kepada British. Apa yang penting ialah cara penghargaan itu hendak diberi. Maruah dan kemuliaan British perlu diambil kira. Seterusnya, sebagai kesimpulan, W.H. Read menegaskan bahawa perlu dilakukan keadilan dalam menyelesaikan masalah Muar itu. Beliau juga mengingatkan Gabenor W.F. Robinson yang baru datang supaya berhati-hati dalam membuat sebarang keputusan agar kemuliaan dan maruah kerajaan British dapat dipertahankan.⁴²

Ucapan W.H. Read ini mendapat sokongan daripada I.S. Bond yang menegaskan bahawa pihak British telah mempunyai hubungan diplomatik dengan negeri Melayu. Namun demikian persoalan yang timbul adalah berkenaan prinsip-prinsip yang bagaimana harus diikuti dalam melaksanakan hubungan diplomatik. Bond menjelaskan bahawa prinsip-prinsipiannya ialah kejujuran, kebenaran, dan keadilan. Oleh itu beliau menimbulkan persoalan dalam Majlis itu, iaitu sama ada kerajaan British mengamalkan prinsip tersebut dalam usaha mereka untuk menyelesaikan masalah pengganti pemerintah Muar. Dalam perkara itu I.S. Bond menegaskan bahawa kerajaan British tidak mengamalkan prinsip tersebut. Sebagai buktinya, I.S. Bond mengambil contoh bagaimana Perjanjian 1855 diketepikan oleh pihak British semasa menyelesaikan masalah Muar.

* C.O. 273/92, "TMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877.

Kemudiannya Setiausaha Kolonial, J. Douglas, menegaskan bahawa masalah Muar telah pun dikemukakan kepada pihak atasan di England dan hanya menunggu keputusan dari sana. Dalam ucapannya itu beliau menimbulkan beberapa perkara. Mengikut adat Melayu, seorang pengganti hendaklah diisyiharkan terlebih dahulu sebelum jenazah Sultan dimakamkan. Namun perkara itu tidak dilakukan setelah Sultan Ali mangkat.

Seterusnya J. Douglas menyentuh soal surat wasiat Sultan Ali. Dalam wasiat itu Sultan Ali menyerahkan negeri Muar dan semua harta miliknya kepada Tengku Mahmud, putera baginda dengan isteri ketiga. Surat wasiat itu dianggap oleh J. Douglas sebagai dokumen politik dan juga wasiat persendirian.⁴¹ Selain itu J. Douglas meragui sama ada Tengku Alam berdarah raja atau tidak. Kenyataan itu jelas menunjukkan bahawa J. Douglas tidak faham berkenaan aspek kekeluargaan raja-raja. Seseorang itu akan dikatakan berdarah raja jika bapanya adalah raja. Kenyataan J. Douglas ini diragui juga oleh W.F. Robinson, Gabenor Negeri-Negeri Selat.

J. Douglas juga menyatakan bahawa pada masa hayat Sultan Ali, Muar diletakkan di bawah pentadbiran keluarga Ungku Abdul Jalil, saudara Sultan Ali, buat beberapa tahun.

Gabenor Negeri-Negeri Selat kemudiannya menegaskan bahawa usul yang ditimbulkan oleh W.H. Read dan disokong oleh I.S. Bond akan dihantar secepat mungkin kepada Setiausaha Negeri Tanah Jajahan di London.⁴²

Reaksi Kerajaan British Terhadap Tuntutan Tengku Alam

Pihak British telah menimbulkan beberapa perkara terhadap tuntutan Tengku Alam. Dinyatakan bahawa Tengku Alam tinggal di Singapura dan pernah bertelagah dengan ayahandanya, Sultan Ali.

⁴¹ C.O. 273/92, "TMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877. Tentang kesahihan surat wasiat ini diragui juga oleh W.F. Robinson. Sila lihat C.O. 273/92, "TMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877.

⁴² C.O. 273/92, "TMSS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877.

Tengku Alam hanya diberikan elaun kecil oleh Maharaja Johor, dan oleh itu pentadbiran Muar diletakkan di bawah jagaan Ungku Abdul Jalil. Selain itu beberapa persoalan ditimbulkan berkenaan Tengku Alam. Pertamanya, apakah ibu Tengku Alam itu keturunan raja dan seterusnya boleh mewarisi hak terhadap Muar? Keduanya, keadaan lebih merumitkan sekiranya tuntutan Tengku Alam ditolak kerana tidak ada 'Waris' untuk dirujuk berkenaan masalah penggantian perintah Muar itu. 'Waris' yang ada hanyalah Tengku Husin, iaitu anak saudara Sultan Ali dan Tengku Alam.

'Waris' menurut pengertian W.F. Robinson ialah Temenggung dan penghulu-penghulu Muar. Walaupun demikian W.F. Robinson yakin yang masalah pengganti pemerintah Muar dapat diselesaikan. Beliau menegaskan bahawa berdasarkan adat-istiadat Melayu, surat wasiat yang dibuat oleh Sultan Ali adalah tidak sah dari segi politik. Seterusnya beliau mengakui yang Tengku Alam tidak dihalang daripada mewarisi hak terhadap Muar. Bagi W.F. Robinson, Muar tidak mungkin diletakkan di bawah kuasa Temenggung Muar dan keluarga Ungku Abdul Jalil kerana Muar ketika itu di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar.

Dalam masalah penentuan pengganti pemerintah Muar ini, W.F. Robinson mencadangkan dua cara untuk memuaskan hati kedua-dua pihak yang terlibat, iaitu Tengku Alam dan Maharaja Abu Bakar. W.F. Robinson membuat cadangan tersebut kerana beliau membuat andaian bahawa British tidak akan menakluki Muar dan memasukkannya ke dalam pentadbiran Melaka serta tidak akan membayar elaun kepada keluarga Sultan Ali. Dalam cadangannya yang pertama, W.F. Robinson mengesyorkan supaya Tengku Alam diiktiraf. Walaupun demikian W.F. Robinson meragui kebolehan Tengku Alam dan menyifatkannya seorang yang lemah dan malas. Sekiranya Tengku Alam diiktiraf, keadaan negeri Muar tidak akan berubah sepanjang masa pemerintahannya. Untuk mengatasi masalah ini, W.F. Robinson berpendapat bahawa perlunya akuan daripada kerajaan British untuk memujuk penghulu-penghulu dan Temenggung di Muar supaya menerima dan mematuhi perintah Tengku Alam. Dikatakan demikian kerana walaupun dahulu mereka pernah menandatangani surat akuan yang mengiktiraf Tengku Alam sebagai pengganti Sultan Ali, tetapi pengakuan ini ditarik balik oleh Temenggung dan penghulu-penghulu. Dalam hal ini British tidak perlu memujuk Temenggung dan penghulu-penghulu untuk menerima dan mematuhi Tengku Alam kerana mereka pernah membuat akuan surat sumpah menerimanya sebagai pengganti Sultan

Ali. Seterusnya berlaku peristiwa Temenggung dan penghulu-penghulu Muar menarik balik sumpahan mereka itu yang disebabkan oleh ugutan daripada Maharaja Abu Bakar.

Dalam cadangannya yang kedua, W.F. Robinson menyatakan bahawa Muar perlu diletakkan terus di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar. Namun begitu W.F. Robinson menyedari adanya tentangan daripada Tengku Alam dan pengikut-pengikutnya yang mahukan keluarga diraja dikekalkan di Muar. Dengan adanya tentangan terhadap keputusan Temenggung dan penghulu-penghulu Muar yang sebulat suara mengiktiraf pemerintahan Maharaja di Muar, W.F. Robinson mengaku yang beliau masih samar-samar berkenaan sebab-sebabnya.⁴³

Sebuah artikel yang diterbitkan dalam akhbar *Straits Times* menyokong tuntutan Tengku Alam. Masalah Muar dicatatkan dalam akhbar *Straits Times* sebagai skandal Muar (*Muar scandal*). Beberapa pandangan daripada golongan tertentu dicatatkan oleh akhbar tersebut. Mereka yang dianggap oleh akhbar itu sebagai golongan yang dihormati, menyatakan yang Muar lebih baik ditadbirkan oleh Maharaja Abu Bakar. Selain itu dinyatakan bahawa para pembesar Muar telah pun memilih Maharaja sebagai pemerintah mereka. Dengan itu sepatutnya keputusan tersebut diterima.⁴⁴

Akhbar *Straits Times* meragui matlamat Maharaja Abu Bakar. Timbulnya keraguan ini kerana Maharaja adalah pelindung (*protector*) Negeri Sembilan. Maharaja Abu Bakar dikatakan sebagai pelindung Negeri Sembilan kerana beliau terlibat dalam penyelesaian dan pelantikan semula Tunku Antah sebagai Yamtuan Besar Negeri Sembilan. Dalam usaha itu, wakil Maharaja telah membawa wakil-wakil pembesar dari Negeri-Negeri Seri Menanti ke Singapura pada November 1876. Walaupun Tunku Antah ditabalkan semula sebagai Yamtuan Besar Negeri Sembilan, tetapi baginda hanya berkuasa di Seri Menanti, Jempol, Hulu Muar, Inas, Johol, dan Gunung Pasir. Pengakuan juga dibuat, iaitu sekiranya berlaku persengketaan antara mereka lagi, masalah itu akan dirujuk kepada Maharaja Johor. Kemudian pengakuan yang sama juga dibuat oleh Penghulu Rembau, Haji Sahil, kepada Maharaja Abu Bakar pada Mac 1877. Usaha melantik Maharaja sebagai pelindung ini dilakukan oleh

⁴³ C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877. Lihat juga C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877.

⁴⁴ C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir keratan akhbar *Straits Times*.

Gabenor Sir William Jervois. Namun begitu usahanya terbengkalai kerana beliau meninggalkan jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat dan dipangku oleh Kolonel Anson.

Oleh yang demikian sekiranya Maharaja Abu Bakar dapat menguasai Muar, ini bererti pengaruh dan kuasanya dapat diluaskan di Negeri Sembilan dan Muar. Perkara inilah yang mempengaruhi Kolonel Anson untuk mengambil suatu dasar yang segera terhadap Muar sebak sahaja Sultan Ali mangkat.

Akhbar *Straits Times* mengulas dasar Kolonel Anson sebagai keji dan hina kepada kerajaan British. Oleh sebab dasarnya itu, Kolonel Anson patut dipanggil dan dipecat segera daripada perkhidmatan di Negeri-Negeri Selat.⁴⁵

Perjanjian yang ditandatangani oleh Sultan Ali dan Temenggung Ibrahim pada tahun 1855 disifatkan oleh akhbar *Straits Times* sebagai memalukan dan berat sebelah. Perjanjian itu ditandatangani di bawah pengaruh kerajaan British dan menguntungkan Temenggung Johor.⁴⁶

Dengan berkuatkuasanya Perjanjian 1855, Kesang atau kawasan Muar adalah hak Sultan Ali dan keturunannya. Tindakan yang diambil oleh Maharaja Abu Bakar dan bantuan British kepada Muar ini dicatatkan dalam akhbar tersebut sebagai merampas jajahan Kesang atau Muar daripada keluarga Sultan oleh musuh keturunannya. Langkah itu pula digalakkan oleh British yang pada teorinya berbangga dengan konsep keadilan dan kemanusiaan. Sebenarnya sikap tidak adil itu hanya mencetuskan kemarahan dan amuk. Oleh itu jika Tengku Alam mendapatkan bantuan daripada pembesar-pembesar lain di Tanah Melayu untuk menyokong tuntutannya dan peperangan berlaku, maka tiada siapa boleh menyalahkannya. Akhbar *Straits Times* yakin sekiranya Tengku Alam

⁴⁵ C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir keratan akhbar *Straits Times*. "We [The Straits Times] have no hesitation, however, in denouncing this policy as infamous, and dishonouring to the British Government, and for adopting which Col. Anson deserved instant recall and dismissal from the public service of these Settlements."

⁴⁶ C.O. 273/93, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir keratan akhbar *Straits Times*.

itu Raja Mahadi,⁴⁷ Raja Mahmud atau Sayyid Masahor, beliau akan bertindak demikian.⁴⁸

Laporan akhbar *Straits Times* ini menunjukkan bahawa kekacauan akan berlaku sekiranya Maharaja Abu Bakar kekal dilantik berkuasa di Muar. Berita tentang sokongan kepada Tengku Alam yang tersiar dalam akhbar *Straits Times* itu membimbangkan W.F. Robinson. Beliau merasakan bahawa kekacauan mungkin berlaku akibat daripada perlantikan Maharaja Abu Bakar di Muar. Disebabkan timbulnya rasa bimbang ini, W.F. Robinson meminta kebenaran daripada Carnavon untuk menyelidiki perasaan penduduk Muar berkaitan pelantikan Maharaja sebagai pemerintah mereka. Beliau bercadang untuk menghantar pegawai bagi melakukan tugas itu. Sebagai usaha menyembunyikan matlamat asal, W.F. Robinson mencadangkan pegawai yang akan dihantar ke Muar nanti dengan alasan berburu atau alasan-alasan lain. Apabila tiba di Muar, pegawai tersebut hendaklah melakukan temuduga dengan penduduk Muar untuk mendapatkan pandangan sebenar berkaitan pelantikan Maharaja sebagai pemerintah Muar. Seterusnya W.F. Robinson berjanji akan menghantar laporan penyiasatan kepada Carnavon.

Namun demikian W.F. Robinson dalam suratnya yang sama pada 5 Disember 1877 itu menyatakan bahawa beliau tidak bimbang dengan berita yang tersiar dalam akhbar *Straits Times*. Ternyata W.F. Robinson tidak yakin dan tegas dengan pendiriannya. Dikatakan demikian kerana dalam surat yang sama yang dihantar kepada Carnavon, beliau mencataatkan dua pendapat yang berlainan. Pertamanya, beliau bimbang kekacauan mungkin berlaku di Muar

⁴⁷ Raja Mahadi bin Raja Sulaiman berperang dengan Raja Abdullah dan kemudiannya, Raja Ismail, putera Raja Abdullah. Perperangan ini untuk menuntut kuasa di Kelang. Dalam perjuangannya itu, Raja Mahadi mendapat bantuan daripada Raja Mahmud dan Sayyid Masahor. Raja Mahadi membantah langkah Sultan Abdul Samad yang menyerahkan pentadbiran Kelang kepada Raja Abdullah. Sebelum itu pentadbiran Kelang di bawah ayahandanya, Raja Sulaiman. Perang yang dikenali dalam sejarah Selangor sebagai Perang Kelang berlaku dari tahun 1867 hingga 1873. (Berkaitan perang ini, sila lihat Mohd. Amin Hassan, "Perang Klang": A Study of Malay Politics and Personalities in Selangor 1867-1898", M.A. Thesis, University of Malaya, Kuala Lumpur, 1970).

⁴⁸ C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir keratan akhbar *Straits Times*.

akibat pelantikan Maharaja sebagai pemerintah Muar dan keduanya, beliau tidak bimbang. Sebagai alasan, W.F. Robinson menyatakan bahawa tuntutan Tengku Alam boleh diselesaikan melalui tawaran elaun.⁴⁹

Laporan perbincangan masalah Muar dihantar kepada Setiausaha Negeri Tanah Jajahan di London untuk mendapatkan tindakan selanjutnya. Pejabat Tanah Jajahan tidak menjawab persoalan itu dengan segera, sebaliknya hanya dibuat pada bulan April 1878. Kelewatan itu disebabkan telah berlaku perubahan dalam pentadbiran di London; Sir Michael Hicks Beach menggantikan Carnavon sebagai Setiausaha Negeri Tanah Jajahan British. Sementara menunggu keputusan dari London itu, Maharaja Abu Bakar menjadi pemerintah Muar.

Pada 11 April 1878, Setiausaha Negeri Tanah Jajahan mengajukan surat kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, W.F. Robinson, bagi menyatakan yang beliau belum bersedia untuk campur tangan dalam hal Muar. Kemudiannya dalam suratnya yang berikut bertarikh 20 April 1878, Setiausaha Negeri Tanah Jajahan menyatakan rasa dukacitanya terhadap rancangan dan langkah-langkah yang dilakukan oleh Kolonel Anson dahulu. Gabenor W. F. Robinson juga diminta supaya membincangkan sebarang tindakan, rancangan atau keputusan yang akan diambil dalam Majlis Mesyuarat Negeri di Singapura terlebih dahulu.

Setiausaha Negeri Tanah Jajahan juga mengharapkan agar Gabenor W. F. Robinson mencari jalan penyelesaian antara Tengku Alam dengan Maharaja Abu Bakar. Penyelesaian hendaklah dicapai terlebih dahulu sebelum langkah diambil untuk membuat pilihan dan pengesahan Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar. Selain itu Gabenor W. F. Robinson diarahkan supaya memaksa Maharaja Abu Bakar memberi elaun pencek yang lumayan kepada Tengku Alam sebagai ganti rugi kehilangan daerahnya itu. Di samping itu semasa mengiktiraf Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar, acara tersebut hendaklah dijalankan dengan tidak menunjukkan kebanggaan.

⁴⁹ C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877.

Semua arahan ini menunjukkan bahawa Setiausaha Negeri Tanah Jajahan menyedari kesilapan yang dilakukan oleh Pemangku Gabenor Negeri-Negeri Selat, Kolonel Anson, dalam menyelesaikan masalah Muar. Oleh itu sebagai usaha untuk menunjukkan yang pihak British bersympati dengan Tengku Alam, Setiausaha Negeri Tanah Jajahan mengesyorkan kepada Gabenor supaya Tengku Alam diberi penceن yang lumayan.

Dalam usaha menyelesaikan persaingan antara Tengku Alam dengan Maharaja Abu Bakar, Gabenor W. F. Robinson menghubungi W.H. Read dan membuat rundingan dengannya. W.H. Read merupakan sahabat dan penasihat Tengku Alam. Rundingan yang diadakan itu ialah untuk menentukan pemberian elaun kepada Tengku Alam. Walaupun sebelum itu sukar bagi Gabenor W.F. Robinson hendak berhubung dan membuat rundingan dengan W.H. Read, kini hubungan dapat diadakan. Dikatakan wujudnya hubungan antara kedua-dua orang itu kerana W.H. Read menyedari bahawa tidak berguna lagi ia menentang keputusan British; tambahan pula Maharaja Abu Bakar akan diiktiraf oleh British sebagai pemerintah Muar.

Dalam rundingan yang diadakan antara W.H. Read dengan Maharaja Abu Bakar, suatu keputusan telah dicapai. Wang sejumlah \$1,250.000 diperuntukkan sebagai elaun kepada keluarga Sultan Ali tiap-tiap bulan. Daripada jumlah itu, \$500.00 diperuntukkan kepada waris penganti Sultan Ali, iaitu sebagai mana yang telah ditetapkan dalam Perjanjian 1855. Daripada jumlah baki itu pula, \$700.00 dikhaskan untuk Tengku Alam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak \$120.00 akan diberikan kepada Tengku Mahmud; bakinya diperuntukkan kepada keluarga Sultan Ali yang lain.⁵⁰ Dalam pada itu sekiranya Ceti Kavana Chana Shellapah membuat tuntutan hutang yang belum diselesaikan oleh Sultan Ali dahulu melalui mahkamah, Maharaja Abu Bakar berjanji akan meringankan jumlah pembayaran yang dituntut itu. Dengan itu usaha-usaha direncanakan untuk memujuk Tengku Alam supaya menerima tawaran elaun yang ditetapkan itu.


Walau bagaimanapun Tengku Alam tidak menerima tawaran penceن yang dicadangkan itu. Walaupun demikian Gabenor W.F. Robinson menghantar memorandum pada 28 Oktober 1878 kepada Tengku Alam, menyatakan bahawa kerajaan British telah mengiktiraf Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar. Oleh yang demikian Gabenor W.F. Robinson menasihati Tengku Alam agar datang mengambil elaun yang diperuntukkan itu di Pejabat Perbendaharaan Singapura.

Kemudiannya pada 5 November 1878, Gabenor W.F. Robinson mengisytiharkan pengiktirafan kerajaan British terhadap Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar dalam Majlis Mesyuarat Undangan Singapura. Walaupun demikian Tengku Alam masih membuat tuntutan; ini ternyata apabila Tengku Alam menghantar surat rayuan kepada Pejabat Tanah Jajahan London pada 18 Disember 1878.

Gabenor W.F. Robinson merasakan bahawa kelewatan Tengku Alam menerima tawaran wang sara hidup akan menyebabkan bertambah lagi anak raja dan masyarakat Melayu yang memberi simpati kepada baginda. Masyarakat Melayu akan memandang Tengku Alam sebagai orang yang diketepikan daripada haknya. Keadaan ini sudah pasti akan menimbulkan kekacauan.⁵⁰

⁵⁰ C.O. 273/95, laporan F. Swettenham, 10 Julai 1878.

⁵¹ C.O. 273/95, "TMS", W.F. Robinson kepada Michal Hicks Beach, 14 Ogos 1878.



BAB VI

Pertempuran 1879

Persaingan kuasa yang wujud berkenaan hak terhadap Muar berlarutan hingga akhirnya sampai kepada kemuncak pada tahun 1879. Pada ketika itu pertempuran berlaku antara pasukan Tengku Alam dengan pasukan Maharaja Abu Bakar di Muar. Pertempuran itu bukan sahaja disertai oleh penduduk Muar, tetapi juga oleh penduduk dari Johol, Tampin, dan Inas. Beberapa orang British yang memihak kepada Tengku Alam turut terlibat. Walau bagaimanapun pasukan Maharaja Abu Bakar mendapat bantuan British dan Pahang. Meletusnya pertempuran di Muar ini disebabkan penduduk Muar berasa tidak puas hati terhadap pemerintahan Maharaja Abu Bakar di sana. Pucuk pimpinan itu bukan pilihan mereka; sebaliknya mereka mahu menjemput Tengku Alam menjadi pemerintah Muar dan raja mereka. Orang yang menjadi nadi sebagai penyokong Tengku Alam dan penggerak utama pertempuran di Muar ialah Tengku Nong. Tengku Nong menjadi wakil Tengku Alam di Muar.¹

¹ Sila lihat MP., "PPSMG", Police A. III, Sri Paduka Kekanda Sultan Ala-Iddeen Allum Shah [Tengku Alam] Ibni Almarhum Sultan Ali [Ali] Iskandar Shah Al-Malek - Johor, di Singapura, Kampung Gelam, kepada Sri Paduka Adinda Yang Dipertuan Muda Sayyid Hamid Ibni Almarhum Sri Paduka Ayahanda Yang Dipertuan Sayyid Shaaban Al-Kadri, Raja Kru, 18 Januari 1880, hlm. 143.

Tuntutan Tengku Alam tidak mendapat layanan daripada British. Setiausaha Negeri Tanah Jajahan, Michael Hicks Beach dan kerajaan British menyatakan bahawa mereka tidak akan melibatkan diri dalam keputusan Temenggung dan penghulu-penghulu Muar yang memilih Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar. Sebagai ganti kerana kehilangan kuasa terhadap Muar, Tengku Alam dan keluarga Sultan Ali ditawarkan wang sara hidup.² Keputusan itu menimbulkan rasa tidak puas hati Tengku Alam. Dengan itu pada 11 Januari 1879, Tengku Sulong, iaitu saudara sepupu Tengku Alam, telah menjemput sahabat handainya ke Kampung Gelam, Singapura menghadiri jamuan kenduri arwah (berkenaan surat jemputan ini, sila lihat Lampiran D). Kenduri itu dikatakan untuk mengingati kematian bapanya. Namun tujuan sebenar perjumpaan itu ialah untuk mengisyiharkan Tengku Alam sebagai Sultan Johor-Pahang dan Muar.

Dalam pertemuan itu, Tengku Alam diisyiharkan sebagai Sultan. Pertemuan tersebut berlangsung dari pukul 11.00 pagi hingga 4.00 petang. Upacara itu dihadiri oleh kira-kira seribu orang Melayu, Bugis, dan Muslim. Muslim di sini bermaksud orang bukan Melayu atau Bugis tetapi beragama Islam. Antara yang hadir dalam upacara itu ialah Tengku Muhammad Ariffin, Abdul Samad, Tengku Sali, Tengku Mohamad, Ungku Chi, Boroh, Wan Abas, dan Awang Ibrahim.

Tengku Muhammad Ariffin berasal daripada keluarga Samuka, Sumatera. Bapanya Tengku Kali dan datuknya Raja Muda Muka Muka (Muko Muko), Sumatera. Ibunya ialah Tengku Puteri Lala Ahmal, puteri Sultan Gadangsa Muko Muko. Tengku Muhammad Ariffin tidak mempunyai hubungan dengan kerabat diraja Johor.

Awang Ibrahim pula ialah menteri (sesetengah menyatakan setiausaha) kepada Tengku Alam. Beliau melaksanakan semua perkara yang diarahkan oleh Tengku Alam. Sekiranya seseorang ingin menemui Tengku Alam, dia mesti berjumpa dengan Awang Ibrahim terlebih dahulu.

Mereka yang menghadiri upacara itu mengisyiharkan Tengku Alam dengan gelaran Sultan Alauddin Al-Masik Bi-llah Al Manen [Al-Mutammassik Bi-llah Al-Mannan] Alauddin Alam Shah,

² Lihat C.O. 273/96, W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 24 Oktober 1878, terlampir W.F. Robinson kepada Tengku Alam, 24 Oktober 1878.

pemerintah Johor dan Pahang.³ Segala upacara itu dikelolakan oleh Awang Ibrahim dan Sayyid Masahor. Orang yang pertama melaungkan gelaran Sultan kepada Tengku Alam ialah Tengku Muhammad Ariffin.⁴ Beliau datang kerana mendapat surat jemputan.⁵

Pada mulanya surat pengisytiharan ini ada dalam tangan Tengku Salim. Oleh sebab Tengku Salim tua dan uzur, surat itu diserahkan untuk dibaca oleh Tengku Muhammad Ariffin. Pengisytiharan Tengku Alam sebagai Sultan telah memerlukan para hadirin jamuan itu kerana perkara tersebut di luar dugaan mereka. Berikutan itu ada juga antara para jemputan yang tidak turut serta atau terlibat dalam pengisytiharan tersebut.

Utusan Tengku Alam datang menemui Setiausaha Kolonial pada 13 Januari 1879, pukul 4.15 petang. Utusan itu terdiri daripada lima orang: Kadi Haji Hamzah, kadi Kampung Gelam, Awang Ibrahim, kerani sulit Tengku Alam; dan tiga orang khatib. A.M. Skinner menjadi penterjemah. Kadi Hamzah sebagai ketua wakil itu memulakan perbincangan dengan menyatakan bahawa kehadirannya ialah untuk melaporkan kepada Setiausaha Kolonial yang Tengku Alam telah pun dilantik menjadi Sultan pada petang hari Sabtu, 11 Januari 1879.

Setiausaha Kolonial lalu meminta penjelasan berkenaan kuasa Tengku Alam yang telah dilantik sebagai Sultan. Kadi Hamzah menegaskan bahawa berdasarkan ajaran agama Islam, raja mesti dilantik serta berkuasa dalam hal ehwal perkahwinan dan perceraian. Kemudiannya, Setiausaha Kolonial sekali lagi meminta penjelasan berkenaan pelantikan Tengku Alam itu. Beliau bertanya sama ada pelantikan itu berdasarkan undang-undang Islam kerana Tengku Alam tidak menjadi pemerintah. Dalam hal ini Kadi Hamzah menyatakan yang Tengku Alam tidak dilantik sebagai pemerintah negeri, tetapi sebaliknya berkuasa dalam soal perkahwinan dan perceraian penganut agama Islam.⁶

³ C.O. 273/98, "PTASMD", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 1 Februari 1879. Lihat juga C.O. 273/98, "PTASMD", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 1 Februari 1879, terlampir A.M. Skinner, "Report further interview with Tunku Alam and result and Tunku Alam being proclaimed Sultan by certain Malay and Bugis", (seterusnya diringkaskan menjadi "RITASMB"), 14 Januari 1879. Lihat juga C.O. 273/98, "PTASMD", C.C. Smith kepada Kadi Haji Hamzah, 1 Februari 1879.

⁴ MP, "PPSMG", kenyataan Wan Muhammad, 15 Mac 1880, hlm. 54.

⁵ MP, "PPSMG", kenyataan Tengku Muhammad Ariffin, Mahkamah Polis, 24 Mac 1880, hlm. 75.

⁶ C.O. 273/98, "PTASMD", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 1 Februari 1879, terlampir A.M. Skinner, "RITASMB", 14 Januari 1879.

Dalam surat W. F. Robinson kepada Michael Hicks Beach bertarikh 1 Februari 1879 pula, dinyatakan yang pelantikan Tengku Alam sebagai Sultan itu tidak ada unsur-unsur politik; manakala Pejabat Kolonial pula menegaskan dalam minit bahawa perkara itu di luar pemahaman mereka kerana pelantikan itu adalah soal agama. Gabenor W.F. Robinson mendapat tahu akan pelantikan Tengku Alam melalui surat khabar keluaran hari Sabtu 11 Januari 1879. Beliau tidak mengerti makna perisytiharan yang dibuat terhadap Tengku Alam. Beliau merasakan perlu menemui Tengku Alam sendiri bagi mendapatkan penjelasan berkenaan perkara itu.⁷ Dengan itu pada hari Khamis 23 Januari 1879, pukul 12.00 tengah hari, beliau menghantar Mohamad Said untuk berjumpa Tengku Alam. Tujuannya ialah untuk menjemput Tengku Alam menemuinya. Tengku Alam bersama-sama tiga orang pengikutnya pergi menemui Gabenor dengan menaiki kuda. Dalam pertemuan itu Gabenor W. F. Robinson memberitahu Tengku Alam bahawa surat yang dihantar ke Eropah belum mendapat jawapan lagi.

Gabenor W. F. Robinson bertanya jika kesan daripada pelantikan itu ialah tuntutan terhadap Kesang. Tengku Alam menegaskan bahawa pelantikan itu bukanlah tuntutan terhadap Kesang, tetapi hanya gelaran keagamaan dan untuk tujuan agama. Seterusnya Gabenor menyatakan kepada Tengku Alam, sekiranya pelantikan itu bertujuan untuk mendapatkan Kesang, tindakan itu bererti menentang kerajaan. Sekali lagi Tengku Alam menegaskan bahawa mereka tidak bertujuan untuk mendapatkan Kesang dan menyatakan bahawa selama ini kerajaan British tidak pernah terlibat dalam hal yang berkaitan dengan agama.⁸

Semasa perbualan itu juga, Tengku Alam mengakui bahawa baginda berkawan dengan W.H. Read. Gabenor W. F. Robinson menyatakan bahawa wang sara hidup boleh diambil daripada W.H. Read sekiranya Tengku Alam memutuskan untuk menerima wang itu. Tengku Alam lalu menyatakan yang beliau belum memerlukan wang sara hidup; sebaliknya menunggu keputusan tentang tuntutan yang dibuatnya daripada kerajaan British.

⁷ C.O. 273/78, "PTASMD", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 1 Februari 1879.

⁸ MP., "TMTD", C.O. 173/98, "PTASMD", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 1 Februari 1879.

Selepas pelantikan dan pengisytiharan Tengku Alam sebagai Sultan, pada pukul 12.00 tengah hari, Tengku Nong pulang ke Muar dengan perahu Ambi. Beliau sampai di Kuala Reng, Sungai Muar, pada 16 Januari 1879, pukul 9.00 malam di rumah Tengku Ahmad. Pada 21 Januari 1879, Tengku Nong bercadang untuk pergi ke Lubuk Tebrau di pedalaman Muar. Tengku Nong mengarahkan Penghulu Muda mendapatkan pendayung untuk membawa perahu ke situ. Pada waktu petang, datang dua orang pendayung dengan perahu kecil. Tengku Nong dan kedua-dua pendayung itu bertolak ke Lubuk Tebrau melalui balai polis Kuala Lenga. Mereka tiba di Lubuk Tebrau pada 24 Januari 1879.

Pada 27 Januari 1879, Tengku Nong menulis surat kepada Awang Ibrahim, Samat, Imam Haji Muhammad, dan Haji Muhammad Ali. Beliau memberitahu mereka yang kapal api Maharaja datang ke Muar untuk mengambil Panglima Besar Senchu, Wan Abas, Layut, dan Bawi kerana memaksa penduduk menyokong Tengku Alam.

Di Muar, Tengku Nong mengumpulkan penduduk-penduduk di sana supaya menyokong Tengku Alam. Bersama-sama dengan sepupunya Tengku Mat, Tengku Nong berjaya mempengaruhi Panglima Besar Senchu, Wan Daud (anak Temenggung Muar), Wan Abas, dan Raja Rambut Panjang untuk ikut serta dalam pakatannya. Tengku Alam memberikan bantuan berupa duit, senapang, dan peluru. Sementara itu, Dato' Johol berserta enam ratus orang pengikutnya dalam perjalanan untuk membantu Tengku Nong. Sebelum itu beliau terlebih dahulu meminta Tengku Nong menyiapkan bekalan dan senjata.

Pada 5 Februari 1879, Maharaja Abu Bakar membuat pengisytiharan bahawa baginda dilantik dan disahkan oleh Ratu British. Selain itu beberapa pegawai dilantik untuk bertugas di Muar. Pengisytiharan itu diterbitkan dalam *Warta Kerajaan* bertarikh 7 Februari 1879 kerana permintaan Maharaja Abu Bakar dan Gabenor W.F. Robinson. Berikutan itu beratus-ratus surat pengisytiharan dicetak dalam bahasa Inggeris, Melayu, dan Cina serta dipaparkan dan disebarluaskan di Muar. Dalam surat pengisytiharannya dinyatakan bahawa Temenggung dan penghulu Muar melantik Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah dan pembesar Muar dalam pemilihan yang berlangsung di Kuala Kesang pada 9 November 1877. Peringatan yang diedarkan itu juga mencatatkan bahawa Maharaja telah melantik Andak sebagai pihak yang bertanggungjawab di seluruh Muar, Mahmud di Kuala Muar, dan Abdul Rahman di Kuala Kesang.

Sebelum itu Tengku Nong menghantar surat kepada Ismail, Ketua Balai Polis Segamat, untuk memberitahu yang beliau telah membina kubu di Jementah. Tengku Nong juga menjelaskan bahawa keturunannya (dan Tengku Alam) mempunyai hak terhadap Muar.

Dalam bulan Mac 1879, Barak diperintahkan oleh Tengku Alam untuk menyerahkan wang sebanyak \$55.00 kepada Tengku Nong. Sementara itu Tengku Nong telah pun menambahkan kekuatan pertahanannya di Muar dengan membeli senapang dan bahan letupan peluru. Tengku Nong membeli tiga senapang berharga \$11.00 secara hutang. Sebagai usaha untuk menambahkan lagi kekuatan pertahanannya dengan membeli senapang dan bahan letupan, Tengku Nong meminta Tengku Alam menghantar wang sebanyak \$300.00 dengan segera. Bahan-bahan tersebut diperlukan untuk dibekalkan kepada anak dagang yang sanggup membantu Tengku Alam.

Ketika Tengku Nong membuat persiapan pertahanan di Jementah, beliau mendapat berita bahawa Haji Hassan Padang akan datang menangkapnya. Selain itu Tengku Nong diberi amaran oleh Ketua Balai Polis Segamat kerana membina kubu. Amaran itu mencegah usaha Tengku Nong membina kubu di Jementah kerana perbuatannya itu dianggap salah. Sebaliknya, Tengku Nong menegaskan yang keluarganya mempunyai hak terhadap Muar. Dalam surat yang dihantarkan kepada polis Segamat, Tengku Nong antara lain menyatakan bahawa pembinaan kubu tersebut adalah di atas tanahnya sendiri dan kerana adanya usaha untuk menangkap beliau.

Walaupun Tengku Nong membina kubu, tetapi beliau tidak bertindak sendirian. Beliau terlebih dahulu memberitahu Tengku Alam bagi mendapatkan persetujuan berkenaan rancangan dan tindakan yang akan diambil. Sekiranya Tengku Alam tidak bersetuju, Tengku Nong sanggup mengundurkan diri lebih awal sebelum pertempuran berlaku. Sebaliknya, kalau Tengku Alam bersetuju, Tengku Nong akan tetap meneruskan rancangan. Dalam perjuangan itu Tengku Nong mendapat sokongan daripada Dato' Johol bersama-sama seratus orang pengikutnya. Dengan itu Tengku Nong meminta bantuan wang dan senjata daripada Tengku Alam untuk dibekalkan kepada Dato' Johol dan para pengikutnya.

Persiapan yang dibuat oleh Tengku Nong itu menyebabkan ada laporan yang dibuat kepada Andak, Residen di Kuala Lenga. Tengku Nong dilaporkan akan membuat kekacauan di Muar. Laporan tersebut dinafikan oleh Tengku Nong yang menegaskan bahawa

perkara itu adalah fitnah terhadapnya. Tengku Nong sememangnya membuat persiapan untuk melancarkan gerakan menentang Maharaja. Tengku Nong juga telah meminta Charles Keun menghantar enam pucuk pistol bersama-sama peluru. Charles Keun berkhidmat dengan Bank Oriental Singapura dan dikenali serta dihormati di Singapura. Oleh sebab Tengku Nong tidak menghantar wang terlebih dahulu, beliau sanggup membayarnya selagi masih hidup. Surat permintaan Tengku Nong itu dihantar melalui Tengku Ahmad.

Pada 27 Jun 1879, Tengku Alam memberitahu Tengku Nong di Jementah bahawa tuntutannya tersiar dalam akhbar di Eropah dan beliau baru menerima berita tersebut. Beliau yakin tuntutannya itu akan berjaya. Tengku Alam menunggu jawapan suratnya yang dijangkakan akan tiba dalam masa dua atau tiga minggu.

Apabila mendapat berita itu, Tengku Alam akan berangkat ke Muar untuk menemui Tengku Nong dan para penyokongnya. Melalui Tengku Nong, Tengku Alam mengarahkan agar disampaikan perintahnya kepada Panglima Besar Senchu supaya menunggu arahan berikutnya. Tengku Nong boleh mendapatkan keterangan yang lanjut daripada Imaum dan Seban. Kalau menghadapi kekurangan wang, beliau boleh memintanya daripada Panglima Besar Senchu dan Bawi. Jumlah hutang akan dibayar oleh Tengku Alam.

Kerahan dan Berkumpul

Dalam usaha menegakkan kuasa Tengku Alam, Tengku Nong memilih Jementah dan Chohong sebagai tempat menjalankan rancangan dan tindakannya. Tengku Nong membina kubu di Lubuk Bandan. Selain kubu ini, Tengku Nong juga mempunyai kubu di Sungai Siput dan kubu Dedap. Tiap-tiap kubu itu dipimpin oleh ketua yang dikhaskan. Khatib Derus ialah ketua di Sungai Siput, dan di dalam kubunya ada seratus orang, termasuk kanak-kanak dan wanita. Sementara itu Tengku Nong di kubu Dedap dan Layut di Lubuk Bandan. Penduduk Jementah dipanggil untuk menguatkan kubu di Lubuk Bandan.

Tengku Nong kemudiannya menjemput Penghulu Besar Khamat untuk datang menemuinya di kubu Lubuk Bandan. Di dalam kubu Lubuk Bandan ini, selain Tengku Nong, terdapat Wan Abas, Layut, Bawi, Lepang, Wan Daud, dan Seenara Rumoo bersama-sama isteri, anak dan waris-warisnya. Di sana Tengku Nong dan Penghulu Besar Khamat berosal jawab tentang kenapa Penghulu Besar Khamat ke Johor Bahru menemui Maharaja Abu Bakar. Tengku

Nong juga ingin tahu di mana Temenggung Muar berada pada waktu itu. Penghulu Besar Khamat menegaskan bahawa beliau ke Johor Bahru hanya untuk menemani Wan Mohamad Salleh yang akan dilantik oleh Maharaja Abu Bakar menjadi Temenggung Muar. Selain itu beliau menyatakan yang Temenggung Muar waktu itu berada di Bukit Kepung. Tengku Nong memberi amaran kepada Penghulu Besar Khamat supaya mengundurkan diri dari Jementah kerana keengganannya penghulu itu menyokong gerakannya. Setelah bercakap-cakap dengan Tengku Nong, Penghulu Besar Khamat pulang ke rumahnya. Selang empat atau lima hari, Penghulu Besar Khamat mengundurkan diri ke Pagoh, kemudiannya ke Bukit Kepung untuk melaporkan diri kepada Temenggung Mohamad Salleh.

Bagi Tengku Nong, pelantikan Wan Mohamad Salleh sebagai Temenggung Paduka Tuan Muar itu mendatangkan masalah dalam gerakannya. Tambahan pula Wan Mohamad Salleh yang dilantik oleh Maharaja itu menguasai tebing kiri dan kanan Sungai Muar. Selain itu Penghulu Besar Khamat merupakan penyokong kuat Wan Mohamad Salleh. Menyedari keadaan itu, Tengku Nong membuat laporan kepada Tengku Alam di Singapura melalui kerani Tengku Alam, Awang Ibrahim. Di samping memberi laporan itu, Tengku Nong meminta bantuan wang dan sebilah keris untuknya. Tengku Nong menegaskan bahawa keris yang diberikan dahulu telah diserahkan kepada Panglima Besar Senchu. Tengku Nong juga mengajukan surat kepada Charles Keun dan meminta agar diantar sepuak pistol. Tengku Nong sanggup membayar harga pistol itu dan berjanji akan menjelaskan bayarannya selagi masih hidup.

Dalam langkah seterusnya Tengku Nong menjemput sebilangan orang untuk datang ke jamuan di kubu Lubuk Bandan. Jamuan itu diadakan pada petang Khamis 9 Oktober 1879, dan disediakan oleh Panglima Besar Senchu. Antara mereka yang hadir termasuklah Panglima Besar Senchu, Wan Abas, Wan Daud, Bawi Tok Sutan, Tengku Nong, dan Seekling. Jumlah mereka yang hadir itu antara dua ratus hingga tiga ratus orang. Mereka ini termasuklah penghulu-penghulu dan orang kenamaan.

Sesudah menikmati jamuan, pada pukul 4.00 petang, Tengku Nong telah diisyitharkan dengan gelaran Yamtuan Muda. Pengisytiharan ini dilaungkan oleh Wan Abas atau Ungku Tanjung. Ucapan itu dilaungkan sebanyak tiga kali dan ketiga-tiga kalinya para hadiran menjawab suka. Setelah pengisytiharan ini Imam Tapal membaca doa selamat. Kemudiannya tiap-tiap orang datang memberi hormat kepada Tengku Nong.

Keesokan harinya, Jumaat 10 Oktober 1879, selepas menunaikan sembahyang Jumaat, Tengku Nong menjemput para jemaah datang ke kubunya. Dengan itu semua yang menghadiri sembahyang Jumaat datang ke kubu yang dibuat oleh Tengku Nong. Turut hadir, Panglima Besar Senchu, Wan Abas, Wan Daud, Khatib Derus, Bawi, dan Tok Sutan. Dalam perhimpunan itu Tengku Nong melantik Khatib Derus sebagai Penghulu Besar yang berkuasa di Jementah. Beliau menggantikan Penghulu Besar Khamat yang pada masa itu berada di Segamat. Pengistiharan pelantikan Khatib Derus itu juga dilakukan oleh Wan Abas atau Ungku Tanjung. Kesemua mereka yang hadir menjawab suka. Khatib Derus kemudiannya memberi hormat kepada Tengku Nong. Selain itu Tengku Nong juga melantik Bawi menjadi Penghulu Tanjung. Pelantikan itu juga diisyiharkan oleh Wan Abas. Wan Daud pula dilantik sebagai Temenggung Muar oleh Tengku Nong dan bergelar Temenggung Paduka Tuan. Pelantikan Tengku Nong sebagai Yamtuan Muda dan penghulu-penghulu adalah sesuatu yang dirancang. Ini adalah arahan daripada Tengku Alam.

Pada ketika itu Maharaja Abu Bakar telah pun mengiktiraf Wan Mohamad Salleh sebagai Temenggung Muar dan bergelar Temenggung Paduka Tuan. Wan Daud pula adalah Temenggung Muar, juga bergelar Temenggung Paduka Tuan. Bezanya ialah beliau dilantik oleh wakil Tengku Alam, iaitu Tengku Nong. Ini bermakna bahawa ketika itu terdapat dua orang Temenggung Muar yang masing-masing diakui oleh Maharaja Abu Bakar dan Tengku Alam.

Tengku Nong menghantar surat kepada Tengku Alam pada 20 Oktober 1879 untuk memberitahu berkenaan pelantikan itu. Surat itu pula dibawa oleh Wan Abas ke Singapura untuk disampaikan kepada Tengku Alam. Tengku Alam bersetuju dengan cadangan Tengku Nong itu dan dinyatakan dalam surat Awang Ibrahim kepada Tengku Nong bertarikh 1 November 1879. Arahan juga diberi supaya tindakan seperti yang telah dilakukan oleh Tengku Nong sebelum itu diambil, iaitu menghalau, merampas harta benda, dan membakar rumah mereka yang tidak mahu mengakui Tengku Alam. Tengku Alam juga mengarahkan agar kesemua barang kepunyaan Penghulu Besar Khamat di Jementah dijual jika perlu. Arahan juga diberi untuk membakar balai polis Kesang atau menghalau mata-mata dari situ. Dalam pada itu, kalau pengikut Maharaja Abu Bakar datang, mereka perlu ditentang. Walaupun demikian, Tengku Nong diingatkan supaya mengakui yang segala tindakan dan rancangan adalah daripadanya.

Selain itu Tengku Alam mengharap supaya Tengku Nong menghantarkan Tong (seorang Cina) ke Singapura dengan segera. Tong mestilah membawa surat kebenaran daripada Tengku Nong untuk membawa senjata. Tujuan Tengku Alam adalah supaya Tong membawa senapang dan peluru yang hendak dibekalkan kepada Tengku Nong. Namun Tengku Nong tidak dapat memerintahkan Tong untuk pergi ke Singapura kerana beliau tidak ada di rumahnya. Tambahan pula Tong waktu itu menghadapi kesusahan; kedainya dimusnahkan oleh pengikut Maharaja Abu Bakar. Tindakan itu dilakukan kerana Tong membantu dan bekerjasama dengan Tengku Nong. Oleh itu sebagai ganti, Tengku Nong mengarahkan Tauke Ah Sin yang mengerjakan lombong emas di Gunung untuk pergi ke Singapura. Tauke Ah Sin pernah memberi bantuan bahan letupan, senapang, dan plumbum kepada Tengku Nong. Tengku Nong mengarahkan Tauke Ah Sin untuk memberitahu Tengku Alam yang ia berkehendakkan sehelai baju yang baik, sepasang seluar dan topi untuk pakaianya sendiri.

Apabila selesai pelantikan itu, Tengku Nong mengarahkan Khatib Derus, Wan Abas, Wan Daud, Bawi, dan Seekling membawa suratnya kepada Tengku Alam di Kampung Gelam, Singapura. Mereka ini datang seramai sebelas orang untuk menemui Haji Hassan di Melaka, dan memberi wang kepadanya supaya mengambil tiket kapal api ke Singapura. Jumlah rombongan itu termasuk Haji Hassan adalah dua belas orang. Mereka pergi ke Singapura dengan menaiki kapal, *S.S. Japan*. Semasa pelayaran itu, Wan Abas memberitahu Haji Hassan supaya pergi bersama-sama ke rumah Tengku Alam, atau ke rumah bicara.

Apabila tiba di Singapura mereka terus pergi ke kota Tengku Alam di Kampung Gelam, Singapura. Penduduk Kampung Gelam menggelar kota itu istana Sultan Ali. Sambil menyerahkan surat, Tengku Nong bercakap-cakap serta menerangkan bahawa Khatib Derus dilantik sebagai Penghulu Besar menggantikan Penghulu Besar Khamat. Beliau juga menerangkan yang jawatan Penghulu Tanjung pula disandang oleh Penghulu Bawi. Selain itu dinyatakan juga yang beliau dan rakan-rakannya telah empat hari berada di Singapura. Dari sana mereka akan mengambil jalan darat untuk ke Jementah.

Ketika berada di Singapura, Wan Abas menerima wang daripada Awang Ibrahim, kerani Tengku Alam. Wan Abas memberikan sebahagian wang tersebut kepada Seekling, Khatib Derus, Wan Daud, dan Penghulu Bawi. Wan Abas memberi \$25.00

kepada Seekling kerana sebelum itu Tengku Nong mengambil rotan daripadanya bermilai \$30.00. Di samping itu Awang Ibrahim memberi wang sebanyak \$55.00 lagi kepada Wan Abas ketika hendak bertolak ke Jementah. Semasa pulang mereka membawa bersama-sama sepuluh helai kain sarung, seluar, baju, dan dua puluh kantung ke Jementah dan menyerahkannya kepada Tengku Nong.

Haji Hassan pula diminta oleh Tengku Alam untuk membeli senapang dan membawanya kepada Tengku Nong di Muar. Haji Hassan cuba mengelak dengan alasan beliau takut. Namun demikian Tengku Alam berkeras juga dan mengarahkannya agar tidak takut. Dengan itu Haji Hassan mengambil dua puluh senapang dan lima atau enam kotak topi. Kesemua barang itu berharga \$54.00. Haji Hassan membawa barang-barang itu ke Melaka.

Apabila tiba di Melaka, Haji Hassan menemui seorang Cina. Orang Cina itu bertanyakan Haji Hassan sama ada beliau mempunyai kebenaran untuk membawa senjata itu. Oleh sebab tidak mempunyai surat kebenaran, Haji Hassan meninggalkan kesemua senapang di rumah Cina itu. Kemudiannya, terdapat seorang Melayu di Kampung Jawa yang sanggup mengambil senapang dari rumah orang Cina itu sekiranya dia dibayar upah oleh Haji Hassan. Orang Melayu ini seterusnya mengambil senapang di rumah Cina itu dan dibawa ke rumahnya. Walaupun Haji Hassan cuba mendapatkan senapang itu, tetapi tidak diberikan. Orang Melayu itu hanya sanggup memberi senapang itu sekiranya Haji Hassan membayar wang kepadanya. Dengan itu kesemua senapang itu disimpan oleh orang Melayu tersebut.

Tidak berapa lama selepas pengisytiharan Tengku Nong sebagai Yamtuan Muda, Khatib Derus sebagai Penghulu Besar Jementah, dan Bawi sebagai Penghulu Tanjung, usaha-usaha dijalankan bagi mengerah penduduk datang berkumpul di kubu-kubu yang telah dibina. Penghulu Bawi dan Sebang datang ke rumah Maharaja Lela untuk memberitahu yang Tengku Nong mengarahkannya bersama anak dan isteri untuk datang ke kubu Dedap. Sekiranya ingkar, Maharaja Lela akan diserang oleh Tengku Nong. Maharaja Lela bersetuju datang ke kubu pada keesokan harinya, manakala Layut pula datang ke rumah Kahlil dengan bersenjata dan memberitahu bahawa Tengku Nong mengarahkannya bersama-sama anak dan isteri datang ke kubu Dedap. Kahlil dan keluarganya datang ke kubu Dedap dan diikuti oleh Layut. Seterusnya Layut dan Bawi datang ke rumah Panglima Dalam Lawit serta memaksanya datang ke kubu Dedap. Sekiranya menolak, Layut dan Bawi akan

membunuh Panglima Dalam Lawit. Oleh itu bersama-sama dengan keluarga dan diikuti oleh Layut dan Bawi, Panglima Dalam Lawit datang ke kubu Dedap.

Seterusnya Layut dan Bawi pergi ke rumah Mukin Undang. Mereka memberitahu Mukin Undang yang Tengku Nong mengarahkannya datang ke kubu Dedap. Di samping itu mereka mengugut, kalau enggan ia akan dibunuh. Dengan itu bersama-sama keluarga, Mukin Undang datang ke kubu Dedap. Encik Abas, Sebang dan Bawi datang ke rumah Pawang Setoo membawa perintah Tengku Nong supaya datang ke kubu Dedap. Pawang Setoo dipaksa datang ke kubu Dedap, kalau enggan kepalanya akan dipenggal. Oleh sebab takut, Pawang Setoo bersama-sama keluarga pergi ke kubu Dedap. Layut, Bawi, Sebang dan diikuti oleh sepuluh orang datang ke rumah Pawang Juling untuk menyampaikan perintah Tengku Nong supaya datang ke kubu Dedap. Kerahan itu dibuat secara paksa. Oleh itu Pawang Juling berserta keluarga terpaksa pergi ke kubu Dedap. Di dalam kubu Dedap ini terdapat seratus lima puluh orang termasuk kanak-kanak dan wanita.

Tengku Nong seterusnya mengalihkan pula tempat pertahanan di Chohong. Sudin menjadi penghulu disitu. Pada 13 Oktober 1879, Panglima Besar Senchu bersama-sama dua puluh dua orang lengkap dengan senjata telah membakar rumah dan merampas harta Penghulu Sudin. Pada hari yang sama, Panglima Besar Senchu bersama-sama dua puluh dua orang melalui rumah Penghulu Sudin pada pukul 4.00 petang untuk menuju ke rumah Umboh Awa (Ungku Muda). Antara mereka yang turut serta ialah Penghulu Jetan, That, Omat, Nasip, dan Putay. Mereka membawa senjata seperti senapang dan pedang.

Penghulu Sudin datang menemui Panglima Besar Senchu di rumah Umboh Awa. Di sana Panglima Besar Senchu cuba mendapatkan kepastian daripada Penghulu Sudin sama ada Maharaja yang datang ke Rembau mengarahkan sesuatu atau tidak. Penghulu Sudin menyatakan bahawa beliau tidak mendapat sebarang perintah atau arahan. Kemudiannya Penghulu Sudin pulang, tetapi datang semula apabila mengesyaki sesuatu. Ketika itu Panglima Besar Senchu dan pengikutnya sedang makan.

Semasa berada di rumah Umboh Awa, Bomoh Trang datang menemui Panglima Besar Senchu dan pengikut-pengikutnya. Di situ, Panglima Besar Senchu meminta Bomoh Trang membuat rundingan dengan Penghulu Sudin supaya pergi ke Jementah. Sekiranya

Penghulu Sudin enggan ke Jementah atau menemui Tengku Nong, beliau dikehendaki meninggalkan Chohong.

Bomoh Trang pergi ke rumah Penghulu Sudin bersama Sahil dan seorang Cina bernama Sahan. Mereka sampai di rumah Penghulu Sudin kira-kira pukul 12.00 tengah malam. Ketika itu ia sedang tidur. Bomoh Trang memanggil Penghulu Sudin. Penghulu Sudin bangun lalu mengambil lampu suluh dan keluar. Dengan itu Bomoh Trang, Sahil dan Sahan naik ke rumah Penghulu Sudin. Bomoh Trang menyampaikan pesanan Panglima Besar Senchu supaya datang ke Jementah untuk berjuang menyokong Tengku Alam. Penghulu Sudin enggan berbuat demikian dan meminta Bomoh Trang pulang sahaja. Dengan itu Bomoh Trang, Sahil dan, Sahan pulang ke rumah masing-masing.

Setelah mereka pulang, Penghulu Sudin berunding dengan isterinya. Beliau seterusnya mengambil keputusan untuk meninggalkan Tangkak. Dengan itu kira-kira pukul 1.00 pagi Penghulu Sudin bersama-sama keluarganya berundur ke Chohong. Kemudiannya ia melaporkan kejadian itu di balai polis.

Bomoh Trang datang ke rumah Umboh Awa untuk membuat laporan berkenaan Penghulu Sudin sementara Panglima Besar Senchu dan pengikut-pengikutnya berangkat ke rumah Penghulu Sudin. Mereka bersenjatakan senapang dan sundang. Oleh sebab Penghulu Sudin menunjukkan sikap yang memihak kepada Maharaja, maka Panglima Besar Senchu mengarahkan pengikut-pengikutnya membakar rumah Penghulu Sudin. Sebelum membakar rumah itu, beberapa orang pengikut Panglima Besar Senchu, seperti Ah Teng (bangsa Cina), Se Mat, Se Odat (Oat), Penghulu Jetan, dan Se Uteh mengambil barang-barang dari rumah Penghulu Sudin. Kemudiannya Ah Teng membakar rumah Penghulu Sudin. Setelah kejadian itu Panglima Senchu dan pengikut-pengikutnya pulang ke rumah Umboh Awa.

Seterusnya, pengikut Tengku Nong di bawah pimpinan Wan Abas membakar rumah, membunuh binatang ternakan, dan mengambil harta benda di Jementah. Pasukan Wan Abas itu terdiri daripada kira-kira sepuluh orang. Sebaik sahaja tiba di kawasan rumah Menteri Gesah, Wan Abas mengacukan senapangnya ke arah Menteri Gesah dan Akil. Melihatkan keadaan itu Menteri Gesah dan Akil lari menyelamatkan diri ke dalam hutan. Seterusnya rumah Menteri Gesah dibakar.

Di kubu Lubuk Bandan, mereka yang bertanggungjawab sebagai pegawai awam dan tentera ialah Wan Daud, Penghulu Besar Khatib Derus, dan Penghulu Tanjung Bawi. Tidak ada seorang penghulu lama yang menyokong tindakan Tengku Nong untuk melantik Tengku Alam sebagai Sultan. Oleh sebab beberapa masalah yang rumit, Tengku Nong meminta Tengku Ismail datang segera ke Muar.

Tengku Ismail membalaas surat Tengku Nong dengan menyatakan bahawa tindakan Tengku Nong disetujui oleh Tengku Alam. Selain itu Tengku Nong diingatkan supaya sentiasa bekerjasama dengan Panglima Besar Senchu dan penghulu-penghulu lain. Sesiapa yang menentang hendaklah dihalau. Harta Penghulu Besar Khamat hendaklah dirampas dan dijual. Tengku Nong diarahkan membakar balai polis. Sekiranya pengikut Maharaja Abu Bakar menyeberangi tebing kiri sungai, mereka akan diserang.

RAJAH I

Antara yang Terlibat Menyokong Tengku Alam dan Maharaja Abu Bakar Dalam Pertempuran 1879

<i>Penyokong Tengku Alam</i>	<i>Penyokong Maharaja Abu Bakar</i>
Tengku Nong (Tengku Omar)	Temenggung Muar Mohamad Salleh
Panglima Besar Senchu	Penghulu Besar Khamat
Tok Sutan	W. Hole
Seekling	Mahmud
Tauke Ah Sin	Andak
Haji Hassan	Dato' Bentara Luar Muhammad Salleh
Sebang	Engku Ahmad
Khatib Derus+	Panglima Perang Isa
Penghulu Besar Khamat+	Panglima Perang Kiri Awang
Wan Abas (Ungku Tanjung)	Panglima Besar Yusof
Bawi	Panglima Dalam Lawit+
Lepang	Panglima Dalam Lamat
Wan Daud	Wan Ahmad
Seenara Rumoo	Wan Majid
Maharaja Lela (Tahir)	Wan Dollah
Panglima Dalam Lawit+	Wan Da
Raja Panjang Rambut	Sulawatang

<i>Penyokong Tengku Alam</i>	<i>Penyokong Maharaja Abu Bakar</i>
Panglima Sarip	Khatib Derus+
Mukin Undang	Khalil+
Pawang Setoo+	Pawang Setoo+
Pawang Juling+	Pawang Juling+
Penghulu Jetan	Penghulu Bakar
Penghulu That	Wan Chillie (Chili)
Penghulu Omat	Wan Kuning
Penghulu Nasip	Wan Kechut
Penghulu Putay	Awang
Bomoh Trang	Haji Hassan (tidak sama dengan penyokong Tengku Alam)
Sahil	Encik Sally
Sahan (orang Cina)	Penghulu Sadong
Ah Teng	Tengku Khalid
Se Mat	Orang Kaya Bakar
Se Odat (Oat)	
Se Uteh	
Tengku Ismail	
Khalil+	
Unku	
Imam Perang Layut	
Ungku (Raja) Unos	
Bela Laboo	
Malong	
Rabil	
Sambal	
Tengku Ahmad	
Imaum	
Daud	
Haji Mohamed Taha bin	
Wan Ibrahim	
Dato' Gempa (Maharaja	
Lela)	
Hussain (anak Dato'	
Panglima Perang Haji	
Mohamed Taha)	
Panglima Perang Majis	

*Pada mulanya memihak kepada Tengku Alam, tetapi kemudiannya menyokong Maharaja Abu Bakar kerana paksaan.

Pertempuran Di Lubuk Bandan

Pertempuran antara penyokong Maharaja Abu Bakar dengan penyokong Tengku Alam berlaku pada akhir Oktober 1879 dan berlangsung selama lebih kurang dua setengah bulan. Senarai mereka yang terlibat sebagai penyokong Maharaja Abu Bakar dan penyokong Tengku Alam ditunjukkan dalam Rajah I. Kubu Lubuk Bandan diserang dan ditawan oleh penyokong Maharaja. Apabila kubu Lubuk Bandan telah ditawan, Mukin Undang, Pawang Juling, Pawang Setu, Panglima Dalam Lawit, dan Khalil melarikan diri ke Lenga. Dari Lenga, Khalil, Panglima Dalam Lawit, Mukin Undang, Pawang Juling, dan Pawang Setu datang semula ke Lubuk Bandan. Mereka menyertai pasukan Maharaja di bawah pimpinan Temenggung Mohamad Salleh dan Penghulu Besar Khamat di Bukit Lanjut. Maharaja Lela juga datang menyertai pasukan Temenggung ini. Sebelum itu Maharaja Lela berada di dalam hutan selama lima atau enam hari.

Mukin Undang diarahkan oleh Temenggung Mohamad Salleh untuk menyiasat kedudukan pasukan Tengku Nong. Panglima Dalam Lawit dan Pawang Setu pula diarahkan oleh Temenggung Mohamad Salleh dan Penghulu Besar Khamat untuk menyiasat gerak-geri pasukan Tengku Nong. Apabila tiba di Permatang Panjang, pasukan Maharaja itu ternampak Wan Abas, Bawi, dan Layut serta sepuluh orang pengikut Tengku Nong yang membakar rumah Mina, Tahim, Senut, dan Dagang. Kemudiannya Panglima Dalam Lawit dan Pawang Setu melaporkan perkara itu kepada Temenggung. Di samping itu rumah Pawang Setu dan rumah Pawang Juling juga telah dibakar oleh pengikut Tengku Nong.

Pada 18 Oktober 1879, Tengku Nong telah mengarahkan pengikutnya, Unku, Imam Perang Layut, Ungku (Raja) Unos berserta lima belas orang menyerang Jementah. Setelah mendapat arahan, Unku dan Imam Perang Layut bersama pengikut yang lain pergi menuju Jementah. Ketika pasukan itu dalam perjalanan, datang wakil Panglima Besar Senchu melaporkan yang kubu Lubuk Bandan di bawah Panglima Besar Senchu diserang dan ditawan oleh pengikut Maharaja. Utusan itu menasihati Tengku Nong agar berundur. Apabila mendapat berita itu, Tengku Nong mengarahkan Encik Unku, Imam Perang Layut, dan Ungku Unos pulang. Dengan arahan itu ketiga-tiga pengikut itu pun pulang.

Tengku Nong mengambil keputusan untuk berundur. Sebelum berundur ke Nyalas, Tengku Nong mengarahkan Seekling membawa

suratnya kepada Haji Hassan supaya disampaikan kepada Tengku Alam di Singapura. Dengan itu Haji Hassan pergi ke Singapura. Di rumah Tengku Alam, Haji Hassan menemui Awang Ibrahim dan menyerahkan surat Tengku Nong itu. Ketika menerima surat itu, Awang Ibrahim bertanyakan siapa yang memberi surat itu. Haji Hassan menegaskan bahawa surat itu diberikan oleh Seekling. Dengan itu Awang Ibrahim mempersilakan Haji Hassan duduk dan menikmati hidangan.

Haji Hassan tinggal selama tiga hari di Singapura. Di sana Tengku Alam menyatakan kepada Haji Hassan bahawa tidak ada perkara yang penting dalam surat itu. Tengku Alam meminta Haji Hassan mengambil dua puluh senapang dan menyerahkan senjata itu sendiri kepada Tengku Nong. Selain itu, Haji Hassan diarahkan juga membawa peluru pistol. Kesemua barang itu dibawa oleh seorang Cina di dalam sebuah perahu ke Melaka dengan arahan Tengku Alam.

Haji Hassan berlepas dari Singapura dan tiba di Serkam, Melaka. Beliau meninggalkan barang-barang itu kepada mata-mata Bujang. Barang-barang itu ditinggalkan kerana Haji Hassan mendapat berita bahawa Tengku Nong telah mengundurkan diri ke Nyalas. Mata-mata Bujang pernah membekalkan lima puluh kati bahan letupan, tiga ratus lima puluh peluru, lima kati plumbum, sembilan kati tembakau, seribu keping gambir, tiga laras senapang, dan lima puluh kotak penggesek api kepada Tengku Nong di Jementah. Tengku Nong membayar dengan wang perak kepada mata-mata Bujang.

Tengku Nong berundur ke Nyalas. Beliau tinggal di sana selama dua malam. Haji Hassan datang ke Nyalas untuk menyampaikan surat Tengku Alam kepada Tengku Nong. Di sana Seekling memberitahu Haji Hassan bahawa Tengku Nong sedang menuju ke Jementah. Seekling pula dengan diiringi oleh mata-mata Hujang dan beberapa orang yang lain mengambil barang-barang yang ditinggalkan oleh Haji Hassan di rumah mata-mata Bujang. Barang itu dibawa kepada Tengku Nong yang ketika itu berada di Jementah. Kemudiannya Seekling pergi menuju ke Mering.

Tengku Nong mengarahkan tiga orang pengikutnya berkawal di Bukit Asahan. Seterusnya, enam orang lagi dihantar ke Bukit Asahan. Kemudiannya, berlaku pertempuran di Bukit Asahan. Pertempuran itu mengakibatkan beberapa orang pasukan Maharaja terkorban. Panglima Besar Senchu datang menemui Tengku Nong di Mering bagi memberi laporan bahawa pertempuran yang berlaku adalah antara pasukan Maharaja sesama sendiri. Satu pasukan

Maharaja datang dari Bukit Asahan untuk menyerang dan menawan kubu Panglima Besar Senchu. Kemudiannya datang satu pasukan Maharaja yang lain dari Jementah yang juga bertujuan menyerang kubu yang sama. Masing-masing menyangka pihak yang lagi satu itu ialah pasukan Tengku Nong. Dengan itu berlaku pertempuran kira-kira dua atau tiga jam. Akibat pertempuran itu, tiga orang dari Jementah terbunuh dan beberapa orang cedera. Akhirnya, kedua-dua pasukan itu mengenali antara satu sama lain setelah masing-masing mengangkat bendera.

Apabila kedua-dua pasukan itu bertemu, pergaduhan hampir tercetus kerana mereka ingin menuntut bela kematian dan kecederaan kawan-kawan yang terlibat. Namun demikian keadaan itu dapat diatasi oleh Orang Kaya Padang. Kemudiannya pengikut Maharaja Abu Bakar yang datang dari Jementah pulang ke tempat mereka, manakala yang datang dari Bukit Asahan pulang ke Chohong untuk menemui W. Hole. Kubu Bukit Asahan telah dibakar.

Antara pengikut Maharaja yang tercedera ialah Abdullah dan beberapa orang Jawa daripada pasukan di bawah pimpinan Mahmud. Setelah mendapat berita itu, Mahmud bersama-sama kira-kira tiga belas orang daripada pasukannya berangkat ke Sungai Dua, Melaka untuk melihat mereka yang cedera. Ketika merentasi jalan ke Asahan, pasukan Mahmud diserang hendap oleh pengikut Tengku Nong. Pasukan Mahmud melepaskan tembakan balas. kecederaan. Pertempuran itu berlaku pada pukul 7.00 pagi di suatu tempat kira-kira 0.4 kilometer dari Sungai Chohong. Walau bagaimanapun tiada orang daripada pasukan Mahmud yang terkorban atau cedera.

Tengku Nong mengarahkan dua puluh orang anak dagang di bawah pimpinan Raja Hussain dan Raja (Ungku) Unos untuk pergi ke Jementah. Pasukan Tengku Nong itu mara dan tiba di Jementah. Ketika berada di Jementah, Seekling dan Haji Hassan tiba dengan membawa barang-barang bekalan dan surat daripada Tengku Alam. Setelah membaca surat itu, Tengku Nong sekali lagi mengarahkan Haji Hassan ke Singapura untuk membawa suratnya kepada Tengku Alam. Apabila mendengar arahan tersebut, Haji Hassan menyatakan yang beliau takut kerana sebelum itu senapang yang dibawanya telah hilang dan rumahnya telah dibakar. Walau bagaimanapun Tengku Nong mengarahkan juga Haji Hassan pergi ke Singapura dan menyatakan beliau akan mencatatkan kerugian Haji Hassan. Selain itu Tengku Nong memberi jaminan yang Haji Hassan akan diberi ganjaran apabila tiba di Singapura. Dengan itu Haji Hassan

pergi ke Singapura bagi menyerahkan surat Tengku Nong itu kepada Awang Ibrahim di rumah Tengku Alam.

Di sana Tengku Alam pula menyerahkan surat untuk disampaikan kepada Tengku Nong. Selain itu, Haji Hassan juga diminta membawa dua pucuk pistol, tiga bilah keris, baju, kain sarung, dan seratus ringgit perak. Kesemua barang itu dibawa oleh Haji Hassan ke rumahnya di Kesang. Ketika berada di Singapura, Tengku Alam memberi wang kepada Haji Hassan beberapa kali; mula-mula \$8.00, kemudiannya \$3.00, \$1.00, \$100.00, dan \$1.00.

Di Jementah terdapat dua buah kubu yang ditinggalkan oleh pengikut Maharaja Abu Bakar. Tengku Nong membahagikan pasukannya kepada dua kumpulan dan ditempatkan di dalam kedua-dua kubu yang telah sedia ada itu. Di samping itu Tengku Nong mengarahkan Panglima Besar Senchu bersama-sama empat atau lima orang untuk mengawal jalan yang menghala ke Mering. Selain itu Tengku Nong menguatkan lagi pertahanannya dengan membina sebuah lagi kubu di kawasan rumah Maharaja Lela. Ketika kubu itu sedang dibina, kira-kira seratus orang daripada pasukan Maharaja datang menyerang. Pertempuran berlaku di kawasan tanah datar selama dua atau tiga jam. Pengikut Maharaja Abu Bakar terpaksa berundur. Dengan itu usaha-usaha membina kubu di kawasan rumah Maharaja Lela diteruskan dan dapat disiapkan. Akibat pertempuran itu seorang pengikut Tengku Nong, iaitu anak dagang, cedera di dadanya tetapi tidak teruk.

Setelah empat hari pasukan Tengku Nong berada di Jementah, datang Haji Hassan menemui Tengku Nong. Haji Hassan membawa bersama-samanya senapang dan peluru pistol. Selang lima atau enam hari kemudiannya, Tengku Nong mengarahkan Imam Perang Layut membakar rumah-rumah yang ditinggalkan oleh mereka yang menyebelahi Maharaja Abu Bakar. Tengku Nong kemudiannya berpindah ke kubu di kawasan rumah Maharaja Lela.

Setelah berlaku pertempuran beberapa kali, Tengku Nong menghadapi masalah kekurangan bekalan senjata. Tengku Nong menempatkan seratus lima puluh orang tua dan muda, lelaki dan perempuan, di dalam kubunya. Selain itu bekalan makanan mencukupi untuk enam bulan atau satu tahun. Namun begitu keperluan lain, seperti gambir, tembakau, dan garam tidak dapat dibawa masuk ke Muar. Oleh itu Tengku Nong meminta bantuan wang sebanyak \$500.00 daripada Tengku Alam. Beliau juga meminta Tengku Alam menghantar pakaian, keris, dan sundang ke Muar. Selain itu Tengku Nong meminta sebilah pedang, khas untuk diberikan kepada Penghulu Inas.

Maharaja Abu Bakar berangkat ke Muar melalui Rembau. Di sana, Penghulu Besar Khamat dan pengikut Maharaja Abu Bakar datang menemuinya. Pada 31 Oktober 1879 Maharaja menghantar surat kepada Tengku Nong untuk menjemput berunding di Lubuk Tebrau. Pada ketika itu Tengku Nong tinggal di Lubuk Tebrau. Surat itu dibawa oleh Musa dan Wan Mahmud. Mereka berdua pergi ke rumah Tengku Nong di Lubuk Tebrau dengan bot. Kira-kira pukul 12.00 tengah malam, mereka tiba di rumah Tengku Nong. Di sana Wan Mahmud memanggil Tengku Nong. Tengku Nong pun keluar; di tangannya ada sepucuk pistol dan di pinggang terselit sebilah keris. Wan Mahmud kemudiannya memberi surat kepada Tengku Nong. Setelah membaca surat itu, Tengku Nong masuk ke dalam biliknya untuk menulis surat kepada Maharaja Abu Bakar. Surat itu diberi kepada Musa. Pada masa itu juga jurumudi kapal api, *S.S. Pantie*, Abdullah, diarahkan oleh kaptennya ke Lubuk Tebrau untuk menemui Maharaja Abu Bakar. Kapal api, *S.S. Pantie*, ketika itu berlabuh di Kuala Muar. Abdullah menaiki bot ke Lubuk Tebrau dan tiba pada pukul 6.00 petang. Beliau berhenti di situ kerana waktu telah malam. Kira-kira pukul 11.00 malam Musa datang dengan menaiki sebuah bot. Kemudiannya, kira-kira pukul 2.00 pagi Musa datang semula dan memberi surat Tengku Nong kepada Abdullah supaya disampaikan kepada Maharaja Abu Bakar. Musa, Wan Mahmud, dan Abdullah bermalam di Lubuk Tebrau.

Keesokan harinya, kira-kira 11.00 pagi Musa, Wan Mahmud dan Encik Abdullah menghilir ke Muar. Di pertengahan jalan, mereka berjumpa Maharaja Abu Bakar dan menyerahkan surat Tengku Nong. Kemudiannya dengan perintah Maharaja Abu Bakar, mereka mengiringinya ke Lubuk Tebrau. Di Lubuk Tebrau Maharaja mengarahkan Musa menyiasat kekuatan dan kedudukan Tengku Nong di Tebing Tinggi. Di sana Musa melihat kubu-kubu pertahanan yang telah dibina oleh Tengku Nong. Beliau membuat laporan kepada Wan Andak. Abdullah pula diperintahkan oleh Maharaja agar pulang ke kapal *S.S. Pantie*. Di Lubuk Tebrau itu hanya ada tiga buah rumah sahaja, iaitu rumah Tengku Nong, Temenggung Ismail, dan Wan Abas. Semasa Maharaja Abu Bakar tiba di Lubuk Tebrau, Tengku Nong dan Wan Abas tidak ada. Yang tinggal hanya kanak-kanak dan wanita sahaja.

Jemputan Maharaja Abu Bakar ditolak oleh Tengku Nong kerana beliau curiga akan berlaku sesuatu perkara yang tidak baik sekiranya pergi menemui Maharaja. Tengku Nong kemudiannya ke Jementah dan tiba pada pukul 4.00 petang. Di sana, Penghulu Sulong datang untuk memberi surat Maharaja Abu Bakar kepada

Tengku Nong. Dalam surat itu, Maharaja Abu Bakar sekali lagi menjemput Tengku Nong berunding, tetapi ditolak juga oleh Tengku Nong. Di samping itu Maharaja Abu Bakar mengarahkan Temenggung Wan Mohamad Salleh agar memindahkan keluarganya serta membawa harta benda ke kawasan Maharaja. Rumah-rumah pula dibakar. Tujuannya ialah untuk menyekat kepulangan Tengku Nong dan Wan Abas ke rumah itu. Salah sebuah rumah yang dibakar itu kepunyaan Temenggung.

Pada 12 November 1879, pengikut Maharaja Abu Bakar di bawah pimpinan Andak dan Temenggung Wan Mohamad Salleh bersama-sama dengan kira-kira tiga ratus orang menyerang pasukan Tengku Nong di Chohong. Di Chohong terdapat seramai lima puluh orang pengikut Tengku Nong di bawah pimpinan Panglima Besar Senchu. Para penyokong Maharaja ini membuat serangan dari Kesang. Pertempuran itu berlanjut selama lapan atau sembilan hari.

Khatib Derus yang memimpin kubu di Sungai Siput telah diserang oleh W. Hole. Dengan itu Khatib Derus lari menyelamatkan diri dengan beberapa orang yang lain ke Relau. Di sana beliau menemui W. Hole dan terus memihak kepada Maharaja Abu Bakar. Beliau pulang ke rumahnya di Bukit Tunggal dan kemudiannya membawa isteri dan keluarganya ke Hulu Akar melalui sungai. Seterusnya, Khatib Derus pergi ke Johor Bahru dan datang semula ke Muar sebagai penyokong Maharaja Abu Bakar.

Di Chohong, daripada sejumlah penyokong Maharaja itu terdapat pasukan di bawah pimpinan Andak. Beliau mempunyai pengikut seramai dua ratus orang. Daripada jumlah itu seratus lima puluh orang datang dari Padang, tiga puluh orang dari Chohong dan dua puluh orang dari Tanjung Gading dan Kesang. Kemudiannya datang bantuan dari Johor dan Benut. Ketika itu W. Hole berada di Chohong. Dikatakan bahawa W. Hole hendak menjalankan penyiasatan terhadap kawasan jajahan kerajaan Melaka untuk menentukan sama ada penduduk di sana terlibat atau tidak dalam pertempuran yang sedang berlaku di Muar.

Mahmud datang ke Chohong pada 9 atau 10 November 1879. Beliau mengambil masa satu hari untuk sampai ke sana. Ketika berada di Chohong itu, pertempuran berlaku antara pengikut Maharaja di bawah pimpinan Mahmud dengan pengikut Tengku Nong di bawah pimpinan Panglima Besar Senchu. Namun demikian Mahmud sendiri tidak terlibat dalam pertempuran itu. Beliau hanya mengarahkan Tengku Ahmad Pahang untuk mengetuai pasukannya.

Ketika berlaku pertempuran di Muar itu, kebanyakan penduduk berselerak untuk menyelamatkan diri masing-masing. Dalam

pertempuran yang meletus di Muar itu didapati semua orang daripada suku Biduanda menyokong Maharaja Abu Bakar. Namun demikian orang suku Tanjung di bawah pimpinan Layut menyebelahi Tengku Nong. Pasukan Tengku Nong kemudiannya berundur ke Bukit Belubang. Walaupun pertempuran sentiasa berlaku tetapi setakat itu belum ada yang terkorban di pihak Tengku Nong.

Dalam pertempuran awal, pasukan Maharaja Abu Bakar gagal menawan kubu Lubuk Bandan. Namun demikian setelah dua hari dan dua malam bertempur dengan pasukan Tengku Nong, akhirnya pasukan Maharaja berjaya menawan kubu tersebut. Antara pasukan Maharaja yang terlibat dalam pertempuran itu ialah pasukan di bawah pimpinan Haji Hassan (tidak sama dengan Haji Hassan yang menyokong Tengku Nong). Pasukan Haji Hassan itu mempunyai dua buah meriam dan beberapa laras senapang. Setelah berjaya menawan kubu Lubuk Bandan, Haji Hassan dan pengikutnya pulang ke Segamat. Namun demikian Haji Hassan diperintahkan agar menyertai pasukan Maharaja semula. Beliau seterusnya terlibat dalam pertempuran di Kubu Maharaja Lela.

Pada hari Ahad 23 November 1879, pukul 8.00 pagi Tengku Nong mengarahkan Seekling bersama mata-mata Bujang untuk mendapatkan bekalan dan senjata. Senarai barang-barang itu ialah sembilan kati tembakau berharga 75 sen, tiga senapang berharga \$18.00, lima puluh kati bahan letupan berharga \$32.50, sepuluh kotak penutup berharga \$3.25, tiga kati plumbeum berharga 36 sen, gores api berharga 40 sen, tiga kati peluru berharga 45 sen, dan seratus lapan puluh peluru berharga \$1.62 1/2. Selain itu Tengku Nong mendapat bekalan dari Melaka: empat ratus gantang beras berharga \$43.00, setengah pikul tembakau Jawa berharga \$11.00, sehelai pakaian kapas berharga \$4.00, tiga helai baju hitam berharga \$4.50, dan sehelai kain batik lasam berharga \$3.25. Tengku Nong juga mengambil dua pikul guni berharga 95 sen dan seorang buruh dengan upah 95 sen. Pada 23 November 1879, Tengku Nong menghantar surat kepada Tengku Ahmad di Pahang untuk meminta pandangannya berkaitan perkembangan yang berlaku di Muar. Selain itu beliau mengharapkan Tengku Ahmad memberi bantuan.

Pada 24 November 1879, Tengku Nong menerima bekalan daripada Penghulu Tanjung. Bekalan tersebut ialah enam belas ekor kerbau berharga \$187.00, tujuh laras senapang berharga \$32.75, dan dua ekor kambing biri-biri berharga \$5.00. Beliau juga menerima duit berjumlah \$39.00, sebilah pedang berharga \$6.00, dan sehelai kain Bugis berharga \$2.00.

Tengku Alam meneruskan rancangannya dengan mengarahkan Tengku Nong mengambil langkah-langkah yang perlu terhadap pasukan Maharaja Abu Bakar. Sekiranya dirasakan perlu, Tengku Nong dikehendaki menentang pasukan Maharaja. Tengku Nong juga diarahkan menyiasat di mana Maharaja membawa keluarga Tengku Nong dan seterusnya untuk mengambil mereka kembali. Arahan juga diberikan supaya Tengku Nong dan Panglima Besar Senchu menjalankan tindakan mencetuskan kekacauan di Muar. Rancangan itu pula seelok-eloknya dilaksanakan ketika W. Hole dan Andak datang ke Jementah.

Selain itu Charles Keun dan W.H. Read juga mengharapkan tindakan dilaksanakan secepat mungkin kerana lebih kurang dua puluh hari lagi Gabenor baru akan tiba di Singapura. Langkah yang pertama ialah menyerang pengikut Maharaja. Ketika melaksanakan segala tindakan itu, mereka diarahkan supaya sentiasa mengingati Allah dan Nabi Muhammad (S.A.W.) serta Tengku Alam.

Tengku Alam menghantar bekalan kepada Tengku Nong di Muar melalui Haji Hassan dan Sumon. Antara bekalan itu ialah dua puluh senapang berharga \$60.00 yang telah pun dibayar serta peluru pistol dan alat-alat berkaitan dengannya. Haji Hassan dan Sumon akan pulang dengan perahu ke Serkam pada 28 November 1879 pukul 4.00 petang. Sebagai memenuhi permintaan Tengku Nong, Tengku Alam cuba mengirimkan wang sebanyak \$500.00 melalui Pawang Perak. Pawang Perak tidak sanggup membawa wang \$500.00 itu. Beliau hanya sanggup membawa \$30.00 atau \$40.00 sahaja. Namun demikian Pawang Perak membawa kiriman Tengku Alam kepada Tengku Nong, seperti dua belas helai kain pelikat, dua belas baju, dua belas pasang seluar Aceh dan Terengganu, dan dua belas topi merah. Sundang dan keris yang diminta oleh Tengku Nong tidak dapat dikirimkan oleh Tengku Alam. Walaupun demikian Tengku Alam berjanji untuk cuba mendapatkannya. Dalam pada itu Panglima Besar Senchu cuba mendapatkan tiga ekor kerbau daripada Tengku Nong. Sebaliknya, Tengku Nong hanya memberi dua ekor kerbau kerana tidak ada kerbau lagi.

Pada 2 Disember 1879, Dato' Bentara Luar Muhammad Salleh Perang diperintahkan oleh Maharaja Abu Bakar agar membawa pasukan untuk membantu Engku Ahmad mengatasi gerakan Tengku Alam. Dato' Bentara Luar dan pasukannya itu membawa meriam dan empat ratus laras senapang. Dato' Bentara Luar berangkat dan tiba di Lubuk Bandan, Segamat, pada 10 Disember 1879. Di sana beliau bermesyuarat dengan Engku Ahmad. Dalam tindakan

mengatasi gerakan Tengku Alam ini, Datuk Bentara Luar membahagikan pengikutnya kepada empat pasukan. Pasukan pertama di bawah pimpinan Panglima Perang Isa, kedua di bawah Panglima Kiri Awang, ketiga di bawah Panglima Besar Yusof, dan keempat di bawah Panglima Dalam Lamat.

Pada 12 Disember 1879, pasukan itu mara dari Lubuk Bandan ke Dusun Dedap, kira-kira 9.7 kilometer dari Lubuk Bandan. Di sana pasukan itu membina kubu pertahanan. Ketika sedang membina kubu pertahanan itu pada kira-kira pukul 4.00 petang, pengikut-pengikut Tengku Alam melancarkan serangan hendap. Walaupun tidak ada yang terkorban, tetapi kira-kira tujuh puluh orang mengalami kecederaan. Beberapa hari kemudian tiga orang daripada mereka yang cedera itu meninggal dunia. Kubu itu akhirnya berjaya juga dibina. Kedudukan kubu itu kira-kira 1.6 kilometer dari kubu pertahanan Tengku Nong dan Panglima Besar Senchu. Kedua-dua pasukan itu sentiasa bertempur antara satu sama lain.

Tengku Nong menerima barang-barang yang dibawa oleh Haji Hassan seperti dua puluh laras senapang, peluru pistol, dan alat-alat berkaitan dengannya pada pukul 4.00 petang hari Khamis, 5 Disember 1879. Tengku Nong memberi sagu hati sebanyak \$20.00 kepada Haji Hassan kerana sanggup membawa bekalan itu. Tengku Nong juga menerima wang sebanyak \$80.00, seluar, baju, topi, dua puluh senapang, dan empat kotak penutup serta surat yang dibawa oleh Imaum (Imam Maden) dari Kampung Gelam, Singapura. Dengan itu sebagai sagu hati kerana membawa barang-barang yang dikirimkan oleh Tengku Alam itu, Tengku Nong memberikan wang sebanyak \$9.00 kepada Imaum. Tengku Ahmad pula membawa wang sebanyak \$30.00 dan sepucuk pistol kepada Tengku Nong, manakala Pawang Perak membawa \$40.00, dua belas helai sarung, dua belas helai haju, dua belas songkok, dan dua belas pasang seluar kepada Tengku Nong. Selain itu Imaum kemudiannya sekali lagi membawa wang sebanyak \$30.00 kepada Tengku Nong. Semua bekalan senjata, pakaian dan duit itu dikirimkan oleh Tengku Alam.

Pada ketika itu tersebar berita di Singapura bahawa Maharaja Abu Bakar telah mengisyiharkan akan menangkap antara lain Panglima Besar Senchu dan Tok Sutan, hidup-hidup. Dengan itu Tengku Alam menasihati penyokong-penyokongnya di Muar supaya berwaspada. Berita juga diterima yang W. Hole telah pun meninggalkan kubunya di Bukit Asahan ke Johor Bahru. Namun begitu setelah berada sehari semalam di Johor Bahru, W. Hole kembali semula ke Muar.

Anak-anak raja, iaitu Wan Ahmad, Wan Majid, Wan Dollah Pahang, dan Wa Da telah pun berlepas ke Muar. Sebelum itu Wan Majid telah berikrar dan menaruh kepercayaan bahawa beliau boleh menangkap Tengku Nong dan Panglima Besar Senchu hidup-hidup. Wan Da pula dikatakan telah bersepakat dan menyokong Tengku Alam dan Tengku Sulong. Namun demikian sehingga masa itu beliau tidak dapat dikesan. Dengan itu Tengku Nong dinasihatkan supaya berhati-hati dengan Wan Da agar tidak ditipu.

Wan Da ialah anak bekas Bendahara Pahang, Wan Mutahir. Beliau mempunyai hubungan dengan keluarga Temenggung Johor melalui perkahwinan saudara-saudaranya. Wan Koris, saudara tuanya, berkahwin dengan Engku Besar Temenggung Ibrahim, iaitu kakak Maharaja Abu Bakar. Wan Chik, juga saudara Wan Da, berkahwin dengan Maharaja Abu Bakar. Adanya hubungan ini dan hakikat yang Johor pernah menyokong Wan Mutahir dalam perang saudara dengan Wan Ahmad di Pahang adalah faktor yang menyebabkan Wan Da memihak kepada Maharaja Abu Bakar.

Keadaan sebenarnya, Wan Da memihak kepada Maharaja Abu Bakar dan sanggup menangkap Panglima Besar Senchu dan Tengku Nong. Wan Da menyokong Maharaja Abu Bakar kerana Maharaja berjanji akan membantu Wan Da menyerang Pahang setelah keadaan di Muar aman. Sulawatang juga telah menyatakan kesanggupannya kepada Maharaja Abu Bakar untuk menangkap Panglima Besar Senchu. Sulawatang berpendapat bahawa beliau boleh menangkap Panglima Senchu dengan mudah kerana panglima itu pernah bersahabat dengan beliau.

W. Hole milarikan diri ke Johor Bahru setelah tujuh atau lapan orang pengikutnya terbunuh dan empat atau lima lagi cedera. Tengku Nong mendapat arahan daripada Tengku Alam supaya mencederakan atau membunuh W. Hole. Arahan itu adalah menurut cadangan W.H. Read dan Charles Keun. Selain itu W.H. Read dan Charles Keun mengharapkan Tengku Nong meneruskan perjuangan dan tidak mudah berundur. Tengku Nong diarahkan supaya melancarkan serangan pada waktu malam dan bersembuni pada siang harinya. Beliau juga diarahkan menghantar wakil menemui Dato' Inas yang sebelum itu telah pun berjanji akan menyokong Tengku Alam. Tengku Alam kemudiannya menghantar baju yang pernah dipakai oleh Sultan Ali kepada Dato' Inas.

Tengku Alam begitu teliti dalam mengendalikan perbelanjaan bekalan senjata dan bahan-bahan di Muar. Ini temyata apabila Tengku Alam meragui kenyataan Haji Hassan yang menegaskan bahawa sebelum itu Tengku Nong telah menerima lapan puluh kati bahan

letupan dan lima kati plumbum yang bernilai \$60.00. Keraguan itu timbul kerana Haji Hassan tidak membawa surat akuan menerima bekalan tersebut daripada Tengku Nong. Sifat Tengku Alam yang teliti itu juga dapat dilihat apabila beliau mengarahkan Tengku Nong membuat catatan setiap barang yang diterima dan harganya sekali. Setelah itu surat ditulis kepada pembekal barang tersebut dengan mencatatkan jumlah barang dan harganya, dan mengarahkannya datang ke Singapura untuk memungut wang daripada Tengku Alam.

Tengku Alam juga meminta agar Tengku Nong membuat laporan setiap perkembangan di Muar dan menghantar laporan itu kepadanya. Dalam setiap rancangan yang diarahkan, Tengku Alam menasihati Tengku Nong agar sentiasa berbincang dengan Panglima Besar Senchu, Tok Sutan, dan para pengikut yang lain. Selain itu Tengku Alam meminta Tengku Nong berundung dengan kalangan Dato' di kawasan pedalaman, seperti Dato' Johol, Dato' Inas, dan Kulup Takat bagi mendapatkan bantuan.

Tengku Alam ketika itu menghadapi kesukaran untuk menghantar bekalan dan bantuan kepada Tengku Nong di Muar kerana pegawai-pegawai Maharaja sentiasa mengawasi mereka. Di tempat mengambil tiket kapal api ada pegawai Maharaja. Oleh itu Tengku Alam menasihati Tengku Nong dan pengikut-pengikutnya agar menahan kemaraan pasukan Maharaja sedaya yang boleh. Sekiranya tidak dapat, Tengku Nong diarahkan berundur perlahan-lahan ke dalam hutan. Kemudiannya mereka bertindak semula pada waktu malam. Tengku Alam dikatakan mendapat berita yang Gabenor telah mengarahkan Maharaja memanggil para pengikutnya pulang untuk mengelakkan pertempuran di Muar. Sekiranya pengikut Maharaja berundur, maka Tengku Alam mengarahkan Tengku Nong dan anak dagang menyerang Padang.

Kapal *Pantie* tiba di Singapura pada 3 Disember 1879 dengan membawa mereka yang cedera dan terkorban. Akibat pertempuran dengan Panglima Besar Senchu, Penghulu Bakar terkorban manakala Andak cedera di pahanya. W. Hole dan pasukan di bawah pimpinannya berundur ke Chohong.

Dalam usaha untuk mengatasi pengikut-pengikut Tengku Alam, Maharaja Abu Bakar telah mengarahkan pengikutnya mengawal jalan masuk bekalan ke Muar. Dengan langkah tersebut, Maharaja berharap gerakan di Muar menjadi lemah. Walaupun demikian Tengku Alam masih boleh menghantarkan bantuan ke Muar. Tengku Alam menghantar senapang dan wang berjumlah \$80.00 kepada Tengku Nong melalui Imaum dan seorang Cina, Ah Sin. Tengku Sulong pula mengirimkan sehelai baju yang pernah dipakai oleh

Sultan Ali kepada Imaum dan Ah Sin untuk disampaikan kepada Dato' Johol. Seterusnya Tengku Alam mengarahkan Tengku Nong bertindak membakar balai polis di Kuala Kesang dan Tanjung Gading.

Tengku Nong sering menghantar laporan tentang perkembangan yang berlaku di Muar kepada Tengku Alam di Singapura. Laporan Tengku Nong yang dibawa oleh Haji Mohamed Taha dan seorang jurukerah diterima oleh Tengku Alam. Kemudiannya laporan itu disampaikan kepada W.H. Read yang berjanji pula akan mengemukakan perkembangan yang berlaku di Muar itu ke dalam Majlis Perundangan.

Tengku Alam sangat mengambil berat berkenaan gerakan di Muar. Arahan-arahan sering dihantar kepada Tengku Nong. Tengku Alam mengingatkan Tengku Nong supaya tidak terlalu berani membuat serangan terhadap pasukan Maharaja kerana bimbang terperangkap. Peringatan dan nasihat seperti itu juga diberikan oleh W.H. Read dan Charles Keun. Tengku Nong diarahkan juga supaya berjimat menggunakan wang.

W. Hole ketika itu tidak dapat dikesan, sama ada berada di Chohong, Melaka atau Singapura. Sebenarnya W. Hole mengundurkan diri ke Singapura dan tidak berani lagi ke Muar. Beliau dan kebanyakan pasukan di bawah pimpinannya jatuh sakit ketika berada di Muar. Dikatakan bahawa W. Hole berada di Muar bukanlah sebagai ketua pemerintah pasukan Maharaja, tetapi untuk melihat dan membantu pasukan tersebut di sana. Walaupun demikian W. Hole sememangnya terlibat dalam pertempuran menentang pasukan Tengku Nong di Muar. Ketika itu pasukan Maharaja masih berada di dalam hutan di Muar. Oleh itu Tengku Nong diarahkan oleh Tengku Alam untuk menjalankan siasatan terhadap pasukan Maharaja itu. Seterusnya Tengku Nong diminta membuat laporan dan mengarahkan Ah Sin membawa laporan itu ke Singapura. Tengku Alam memilih Ah Sin kerana beliau seorang yang bijak dan cekap.

Apabila pengikut Maharaja berundur ke Padang, Tengku Nong diarahkan melancarkan serangan. Arahan itu dibuat kerana Tengku Alam mendapat tahu bahawa kebanyakan orang Padang yang menyokong Maharaja itu adalah secara paksaan. Serangan itu hendaklah disertai oleh empat puluh atau lima puluh orang yang bersenjata. Di Padang pada masa itu tidak ada senjata kerana pasukan Maharaja membawa senjata mereka ke Muar, manakala makanan pula dibawa ke Parit Jawa. Pengikut Maharaja mengawal makanan itu di samping menunggu ketibaan pasukan bantuan. W.H. Read

dan Charles Keun menasihati Tengku Nong supaya melancarkan serangan ketika pasukan Maharaja berhenti daripada membuat serangan.

Pada masa itu Wan Chili (Chillie), Wan Kuning, dan Wan Kechut menyebelahi Maharaja. Mereka berjanji serta sanggup untuk menangkap Panglima Besar Senchu dan Tengku Nong. Mereka ini akan menggunakan taktik dengan memberi buah cembukian (buah beracun) kepada Panglima Besar Senchu dan Tengku Nong. Sebaik sahaja memakan buah itu, Tengku Nong dan Panglima Besar Senchu akan pengsan. Oleh itu Wan Chili, Wan Kuning, dan Wan Kechut akan dapat menangkap Panglima Besar Senchu dan Tengku Nong dengan mudah.

Tengku Alam menasihati Tengku Nong dan Panglima Besar Senchu agar memerhatikan gerak-geri Wan Chili, Wan Kuning, dan Wan Kechut supaya tidak terpedaya. Sekiranya kedatangan mereka menunjukkan sesuatu yang tidak baik, mereka perlu ditentang. Seterusnya kalau didapati ada orang Eropah yang menyokong Maharaja dan terlibat dalam pertempuran, mereka hendaklah dibunuhan.

Charles Keun menghadiahkan sepucuk pistol masing-masing kepada Panglima Besar Senchu dan Tengku Ahmad. Namun begitu sekiranya Panglima Senchu tidak mahu, pistol itu boleh diberikan kepada Imam Perang Layut. Tengku Alam pula mengirimkan wang sebanyak \$47.00 kepada Haji Hassan untuk disampaikan kepada Tengku Nong di Muar. Berikutnya Haji Hassan datang ke Singapura dengan membawa surat Tengku Nong kepada Tengku Alam. Tengku Nong juga diarahkan oleh Tengku Alam supaya bergerak dari Kubu Lubuk Bandan untuk menawan Chohong dan Lubuk Tebrau.

Dalam kubu Lubuk Bandan, Tengku Sulong memberi arahan supaya dibuat lubang kira-kira satu 1.82 meter di bahagian tengah kubu dan ditanamkan dengan bahan letupan. Kemudiannya, sumbu dibuat dan dimasukkan ke dalam buluh supaya tidak basah. Sumbu itu hendak ditarik hingga ke luar kubu lebih kurang 91.44 meter atau di suatu tempat yang boleh seseorang bersembunyi untuk menyalakan sumbu itu. Buluh yang ada sumbu itu hendak ditanam ke dalam tanah kira-kira 23 sentimeter. Orang yang sesuai menjaga sumbu itu ialah sama ada Tengku Nong atau Tengku Ahmad. Selain itu Abas dan Daud juga dikehendaki mengawasi sumbu itu bersama Tengku Nong dan Tengku Ahmad. Seterusnya apabila pengikut Maharaja menyerang, Tengku Nong diarahkan membuat tentangan

secara ringan sahaja dan berundur keluar dari kubu. Apabila pasukan Maharaja masuk ke dalam kubu, Tengku Nong dikehendaki membakar sumbu tadi. Dengan itu bahan letupan yang ditanam di dalam kubu itu akan meletup.

Pada 16 Disember 1879, Tengku Nong membeli barang-barang bekalan dan senjata, seperti tembakau, garam, gambir, senapang, plumbeum, bahan letupan, penutup, dan penyumbat. Barang-barang itu dibayar oleh Tengku Nong. Pada pukul 100 pagi hari yang sama, pasukan Tengku Nong sambil bersorak menyerang pasukan Maharaja di Lubuk Bandan. Pasukan Maharaja di Lubuk Bandan itu di bawah pimpinan Encik Sally. Pasukan itu terdiri daripada tiga puluh orang pengikut; sepuluh orang daripadanya datang dari Johor dan yang lainnya dari Muar. Namun demikian dengan nasihat Encik Sally, pasukan di bawah pimpinannya itu tidak melepaskan tembakan balas. Serangan itu berlarutan hingga lima belas minit.

Pada hari yang sama, Tengku Nong mengarahkan Basok Pahang menyiasat kedudukan dan kekuatan pengikut Maharaja. Apabila pasukan di bawah Basok Pahang tiba di kubu di rumah Panglima Besar Senchu, mereka bertembung dengan pasukan Maharaja. Dengan itu berlaku pertempuran antara kedua-dua pasukan itu selama satu jam. Kedua-dua pihak kemudiannya berundur.

Sementara itu pada 18 Disember 1879, Encik Sally yang berkubu di Lubuk Bandan mengarahkan lima puluh orang di bawah pimpinan Awang bergerak ke kawasan pedalaman untuk menyerang pengikut Tengku Nong. Awang bersama-sama dengan pasukan di bawah pimpinannya tiba di kubu Dedap. Kemudiannya setelah mendapat berita Awang berada di kubu Dedap, Encik Sally datang ke sana dan mengarahkan pasukannya memasuki kubu itu.

Pada 18 Disember 1879 juga, Tengku Nong mengarahkan anak dagang menyerang pasukan Maharaja di Lubuk Bandan. Di sana berlaku pertempuran selama satu malam dan pengikut Tengku Nong lalu berundur. Pada 20 Disember 1879, pasukan Maharaja di bawah pimpinan Datuk Bentara Luar berjaya membuat sebuah lagi kubu di Padang Juling. Kedudukan kubu itu juga berhampiran dengan kubu pertahanan pengikut Tengku Alam. Walaupun begitu, antara kedua-dua kubu itu tidak kelihatan kerana dilindungi oleh pokok buah-buahan dan belukar. Walaupun beberapa kali serangan dilancarkan oleh Dato' Bentara Luar, pengikut Tengku Alam masih bertahan di kubu mereka. Dengan itu Dato' Bentara Luar mengambil keputusan untuk menghentikan serangan itu buat sementara.

Pada hari Isnin 22 Disember 1879, pasukan Tengku Nong menduduki kubu yang ditinggalkan oleh pengikut Maharaja. Kemudiannya pengikut Maharaja datang dan berlakulah pertempuran. Tengku Nong mengarahkan Basok Pahang dan anak dagang untuk menyerang. Pertempuran berlanjut selama sehari. Pada hari Rabu 24 Disember 1879, Tengku Nong sekali lagi mengarahkan dua puluh atau tiga puluh orang pasukannya menyerang pengikut Maharaja di Lubuk Bandan. Di pertengahan jalan pasukan itu dihadang oleh pengikut Maharaja dan mereka terpaksa berundur.

Pada 24 Disember 1879, Haji Mohamed Taha bin Wan Ibrahim menghantar Daud bersama lapan orang Rembau ke Muar untuk menemui Panglima Besar Senchu. Tujuan mereka ialah untuk mendapatkan maklumat berkenaan perkembangan yang berlaku di Muar. Apabila menemui Panglima Besar Senchu, empat daripada lapan orang itu akan pulang ke Tampin bagi memberi laporan kepada Haji Mohamed Taha. Sementara itu orang Rembau telah sedia dengan keluarga mereka di Jarak dan menunggu arahan daripada Tengku Alam.

Selain itu Tengku Alam juga mendapat sokongan daripada pengikut Dato' Gempa (digelar Maharaja Lela), Hussain (anak Haji Mohamed Taha), dan Panglima Perang Majid. Jumlah pengikut di bawah ketiga-tiga orang itu ialah lebih kurang tiga ratus orang. Mereka ini juga telah bersiap sedia dan hanya menunggu perintah daripada Tengku Alam. Penyokong Tengku Alam itu sentiasa menghadapi masalah kekurangan wang. Bagi mereka, masalah kekurangan wang itu akan mengganggu kelancaran pergerakan. Menyedari keadaan itu, Haji Mohamed Taha memberitahu Tengku Alam melalui Charles Keun supaya menghantar wang kepada Panglima Besar Senchu. Wang itu perlu dihantar melalui seseorang yang boleh dipercayai. Charles Keun memberi pengakuan bahawa beliau akan memberi bantuan wang.

Pasukan Maharaja berjaya menawan beberapa buah kubu kepunyaan Tengku Nong. Pasukan Maharaja di bawah pimpinan Haji Hassan menduduki kubu Dedap yang telah dikosongkan. Kubu itu beberapa kali diserang oleh pengikut Tengku Nong. Walau bagaimanapun pasukan Maharaja tidak mendapat sebarang kecederaan.

Pada hari Jumaat 26 Disember 1879, Tengku Nong mengarahkan pengikutnya mengawal jalan yang mungkin dilalui oleh pengikut Maharaja. Tujuh atau lapan orang ditugaskan

mengawal di sana. Tidak berapa lama selepas mereka itu pergi, iaitu pada pukul 3.00 petang, pengikut Maharaja datang menyerang. Pertempuran pun berlaku sehingga senja. Pada hari Sabtu 27 Disember 1879, pengikut Maharaja datang lagi menyerang. Kali ini pertempuran berlaku selama dua atau tiga jam. Tengku Nong dan pengikutnya hanya bertahan.

Pertempuran di Kubu Maharaja Lela

Pada 28 Disember 1879, Dato' Bentara Luar mengarahkan pengikutnya menebang buluh untuk membina kubu pertahanan. Sehingga 29 Disember 1879, mereka berjaya menyiapkan dua ratus berkas buluh. Seterusnya pada pukul 4.00 petang hari itu, Dato' Bentara Luar mengarahkan tiga ratus pengikutnya menyerang Tengku Nong. Tujuan serangan itu dikatakan untuk memastikan sama ada Tengku Nong sanggup berperang secara terbuka atau tidak. Tengku Nong dan pengikutnya hanya membalaq tembak dari dalam kubu sahaja. Sementara serangan dilancarkan, Dato' Bentara Luar memerintahkan lebih daripada lima puluh pengikutnya untuk membuat jalan pintas ke kubu Tengku Nong.

Pada pukul 7.00 malam hari yang sama, Dato' Bentara Luar menghimpunkan semua panglimanya untuk membuat persiapan bagi menawan kubu Tengku Nong. Dalam persiapan itu empat pucuk meriam dan empat butir peluru disediakan. Panglima Besar Yusof dan Panglima Kiri Awang berserta seratus orang diperintahkan mengawal dengan cara merangkak dan menghendap kubu Tengku Nong. Panglima Dalam Lamat berserta seratus orang pengikutnya mengangkat buluh. Panglima Isa dan Dato' Bentara Luar berserta lima puluh orang membuat benteng dan yang lain menjaga kubu.

Pada pukul 12.30 malam 30 Disember 1879, iaitu ketika hujan gerimis, Dato' Bentara Luar membina kubu daripada berkas-berkas buluh yang telah disediakan itu. Lebih kurang pada pukul 3.30 pagi kubu pertahanan siap dibina. Tiga pucuk meriam tembaga diatur di kubu pertahanan itu. Kubu yang dibina itu dianggarkan tidak akan ditembusi oleh peluru lela dan senapang. Kubu itu letaknya di tengah-tengah tanah lapang dan jaraknya kira-kira dua puluh lima depa dari kubu Tengku Nong.

Pada pukul 4.30 pagi, Dato' Bentara Luar mengarahkan pasukannya bersiap sedia di dalam kubu. Kemudiannya Dato' Bentara Luar memasang meriamnya. Ini diikuti oleh tiga meriam lain serta lima puluh senapang kopak ditembak ke arah kubu Tengku Nong.

Akibat daripada tembakan itu, pengikut-pengikut Tengku Nong melepaskan tembakan balas. Tembakan yang balas-membalas itu berterusan hingga pada waktu pagi.

Pada pukul 3.00 petang hari Rabu 30 Disember 1879, kira-kira dua ratus orang pasukan Maharaja datang menyerang pasukan Tengku Nong di kubu Maharaja Lela. Kubu Maharaja Lela ini letaknya ke atas dari kubu Depa dan hampir dengan kubu Juling. Akibat serangan itu seorang pengikut Tengku Nong cedera di kedua-dua belah tangannya. Pertempuran itu berlaku dari pukul 3.00 hingga 6.00 petang. Pengikut Tengku Nong yang dihantar mengawal jalan pulang setelah usaha untuk menyekat kemaraan pengikut Maharaja gagal.

Pada hari Rabu 31 Disember 1879, berlaku lagi pertempuran antara pengikut Maharaja dengan pengikut Tengku Nong. Dalam pertempuran itu Tengku Nong terpaksa berundur kerana kekurangan bekalan dan peluru. Kubu Maharaja Lela dapat ditawan pada pukul 10.00 pagi, 31 Disember 1879. Di sana didapati kesan-kesan darah, bahan letupan dan lubang di dalam kubu yang ditanam bahan letupan. Selain itu terdapat kesan rumah yang telah dibakar kira-kira sepuluh atau lima belas buah. Namun demikian bangunan masjid masih tegap dan tidak ada kesan-kesan dibakar. Di keliling kubu Maharaja Lela itu ditanam dengan ranjau.

Encik Sally seterusnya mengarahkan setengah daripada pasukannya menyerang kubu pengikut Tengku Nong yang lain. Pasukan itu diketuai oleh Panglima Awang. Kira-kira pukul 3.00 petang, Awang menghantar laporan kepada Encik Sally menyatakan bahawa beliau telah berjaya menawan tiga buah kubu lagi. Dengan itu Encik Sally datang ke kubu-kubu yang telah ditawan oleh Awang itu; kemudiannya pulang ke Lubuk Bandan. Seterusnya Encik Sally melaporkan pula kejayaan itu kepada Tengku Khalid.

Pada pukul 7.00 pagi 1 Januari 1880, pengikut Encik Sally membawa orang tawanannya, iaitu Bawang, Saras, Katong, dan Gamat, serta peluru dan senapang kepada Encik Sally. Orang tawanannya dan barang-barang itu dibawa oleh Encik Sally ke Johor Bahru.

Pasukan di bawah Tengku Nong yang berundur itu tiba di Anak Ayer Kumuyan dan berhenti di sana selama satu malam. Keesokan harinya, Khamis 1 Januari 1880, Tengku Nong meneruskan perjalanan dan tiba di Sungai Klip. Tengku Nong bermalam satu malam di sana. Pada pagi Jumaat 2 Januari 1880, beliau meneruskan lagi perjalanan dan tiba di Mering Hilir. Di sana Tengku Nong bermalam selama tiga malam.

Pertempuran di Relau

Pengikut Maharaja Abu Bakar bertahan di dalam kubu. Serangan itu dilakukan kira-kira pukul 8.00 malam. Keadaan pada malam itu gelap. Jumlah pengikut Maharaja di dalam kubu itu ialah seramai lapan puluh orang. Pasukan Maharaja yang di bawah pimpinan Panglima Awang itu diarahkan untuk menangkap Tengku Nong. Dengan mengikut arahan tersebut, pasukan itu bergerak ke Relau. Apabila tiba di Relau didapati ada kubu kosong yang boleh memuatkan lapan puluh orang. Walaupun begitu dibina juga kubu dan bangsal di sana. Kesemua pasukan Maharaja itu masuk ke dalam kubu dan membuat pertahanan di sana. Setelah berada di kubu itu selama lima belas hari, pasukan Tengku Nong datang menyerang pada pukul 8.00 malam. Pasukan Tengku Nong itu dipimpin oleh Panglima Besar Senchu. Jumlahnya dianggarkan empat puluh orang. Pasukan Tengku Nong melepaskan sepuluh tembakan serentak. Dengan itu pasukan di bawah pimpinan Panglima Perang Awang, termasuk juga Penghulu Sadong sendiri, membalaas tembakan dari dalam kubu. Penghulu Sadong melepaskan empat tembakan. Walaupun demikian pasukan Panglima Awang tidak mengalami sebarang kecederaan. Pertempuran antara kedua-dua pihak itu berlaku selama dua jam. Akhirnya pasukan Tengku Nong mengundurkan diri. Kubu tempat pertahanan Panglima Perang Awang rosak akibat tembakan Tengku Nong.

Dari Relau, pasukan di bawah pimpinan Panglima Perang Awang mara ke Tenong bagi menjalankan penyiasatan terhadap pasukan dan gerakan pasukan Tengku Nong. Semasa gerakan itu dijalankan, tidak berlaku sebarang pertempuran. Walau bagaimanapun pasukan itu berjaya menangkap Bela Laboo, Malong, Sambal, dan Rabil.

Pertempuran di Anak Ayer Lemak Kerbau

Pada pagi Isnin 5 Januari 1880, Tengku Nong dan pengikutnya memasuki sebuah kampung. Tengku Nong berhenti di sana dan menguatkan kedudukannya. Pada hari itu juga, Tengku Nong mengambil tiga kati tembakau dan dua ratus keping gambir daripada Dato' Gempa Tengah, pembesar Nyalias. Setelah tiga hari berhenti di sana, pada hari Khamis 8 Januari 1880, Tengku Nong demam selama sehari semalam. Keesokan harinya, Jumaat 9 Januari 1880, Tengku Nong dan pengikutnya bergerak lagi dan tiba di Anak Ayer

Lemak Kerbau. Mereka berhenti di sana dan masing-masing mendirikan bangsal. Jumlah bangsal yang didirikan ialah tiga atau empat buah dan kedudukannya rapat di antara satu sama lain. Jumlah pengikut yang bersama Tengku Nong ini kira-kira dua puluh orang. Antara mereka yang bersama-sama Tengku Nong ialah Wan Abas, Wan Daud, Panglima Besar Senchu, dan Tengku Muhammad. Setelah berada di Relau, pasukan Maharaja di bawah Panglima Awang itu bergerak ke Chohong. Di Chohong mereka tinggal selama lima atau enam hari. Kemudiannya pasukan itu kembali semula ke Relau. Setelah dua hari di Relau, terdapat berita bahawa Wan Daud, anak Sulong (bekas Temenggung Muar), berada di dalam hutan di Anak Ayer Lemak Kerbau. Dengan itu pasukan Maharaja pun bergerak menuju ke Anak Ayer Lemak Kerbau. Dalam perjalanan, datang dua orang mata-mata dari Rumah Pasung Nyalas untuk berjumpa Panglima Perang Awang. Mereka seterusnya ikut serta ke Anak Ayer Lemak Kerbau. Kedua-dua mata-mata ini berpakaian seragam dan masing-masing membawa selaras senapang. Di Anak Ayer Lemak Kerbau, Tengku Nong dan pasukannya telah dikepung dan diserang oleh pengikut Maharaja.

Pasukan Maharaja itu terdiri daripada lapan puluh orang dan di bawah pimpinan Panglima Awang, Penghulu Sadong, dan Orang Kaya Bakar. Pertempuran berlaku pada kira-kira pukul 10.00 pagi. Pasukan Panglima Awang, Penghulu Sadong, dan Orang Kaya Bakar mengepung kawasan Tengku Nong itu. Walaupun kepungan dibuat tetapi beberapa orang dapat melepaskan diri. Antara mereka yang berjaya melepaskan diri ialah Tengku Nong, Tengku Muhammad, dan Layut. Mereka yang tertangkap ialah Wan Daud, Raja Panjang Rambut, dan tiga orang yang lain. Dua orang daripada mereka ini ditangkap di dalam bangsal dan tiga orang lagi ditangkap di luar bangsal.

Panglima Sarip, pengikut Tengku Nong, terbunuh. Sebelum itu, Panglima Sarip menghunuskan pedangnya hendak mengamuk dan membunuh Panglima Awang dan juga pengikut-pengikut Panglima Awang. Melihatkan sikap Panglima Sarip yang sedemikian, Panglima Awang menasihatkannya supaya tidak melawan kerana semua rakannya telah ditangkap. Sebaik sahaja Panglima Awang menasihatkannya, Panglima Sarip hendak membunuh Panglima Awang pula. Dengan itu Panglima Awang melepaskan tembakan dan kena di bahagian dada Panglima Sarip. Ketika itu Panglima Sarip sedang mengejar orang yang melarikan diri, manakala beliau pula dikejar oleh pasukan Panglima Awang.

Di bangsal tempat pertahanan Tengku Nong itu dijumpai sebuah buku, dua belas laras senapang, dua bilah keris dan sebilah sundang. Selain itu di dalam bangsal itu juga, Panglima Awang menemui satu bungkus kertas. Setelah berada tiga puluh minit di Anak Ayer Lemak Kerbau, Panglima Awang dan pasukannya bersama orang tawanan bergerak ke Chohong. Mereka tinggal di sana selama tiga hari.

Pada hari Isnin 11 Januari 1880, Haji Hassan tiba dari Kampung Gelam, Singapura, dengan membawa surat dan juga barang-barang. Antara barang yang diserahkan kepada Tengku Nong ialah dua pucuk pistol dan sebilah keris. Haji Hassan menjelaskan bahawa duit \$100.00 yang dikirimkan oleh Tengku Alam telah habis digunakan. Berkenaan duit itu Tengku Nong menyatakan tidak menjadi masalah. Namun beliau mengarahkan Haji Hassan agar menyerahkan dua belas keris dan baju yang belum diserahkannya itu. Tengku Nong kemudiannya mengarahkan Haji Hassan ke Singapura untuk membawa suratnya kepada Tengku Alam. Haji Hassan menyerahkan keris dan baju kepada Penghulu Bawi dan menyatakan yang beliau diarahkan oleh Panglima Besar Senchu. Haji Hassan lalu membawa surat Tengku Nong ke Singapura.

Penghulu Sadong bersama-sama dua puluh orang meneruskan gerakan menuju ke dalam hutan untuk menangkap Tengku Nong serta pengikut-pengikutnya. Dalam gerakan tersebut, Penghulu Sadong menjumpai sebuah bangsal dan mengepung bangsal itu. Di sana Penghulu Sadong berjaya menangkap Tengku Muhammad, Tengku Nong, dan empat orang pengikut Maharaja. Pada mulanya Tengku Muhammad cuba mlarikan diri tetapi gagal. Tengku Muhammad ini berpenyakit kusta. Di tangannya ada sepucuk pistol dan di tangan sebelah lagi sebilah keris kecil. Penghulu Sadong terlebih dahulu masuk ke dalam bangsal dan memberi amaran kepada Tengku Muhammad. Penghulu Sadong meminta Tengku Muhammad agar tidak melawan. Sekiranya melawan, beliau akan membunuh Tengku Muhammad.

Tengku Nong pula menyerah diri pada pukul 7.00 petang. Beliau memiliki sepucuk pistol. Di dalam bangsal tersebut, Penghulu Sadong menjumpai dua laras senapang. Tengku Nong tidak dapat berjalan kerana sakit. Oleh itu beliau dibawa dengan usungan bersama orang tawanan lain ke Chohong. Barang-barang lain yang dijumpai di sana ialah dua belas laras senapang, sebilah keris, kertas, dan sebuah kubu. Barang-barang itu dijumpai terletak di bahagian tengah bangsal yang dibina oleh Tengku Nong. Dalam

pada itu salah seorang cuba membuka ikatan barang-barang itu, tetapi ditegah oleh Panglima Awang. Dengan itu barang-barang tersebut diikat semula.

Pasukan di bawah Panglima Awang meninggalkan Chohong. Mereka menghilir ke Kuala Muar dengan bot. Semasa menghilir ini, Panglima Awang tidak membawa bersama Tengku Nong dan orang tawanan yang lain. Setelah dua hari Panglima Awang berada di Kuala Muar, barulah orang tawanan di bawa ke Muar. Orang tawanan itu terdiri daripada tiga orang kanak-kanak dan tiga orang dewasa. Orang dewasa itu ialah Tengku Nong, Tengku Mohammad, dan Lepang. Bersama mereka ini dibawa juga surat-surat, tiga belas laras senapang, satu bilah sundang, dua bilah keris kecil, satu kotak peluru pistol, dan tiga gantang bahan letupan. Kesemua orang tawanan dan barang-barang itu dibawa dan diletakkan di bawah jagaan Mahmud, Penghulu Chohong. Barang-barang itu diterima oleh Mahmud lebih awal sehari daripada orang tawanan. Mahmud kemudiannya membawa orang tawanan, surat-surat, alat-alat senjata dan peluru kepada Ungku Abdul Majid di Muar.

Ungku Abdul Majid pula membawa orang tawanan dan buku serta senjata kepada saudaranya, Ungku Khalid. Mereka dibawa ke Johor Bahru untuk diserahkan kepada Dato' Jaafar, Menteri Besar Johor. Tiga hari kemudiannya Mahmud pulang ke Chohong. Seterusnya arahan dikeluarkan untuk menangkap Haji Hassan. Beliau ditangkap dan dibawa ke Melaka; dan kemudiannya ke Singapura. Tengku Nong juga dapat ditangkap. Dengan tertangkapnya Tengku Nong, maka pertempuran di Muar berakhir.

BAB VII

Kesudahan

Kegagalan Tengku Alam mendapatkan haknya terhadap Muar dan gelaran Sultan makin menguatkan kedudukan Maharaja Abu Bakar. Sebagai langkah mengukuhkan kuasanya terhadap Muar, Maharaja Abu Bakar menghantar Dato' Bentara Luar Muhammad Salleh Perang untuk mewujudkan keamanan di situ. Wujudnya keadaan yang aman menjadi faktor tarikan kepada penduduk Melaka dan Kedah untuk berhijrah ke Muar. Dengan itu pada tahun 1884 bandar baru itu diberi nama Bandar Maharani. Kemudiannya, Maharaja Abu Bakar melantik Engku Sulaiman bin Daud menjadi residen atau wakil Muar-Kesang. Seterusnya pejabat-pejabat pentadbiran dibina di Muar.

Penangkapan dan Perbicaraan

Mereka yang terlibat dalam pertempuran dengan pasukan Maharaja Abu Bakar dibawa ke Johor dan seterusnya ke Singapura. Antaranya ialah Wan Daud, Raja Panjang Rambut, Tengku Muhammad, Tengku Nong, dan beberapa pengikut Tengku Nong. Dokumen yang dirampas daripada Tengku Nong diserahkan oleh Maharaja Abu Bakar kepada pihak British.¹ Dokumen ini diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Pejabat Kolonial Negeri-Negeri Selat dan disemak oleh Frank Swettenham. Maharaja Abu Bakar menyifatkan

¹ C.O. 273/103, 'Prosecution of Awang Ibrahim - seterusnya diringkaskan "PAI", A.E.H. Anson kepada Setiusaha Tanah Jajahan London, 29 April 1880.

dokumen itu penting kerana dapat menunjukkan bagaimana kekacauan Muar itu dirancang, dibentuk, dan dilaksanakan. Maharaja Abu Bakar mengeluarkan arahan menangkap mereka yang terlibat dalam gerakan Tengku Alam.²

Charles James Tennant Dunlop, hakim polis, mengeluarkan waran untuk menangkap Awang Ibrahim (sila lihat Lampiran E) dan menyiasat rumahnya (sila lihat lampiran F). Waran itu dikeluarkan kerana didapati bahawa Awang Ibrahim ada menghubungi Tengku Nong melalui surat. Arahan juga dikeluarkan bagi menyiasat rumah Tengku Alam. Langkah kerajaan Negeri-Negeri Selat mengarahkan polis menyiasat rumah Tengku Alam menimbulkan rasa bimbang bagi Pejabat Kolonial.³ Awang Ibrahim, setiausaha dan penasihat utama Tengku Alam, dituduh di bawah Seksyen No. I25 dan I26 Kanun Pidana dan kesalahan menghasut untuk membunuh. Awang Ibrahim juga dituduh menghasut sehingga membawa kepada pembunuhan William Hole. Seksyen I25, antara lain menyatakan sesiapa yang melancarkan perang terhadap kerajaan daripada kuasa orang Asia (*Asiatic power*) yang bersekutu atau bersahabat dengan Ratu England atau berniat melancarkan perang, atau menghasut melancarkan perang, boleh dihukum penjara seumur hidup dan tambahan hukuman boleh dikenakan. Selain itu pesalah boleh dipenjarakan dalam waktu tertentu, yang mungkin boleh dilanjutkan hingga tujuh tahun dan hukuman tambahan boleh dikenakan, atau dengan denda. Seksyen I26 pula antara lain menyatakan, sesiapa membinasakan atau membuat persiapan untuk membinasakan jajahan yang bersekutu atau bersahabat dengan Ratu England, akan dihukum penjara sehingga tujuh tahun, dan boleh juga didenda. Harta yang digunakan atau yang hendak digunakan untuk membinasakan jajahan tersebut akan dirampas.⁴ Ternyata

² C.O. 273/103, "PAI". A.E.H. Anson kepada Setiausaha Tanah Jajahan, London, 29 April 1880, terlampir, Maharaja Johor kepada H.E. Administrator, 23 Februari 1880.

³ C.O. 273/106, Minit, 22 Mei 1880.

⁴ MP., "PPSMG", Mahkamah Polis, 10 Mac 1880, kenyataan Rodyk, hlm. 4. Lihat juga C.O. 273/103, "PAI", A.E.H. Anson kepada Setiausaha Tanah Jajahan London, 29 April 1880. MP., "PPSMG", Mahkamah Polis, 10 Mac 1880, hlm. 3. "Whoever wages war against the Government of any Asiatic power in alliance or at peace with the Queen or attempts to wage such war, or abets the waging of such war, shall be punished with penal Servitude for life, to which fine may be added; or with imprisonment of either description for a term which may extend to seven years, to which fine may be added, or with fine."

Awang Ibrahim menghadapi tiga tuduhan kerana penglibatannya dalam gerakan Tengku Alam yang mencetuskan pertempuran di Muar. Beliau dituduh melancarkan serangan terhadap kuasa orang Asia yang bersekutu dengan kerajaan British, terlibat membinaasakan jajahan yang bersahabat dengan Ratu England, dan menghasut hingga terbunuhnya William Hole. Namun demikian Peguam Besar Kerajaan Negeri-Negeri Selat, T. Braddel, membuat jangkaan yang juri di Singapura akan mendapatkan bukti bahawa kesalahan orang Muar itu ialah dari segi politik dan bukan jenayah.

Awang Ibrahim ditangkap dan ditahan di dalam penjara.⁵ Beliau dibicarakan dari 10 Mac 1880 hingga 26 April 1880.⁶ Dalam perbicaraan itu Awang Ibrahim dibela oleh J.D. Vaughan, manakala pendakwa ialah Rodyk. Dr. N.B. Denny, Penolong Pelindung Orang Cina, bertindak sebagai hakim.

Pada 11 Mac 1880, Awang Ibrahim hadir di Mahkamah. Segala dokumen yang berhubung dengan gerakan Tengku Alam dibaca. Dokumen tersebut telah diterjemahkan oleh Frank Swettenham.⁷ Saksi dipanggil untuk memberi keterangan. Antara mereka ialah Dato' Menteri Johor, Encik Jaafar bin Muhammad, Encik Abdul Rahman bin Andak, Pegawai Maharaja Johor, Sayyid Kasahor, Alexander Mortier de Fontaine, Inspektor Polis, Balai Polis Rochore, Singapura, Ungku Abdul Majid (saudara Maharaja Abu Bakar), Tengku Muhammad Ariffin, Panglima Besar Khamat, dan Frank Swettenham. J.D. Vaughan menjelaskan di dalam mahkamah, bahawa penglibatan Kolonel Anson menyebabkan tersisihnya Tengku Alam daripada mentadbir Muar; pelantikan Maharaja sebagai pemerintah Muar bukan dengan persetujuan penduduk Muar. Oleh itu tentangan yang wujud di Muar bukanlah menentang kuasa orang Asia, tetapi menentang kerajaan British. Seterusnya J.D. Vaughan menyatakan yang kekacauan meletus kerana Maharaja Abu Bakar membakar rumah pengikut Tengku Nong dan memaksa isteri dan anak Tengku Nong ke Johor. Keterangan yang dikemukakan oleh saksi pula tidak

⁵ C.O. 273/103, "PAI", A.E.H. Anson kepada Setiausaha Tanah Jajahan, London, 29 April 1880.

⁶ Perbicaraan Awang Ibrahim boleh dilihat dalam *Muar Papers*, MP., "PFMG". Juga dalam C.O. 273/103, "PAI", A.E.H. Anson kepada Setiausaha Tanah Jajahan, London, 29 April 1880, Enclosure No. 3 Queen vs. Awang Ibrahim [Ibram] - charge with 1. Abetment of the offence of waging war against the Government of an Asiatic power at peace with the Queen. 2. Abetment of the offence of committing depredation in the territory of a power at peace with the Queen."

menunjukkan bahawa rumah dibakar oleh pengikut-pengikut Tengku Alam.

Berkenaan melancarkan perang pula, J.D. Vaughan menyatakan bahawa persoalan kubu banyak ditimbulkan. Persoalannya, adakah jika seseorang itu membina kubu kerana melindungi diri, keluarga, dan harta mereka daripada diserang oleh orang lain dianggap melancarkan perang? Seterusnya J.D. Vaughan mempersoalkan sama ada Maharaja Abu Bakar itu kuasa orang Asia berdasarkan maksud kanun tersebut. Selain itu tindakan Awang Ibrahim sebagai pemberontak boleh dipersoalkan⁴. Ditegaskan juga bahawa daripada keterangan yang diberikan oleh saksi jelas menunjukkan tidak ada seorang pun terkorban dalam pertempuran kecuali kemalangan pertempuran pasukan Maharaja Abu Bakar sesama sendiri. Oleh itu istilah perang hanya dibesar-besarkan. Seterusnya istilah kuasa orang Asia difahamkan sebagai negeri bebas, iaitu boleh mengadakan perjanjian dan melibatkan diri dalam perjanjian mengikut kehendak sendiri. Persoalannya, bagaimana dengan kerajaan Johor? J.D. Vaughan meneruskan hujahnya dengan menyatakan bahawa Kolonel Anson yang meletakkan Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar. Oleh itu kekacauan tidak akan berlaku kalau Kolonel Anson membiarkan penduduk Muar menyelesaikan masalah mereka sendiri.

Perbicaraan dijalankan terhadap Awang Ibrahim berlangsung selama tiga belas hari, iaitu pada 10 Mac 1880, 11 Mac 1880, 12 Mac 1880, 15 Mac 1880, 22 Mac 1880, 23 Mac 1880, 24 Mac 1880, 2 April 1880, 6 April 1880, 7 April 1880, 12 April 1880, 15 April 1880, dan 22 April 1880. Pembela Awang Ibrahim, J.D. Vaughan, gagal mendapatkan kebenaran daripada mahkamah untuk menjamin Awang Ibrahim supaya bebas. Namun demikian dalam perbicaraan 22 April 1880, J.D. Vaughan memberi hujah-hujahnya untuk membela Awang Ibrahim. Hakim menerangkan kepada mahkamah bahawa keputusan tuduhan terhadap Awang Ibrahim akan dibuat pada hari Isnin 26 April 1880.⁵ Hakim menyatakan yang tuduhan ketiga terhadap Awang Ibrahim tidak begitu perlu, kecuali tuduhan pertama dan kedua, iaitu melancarkan perang dan menghasut untuk

⁴ MP., "PFSMG", Mahkamah Polis, 24 Mac 1880, hlm. 149. ". . . was the Maharajah of Johore 'an Asiatic power' in the sense contemplated by the framers of the Code? . . . or were those with whom he [Awang Ibrahim] acted 'insurgents' in the ordinary reserved sense of the word."

⁵ MP., "PFSMG", Mahkamah Polis, 22 April 1880, hlm. 148.

membinasakan negeri kuasa orang Asia yang bersahabat dengan Ratu England. Berdasarkan kedua-dua tuduhan itu, J.D. Vaughan menegaskan bahawa Awang Ibrahim terlibat dalam pertempuran dan menunjukkan sikap agresif. Dengan itu J.D. Vaughan meminta kebenaran mengikat jamin Awang Ibrahim. Di samping itu J.D. Vaughan meminta anggaran jumlah wang yang mungkin diperuntukkan bagi menjamin Awang Ibrahim. Hakim menyatakan yang J.D. Vaughan perlu meminta \$20,000.00. Namun demikian J.D. Vaughan hanya mencadangkan \$5,000.00. Rodyk mencelah dengan menegaskan sekiranya Awang Ibrahim tidak akan mlarikan diri, jaminan yang mudah dan murah akan diberikan. Walaupun demikian perbicaraan itu ditangguhkan pada 26 April 1880.

Dalam perbicaraan 26 April 1880, Rodyk sebagai pendakwa menjelaskan yang Awang Ibrahim sememangnya bersalah sebagai mana tuduhan yang dibuat terhadapnya. Oleh yang demikian kes itu perlu dibawa ke Mahkamah Tinggi (*Supreme Court*). Dengan itu Rodyk mencadangkan agar Awang Ibrahim dibebaskan dengan ikat jamin \$10,000.00 dan dua orang penjamin, sebelum dibawa ke Mahkamah Tinggi.¹⁰ Ini bermakna bahawa dalam perbicaraan, mahkamah tidak dapat memutuskan hukuman terhadap Awang Ibrahim. Perbicaraan Awang Ibrahim disiarkan di dalam akhbar.¹¹

Perbicaraan Awang Ibrahim seterusnya dijalankan di Mahkamah Tinggi. Dalam perbicaraan itu, Peguam Besar Kerajaan Negeri-Negeri Selat menyatakan bahawa walaupun tidak diragukan yang segala tindakan Awang Ibrahim dalam pengetahuan dan di bawah kuasa serta arahan Tengku Alam, tetapi perkara itu boleh dipersoalkan. Masih belum ada bukti undang-undang yang lengkap untuk menyabitkan kesalahan terhadap Tengku Alam, dan belum jelas dakwaan sudah dibuat terhadapnya.¹² Berdasarkan perkara ini, Peguam Besar mencadangkan kes Awang Ibrahim ditarik balik. Walaupun demikian kes itu boleh dikemukakan kembali setelah mendapat bukti yang lengkap.¹³ Dengan itu Awang Ibrahim dibebaskan daripada tuduhan.¹⁴

¹⁰ MP., "PFSMG", Mahkamah Polis, 26 April 1880, hlm. 151. Lihat juga C.O. 273/103, "PAI", A.E.H. Anson kepada Setiausaha Tanah Jajahan London, 29 April 1880.

¹¹ C.O. 273/106, Minut, 22 Mei 1880.

¹² C.O. 273/103, "Case of Awang Ibrahim - seterusnya diringkaskan menjadi "CAI", Gabenor Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 12 Mei 1880.

¹³ C.O. 273/103, "PAI", A.E.H. Anson kepada Setiausaha Tanah Jajahan, London, 29 April 1880.

¹⁴ C.O. 273/103, "CAI", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 12 Mei 1880.

Hutang Tengku Alam

Sehingga ketika itu, hutang Tengku Alam belum selesai. Ceti Shellapah membawa kes hutang Tengku Alam ke Mahkamah Tinggi. Shellapah menuntut agar Tengku Alam membayar \$500.00 sebulan. Tuntuan itu dibuat berdasarkan kepada tawaran sara hidup Maharaja Abu Bakar kepada Tengku Alam sebanyak \$500.00 sebulan. Dalam perbicaraan itu, Davidson, salah seorang penasihat undang-undang Maharaja Abu Bakar, menjadi wakil ceti. Semasa kes ini dibawa ke Mahkamah, Gabenor Sir Frederick Weld tidak ada di Singapura. Beliau pergi ke Selangor dan Melaka. Setiausaha Kolonial Negeri-Negeri Selat mendapat berita daripada T. Braddell yang menyatakan Davidson telah memberitahu mahkamah bahawa Maharaja Abu Bakar sanggup membayar wang sebanyak \$500.00 kepada Ceti Shellapah. Gabenor Sir Frederick Weld mengajukan surat kepada Maharaja Abu Bakar dan menimbulkan persoalan sama ada mahkamah boleh mempercayai yang Maharaja sanggup membayar \$500.00 tiap-tiap bulan kepada ceti. Arahan juga dibuat agar Maharaja Abu Bakar membayar \$1,250.00 kepada perpendaharaan untuk Tengku Alam. Sir Frederick Weld menyatakan yang bayaran \$1,250.00 adalah sebagai penyelesaian politik antara Johor dengan Kesang atau Muar. Bayaran tersebut adalah juga untuk membantu Tengku Alam dan keluarga Sultan Ali.¹⁵

Maharaja Abu Bakar menjelaskan bahawa penglibatan Davidson dalam kes itu di luar pengetahuan beliau. Selain itu beliau tidak diberitahu terlebih dahulu. Maharaja Abu Bakar menyatakan yang Davidson tidak mempunyai sebarang kuasa untuk membuat kenyataan bahawa Maharaja Abu Bakar sanggup membayar \$500.00 tiap-tiap bulan kepada ceti.¹⁶

¹⁵ C.O. 273/110, "Action against Tunku Alam - seterusnya diringkaskan menjadi "ATA", Sir Frederick Weld kepada Kimberley, 17 November 1881. C.O. 273/110, "ATA", Sir Frederick Weld kepada Kimberley, 17 November 1881, terlampir Sir Frederick Weld kepada Maharaja Johor, 1 November 1881. C.O. 273/115, "The Chitties versus Tunku Alam - seterusnya "TCT", Sir Frederick Weld kepada Kimberley, 27 Jun 1882.

¹⁶ C.O. 273/110, "ATA", Sir Frederick Weld kepada Kimberley, 17 November 1881.

Dua orang ceti membuat rayuan kes itu dan menuntut agar Tengku Alam membayar \$500.00 tiap-tiap bulan kepada mereka. Kes itu dibawa ke muka pengadilan pada hari Khamis 19 April 1882. Hakim yang ditugaskan mengendalikan kes itu ialah Sir Thomas Sid Greaves, Ketua Hakim, dan T.T. Ford, Hakim Pulau Pinang. Perbicaraan ialah antara Ravena Mana Chana Allagapah dan Ravena Nana Chana Shellapah sebagai plaintiff, iaitu pihak yang menuntut dengan Tengku Alam sebagai defendant. Allagapah dan Shellapah diwakili oleh Davidson dan I.S. Bond, manakala Tengku Alam diwakili oleh Peguam Besar.

Dalam perbicaraan itu Hakim T.T. Ford menyatakan yang bayaran bulanan \$500.00 kepada Tengku Alam adalah berdasarkan kepada Perjanjian 1855.¹⁷ Dalam kes ulangan itu lima belas dokumen yang antaranya berasal daripada *Blue Book* dikemukakan untuk menyokong kes rayuan Allagapah dan Shellapah. Namun demikian dokumen itu ditolak oleh Hakim T.T. Ford yang menjelaskan bahawa tindakan membawa dokumen daripada *Blue Book* adalah bercanggah dengan dasar yang telah diputuskan, iaitu tidak boleh dibawa ke dalam Mahkamah Keadilan. Seterusnya beliau menegaskan bahawa Allagapah dan Shellapah tidak ada kuasa untuk memaksa Tengku Alam membayar \$500.00 tiap-tiap bulan.

Ketua Hakim Sir Thomas Sid Greaves menyatakan bahawa mahkamah yang bersidang gagal untuk membuktikan dokumen yang telah ditolak itu sebenarnya tidak ditolak. Seterusnya beliau menegaskan bahawa dokumen yang melibatkan dasar pentadbiran yang hendak dibawa ke mahkamah itu hendaklah ditentukan oleh ketua jabatan supaya tidak memberi kesan yang tidak baik kepada perkhidmatan pentadbiran.¹⁸ Dalam perbicaraan itu mahkamah telah memutuskan yang plaintiff dibenarkan membuat rayuan kepada *Privy Council* atau Badan Penasihat Raja.¹⁹

¹⁷ C.O. 273/114, "Appeal Case - the Chittys versus Tunku Alam - seterusnya diringkaskan menjadi "ACUTA", Sir Frederick Weld kepada Kimberley, 22 April 1882, terlampir "Judgments in the case of Chitties against Tunku Alam on the Appellate side of the Supreme Court", petikan daripada *Singapore Daily Times*, 20 April 1882.

¹⁸ C.O. 273/114, "ACVTA", Sir Frederick Weld kepada Kimberley, 22 April 1882, terlampir, "Judgments in the case of chitties against Tunku Alam on the Appellate side of the Supreme Court", petikan daripada *Singapore Daily Times*, 20 April 1882.

¹⁹ C.O. 273/115, "TCT", Sir Frederick Weld kepada Kimberley, 27 Jun 1882. Lihat juga C.O. 273/115, "TCT", Pejabat Kolonial kepada *Crown Agents*, 12 Ogos 1882.

Keputusan rayuan kes ulangan itu dihantar ke Pejabat Tanah Jajahan London.²⁰ Pejabat Tanah Jajahan London pula merujuk kepada Gabenor Sir Frederick Weld, iaitu meminta Majlis memerhatikan kes Ceti lawan Tengku Alam ini sebagai wakil kerajaan kolonial.²¹ Walaupun begitu Tengku Alam tidak mencadangkan Majlis diarahkan melihat kepentingan dirinya dalam perbicaraan oleh *Privy Council*. Sir Frederick Weld sangat gembira dengan arahan supaya Majlis memerhatikan kes Tengku Alam dan sebagai wakil kerajaan. Selain itu beliau memberikan jaminan tidak akan membenarkan surat-menyurat yang berkaitan dengan Tengku Alam dikemukakan di mahkamah.²² Oleh sebab kes antara Tengku Alam dengan Allagapah dan Shellapah akan dibawa ke *Privy Council*, maka Lord Kimberley mengarahkan *Crown Agents* memerhatikan kes ini sebagai mewakili kerajaan kolonial.²³

Di samping itu Majlis telah pun berbincang dengan Peguam Besar berkenaan kes Tengku Alam ini. Dalam perbincangan itu Majlis dan Peguam Besar bersetuju yang kes ini mesti dibela.²⁴ Dengan itu Ommannay mengharapkan supaya Lord Kimberley memberi kebenaran kepada peguam kerajaan British untuk mewakili Tengku Alam.²⁵ Selain itu Francis H. Leune juga berpandangan yang Tengku Alam hendaklah dibela dengan sewajarnya.²⁶ Cadangan Ommannay ini mendapat persetujuan Lord Kimberley.²⁷

Kes Tengku Alam dengan Ceti Allagapah dan Shellapah dikemukakan dalam *Privy Council* pada 6 Jun 1883 untuk dibicarakan. Hakim *Privy Council* mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi dan seterusnya menutup kes itu. Keputusan *Privy Council* ini dihantar kepada Pejabat Tanah Jajahan dan Gabenor Sir Frederick Weld di Negeri-Negeri Selat.²⁸

²⁰ C.O. 273/114, Pejabat Kolonial kepada Sir Frederick Weld, 31 Mei 1882.

²¹ C.O. 273/115, "TCT", Minit.

²² C.O. 273/115, "TCT", Sir Frederick Weld kepada Kimberley, 27 Jun 1882.

²³ C.O. 273/115, "TCT", Pejabat Kolonial kepada *Crown Agents*, 12 Ogos 1882.

²⁴ C.O. 273/118, "Appeal case the Chitties versus Tunku Allum - seterusnya, "ACCTA", Ommannay kepada Pejabat Kolonial, 27 Oktober 1882.

²⁵ C.O. 273/118, "ACCTA", Sutton dan Ommannay kepada *Crown Agents*, 19 Oktober 1882.

²⁶ C.O. 273/118, "ACCTA", Pejabat Kolonial kepada *Crown Agents*, 30 Oktober 1882.

²⁷ C.O. 273/118, "ACCTA", Pandangan Francis H. Leune dalam *Privy Council*.

²⁸ C.O. 273/124, "ACCTA", Ommannay kepada Pejabat Kolonial, 12 Jun 1883.

Tawaran Sara Hidup Kepada Tengku Alam

Walaupun kekacauan di Muar telah berakhir, masalah bayaran sara hidup kepada Tengku Alam masih dibincangkan. Sebelum berlaku pertempuran di Muar, melalui rundingan yang dilakukan oleh Sir W. F. Robinson, Maharaja Abu Bakar bersetuju membayar wang sagu hati sebanyak \$500.00 seperti yang ditetapkan dalam perjanjian serta tambahan sebanyak \$250.00 akan dibayar kepada keluarga Sultan Ali. Walaupun wang itu dibayar tiap-tiap bulan melalui Perbendaharaan Kolonial, sehingga bulan Mei 1880 wang itu masih belum diambil oleh Tengku Alam. Oleh sebab wang itu tidak pernah diambil dan pertempuran meletus di Muar, maka Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Frederick Weld memperakukan kepada Setiausaha Negeri Tanah Jajahan, Lord Kimberley, supaya Maharaja Abu Bakar menghentikan bayaran wang sara hidup bulanan sebanyak \$750.00. Beliau juga mengesyorkan supaya wang yang pernah dibayar itu, ketika itu terkumpul dalam Perbendaharaan Kolonial, dibayar balik kepada Maharaja Abu Bakar.

Cadangan menghentikan bayaran sara hidup kepada Tengku Alam telah diberitahu oleh Sir Frederick Weld kepada Maharaja Abu Bakar. Maharaja Abu Bakar hanya menunggu keputusan daripada Lord Kimberley.²⁹ Sementara itu jumlah wang \$12,071.20 yang terkumpul dalam Perbendaharaan Kolonial telah diambil balik oleh Maharaja Abu Bakar mengikut arahan Sir Frederick Weld.³⁰

Syar Sir Frederick Weld ini tidak disetujui oleh Lord Kimberley. Sebaliknya, Lord Kimberley pula mengesyorkan kepada Sir Frederick Weld agar menasihati Maharaja Abu Bakar supaya meneruskan bayaran wang sara hidup melalui Perbendaharaan Kolonial. Jangka masa bayaran wang tersebut ialah setahun mulai dari tarikh menerima suratnya itu. Seterusnya Sir Frederick Weld diarahkan memberitahu Tengku Alam sekiranya wang itu enggan diterimanya dalam jangka masa setahun dan masih ingin menimbulkan

²⁹ C.O. 273/104, "DAPAM", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 24 Ogos 1880. Lihat juga C.O. 273/109, "Allowance offered to Tunku Allum [Tengku Alam] of Muar - seterusnya diringkaskan menjadi "ACTAM", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 13 Jun 1881.

³⁰ C.O. 273/105, "PMCMJ", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 17 Disember 1880, terlampir Sir Frederick Weld kepada Maharaja Johor, 13 Disember 1880.

kekacauan di Muar, maka Maharaja Abu Bakar tidak akan meneruskan lagi bayaran tersebut.³¹ Apabila menerima surat Lord Kimberley, Sir Frederick Weld memaklumkan perkara wang sara hidup itu kepada Tengku Alam³² dan Maharaja Abu Bakar.³³

Oleh sebab wang sebanyak \$12,071.20 yang tersimpan dalam Perbendaharaan Kolonial telah diambil semula oleh Maharaja Abu Bakar, maka Sir Frederick Weld mengajukan surat kepada Lord Kimberley. Suratnya itu yang bertarikh 17 Disember 1880 adalah untuk meminta pandangan Lord Kimberley berkenaan perkara itu.³⁴ Lord Kimberley menjelaskan bahawa wang yang pernah dibayar kepada Tengku Alam dan diambil balik oleh Maharaja Abu Bakar dengan arahan Sir Frederick Weld hendaklah dibayar sebagai tunggakan. Wang tunggakan itu perlu dijelaskan sekiranya Tengku Alam sanggup menerima wang sara hidup yang ditawarkan itu.³⁵ Setelah menerima arahan daripada Lord Kimberley, Sir Frederick Weld memaklumkan perkara itu kepada Maharaja Abu Bakar pada 19 April 1881. Maharaja Abu Bakar pula menyatakan persetujuannya dengan cadangan yang dibuat oleh Lord Kimberley itu.³⁶

³¹ C.O. 273/104, "DAPAM", Draf surat Lord Kimberley kepada Sir Frederick Weld, 25 Oktober 1880. (Dua draf dibuat untuk menjawab surat Sir Frederick Weld tentang cadangan menghentikan pembayaran sagu hati kepada keluarga Sultan Ali. Kedua-dua draf surat Lord Kimberley lebih kurang sama, iaitu mengesyorkan supaya diteruskan pembayaran itu). Lihat juga C.O. 273/105, "Payment of the Muar compensation money by the Maharaja Johore", seterusnya digunakan, "PMCMJ", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 17 Disember 1880, terlampir Sir Frederick Weld kepada Maharaja Johor, 13 Disember 1880; dan Sir Frederick Weld kepada Tengku Alam, 13 Disember 1880.

³² C.O. 273/106, "PMCMJ", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 17 Disember 1880, terlampir Sir Frederick Weld kepada Tengku Alam, 13 Disember 1880.

³³ C.O. 273/105, "PMCMJ", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 17 Disember 1880, terlampir Sir Frederick Weld kepada Maharaja Johor, 13 Disember 1880.

³⁴ C.O. 273/105, "PMCMJ", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 17 Disember 1880. Lihat juga C.O. 273/105, "PMCMJ", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 17 Disember 1880, terlampir Sir Frederick Weld kepada Maharaja Johor, 13 Disember 1880.

³⁵ C.O. 273/105, "PMCMJ", kedua-dua draf surat Lord Kimberley kepada Sir Frederick Weld, 11 Februari 1881.

³⁶ C.O. 273/108, "Acceptance by Tunku Alam of the offer of Muar Compensation Money - seterusnya diringkaskan menjadi "ATACM", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 20 Mei 1881. Lihat juga C.O. 273/108, "ATACM", (draf). Lord Kimberley kepada Sir Frederick Weld, 18 Julai 1881; dan Lord Kimberley kepada W.H. Read, 16 Julai 1881.

Tengku Alam yang sebelum itu enggan menerima tawaran wang sara hidup yang dibuat oleh Gabenor W.F. Robinson, akhirnya bersetuju. Persetujuan itu dinyatakan kepada Sir Frederick Weld pada pagi 20 Mei 1881. Walaupun menerima tawaran itu, Tengku Alam masih tidak berpuas hati dengan keputusan meletakkan Muar di bawah kuasa Maharaja Abu Bakar. Bagi menenangkan hati Tengku Alam, Sir Frederick Weld menyatakan yang beliau sangat bersympati dengan Tengku Alam, tetapi penentuan pemerintah Muar telah pun diselesaikan sebelum beliau menjawat jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat. Sir Frederick Weld berpendapat bahawa sikap Tengku Alam menerima tawaran sara hidup itu adalah bijak. Walaupun demikian Tengku Alam enggan menerima wang sara hidup itu sebelum W.H. Read pulang ke Singapura. Berita tersebut diberitahu oleh Lord Kimberley kepada W.H. Read.³⁷ Lord Kimberley melahirkan rasa gembira setelah mendapat berita yang Tengku Alam sanggup menerima tawaran wang sara hidup.³⁸

Walaupun W.H. Read tidak ada di Singapura, bayaran wang sara hidup sebanyak \$750.00 sebulan kepada Tengku Alam diteruskan. Bayaran wang sara hidup itu hanya akan diteruskan dengan syarat Tengku Alam berkelakuan baik dan tidak menimbulkan kekacauan di Muar.³⁹ Tengku Alam menyatakan terima kasih kepada kerajaan British kerana meneruskan bayaran wang sara hidup. Dia juga berjanji tidak akan menimbulkan kekacauan di Muar dan akan cuba menghalang sesiapa yang ingin mencetuskan kekacauan tersebut, sekiranya berupaya.⁴⁰ Selain itu Tengku Alam meminta supaya segala bayaran wang sara hidup dibayar melalui W.H. Read.⁴¹

³⁷ C.O. 273/108, "ATACM", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 20 Mei 1881; (draft) Lord Kimberley kepada W.H. Read, 16 Julai 1881.

³⁸ C.O. 273/108, "ATACM", (draft) Lord Kimberley kepada Sir Frederick Weld, 18 Julai 1881.

³⁹ C.O. 273/109, "AOTAM", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 13 Jun 1881.

⁴⁰ C.O. 273/110, "Muar Compensation Allowance", seterusnya diringkaskan menjadi "MCA", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 18 Oktober 1881, terlampir Tengku Alam kepada Sir Frederick Weld, 4 Oktober 1881.

⁴¹ C.O. 273/110, "MCA", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 18 Oktober 1881, terlampir Tengku Alam kepada Sir Frederick Weld, 4 Oktober 1881. Dalam surat ini Tengku Alam menggunakan gelaran Sultan Allauddin Alam Shah. Penggunaan gelaran ini dikritik oleh Maharaja Abu Bakar, yang menegaskan bahawa gelaran ini tidak diiktiraf oleh kerajaan British. (Sila lihat C.O. 273/110, "MCA", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 18 Oktober 1881, terlampir Maharaja Abu Bakar kepada Sir Frederick Weld, 14 Oktober 1881).

Sebelum itu Tengku Alam telah pun memberi akuan kepada Gabenor W.F. Robinson bahawa beliau tidak akan mengambil langkah untuk menimbulkan kekacauan di Muar.⁴² Salinan surat Tengku Alam itu dihantar oleh Sir Frederick Weld kepada Maharaja Abu Bakar. Di samping itu Sir Frederick Weld meminta Maharaja Abu Bakar membayar wang tunggakan sara hidup kepada Tengku Alam.⁴³ Maharaja Abu Bakar mengarahkan wakilnya membayar tunggakan wang sara hidup kepada Tengku Alam melalui Perbendaharaan Kolonial.⁴⁴ Oleh sebab Tengku Alam sanggup menerima wang sara hidup dan syarat yang diberikan, Sir Frederick Weld menaruh kepercayaan penuh bahawa masalah Muar telah berakhir.⁴⁵

Maharaja Abu Bakar Memohon Gelaran Sultan

Walaupun Tengku Alam telah dikalahkan dan Maharaja Abu Bakar tidak dicabar kewibawaan dan kekuasaannya di Johor, termasuk Muar-Kesang oleh mana-mana pihak, tetapi masalah yang masih menggugatnya ialah tentang gelaran Sultan. Maharaja Abu Bakar merasakan kedudukannya belum begitu kuat, sekiranya sebagai pemerintah sesebuah negeri beliau tidak menggunakan gelaran Sultan.⁴⁶ Oleh sebab wujudnya rasa bimbang ini dan juga untuk menjaga keselamatan beliau serta pengganti-penggantinya pada masa akan datang, Maharaja Abu Bakar menulis surat kepada Pemangku Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Cecil Clementi Smith. Dalam surat itu, Maharaja Abu Bakar menyatakan hasratnya untuk melawat England bagi menemui Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan, Lord

⁴² C.O. 273/109, "AOTAM", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 13 Jun 1881.

⁴³ C.O. 273/110, "MCA", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 18 Oktober 1881.

⁴⁴ C.O. 273/110, "MCA", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 18 Oktober 1881, terlampir, Maharaja Abu Bakar kepada Sir Frederick Weld, 14 Oktober 1881.

⁴⁵ C.O. 273/110, "MCA", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 18 Oktober 1881. Lihat juga C.O. 273/110, "MCA", Minii difail, "The government [Sir Frederick Weld] expects that this the last of the Muar question."

⁴⁶ C.O. 273/103, "PAI", A.E.H. Anson kepada Setiausaha Tanah Jajahan, London, 29 April 1880, terlampir, Maharaja Johor kepada H.E. Administrator, 23 Februari 1880.

Derby.⁴⁷ Ketika itu Sir Frederick Weld bercuti di England. Oleh itu pada tahun 1885, Maharaja Abu Bakar dengan diiringi oleh saudaranya, Ungku Muhammad Khalid, Dato' Seri Setia Diraja Abdullah bin Tahir, dan Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman bin Andak telah berangkat ke England. Mereka tiba di London dalam bulan Mei 1885.

Semasa berada di London, rundingan diadakan dengan pegawai-pegawai Pejabat Tanah Jajahan. Draf perjanjian yang mempunyai tujuh artikel telah dibuat. Perjanjian itu berkaitan dengan perkara jenayah, perdagangan, pelantikan pegawai British sebagai Pegawai Konsular di Johor, mata wang, perlindungan terhadap Johor, perhubungan Johor dengan kuasa luar, dan yang akhirnya pengiktirafan Maharaja Abu Bakar sebagai Sultan dan boleh diwarisi oleh pengganti-penggantinya.

Perjanjian itu didrafkan sebanyak tiga kali. Syarat-syarat perjanjian disetujui oleh Lord Salisbury. Pada mulanya, draf itu mencatatkan bahawa perjanjian tersebut dibuat antara Gabenor Negeri-Negeri Selat sebagai wakil kerajaan Ratu England dengan Maharaja Abu Bakar.⁴⁸ Namun demikian draf perjanjian itu dibaiki oleh Pejabat Luar, dan dengan arahan Lord Salisbury, dihantar kepada Pejabat Tanah Jajahan.⁴⁹ Perubahan dilakukan, iaitu perjanjian itu tidak melibatkan Gabenor Negeri-Negeri Selat sebaliknya antara Frederick Arthur Stanley bagi pihak Ratu Kerajaan British dengan Maharaja Abu Bakar. Perubahan juga dibuat dalam Artikel VII.⁵⁰ Draf akhir perjanjian itu dihantar kepada Maharaja Abu Bakar. Kemudian draf perjanjian itu akan dihantar kepada Frederick Stanley, Setiausaha Tanah Jajahan, untuk dipersembahkan kepada Ratu England.⁵¹ Draf akhir perjanjian itu mendapat persetujuan daripada pegawai-pegawai

⁴⁷ C.O. 273/133, "Proposed visit to England of the Maharaja of Johore", seterusnya diringkaskan menjadi "PUEMJ", Sir C.C. Smith kepada Derby, 5 Mac 1885, Sir C.C. Smith kepada Derby, 5 Mac 1885, terlampir surat Maharaja Abu Bakar kepada Pemangku Gabenor Sir C.C. Smith, 4 Mac 1885. C.O. 273/133, "Visit to England of the Maharaja of Johore", C.C. Smith kepada Derby, 21 Oktober 1885.

⁴⁸ C.O. 273/137, "Memo of Agreement with Maharaja Johore- "MAMJ" Pejabat Luar kepada Pejabat Kolonial, 27 Oktober 1885, terlampir draf perjanjian.

⁴⁹ C.O. 273/137, "Draft Agreement with the Maharaja of Johore", diringkaskan "DAMJ", 3 November 1880.

⁵⁰ C.O. 273/138, "Proposed agreement-agree to alterations in-", seterusnya diringkaskan menjadi "PAAA".

⁵¹ C.O. 273/138, "DAMJ", Sir R. Herbert kepada Maharaja Johor, 7 November 1885. Lihat juga C.O. 273/138, "PAAA", R. Meade kepada Frederick Stanley, 3 Oktober 1885.

British dan juga Maharaja Abu Bakar.⁵² Akhirnya perjanjian ditandatangani pada 11 Disember 1885.

Artikel VII dalam perjanjian itu mencatatkan bahawa Maharaja Abu Bakar dan waris-waris serta penggantinya dibenarkan menggunakan gelaran Sultan. Perjanjian itu ditandatangani oleh Frederick Arthur Stanley dan Maharaja Abu Bakar, dan disaksikan oleh Robert Herbert dan Dato' Abdul Rahman bin Andak. Perjanjian itu diterbitkan dalam *Warta Kerajaan*.⁵³

Apabila pulang ke Johor, Maharaja Abu Bakar digelarkan sebagai Sultan Johor dalam suatu istiadat. Istiadat itu diadakan di Johor Bahru dalam bulan Julai 1886. Upacara itu dihadiri juga oleh Gabenor Sir Frederick Weld. Gelaran tersebut memberi kepuasan kepada Maharaja Abu Bakar kerana dengan menggunakan nama Sultan bererti beliau diakui sebagai Sultan Johor.

Kemangkatan Tengku Alam

Tengku Alam mangkat pada 23 Ogos 1891. Adikong (*Aide-de-Camp*) Gabenor Negeri-Negeri Selat dan Maharaja Abu Bakar menghadiri upacara pemakaman Tengku Alam. Gabenor Negeri-Negeri Selat Sir Cecil Clementi Smith melaporkan kemangkatan Tengku Alam kepada Lord Knutsford, Setiausaha Tanah Jajahan di London dalam suratnya yang bertarikh 25 Ogos 1891. Setelah mendapat berita itu, Lord Knutsford merakamkan takziah kerana kemangkatan Tengku Alam melalui Sir Cecil Clementi Smith.⁵⁴

⁵² Tentang persetujuan ini, sila lihat catatan-catatan minit C.O. 273/138, "Agree to Alteration".

⁵³ C.O. 273/139, "Agreement with Johore", Gabenor Sir Frederick Weld kepada Col. F.A. Stanley, Pejabat Kolonial, 19 Februari 1886. Mengenai perjanjian 1885 ini, sila lihat Lampiran G.

⁵⁴ C.O. 273/174, "DTA", (draft) Lord Knutsford kepada Sir C.C. Smith, 23 September 1891.

BAB VIII

Kesimpulan

Persaingan merebut teraju pemerintahan dan tercetusnya pertempuran antara dua pihak bukanlah suatu perkara yang luar biasa dalam perkembangan sejarah politik kesultanan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Persaingan dan tercetusnya pertempuran bukan sahaja berlaku di negeri Johor, malah sebelum ini pernah berlaku di negeri-negeri Melayu lain seperti Melaka, Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu, dan Pahang.

Di Melaka pada tahun 1440-an berlaku perebutan kuasa antara Sultan Abdul Shahid (Raja Ibrahim) dengan saudaranya, Raja Kassim. Raja Ibrahim ialah putera Sultan Muhammad dengan puteri Rokan, manakala Raja Kassim pula puteranya dengan Tun Wati, anak Mani Purindam, keturunan India. Raja Kassim dengan bantuan Bendahara Melaka serta Seri Nara Diraja menyerang dan berjaya membunuh Sultan Abdul Shahid. Dengan itu Raja Kassim ditabalkan menjadi Sultan Melaka dengan gelaran Sultan Muzaffar Shah.

Di Kedah pula berlaku perebutan kuasa pada tahun 1723 apabila Sultan Abdullah mangkat. Perebutan kuasa berlaku antara kedua-dua puteranya, iaitu Sultan Muhammad Jiwa dengan Raja Nambang. Dalam perebutan ini orang Bugis dan Minangkabau terlibat.

Di Perak misalnya berlaku perselisihan antara Sultan Muzaffar Shah III (Raja Inu) dengan Yang Dipertuan Muda Muhammad Shah (Raja Bisnu). Orang Bugis di bawah pimpinan Daeng Chelak datang menyerang Perak pada tahun 1742 kerana membantu Yang Dipertuan

Muda Muhammad Shah. Orang Bugis berjaya mengangkat yang Dipertuan Muda Muhammad menjadi Sultan bergelar Sultan Muhammad Shah. Dengan itu pemerintahan Perak terbahagi dua - Sultan Muzaffar Shah III bersemayam di Kuala Kangsar, manakala Sultan Muhammad Shah di Pulau Tiga. Kemudiannya mereka berdamai. Sultan Muzaffar Shah III kembali bersemayam semula di Berahman Indera (Bota Kanan sekarang) dan Sultan Muhammad Shah membuat pengakuan tidak akan melibatkan diri dalam pemerintahan negeri serta kembali kepada gelaran Yang Dipertuan Muda.

Di Kelantan, pertempuran untuk merebut kuasa berlaku pada tahun 1770-an antara Long Yunus dengan Long Pandak. Long Yunus dibantu oleh Sultan Mansur I Terengganu dan Long Ghaffar manakala Long Pandak yang dibantu oleh Long Deraman Raja Legeh. Dalam pertempuran ini Long Yunus berjaya dan menduduki takhta kerajaan Kelantan.

Di Terengganu pertempuran merebut takhta kerajaan berlaku antara Baginda (Sultan) Omar dengan bapa saudaranya, Tengku Mansur (Yang Dipertua Muda), pada tahun 1830-an. Tengku Mansur berjaya mengalahkan Baginda Omar dan seterusnya mengisyiharkan dirinya sebagai Sultan Mansur. Apabila Sultan Mansur II mangkat pada tahun 1836, takhta kerajaan Terengganu diduduki oleh puteranya, Tengku Muhammad, dengan gelaran Sultan Muhammad. Pada tahun 1839 Baginda Omar menyerang Sultan Muhammad dan berjaya mengalahkannya; ini membolehkannya menduduki semula takhta kerajaan Terengganu.

Di Pahang berlaku perang saudara bagi merebut teraju pemerintahan pada tahun 1857-1863 antara Wan Ahmad dengan Bendahara Wan Mutahir; kedua-duanya anak Bendahara Tun Ali. Dalam pertempuran itu, Wan Mutahir kalah.

Begitu juga masalah takhta kerajaan timbul lagi di Perak dan Negeri Sembilan, tetapi tidak mencetuskan pertempuran. Masalah takhta kerajaan Perak muncul selepas kemangkatan Sultan Muhammad Shah pada tahun 1857, Sultan Jaafar pada tahun 1865, dan Sultan Ali pada tahun 1871. Masalah jawatan Yang Dipertuan Besar (Yamtuhan Besar) timbul selepas kemangkatan Yamtuhan Imam pada tahun 1869. Dua orang yang terlibat dalam perebutan takhta ialah Tunku Antah, putera Yamtuhan Radin yang mangkat pada tahun 1861, dan Tunku Ahmad Tunggal, putera Yamtuhan Imam.

Kalau berdasarkan perkembangan di atas, persaingan antara keluarga Sultan dengan Temenggung di Johor mengambil masa yang paling lama, iaitu 1835-1885. Persaingan yang bermula pada tahun

1835 ini boleh dikatakan berakhir pada awal tahun 1880, apabila Tengku Alam kalah dalam pertempuran dengan Maharaja Abu Bakar. Namun Maharaja Abu Bakar hanya diiktiraf oleh kerajaan British dan boleh menggunakan gelaran Sultan pada tahun 1885. Selain itu Sultan Ali, Tengku Alam, Temenggung Ibrahim dan Maharaja Abu Bakar bukanlah keturunan seberapa. Keadaan ini yang membezakan Johor daripada negeri-negeri Melayu lain kerana perebutan kuasa yang lain itu berlaku di kalangan kerabat itu sendiri (kerabat pemerintah).

Sekiranya diimbas kembali sejarah kerajaan Melayu Johor (juga dikenali pada abad ke-17 dan ke-18 sebagai kerajaan Johor-Pahang-Riau-Lingga), keturunan Sultan Husin Muhammad Shah adalah Sultan turun-temurun memerintah Johor. Sultan Johor yang pertama daripada keturunannya ialah Sultan Abdul Jalil Riayat Shah (1699-1718). Tengku Husin (atau dikenali sebagai Tengku Long) adalah putera sulung Sultan Mahmud dan waris yang berhak menggantikan ayahandanya yang mangkat pada tahun 1812 sebagai Sultan Johor. Perkara ini selaras dengan sistem penggantian Sultan. Namun ketika kemangkatan itu, Tengku Husin berada di Pahang untuk mengahwini Che Wan Aishah, adik Bendahara Pahang Wan Ali. Hal ini menyebabkan para pembesar, terutamanya Yamtuan Muda Raja Jaafar, mengambil keputusan melantik dan menabalkan adinda Tengku Husin sebagai Sultan. Adindanya itu, Tengku Abdul Rahman, bersemayam di Lingga.

Ketika itu Sir Thomas Stamford Raffles sedang mencari jalan untuk bertapak di Singapura. Beliau sememangnya menyedari wujudnya masalah takhta kerajaan Johor. Raffles tiba di Singapura pada 28 Januari 1819. Beliau terus mengadakan rundingan dengan Temenggung Abdul Rahman pada 29 Januari 1819. Lanjutan daripada rundingan itu, pada 30 Januari 1819 perjanjian sementara ditandatangani oleh Temenggung Abdul Rahman dengan Raffles. Persetujuan juga dicapai untuk menjemput Tengku Husin yang berada di Riau agar datang ke Singapura untuk ditabalkan menjadi Sultan Johor dan Singapura. Tengku Husin tiba di Singapura pada 1 Februari 1819 dan berikutnya, pada 6 Februari 1819, Tengku Husin diisyiharkan sebagai Sultan Johor dan Singapura. Seterusnya perjanjian ditandatangani antara Sultan Husin dan Temenggung Abdul Rahman dengan pihak British pada 6 Februari 1819. Ini membuktikan bahawa Tengku Husin telah diakui oleh Temenggung Abdul Rahman sebagai Sultan Johor.

Setakat ini dapatlah dinyatakan bahawa Perjanjian 1819 mengiktiraf Tengku Husin sebagai Sultan Johor dan Singapura. Ini

juga bermakna bahawa hak dan kedaulatan Sultan Husin Johor tidak boleh dipersoalkan lagi. Temenggung dan pihak British masing-masing mengakui hakikat ini dalam Perjanjian 1819. Sultan Husin berpindah dari Singapura ke Melaka pada tahun 1834, dan mangkat di Umbai pada tahun 1835.¹ Walaupun Sultan Husin mangkat pada tahun 1835, Tengku Ali hanya diisyiharkan dengan gelaran Sultan pada 16 September 1840.² Kelewatan pengisytiharan itu kerana ada tanda-tanda yang pihak British tidak mahu mengiktiraf gelaran tersebut.

Sebenarnya pihak British menyebelahi Temenggung kerana dipercayai dengan usaha pihak British, Bendahara Wan Ali Pahang telah dijemput untuk merasmikan pengisytiharan Temenggung Ibrahim (yang menggantikan ayahnya sejak tahun 1825) sebagai Temenggung pada Ogos 1841. Pada tahun 1846, ketika W.J. Butterworth menjadi Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sultan Ali mengajukan surat kepada kerajaan Benggala supaya beliau ditabalkan sebagai Sultan Johor.³ Permintaan Sultan Ali ini tidak disetujui oleh kerajaan Benggala.

Namun demikian pengakuan ini tidak berpanjangan kerana Temenggung Ibrahim mula cuba meluaskan pengaruhnya dan bercita-cita untuk menjadi pemerintah Johor. Ini mewujudkan persaingan antara keluarga Sultan (Sultan Ali) dengan keluarga Temenggung (Temenggung Ibrahim). Persaingan itu boleh dipandang dari sudut begini: Sultan Ali ingin mempertahankan hak dan kedaulatan; sebaliknya Temenggung Ibrahim ingin merebut hak dan kedaulatan. Walaupun beberapa langkah diambil, tetapi Sultan Ali tidak berupaya mempertahankan hak dan kedaulatannya di Johor. Kegagalan itu bukan disebabkan kelemahan serta kemiskinan Sultan Ali atau

¹ C.O. 273/406, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali", terlampir surat W.J. Butterworth kepada Timbalan Gabenor Benggala, 21 Oktober 1846. *Singapore Chronicle*, No. 35, Vol. 5, September 12, 1835. C.O. 273/416, "CMD SJ", F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Carnavon, 26 November 1877. C.O. 273/327, "ISCSS", Kenyataan Tuntutan, No. Guaman 241 pada 1896.

² C.O. 273/416, "CMD SJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Carnavon, 26 November 1877. "Precis of the history of Sultan Ali". C.O. 273/91, "DSAK", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877, terlampir, "Precis of the history of Sultan Ali".

³ C.O. 273/405, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali", terlampir surat W.J. Butterworth kepada Timbalan Gabenor Benggala, 21 Oktober 1846.

kebijaksanaan serta kekayaan Temenggung Ibrahim. Kegagalan itu berpunca daripada kerajaan British yang memihak kepada Temenggung Ibrahim. Peranan kerajaan British menjadi penentu yang teguh bagi kejayaan Temenggung Ibrahim dan kegagalan Sultan Ali. Semua Gabenor Negeri-Negeri Selat yang terlibat, iaitu W.J. Butterworth, Cavenagh, dan Sir Harry Ord, kecuali E.A. Blundell, menyokong Temenggung. E.A. Blundell ketika memangku dan seterusnya memegang jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat telah bersimpati dengan Sultan Ali dan pernah memperakukan kepada pihak British supaya mengiktiraf Sultan Ali. Selanjutnya Gabenor Negeri-Negeri Selat berikutnya, Sir William Jervois, Pemangku Gabenor A.E.H. Anson, dan William Robinson memihak kepada Temenggung.

Pihak British tidak mengambil usaha untuk memulihkan kedudukan Sultan Ali, sama ada dari segi kewangan atau kekuasaan. Oleh sebab menghadapi masalah kewangan untuk menampung belanjawan keluarganya, Sultan Ali membuat pinjaman wang daripada Ceti Kavana Chana Shellapah. Pihak British pula menjalankan rancangannya memujuk serta menasihati Sultan Ali supaya menyerahkan pentadbiran Johor kepada Temenggung Ibrahim.

Temenggung Ibrahim mendapat sanjungan yang baik daripada kerajaan British, terutama kerana kerjasama yang diberikannya kepada British. Misalnya, pada tahun 1836, Temenggung Ibrahim memberi kesanggupan untuk bekerjasama dengan Gabenor Bonham bagi menghapuskan kegiatan lanun di Selat Melaka. Sebagai menghargai jasanya, pihak British menghadiahkan sebilah pedang kepada Temenggung Ibrahim pada 1 September 1846. Temenggung Ibrahim juga menjalankan usaha mempengaruhi pegawai-pegawai dan saudagar-saudagar British di Singapura serta pemimpin-pemimpin tempatan agar menyebelahinya. Pengaruh ini penting kerana beliau tidak mengiktiraf Tengku Ali sebagai pengganti Sultan Husin.

Pengaruh daripada British dan juga masalah kewangan menyebabkan Sultan Ali menandatangani perjanjian dengan Temenggung Ibrahim pada 10 Mac 1855. Dengan berkuatkuasanya Perjanjian 1855, Sultan Ali menyerahkan kedaulatannya terhadap Johor kepada keluarga Temenggung turun-temurun, tetapi baginda serta keturunannya akan berkuasa di Muar.⁴ Temenggung Ibrahim

⁴ C.O. 273/101, Sultan Alauddin Alam Shah bin Iskandar Shah (Sultan yang sah bagi Muar dan jajahannya) kepada Ratu British , 20 Mac 1879.

mengakui Tengku Ali sebagai Sultan Ali. Sultan Ali serta warisnya tidak akan menuntut Johor dan akan memberitahu Temenggung terlebih dahulu sekiranya hendak tinggal di Johor.

Perjanjian 1855 tidak boleh menjadi bukti kepada kenyataan bahawa pemerintahan Temenggung di Johor tidak dapat dicabar lagi. Selepas tahun 1855 persaingan antara kedua-dua keluarga itu masih berlanjutan. Walaupun Sultan Ali menyerahkan kedaulatan Johor kepada Temenggung Ibrahim, kawasan Muar tidak terlibat. Selain itu gelaran Sultan masih kekal kepada Sultan Ali; Temenggung Ibrahim pula masih menggunakan gelaran Temenggung.

Apabila Temenggung Ibrahim meninggal dunia pada tahun 1862, beliau digantikan oleh anaknya, Che Wan/Daeng Abu Bakar yang pada mulanya menggunakan gelaran Temenggung. Kemudian Abu Bakar menggunakan gelaran Maharaja. Memandangkan Temenggung Ibrahim dapat berkuasa di Johor, Temenggung Abu Bakar pula cuba meluaskan kuasanya di Muar. Cita-cita Temenggung Abu Bakar dapat dilihat apabila beliau mengisyiharkan dirinya sebagai 'Maharaja' pada tahun 1868. Bermula dari tahun itu beliau dikenali dengan panggilan Maharaja Abu Bakar. Tindakan itu menunjukkan bahawa Maharaja Abu Bakar menyedari kedudukannya di Johor masih tidak kukuh.

Sebagai seorang yang cekap bermain politik, Maharaja Abu Bakar sangat rapat dengan pegawai-pegawai dan saudagar-saudagar British di Negeri-Negeri Selat.⁵ Malah beliau mendapat penghormatan daripada Ratu England, Queen Victoria.⁶ Beliau menjadi orang tengah dalam penyelesaian pertelingkahan antara British dengan Tunku Antah (Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan) pada tahun 1876. Setelah kalah dalam pertempuran dengan pasukan British pada tahun 1875, Tunku Antah mengundurkan diri dan berlindung di Johor. Tunku Antah ditabah semula sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan hanya berkuasa di Seri Menanti.⁷

⁵ Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850-1873*, hlm. 101.

⁶ C.O. 273/416, "CMD SJ", Lord Carnavon kepada A.E.H. Anson, 3 September 1877.

⁷ E. Thio, *British Policy in the Malay Peninsula 1880-1910*, jil. I, University of Malaya Press, Singapura, 1969, hlm. XXV.

Oleh sebab dianggap berjasa, Maharaja Abu Bakar mendapat sokongan daripada British. Di samping itu Maharaja Abu Bakar juga diakui oleh British sebagai pemerintah yang berkaliber dan ternyata kejayaan Maharaja Abu Bakar adalah kerana sokongan British.

Dalam huraihan berkenaan sokongan British ini, dua perkara pokok wajar diberi perhatian. Pertamanya masa, dan keduanya tokoh. Kedua-dua perkara ini adalah faktor utama yang menentukan kejayaan Maharaja Abu Bakar dalam persaingan dengan keluarga Sultan dan seterusnya mencorakkan sejarah kesultanan Johor. Masa yang dimaksudkan ialah wujudnya kekosongan jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat pada 2 April 1877 kerana Sir William Jervois ditugaskan di Australia. Tokoh pula ialah kehadiran Kolonel Anson (Leftenan Gabenor Pulau Pinang) yang memangku jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat sementara menunggu pelantikan Gabenor baru.

Ketika Kolonel Anson memangku jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sultan Ali mangkat pada 20 Jun 1877 di Umbai, Melaka. Kemangkatan baginda mencetuskan masalah pengganti, sehingga jenazah baginda lewat dimakamkan, iaitu pada 8 Julai 1877.⁸ Kelewatan ini timbul kerana adanya percubaan untuk menghalang pengisytiharaan pengganti Sultan Ali. Ini bertentangan dengan adat Melayu yang sepatutnya dilakukan pelantikan pengganti Sultan sebelum jenazah Sultan dikebumikan. Padahal Temenggung dan penghulu-penghulu Muar sudah pun menandatangani surat kuasa yang memperakuan Tengku Alam, putera Sultan Ali, sebagai pengganti Sultan.⁹

Sebelum ini telah disentuh tentang bagaimana British terlibat dalam menjalankan ikhtiar sehingga Sultan Ali menandatangani Perjanjian 1855. Seterusnya pada tahun 1877 British menjalankan usaha sehingga Muar pula ditadbir oleh Maharaja Abu Bakar.

* C.O. 273/92, "TMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877, tercatat surat Tengku Alam kepada A.E.H. Anson, 4 Julai 1877. C.O. 273/416, "CMDSI", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, terlampir surat Mohammad Salleh (anak Temenggung Muar) dan enam orang kepada Pentadbir Negeri-Negeri Selat, 26 Julai 1877; A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 4, surat Temenggung Ismail, Lubuk Tebrau kepada A.E.H. Anson, 28 Julai 1877.

⁸ C.O. 273/416, "CMDSI", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada Carnavon, 26 November 1877; Enclosure 12, "Minute respecting Tunku Alam's petition by the Colonial Secretary", J. Douglas, 28 November 1877.

Dalam usaha ini, Kolonel Anson telah menghantar J. Douglas untuk menghadiri upacara pemakaman Sultan Ali di Umbai. Secara rahsia, J. Douglas diarahkan supaya memastikan tidak ada sebarang pengisytiharan pengganti Sultan Ali dibuat pada hari upacara pemakaman itu.¹⁰ Sekali lagi, tindakan Kolonel Anson bertentangan dengan adat Melayu. Setelah itu Kolonel Anson bertindak dengan berdasarkan tindakan Gabenor Sir William Jervois yang meletakkan semula Tunku Antah sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.¹¹ Kolonel Anson telah menawarkan pentadbiran Muar buat sementara kepada Maharaja Abu Bakar sehingga pemilihan dibuat.¹² Tawaran itu dibuat kerana beliau mahukan Maharaja Abu Bakar berkuasa di Muar.¹³ Peluang itu diambil oleh Maharaja Abu Bakar, yang sememangnya berhasrat untuk mengukuhkan kedudukannya di Johor dan berkuasa di Muar.¹⁴ Kolonel Anson pula ketika membuat keputusan itu telah tidak mengemukakannya terlebih dahulu dalam mesyuarat Dewan Perundangan Singapura.¹⁵

Langkah itu ditentang oleh Carnavon, Setiausaha Tanah Jajahan di London, dan Robert Meade di Pejabat Tanah Jajahan. Mereka hanya mengharapkan agar Kolonel Anson mengambil tindakan berdasarkan adat istiadat tempatan.¹⁶ Robert Meade mencatatkan yang kerajaan Negeri-Negeri Selat hanya patut mengiktiraf tokoh

¹⁰ C.O. 273/416, "CMD SJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877; W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 November 1877, Enclosure 4, "Copy of a Minute by the Lieutenant-Governor of Penang [A.E.H. Anson] on the subject of the Succession of the Rulership of the State of Muar", (t.t.) C.O. 273/91, W.F. Robinson kepada Carnavon, 31 Oktober 1877, terlampir memo. (t.t.).

¹¹ C.O. 273/85, "Future Government of the Nine States", minit oleh R. Meade, 15 Januari 1876, C.O. 273/416, A.E.H. Anson kepada Lord Carnavon, 6 Julai 1877.

¹² C.O. 273/416, "CMD SJ", Enclosure 2, A.E.H. Anson kepada Maharaja Johor, 29 Jun 1877. C.O. 273/93, "TMS" W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir surat Maharaja Johor kepada W.F. Robinson, 5 Disember 1877.

¹³ C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877. C.O. 273/93, "TMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir surat Maharaja Johor kepada W.F. Robinson, 5 Disember 1877.

¹⁴ C.O. 273/416, "CMD SJ", Abu Bakar, Maharaja Johor kepada A.E.H. Anson, 30 Jun 1877. C.O. 273/98, "PLC", Maharaja Abu Bakar kepada A.E.H. Anson, 30 Jun 1877.

¹⁵ C.O. 273/416, "CMD SJ", W.F. Robinson kepada Michael Hick Beach, 24 Oktober 1878. C.O. 273/101, Sultan Alauddin Alam Shah bin Iskandar Shah (Sultan yang sah bagi Muar dan jajahannya) kepada Ratu British 20 Mac 1879.

¹⁶ C.O. 273/416, "CMD SJ", Lord Carnavon, kepada A.E.H. Anson, 3 September 1877. C.O. 273/91, "DSAK", minit Robert Meade, 22 Ogos 1877.

yang diterima oleh rakyat dan waris sebagai Sultan.¹⁷ Ini berdasarkan adat-istiadat Melayu.

Seterusnya Kolonel Anson membuat keputusan yang pemerintah Muar akan ditentukan dalam pemilihan di Kuala Kesang. Sepatutnya soal pemilihan itu tidak lagi timbul kerana Temenggung dan penghulu Muar telah pun menandatangani surat pengakuan yang mengiktiraf Tengku Alam sebagai pengganti Sultan Ali. Pihak British mendakwa pengakuan itu tidak sah.¹⁸ Tengku Alam pula dikatakan bukan anak gahara kerana ibunya keturunan Bugis.¹⁹ Padahal di Johor, zuriat adalah berdasarkan sebelah bapa. Oleh itu soal sebelah ibu Tengku Alam keturunan Daeng tidak penting, kerana bapanya Sultan. Sekiranya perkara keturunan ditimbulkan, tidak ada lebihnya dengan Maharaja Abu Bakar. Ini menunjukkan bahawa Kolonel Anson sebenarnya memihak kepada Maharaja Abu Bakar. Namun demikian Gabenor W.F. Robinson mengakui yang ibu Tengku Alam keturunan raja dan Tengku Alam adalah anak gahara, iaitu berdarah raja.²⁰

Pada tahun 1877, pemilihan pemerintah Muar dijalankan di Kuala Kesang. Dalam pemilihan itu penghulu-penghulu Muar telah sebulat kata bersetuju agar Maharaja Abu Bakar dilantik sebagai pemerintah Muar. Walaupun demikian persoalan boleh ditimbulkan sama ada persetujuan itu dibuat dengan kerelaan hati atau dipengaruhi oleh sesuatu pihak. Sekali lagi sebelum pemilihan di Kuala Kesang dilakukan, pihak British terlibat dalam mempengaruhi Temenggung dan penghulu-penghulu Muar supaya bersetuju memilih Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar.²¹ Malah sebelum itu pihak British telah mengemukakan pelbagai alasan untuk

¹⁷ C.O. 273/91, "DSAK", catatan minit Robert Meade, 12 September 1877; 14 September 1877.

¹⁸ C.O. 273/91, "AMSA", W.F. Robinson kepada Carnavon , 31 Oktober 1877, terlampir memo (t.t).

¹⁹ C.O. 273/106, Minit, 25 Mei 1880, C.O. 273/416, A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 1, "Further Memorandum regarding the history of Sultan Ali's Family, and of his Affairs".

²⁰ C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon 5 Disember 1877.

²¹ C.O. 273/92, "TMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir surat Maharaja Johor kepada W.F. Robinson, 5 Disember 1877. C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877.

tidak memperakukan Tengku Alam sebagai pengganti Sultan Ali dan pemerintah Muar. Maharaja Abu Bakar sendiri telah membawa Temenggung dan penghulu-penghulu Muar ke Singapura secara paksa untuk mendapatkan pengakuan bagi menyokongnya.²² Langkah Maharaja Abu Bakar itu menguatkan lagi bukti bahawa beliau sememangnya ingin berkuasa di Muar.

Setelah Maharaja Abu Bakar dipilih sebagai pemerintah Muar, Kolonel Anson pulang ke Pulau Pinang. Jawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat disandang pula oleh W. F. Robinson. Walaupun beliau menyedari tindakan Kolonel Anson bercanggah dengan adat istiadat penggantian Sultan, beliau meneruskan langkah yang dimulakan oleh Kolonel Anson itu. Begitu juga dengan Carnavon dan Robert Meade di Pejabat Tanah Jajahan, London, yang tidak mengambil sebarang tindakan untuk menyekat langkah yang telah dibuat oleh Kolonel Anson. Selain itu Michael Hicks Beach yang menggantikan Carnavon mempercayai bahawa pemilihan itu adalah pilihan penduduk.

Pejabat Tanah Jajahan merestui tindakan yang diambil oleh Kolonel Anson. Ternyata bagaimana Maharaja Abu Bakar "bernasib baik" kerana kehadiran Kolonel Anson sebagai Pemangku Gabenor Negeri-Negeri Selat pada ketika itu. Juga jelas terbukti bahawa kejayaan Maharaja Abu Bakar, malah sebelum itu Temenggung Ibrahim, adalah bukan semata-mata kerana kekayaan dan kebijaksanaan mereka atau sebaliknya kelemahan dan kemiskinan Sultan Ali. Sebenarnya kejayaan itu kerana sokongan yang kuat daripada British. E. Thio (1969) menyatakan bahawa sokongan daripada pihak British yang membolehkan Temenggung meningkatkan statusnya daripada pembesar negeri kepada Sultan Johor.

Keputusan di Kuala Kesang yang meletakkan Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar tidak menamatkan persaingan antara keluarga Sultan (Tengku Alam) dengan keluarga Temenggung

²² C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir keratan akhbar *Straits Times*. C.O. 273/92, "TMS", C.O. 273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 9 Januari 1877. C.O. 273/101, P. Benson Maxwell, "Correspondence A Malayan Grievance", *Pall Mall Gazette*, 14 Mei 1879. C.O. 273/416, "CMDSJ", F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 8, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Shah kepada A.E.H. Anson, 3 Ogos 1877.

(Maharaja Abu Bakar). Malahan persaingan itu bertambah genting lagi. Tengku Alam menghantar surat kepada Pemangku Gabenor Negeri-Negeri Selat, W.F. Robinson, untuk membantah keputusan di Kuala Kesang dan menuntut gelaran dan hak di Muar. Walaupun beberapa kali surat bantahan dihantar, tetapi Tengku Alam tidak mendapat layanan yang memuaskan. Michael Hicks Beach dalam draf suratnya kepada W.F. Robinson mengharapkan agar Tengku Alam diberitahu bahawa masalah penggantian Muar tidak boleh dikemukakan lagi.²³ W.F. Robinson dan Pejabat Tanah Jajahan London (Carnavon dan Robert Meade) menerima tindakan Kolonel Anson yang menyerahkan Muar kepada Tengku Alam dan pengundian di Kuala Kesang pada tahun 1877. Robert Meade menyatakan bahawa tidak ada jalan keluar kecuali mengakui keputusan itu. Pihak British tidak menimbangkan tuntutan dan bantahan Tengku Alam, sebaliknya cuba berunding dengan menawarkan pencek kepada Tengku Alam dan keluarganya. Pencek yang ditawarkan itu adalah dengan persetujuan Maharaja Abu Bakar.²⁴

Dalam tuntutannya itu, Tengku Alam mendapat sokongan daripada W.H. Read dan I.S. Bond.²⁵ Selain itu terdapat penduduk di Singapura, melalui ketua-ketua mereka, yang membuat rayuan kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat supaya menerima Tengku Alam sebagai pengganti Sultan Ali.²⁶ Ini membuktikan yang mereka masih

²³ C.O. 273/96, "TMS", Michael Hicks Beach kepada W.F. Robinson (draft), (t.t.).

²⁴ C.O. 273/95, "TMS", minit Robert Meade, 5 Oktober 1878. Lihat juga C.O. 273/104, "PTAM", minit Robert Meade, 7 Oktober 1880.

²⁵ C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877. C.O. 273/92, "TMS", F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877.

²⁶ C.O. 273/92, "CTAMS", Encik Suman, Hurus, dan seratus tiga orang kepada W.F. Robinson, 20 Ogos 1877; Haji Abdul Aziz dan dua ratus dua puluh tiga orang kepada W.F. Robinson, 20 Ogos 1877; Tok Jenang Abdullah dan seratus lima puluh enam orang kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 22 Ogos 1877; Haji Musa dan tiga ratus empat puluh lima orang kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat, 22 Ogos 1877; Abdul Aziz dan tiga ratus dua belas orang kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 22 Ogos 1877; Haji Hamzah Alhatib (Haji Hamzah Mansur Alkhathib) dengan sebelas raja dan dua ratus lima puluh orang Gabenor Negeri-Negeri Selat, 23 Ogos 1877; Abdul Rahman, Penghulu Tanah Merah Kichee dan lima puluh tiga orang kepada W.F. Robinson, 21 November 1877; Haji Mohammad Sawley bin Tha Joodin dan lima puluh orang kepada W.F. Robinson, (t.t.).

mahu Tengku Alam menggantikan Sultan Ali. Rayuan penduduk Singapura itu hanya akan dipertimbangkan.²⁷

Sebaliknya pula Maharaja Abu Bakar merayu supaya kerajaan British menganugerahkan gelaran Sultan kepadanya. Kerajaan British pada peringkat awal menolak permohonan Maharaja Abu Bakar ini dengan alasan akan mencetuskan kekacauan. Kerajaan British juga bimbang tentang kemungkinan Maharaja Abu Bakar tidak akan diiktiraf setaraf dengan Sultan di negeri-negeri Melayu lain. Perkara itu dibahaskan di Pejabat Tanah Jajahan. Ada pendapat menyatakan, sekiranya Abu Bakar diakui sebagai Sultan, ini akan mencetuskan rasa tidak puas hati di kalangan raja-raja Melayu.²⁸ Walaupun begitu kebanyakan pegawai di Pejabat Tanah Jajahan tidak menentang penganugerahan gelaran Sultan kepada Maharaja Abu Bakar.²⁹

Namun demikian persoalan ditimbulkan berkenaan keturunan Maharaja Abu Bakar. Michael Hicks Beach dari Pejabat Tanah Jajahan meragui Maharaja Abu Bakar sebagai keturunan raja.³⁰ Oleh sebab timbul keraguan ini, cadangan dibuat untuk mendapatkan penjelasan daripada Gabenor Negeri-Negeri Selat.³¹ Gabenor W.F. Robinson menyatakan bahawa perkara itu bukan sahaja merupakan persoalan agama, tetapi juga di luar pemahaman beliau.³²

Setelah bantahan dan tuntutan tidak dipertimbangkan, Tengku Alam membuat pakatan untuk menuntut hak dan kedaulatannya melalui senjata. Kalau sebelum ini, usaha Sultan Ali untuk mempertahankan haknya terhadap Johor gagal, dan hanya dapat kekal di Muar; kini Tengku Alam cuba untuk mendapatkan haknya terhadap Muar dan gelaran Sultan.

²⁷ C.O. 273/93, "CTAMS", J. Douglas kepada Haji Mohamed Sawley bin Tha Joodin dan lima orang; Encik Suman, Encik Hurus, dan seratus tiga orang ; Haji Abdul Aziz dan dua ratus dua puluh tiga orang; Abdul Rahman, Penghulu Tanah Merah Kichee dan lima puluh tiga orang; Abdul Aris dan tiga ratus dua belas orang; Haji Musa dan tiga ratus empat puluh lima orang; Haji Hamzah Mansur Alkhatab dengan sebelas Raja dan dua ratus lima puluh orang, 22 November 1877.

²⁸ C.O. 273/95, "TMS", minit Michael Hicks Beach, 13 Ogos 1878. C.O. 273/93, "RMJS", minit Robert Meade, 5 Oktober 1878.

²⁹ C.O. 273/98, "TPMJ", catatan di kulit fail.

³⁰ C.O. 273/97, "TPMJ", minit Michael Hicks Beach, 6 Ogos 1878.

³¹ C.O. 273/97, "TPMJ", minit Robert Meade, 5 Ogos 1878.

³² C.O. 273/98, "PTASMD", minit, 14 Mac 1879.

³³ MP, "TMTD", hlm. 8. C.O. 273/98, "PTAMSD", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 1 Februari 1879; C.C. Smith kepada Kadi Haji Hamzah, 1 Februari 1879.

Pada tahun 1879, Tengku Sulong membuat jemputan untuk menghadiri kenduri di Kampung Gelam, Singapura. Dalam upacara jamuan itu Tengku Alam diisyiharkan sebagai pemerintah Muar termasuk Johor dan Pahang.³³ Tidak lama selepas itu, Tengku Nong bersama-sama dengan pengikutnya membuat jemputan untuk berkumpul di Muar.

Suatu perkara yang sangat menarik ialah pasukan Tengku Alam dibantu oleh kalangan Dato' dari Negeri Sembilan - seperti Dato' Inas dan Johol.³⁴ Tujuan mereka membantu Tengku Alam adalah berdasarkan dua faktor. Pertama, Negeri Sembilan pada suatu masa adalah di bawah naungan kerajaan Melaka dan berikutnya, Johor. Ini bermakna bahawa Dato' Inas dan Dato' Johol masih mahu bekerjasama dengan Tengku Alam, iaitu keturunan kesultanan Johor, dan bukan Maharaja Abu Bakar, keturunan Temenggung Johor. Kedua-dua mereka ingin membebaskan diri daripada pengakuan yang dibuat dalam mengiktiraf Maharaja Abu Bakar sebagai "pelindung", sekiranya timbul persengketaan di kawasan masing-masing. Oleh itu sekiranya Maharaja Abu Bakar tewas dan Tengku Alam berkuasa di Johor, ini bermakna mereka tidak terikat lagi dengan perjanjian yang ditandatangani dengan Maharaja Abu Bakar sebelum itu.

Penglibatan Wan Da (anak bekas Bendahara Pahang, Wan Mutahir) adalah kerana hubungan kekeluargaan. Wan Koris, saudara Wan Da, berkahwin dengan Engku Besar, kakak Maharaja Abu Bakar; dan Wan Chik, juga saudara Wan Da, berkahwin dengan Maharaja Abu Bakar. Tambahan pula Maharaja Abu Bakar pernah membantu Wan Mutahir dalam perang saudara dengan Wan Ahmad di Pahang.³⁵

Apabila mendapat berita yang pengikut Tengku Alam membuat persiapan di Muar, Maharaja Abu Bakar menghantar pasukannya yang di bawah pimpinan Dato' Bentara Luar Muhammad Salleh bin Perang. Pertempuran kedua-dua belah pihak ini mengambil masa hampir dua setengah bulan, iaitu akhir Oktober 1879 hingga awal Januari 1880. Tengku Alam akhirnya tewas. Mereka yang terlibat menyokong Tengku Alam ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah.

³³ MP, "PPSMG", Awang Ibrahim (di bawah nama samaran A.Z.B.) setiausaha Tengku Alam kepada Tengku Nong, sepupu Tengku Alam, 8 Disember 1897 (23 Zulhijah 1296) hlm. 17.

³⁴ Haji Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, hlm. 11-120; 122; 162. R.O. Winstedt, *A History of Johore*, hlm. 100.

Kekalahan Tengku Alam telah menamatkan persaingan antara keluarga Sultan dengan keluarga Temenggung. Walaupun begitu masalah wang sara hidup masih belum selesai. Tengku Alam hanya menerima wang sara hidup pada 20 Mei 1881. Walaupun tawaran itu diterimanya, tetapi keputusan yang meletakkan Muar di bawah pentadbiran Maharaja Abu Bakar tidak memuaskan hatinya.³⁶

Berita Tengku Alam menerima wang sara hidup disambut dengan rasa gembira oleh Lord Kimberley.³⁷ Namun demikian pembayaran wang tersebut hanya akan diberikan selagi Tengku Alam berkelakuan baik dan tidak menimbulkan kekacauan di Muar.³⁸ Dengan itu Tengku Alam memberi jaminan bahawa baginda tidak akan membangkitkan kekacauan.³⁹

Pada tahun 1885 Maharaja Abu Bakar dengan diiringi oleh Ungku Muhammad Khalid, Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman bin Andak dan Dato'Seri Setia Diraja Abdullah bin Tahir berangkat ke London untuk berunding dengan kerajaan British. Pada akhirnya perjanjian ditandatangani antara Johor dengan kerajaan British pada tahun 1885. Dengan berkuatkuasanya Artikel VII Perjanjian 1855 ini, kerajaan British bersetuju Maharaja Abu Bakar menggunakan gelaran Sultan dan boleh diwarisi oleh keturunan dan waris-waris penggantinya.⁴⁰ Dengan itu lahirlah sebuah kerajaan baru dan kebetulannya merupakan kerajaan Melayu terakhir yang ditubuhkan di Semenanjung.

³⁶ C.O. 273/108, "ATACM", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 20 Mei 1881.

³⁷ C.O. 273/108, "ATACM", (draft) Lord Kimberley kepada Sir Frederick Weld , 18 Julai 1881.

³⁸ C.O. 273/109, "AOTAM", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 13 Jun 1881.

³⁹ C.O. 273/110, "MCA", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 18 Oktober 1881, terlampir Tengku Alam kepada Sir Frederick Weld, 4 Oktober 1881.

⁴⁰ C.O. 273/118, "PAA", "Agreement on certain points touching the relations of Her Majesty's Government of the Straits Settlements with the Government of the independence state of Johore, made between the Right Honorable Frederick Arthur Stanley, Her Majesty's Queen of the United Kingdom of Great Britain and Ireland, Empress of India, and His Highness the Maharaja of Johore".

Walaupun dari segi kawasannya Johor Moden adalah sebahagian daripada Johor Lama (sesungguhnya Johor Lama bermula di Semenanjung), proses perkembangan sejarah beratus-ratus tahun itu telah membawa perubahan yang besar. Perpecahan Johor Lama berlaku dengan nyata apabila pihak British dan Belanda membahagikan kepulauan Melayu kepada dua bahagian akibat Perjanjian Inggeris-Belanda 1824. Selanjutnya, dengan pengiktiraf Tengku Husin sebagai Sultan (Yang Dipertua), pihak British cuba mewujudkan kerajaan Johor yang baru dan berasingan, dengan Singapura sebagai pusatnya. Sekurang-kurangnya setakat itu, yang tetap memerintah ialah seorang putera kerajaan Johor Lama. Secara beransur-ansur, British memberi sokongan kepada keluarga Temenggung untuk merebut kuasa. Maka tidaklah keterlaluan jika pertempuran pada tahun 1879 itu dianggap sebagai rampasan kuasa oleh keluarga Temenggung yang seterusnya memerintah Johor Moden dengan kedaulatannya diperoleh daripada Queen Victoria.



Bibliografi

REKOD-REKOD RASMI BRITISH

Straits Settlements Records

Siri G, Governor's Letters to Native Rulers

G. 6: Letters to Native Rulers July 1865-October 1868

Siri R, Governor's Letters to Bengal

R. 13: Governor's Letters to Bengal June 1845-October 1846

R. 39: Governor's Letters to Bengal April 1861-September 1861

R. 41: Governor's Letters to Bengal February 1862-January 1867

Siri U, Governor's Letter to Resident Councillors

U. 42: Governor: Letters to Resident Councillors November 1960-May 1861

Siri V, Governor's letters to Resident Councillors

V. 32: Governor: Miscellaneous Letters Out October 1860-March 1861

Colonial Office Records (Siri 273)

C.O. 273/91 - 273/92, 1877 - Vol. 2-3

C.O. 273/93 - 273/97, 1878 - Vol. 1-5

C.O. 273/98 - 273/99, 1879 - Vol. 1-2

C.O. 273/101, 1879 - Vol. 4.

C.O. 273/103 - 273/106, 1880 - Vol. 2-5

C.O. 273/108 - 273/110, 1881 - Vol. 2-4

C.O. 273/124, 1883 - Vol. 6

C.O. 273/130, 1884 - Vol. 4

C.O. 273/113, 1885 - Vol. 1

- C.O. 273/I37 - 273/I38, 1885 - Vol. 5-6
 C.O. 273/I39, 1886 - Vol. 1
 C.O. 273/405, 1913 - Vol. 2
 C.O. 273/416, 1914 - Vol. 2

REKOD-REKOD RASMI YANG DITERBITKAN

Muar Papers, 1879-1880
The Singapura and Straits Directory, 1893

BUKU DAN ARTIKEL

- A. Samad Ahmad (Penyelenggara), *Kerajaan Johor-Riau*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985.
- A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.
- A. Talib Haji Ahmad, *Dato' Bahaman, Syarikat Doyang Shipping Sdn. Bhd.*, Kelang, 1975.
- Abdul Malek Munip, "Sejarah Perkembangan Penduduk Rumpun Melayu Muar 1884-1820", *Jebat*, Bil. 2, Persatuan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972/73.
- Abdul Malek Munip, "Sejarah Awal Negeri Muar", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, No. 8, April 1979.
- Abdullah Abdul Kadir, *Hikayat Abdullah*, Jilid I, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1974.
- Abdullah Abdul Kadir, *Hikayat Abdullah bin Abdul Kadir Munshi*, Jilid II, Singapura, 1908.
- Abdullah Zakaria Ghazali, "Kebangkitan-kebangkitan Anti-British di Semenanjung Tanah Melayu", dalam Khoo Kay Kim (penyunting), *Sejarah Masyarakat Melayu Modern*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1984.
- Abdullah Zakaria Ghazali, "Salasilah Temenggung Johor: Satu Penilaian", *Purba*, Bilangan 2, 1983.
- Abdullah Zakaria Ghazali, "Sultan Keturunan Kesultanan Melaka di Pahang dan Johor", *Jurnal Sejarah Melaka*, Bilangan 7, 1982.
- Abdullah Zakaria Ghazali, "Raja Kechil - Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah 1718-1722; Suatu Kajian Tentang Asal-usulnya", *Jurnal Sejarah Melaka*, Bil. 6, 1981.
- Abdullah Zakaria Ghazali, "Perjuangan Orang-orang Melayu Mementang Inggeris di Naning", *Jurnal Sejarah*, Persatuan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977/78.

- Abdullah Zakaria Ghazali, "Kemunculan Keluarga Pemerintah Baru dalam Kerajaan Tanah Melayu 1600-1900 - Satu Kajian Awal", *Monograf Sejarah: Persejarahan, Sosio-politik, Sejarah Tempatan dan Hubungan Antarabangsa*, Persatuan Sejarah Universiti Malaya dan Penerbitan Sarjana Sdn. Bhd., No. 1, 1984/85.
- Abdullah Zakaria Ghazali, "Pemilihan Kuala Kesang 1877: Satu Kajian Mengenai Pengilhanan Muar oleh Maharaja Abu Bakar", *Sejarah, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya*, No. 1, 1988.
- Abdullah Zakaria Ghazali, "Diplomasi Kapal Perang: Pembedilan Ke atas Terengganu 1862", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 13, 1984.
- Abdullah Zakaria Ghazali, "Perang dan Damai: Politik Melayu Abad Ke-19 Dengan Rujukan Khas kepada Perang Muar 1879-1880", *Jawatankuasa Kolokium* (ed), *Masyarakat Melayu Kurun Ke-19* Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991.
- Abdullah Zakaria Ghazali, 'Muar 1707-1885: Transformasi Pemerintahan Sebuah Negeri Melayu', *Jebat*, Bil. 12, 1983/1984.
- Ahmad Fawzi Basri, *Johor 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*, Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1988.
- Aruna Gopinath, *Pahang 1880-1933: A Political History*, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Kuala Lumpur, 1991.
- Andaya, Barbara Watson, *Perak: The Abode of Grade*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1979.
- Andaya L.Y., *The Kingdom of Johore 1641-1728*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975.
- Abdaya L.Y., "Raja Kechil and the Minangkabau Conquest of Johore in 1718", *JMBRAS*, Vol. 45, Pt. 2, 1972.
- Ariffin Abdul Rashid, *Sejarah Kelantan*, Al-Ahliyah Press, Kota Bharu, 1962 (Jawi).
- Baumgarten, F.L., "Sila-sila Datoh Tamungong Muar", *JIAEA*, Vol. V, 1851.
- Begbie, P.J., *The Malayan Peninsula*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967.
- Blythe, W.L., "Historical Sketch of Chinese Labour in Malaya", *JMBRAS* Vol. 20, Pt. 1, Jun 1947.
- Bonney, R., *History of Kedah*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974.
- Boulger, D.C., *The Life of Stamford Raffles*, London, 1897.
- Buckley, C., *An Anecdotal History of Old Times in Singapura*, Vol. I, Singapura, 1902.
- Buyong Adil, *Sejarah Perak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972.

- Buyong Adil, *Sejarah Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973.
- Buyong Adil, *Sejarah Johor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971.
- Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972.
- Buyong Adil, *Sejarah Negeri Sembilan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981.
- Buyong Adil, *Sejarah Singapura*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972.
- Buyong Adil, *Sejarah Terengganu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974.
- Cant, R.G., *An Historical Geography of Pahang*, Monographs of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society, No. 4, 1973.
- Cavenagh, O., *Reminiscences of the Old Indian Official*, London, 1884.
- Chai Hon-Chan, *The Development of British Malaya 1869-1909*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967.
- Collis M., *Raffles*, London, 1966.
- Coupland, R., *Raffles, 1781-1826*, London, 1946.
- Cowan, C.D., *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970.
- Cowan, C.D., *Nineteenth Century Malaya*, Oxford University Press, London, 1967.
- Egerton, H.E., *Sir Stamford Raffles, England in the Far East*, London, 1900.
- Emerson, Rupert, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1964.
- Gullick, J.M., "The War with Yam Tuan Antah" *JMBRAS*, Vol. 27, Pt. 1, 1954.
- Hughes, T.D., "A Portuguese Account of Johore", *JMBRAS*, Vol. 13, Pt. 2, October 1935.
- Jackson, R.M., *Immigration Labour and the Development of Malaya 1786-1920*, Government Press, Federation of Malaya, Kuala Lumpur, 1961.
- Jagjit Singh Sidhu, *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1980.
- Kalthum Jeram (diusahakan oleh), *Hikayat Pahang*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1986.
- Kathirithamby, J. Wells, "The Johor-Malay World, 1511-1784: Changes in Political Ideology", *Sejarah, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya*, No. 1, 1988.

- Kennedy, J., *A History of Malaya*, The Macmillan Press Ltd., London, 1975.
- Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850-1873*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
- Khoo Kay Kim, "Johore in the Nineteenth Century: A Brief Survey", *Journal of the Historical Society*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1967/68.
- Kobkua Suwannathat-Pian, *Thai-Malay Relations Traditional Intra-regional Relations from the Seventeenth to the Early Twentieth Centuries*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1988.
- Kobkua Suwannathat-Pian, "The Bombardment of Trengganu 1862: The Power Struggle In A Small Corner of the World", *Malaysia in History*, Vol. 27, 1984.
- Kratz, E.U., *Peringatan Sejarah Negeri Johor*, Ottottarrassowitz, Wiesbaden, 1973.
- Lewis, Dianne, "Kedah - The Development of a Malay State in the 18th and 19th Centuries", *Pre-Colonial States Systems in Southeast Asia*, Monograph of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, No. 6, Kuala Lumpur, 1975.
- Linehan, W., *A History of Pahang*, MBRAS, (cetakan semula), Kuala Lumpur, 1973.
- M.A. Fawzi Basri, "Datuk Bentara Luar: Peranannya dalam Konteks Sejarah Johor Moden", *Jurnal Sejarah*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1971/72.
- M.A. Fawzi Basri, "Keretapi Muar 1889-1918", *Jebat*, Bil 3/4, Persatuan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973/74/75.
- M.A. Fawzi Basri, *Sistem Kangcu dalam Sejarah Johor 1844-1917*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1984.
- M.A. Fawzi Basri, *Warisan Sejarah Johor*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1983.
- M.A. Fawzi Basri dan Hasrom Harun, *Sejarah Johor Moden 1855-1940*, Muzium Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1978.
- Makepeace, W., Brooke, G.E., and Braddell, R. (ed.), *One Hundred Years of Singapura*, Vol. I dan II, London, 1921.
- Marriott, H., "A Fragment of the History of Trengganu and Kelantan", *JSBRAS*, Mei 1916.
- Matheson, V. dan Andaya, B. Watson (rekod catatan) *The Precious of Gift - Tuhfat al-Nafis*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1982.
- Maxwell, W.G. dan Gibson, W.S., *Treaties and Engagement Affecting the Malay States and Borneo*, Jas. Truscott and Son Co. Ltd., Suffolk Lane, London, 1924.

- Mills, L.A., *British Malaya 1824-1867*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1966.
- Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990.
- Mohd. Amin Hassan, "Raja Mahdi bin Raja Sulaiman", *Peninjau Sejarah*, Vol. I, No. 12, Disember 1966.
- Mohd. Amin Hassan, "Raja Mahdi bin Raja Sulaiman", Mohd. Sarim Hj. Mustajab and Khazin Mohd. Tamrin (ed.), *Klang 1890-1990: Sejarah dan Pentadbiran*, Pejabat Daerah dan Majlis Perbandaran Klang dan Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, 1990.
- Mohd. Amin Hassan, "Perang Klang dan Kesannya Dalam Sejarah Selangor", Adnan Hj. Nawang dan Mohd. Fadzil Othman (ed.), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Muzium Sultan Alam Shah Selangor Kuala Lumpur, 1992.
- Mohd. Fadzil Othman (Pengenalan dan Anotasi), *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980.
- Mohd. Saleh Haji Awang, *Sejarah Trengganu*, Mansur Printing Press, Kuala Trengganu, 1966.
- Muhammad Saleh Haji Awang, Haji, *Sejarah Daruliman Hingga 1361H - 1942M*, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, Kuala Terengganu, 1992.
- Morgan, W.S., *Kesah Tanah Melayu*, The Malayan Publishing House Ltd., Singapura, 1947.
- Muhammad Haji Alias, *Tarikh Dato' Bentara Luar Johor*, Johor Bahru, 1928, (jawi).
- Muhammad Ibrahim Abdullah, *Kesah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi*, Pejabat Cetak Kerajaan, Johor 1956 (jawi).
- Muhammad Said Sulaiman, *Hikayat Johor dan Tawarikh al-Marhum Sultan Abu Bakar*, The Malayan Publishing House, Ltd., Singapura, 1930 (jawi).
- Muhammad Yusoff Hashim, "Hikayat Siak: Suatu Pengenalan Tekstuil dan Historiografi", *Sastera dan Sasterawan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980.
- Muhammad Yusoff Hashim, *Terengganu Darul Iman: Tradisi Persejarahan Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991.
- Muhammad Yusoff Hashim, (Penyelenggara), *Hikayat Siak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992.

- Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989.
- Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu: Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992.
- Muhammad Yusoff Hashim, "Di antara Fakta dan Mitos: Tradisi Persejarahan di dalam *Hikayat Siak* atau *Sejarah Raja-Raja Melayu*, *Sejarah*, Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya, No. 1, 1984.
- Newbold, T.J., *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. II, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.
- Oxley, Thomas, "Gutta Percha", *Journal of the Indian Land Eastern Asia*, Vol. I, 1847.
- Parkinson, C.N., *British Intervention in Malaya 1867-1877*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1964.
- Philip Loh Fook Seng, *The Malay States 1877-1895: Political Changes and Social Policy*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967.
- Rahmat Saripan, *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1762-1842*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.
- Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, Malaysia Publications Ltd., Singapura, 1965.
- Raja Ali Haji, (dikaji dan disusun kembali oleh Arena Wati), *Silsilah Melayu dan Bugis*, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1973.
- Raja Chulan, *Misa Melayu*, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1966.
- Read, W.H., *Play and Politics in Malaya*, London, 1901.
- Read, A.J.S., "Tengku Mohamed Arifin Envoy Extraordinary", *Peninjau Sejarah*, Vol. III, No. 2, September 1968.
- Rogayah A. Hamid (ed.), *Hikayat Upu Daeng Menambung*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Roovink, R., "Tokoh Raja Kechil dalam Sejarah Siak", *Sari*, terbitan tak berkala No. 1, Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975.
- Ryan, N.J., *The Making of Modern Malaya and Singapura*, Oxford University Press, Singapura 1974.
- Sadka, E., *The Protected Malay States 1874-1895*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970.
- Sanib Said, "The Identity of Sharif Mashor of Sarawak - Brunei and Syed Mashhor of Selangor: A Preliminary Investigation", *The Sarawak Museum Journal*, Vol. XXXII, No. 53, Ogos 1983.

- Sheppard, M.C. ff., "A Short History of Trengganu". *JMBRAS*, Vol. 22, Pt. 3, 1949.
- Sheppard Mubin, "Baginda Omar the Conqueror", *Malaysia in History*, Vol. I2, No. I, Oktober 1968.
- Sinclair, Keith, "The British Advance in Johore, 1885-1914," *JMBRAS*, Vol. 40, Pt. 1, 1967.
- Skinner, C., *The Civil War in Kelantan in 1839*, Monograph of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society, 1965.
- Sophia, Raffles, *Memoir of the Life and Public Services of Sir Thomas Stamford Raffles Particularly in the Government of Java, 1811-1816 and of Bencoolen and its Dependencies, 1817-1824*, London, 1830.
- Stone, Honace, *From Malacca to Malaya, 1400-1965*, George G. Horrop and Co. Ltd., London, 1966.
- Sweeney, Amin and Phillips, N., (ed.) *The Voyages of Mohamed Ibrahim Munshi*, Kuala Lumpur, 1975.
- Sweeney, Amin dan Phillips, *Reputations Live on an Early Malay Autobiography*, University of California Press, Berkeley, 1980.
- Swettenham, F.A., *British Malaya*, London, 1929.
- Syed Hussein al- Atas, *Thomas Stamford Raffles, 1781-1826: Schemer of Reformer?*, Angus and Robertson, Sydney, 1971.
- Tarling, N., *British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago, 1824-1871*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969.
- Thio, E. *British Policy in the Malay Peninsula 1880-1910*, Vol. I, University of Malaya Press, Singapura, 1969.
- Tregonning, K.G., *A History of Modern Malaya*, Eastern Universities London Press Ltd., London, 1964.
- Trocki, C.A., *Prince of Pirates*, Singapura University Press, Singapura, 1979.
- Turnbull, C.M., *The Straits Settlements 1826-27*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
- Turnbull, C.M. "The Johore Gambier and Pepper in the Mid-Nineteenth Century", *Journal of South Seas Society*, Vol. 15, 1959.
- Wake, C.H., "Malacca's Early Kings and the Reception of Islam", *JSEAH*, Vol. 5, 1965.
- Wake, C.H., "Raffles and the Rajas the Founding of Singapura in Malaya and British Colonial History", *JMBRAS*, Vol. 48, Pt. I, 1975.
- Wake, C.H., "Melaka in the Fifteen Century: Malay Historical Traditions and the Politics of Islamization" in Kernal Singh Sandhu and Paul Wheatley (ed.), *Melaka: The Transformation of a Malay Capital 1400-1980*, Kuala Lumpur, 1982, Vol. I.

- Wilkinson, R.J. (ed.) *Papers on Malay Subjects*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.
- Winstedt, R.O., *Malaya and its History*, Hutchinson University Library, London, 1969.
- Winstedt, R.O., *A History of Johore (1365-1895)*, (cetakan semula) MBRAS, No. 6, Kuala Lumpur, 1979.
- Winstedt, R.O., "The Bendahara and Temenggongs", *JMBRAS*, Vol. X, Pt. I, 1932.
- Winstedt, R.O., "Notes on the History of Kedah", *JMBRAS*, Vol. 14, Pt. 3, 1963.
- Winstedt, R.O., "The Temenggongs of Muar", *JMBRAS*, Vol. 10, Pt. I, 1932.
- Winstedt, R.O. and Wilkinson, R.J., *A History of Perak*, MBRA (cetakan semula No. 3), 1974.

KAJIAN ILMIAH, TESIS, DAN DISERTASI

- Abdul Malek Munip, 'Perkembangan-perkembangan di Muar, Johor 1884-1920', Tesis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974.
- Abdullah Ali, 'Raffles and Singapura', Graduation Exercise, University of Malaya, Singapura, 1949.
- Abdullah Ayub, 'The Johore Succession Controversy: 1860-1878', Graduation Exercise, University of Malaya, Singapura, 1953.
- Abdullah Zakaria Ghazali, 'Kekacauan dan Kebangkitan Trengganu 1921-1928', Tesis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976.
- Ahmad Fawzi @ Mohd. Ahmad Pawazi Mohd. Basri, 'Johor 1855-1917, Perkembangan dalam Pentadbirannya', Tesis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1982.
- Aruna Gopinath, 'Pahang 1880-1914: The Quest for Power and Political Survival', Tesis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977.
- Chelliah, T., 'War in Negeri Sembilan 1874-1875', Graduation Exercise, University of Malaya, Singapura, 1955.
- Chew Suan-Imm, 'The Administration of Governor Samuel Bonham in the Straits Settlements', Graduation Exercise, University of Malaya, Singapura, 1960.
- David Pung Mau Ming, 'British-Johore Relations 1885-1914', Graduation Exercise, University of Malaya, Singapura, 1960.
- Doraisingham, Manonmany, 'Colonel Orfeur Cavenagh, Governor of the Straits Settlements, 1859-1867', Graduation Exercise, University of Malaya, Singapura, 1961.
- Gray, Christopher Stephen, 'Johore, 1910-1941, Studies in the Colonial Process', Disertasi Ph.D., Yale University, 1978.


- Hasrom Harun, 'Sejarah Johor, 1855-1885 - Pengasasan dan Pengukuhan', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1971/72.
- Ismail Hussein, 'Hikayat Negeri Johor, Satu Penyelenggaran Teks', Tesis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1962.
- Lewis, Dianne, 'The Dutch East India Company and The Straits of Malacca, 1700-1784', Tesis Ph.D., Australian National University, 1970.
- Lim Say Hup, 'W.J. Butterworth's Administration of the Straits Settlements 1834-1855', Graduation Exercise, University of Malaya, Singapura, 1960.
- Mahmood Adam, 'Johor di bawah Abu Bakar: Satu Kajian Mengenai Keutuhan Politik Johor', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1975.
- Mohd. Amin Hassan, 'Perang Klang: A Study of Malay Personalities in Selangor 1867-1898', M.A. Thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1970.
- Ooi Swee Lee, 'The First Colonial Governor: Sir Harry Ord 1867-1873', Graduation Exercise, University of Malaya, Singapura, 1959.
- Shanmugasundram, Ponambalan, 'The Economic Development of Johore, 1862-1895', Graduation Exercise, University of Malaya, Singapura, 1958.
- Silva, J.D. De, 'British Relations with Pahang 1884-1895', Graduation Exercise, University of Malaya, Singapura, 1953.
- Tan Soo Chey, 'British Relation with Johore 1855-1869', Graduation Exercise, University of Malaya, Singapura, 1951.
- Tay, J.S., 'The Attempts of Sir Stamford Raffles to Secure British Interests in the East-Indian Archipelago, 1818-1819', Graduation Exercise, University of Malaya, Singapura, 1958.
- Teh Eng Kim, 'E.A. Blundell as Governor (1855-1859)', Graduation Exercise, University of Malaya, Singapura, 1959.
- Tiwary, R.A., 'Raffles at Singapura', Graduation exercise, University of Malaya, Singapura, 1959.
- Zaimiah Mohd. Amin, 'Sultan Ibrahim of Johore 1873-1895', Graduation Exercise, University of Malaya, Singapura, 1961.
- Zakaria Md. Dom, 'Wan Muhammad bin Wan Idris Maharaja Purba Jelai', Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977/78.
- Zakaria Muhammad Ali, 'The Reign of Abu Bakar of Johor, 1862-1895', Graduation Exercise, University of Malaya, Singapura, 1954.

SURAT KHABAR

- The Singapura Free Press*, 3 Januari 1856
The Singapura Free Press, 24 Jun 1858
The Singapura Free Press, 25 Julai 1858
The Straits Times, 19 Januari 1861
The Straits Times, 9 Februari 1861
The Straits Times, 2 Mac 1861
The Straits Times, 1 Februari 1862

MANUSKRIPT MELAYU

Fasal Pada Menyatakan Keturunan Raja-raja Temenggung di dalam Muar Hikayat Johor serta Pahang.



Lampiran

LAMPIRAN A

PERJANJIAN SIR THOMAS STAMFORD RAFFLES
DENGAN SULTAN HUSIN MUHAMMAD SHAH
DAN DATO' TEMENGGUNG ABDUL RAHMAN
SERI MAHARAJA
11 HARIBULAN RABI-UL AKHIR 1234-6.2.1819

Bahawa inilah surat perjanjian sahabat bersahabat tanda muafakat antara Kompeni Inggeris yang diperbuat oleh Honorable Kenneth Sir Stamford Raffles Letstenan Gabenor Bangkulu [Fort Marlborough] serta segala daerahnya ialah wakil yang mutlak daripada Most Honorable Francis Marquis of Hastings Gabenor General Bengal [India] dan segala daerahnya taklukan di bawah bendera Kompeni Inggeris yang mulia dengan Sultan Husin Muhammad Shah bagi bertakhta Kerajaan di dalam negeri Johor dan Dato' Temenggung Seri Maharaja Abdul Rahman yang memerintah Singapura serta daerahnya.

Fasal yang pertama

Maka darihal surat perjanjian dahulu daripada bulan Rabi-ul-Akhir kepada timbul bulan empat hari yang diperbuat Sir Thomas Stamford Raffles di dalam nama Kompeni Inggeris dan yang diperbuat dan Temenggung Seri Maharaja Abdul Rahman yang memerintah Singapura dan daerahnya di dalam namanya sendiri dan di dalam nama Sultan Husin Muhammad Shah mengaku menentukan sekalian perkara di dalam janji itu.

Fasal yang kedua

Maka adalah lagi pulak [pula] darihal perjanjian itu dan dari tiada boleh rugi Sultan Husin Muhammad Shah sekarang ini atau ada belakang dari sebab perkara-perkara di dalam janji ini maka Kompeni Inggeris janji dan muafakat bayar kepada Sultan itu pada setahun-tahun "lima" ribu ringgit selama-lamanya Kompeni Inggeris menduduki tempat itu dengan loji di dalam tanah daerah takluk marhum yang turun-temurun kepada Sultan Husin Muhammad Shah itu dan lagi Kompeni Inggeris berjanji pelihara Sultan itu selama-lamanya dia duduk dekat tempat yang diperintah Kompeni Inggeris tetapi betul Sultan boleh mengerti Kompeni Inggeris di dalam janji sahabat bersahabat ini dan di dalam janji ini memeliharaikan Sultan Kompeni Inggeris tiada berjanji masuk di dalam bicara hal kerajaan atau memerintah Sultan dan tiada dia janji berperang pada lain-lain negeri dari sebab mahu mendirikan adat perintahnya.

Fasal yang ketiga

Maka dari hal Dato' Temenggung Seri Maharaja Abdul Rahman yang memerintah Singapura serta daerahnya sudah di dalam perjanjian dahulu itu diperbuat kepada empat haribulan Rabi-ul-Akhir sudah kasi masuk terima Kompeni Inggeris awal dia membuat loji di Singapura atau lain-lain tempat di dalam daerah takluknya dan darihal perjanjian Kompeni di dalam janji dahulu itu Kompeni bayarkan kepada Dato' Temenggung itu pada tiap-tiap tahun tiga ribu ringgit dan janji Kompeni oleh memelihara tanda sahabat bersahabat dengan Dato' Temenggung itu maka pada janji ini sekalian perkara di dalam perjanjian itu sekarang ini mengaku dan menentukan seperti yang tersebut di dalamnya.

Fasal yang keempat

Maka Sultan Husin Muhammad Shah dan Dato' Temenggung Seri Maharaja Abdul Rahman ada berjanji dan muafakat jikalau ada musuh seteru kepada Kompeni di dalam lojinya atau ada di mana-mana ia duduk di dalam daerah taklukan Sultan dan Temenggung itu hendaklah ditolong atas Kompeni.

Fasal yang kelima

Maka Sultan dan Temenggung itu muafakat serta berjanji dengan bersumpah tiada boleh dia atau dia punya anak atau dia punya warisnya gantinya belakang tiada boleh membaiki janji dengan lain-lain negeri dan tiada boleh dia benarkan masuk duduk lain orang puteh baik dengan Eropah baik *American* membaiki loji atau bicara memerintah di dalam daerahnya selama-lamanya Kompeni Inggeris ada duduk di dalam itu dan selama-lamanya Kompeni Inggeris pun pelihara dan tolong atas Sultan dan Temenggung itu seperti yang tersebut di dalam surat perjanjian ini.

Fasal yang keenam

Maka segala orang yang ada di dalam loji Kompeni Inggeris dan segala orang yang suka pada kemudian hari duduk di bawah bendera Inggeris maka hendaklah tersebut di dalam surat buku Kompeni Inggeris oleh Kompeni Inggeris memerintah dan me[ng]hukumkan di atas semuanya orang itu.

Fasal yang ketujuh

Maka darihal segala hukuman atas orang hitam [penduduk tempatan] di sebelah timur ini hendaklah dimuafakatkan kepada kemudian hari antara Kompeni Inggeris dengan Sultan dan Temenggung itu kerana pada sekarang ini tiada boleh tentu berapa banyak orang boleh duduk dekat Kompeni punya perintah dan beberapa banyak lain-lain orang itu punya adat.

Fasal yang kedelapan

Maka bandar Singapura itu adalah di dalam pelihara Kompeni Inggeris boleh Kompeni Inggeris memerintahkan segala perkara hasil dan cukai atas perahu-perahu dan kapal yang masuk berniaga.

Fasal yang kesembilan

Maka darihal hasil cukai yang kemudian hari di atas segala barang dagangan kapal atau perahu-perahu yang keluar masuk berniaga di Singapura oleh Dato' Temenggung Seri Maharaja boleh dia dapat bahagi dua dari hasil cukai segala perahu kapal orang hitam dan

lagi oleh Kompeni Inggeris membayar sekelian belanja atas menjaga bandar terima hasil cukai.

Maka dari itu kita menurunkan tandatangan serta cop kita kedua di dalam kertas ini.

Diperbuat surat kepada sebelas hari bulan Rabi-ul-Akhir tahun 1234 tersurat di negeri Singapura adanya.

Cap	
Raffles	tandatangan Sir Stamford Raffles Agent to the Most Honorable

Cap	Cap
Temenggung	Sultan

Sumber: Arkib Negara Malaysia, Cawangan Selatan, Johor Bahru (Jawi)

**SIR STAMFORD RAFFLES' TREATY WITH THE SULTAN
AND TUMONGONG, 6th February, 1819**

TREATY OF FRIENDSHIP AND ALLIANCE concluded between the Honorable SIR THOMAS STAMFORD RAFFLES, Lieutenant-Governor of Fort Marlborough and its Dependencies, Agent to the Most Noble FRANCIS, MARQUIS OF HASTINGS, Governor-General of India, &c., &c., &c., for the HONOURABLE EAST INDIA COMPANY on the one part, and their Highnesses SULTAN HUSSAIN MA HUMMED SHAH, Sultan of Johore, and DATOO TUMONGONG SREE MAHARAJAH ABDUL RAHMAN, Chief of Singapore and its Dependence on the other part.

ARTICLE I

The Preliminary Articles of Agreement entered into on the 30th of January, 1819, by the Honourable Sir Stamford Raffles, on the part of the English East India Company, and by Datoo Tumongong Sree Maharajah Abdul Rahman, Chief of Singapore and its Dependencies for himself and for Sultan Hussain Mahummed Shah, Sultan of Johore, are hereby entirely approved, ratified and conformed by His Highness the afore said Sultan Mahummed Shah.

ARTICLE II

In furtherance of the objects contemplated in the said Preliminary Agreement, and in compensation of any and all the advantages which may be foregone now or hereafter by His Highness Sultan Hussain Mahummed Shah, Sultan of Johore, in consequence of the stipulations of this Treaty, the Honourable English East India Company agree and engage to pay to his aforesaid Highness the sum of Spanish Dollars five thousand annually, for, and during the time that the said Company may, by virtue of this Treaty, maintain a factory or factories on any part of His Highness, hereditary dominions and the said Company further agree to afford their protection to His Highness aforesaid as long as he may continue to reside in the immediate vicinity of the places subject to their authority. It is, however, clearly explained to, and understood by His Highness, that the English Government in entering into this Alliance, and in thus engaging to afford protection to His Highness is to be considered in no way bound to interfere with the internal

politics of his States or engaged to assert or maintain the authority of His Highness by force of arms.

ARTICLE III

His Highness Datoo Tumongong Sree Maharajah Abdul Rahman, Chief of Singapore and its Dependencies, having by Preliminary Articles of Agreement entered into on the 30th January 1819 granted his full permission to the Honourable English East India Company to establish a factory or factories at Singapore, or on any other part of His Highness's dominions, and the said Company having in recompense and in return for the said grant settled on His Highness the yearly sum of Spanish Dollars three thousand, and having received His Highness into their alliance and protection, all the every part of the said Preliminary Articles is hereby confirmed.

ARTICLE IV

His Highness the Sultan Hussain Mahummed Shah, Sultan of Johore, and His Highness Datoo Tumongong Sree Maharajah Abdul Rahman, Chief of Singapore, engage and agree to aid and assist the Honourable East India Company against all enemies that may assail the factory or factories of the said Company, established in the dominions of their said Highness es respectively.

ARTICLE V

His Highness the Sultan Hussain Mahummed Shah, Sultan of Johore, and His Highness Datoo Tumongong Sree Maharajah Abdul Rahman, Chief of Singapore, agree, promise, and bind themselves, their heirs and successors, that for as long time as the Honourable the English East India Company shall continue to hold a factory or factories on any part of the dominions subject to the authority of their Highnesses support and protection, they, their said Highnesses, will not enter into any treaty with any other nation, and will not admit or consent to the settlement in any part of their dominions of any other power, European or American.

ARTICLE VI

All persons belonging to the English factory or factories, or who shall hereafter desire to place themselves under the protection of

its flag, shall be duly registered and considered as subject to the British authority.

ARTICLE VII

The mode of administering justice to the native population shall be subject to future discussion and arrangement between the contracting parties, as this will necessarily, in a great measure, depend on the laws and usages of the various tribes who may be expected to settle in the vicinity of the English factory.

ARTICLE VIII

The Port of Singapore is to be considered under the immediate protection and subject to the regulation of the British authorities.

ARTICLE IX

With regard to the Duties which it may hereafter be deemed necessary to levy on goods, merchandize, boats or vessels. His Highness Datoo Tumongong Sree Maharajah Abdul Rahman is to be entitled to a moiety or full half of all the amount collected from native vessels.

The expenses of the Port and collection of Duties to be defrayed by the British Government.

Done and concluded at Singapore, this 6th day of February, in the year of our Lord, 1819,
answering to the month Rubbelakhir, and year
of the Hejira 1231.

Sgd. T.S. RAFFLES
Agent to the Most Noble
the Governor-General for the
States of Rhio, Singapore,
and Johore

Sumber: C.O. 273/97, Title and Position of the Maharajah of Johore.

LAMPIRAN B

TRITI ANTARA SULTAN ALI DENGAN TEMENGGUNG IBRAHIM MENYERAHKAN HAK MILIK KERAJAAN DAN SEMUA TANAH JAJAHAN JOHOR 10 MAC 1855

Bahawa inilah perjanjian sahabat bersahabat yang setiawan dan perdamaian serta muafakat di antara Yang Maha Mulia Sultan Ali Iskandar Shah Ibn Sultan Husin Muhamad Shah dengan Dato' Temenggung Daeng Ibrahim Seri Maharaja Ibn Dato' Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja kerana kedua pihak yang tersebut itu ada bersama-sama suka beselesai dan memutuskan perselisihan dan perbezaan yang selama ini telah ada jadi di antara kedua pihak yang tersebut itu darihal masing-masing tuntutan dan mempunyai negeri dengan segala daerahnya kerajaan Johor dan lagi supaya boleh menetapkan dan meneguhkan perdamaian dan sahabat bersahabat yang setiawan dengan selamat sempurnanya di antara kedua pihak yang tersebut itu dari masa ini hingga sampai selama-lamanya yang akan datang.

1. Perkara yang pertama

Adalah Yang Maha Mulia Sultan Ali Iskandar Shah Ibn Sultan Husin Muhamad Shah pada dirinya sendiri sampai keturunannya atau waris gantinya adalah di dalam surat ini ada menyerahkan dengan sepenuh-penuh kerajaan dan haknya kepada Dato' Temenggung Daeng Ibrahim Seri Maharaja Ibn Dato' Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja sampai pada keturunannya atau waris gantinya selama-lamanya ialah semuanya tanah daerah takluk Johor itu melainkan tanah Kesang yang kemudian lagi disebutkan di dalam surat ini.

2. Perkara yang kedua

Sebab kerana serahan itu bagaimana tersebut di dalam perkara yang pertama iaitu Dato' Temenggung Daeng Ibrahim Seri Maharaja Ibn Dato' Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja di dalam surat ini ada berjanji membayarkan pada waktu sudah terbubuh

tandatangan dan cop di dalam surat ini ialah wang lima ribu ringgit \$5,000 pada Sultan Ali Iskandar Shah Ibn Sultan Husin Muhammad Shah dan lagi dia berjanji bahawa Dato' Temenggung Daeng Ibrahim Seri Maharaja Ibn Dato' Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja sampai pada keturunannya atau waris gantinya daripada dan kemudian dari sehari bulan Januari pada tahun seribu lapan lima puluh lima 1855 iaitu mesti membayar kepada Yang Maha Mulia Sultan Ali Iskandar Shah Ibn Sultan Husin Muhammad Shah sampai pada keturunannya atau waris gantinya ialah wang lima ratus ringgit pada tiap-tiap satu bulan selama-lamanya \$500.

3. Perkara yang ketiga

Adalah Dato' Temenggung Daeng Ibrahim Seri Maharaja Ibn Dato' Temenggung Daeng Ibrahim Seri Maharaja Ibn Dato' Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja ada melepaskan sekalian tuntutan di atas daerah tanah Kesang ialah tanah itu di antara Sungai Kesang dan Sungai Muar dan ialah Sungai Kesang itu menjadi sempadan sebelah utara dan Sungai Muar itu sebelah selatan dan ialah tanah itu tatkala dahulu ada di dalam daerah juga dan lagi dikabulkanlah Sultan Ali Iskandar Shah Ibn Sultan Husin Muhammad Shah sampai pada keturunannya atau waris gantinya mempunyai dan memakai tanah itu dengan secukup-cukup kerajaan dan memiliki selama-lamanya.

4. Perkara yang keempat

Yang Maha Mulia Sultan Ali Iskandar Shah Ibn Sultan Husin Muhammad Shah sampai pada keturunannya atau waris gantinya ada berjanji di dalam ini bahawa tanah daerah Kesang yang tersebut itu tiadalah boleh diberi atau dijualkan pada siapa-siapa atau pada lain-lain raja jikalau tiada lebih dahulu ditawarkan pada East India Company dan kemudian kepada Dato' Temenggung Daeng Ibrahim Seri Maharaja Ibn Dato' Temenggung Abdul Rahman Seri Maharaja sampai pada keturunannya atau waris gantinya dengan sama harga dan perjanjian yang bagaimana Sultan Ali Iskandar Shah Ibn Sultan Husin Muhammad Shah sampai pada keturunannya atau waris gantinya telah sudah suka dan boleh mendapat menjual pada siapa-siapa atau pada raja-raja yang lain yang hendak membeli itu.

5. Perkara yang kelima

Rakyat masing-masing kedua pihak membuat perjanjian ini bolehlah mendapat bebas bermiaga keluar masuk pada segala negeri-negeri dan daerah-daerah tetapi boleh menanggung hukum dari sebab salah atau dosa yang terbuat di dalam daerah satu atau yang lain bagaimana adat istiadat dan hukum yang terpakai di tempat itu dan lagi kedua-dua pihak yang membuat perjanjian ini ada bersungguh-sungguh berjanji pada dirinya sendiri sampai pada keturunannya atau waris gantinya tiadalah boleh membuat apa-apa hal sampai akan menjadi atau menimbul atau menghidupkan pergaduhan di dalam negeri satu pada yang lainnya melainkan dengan bersetia yang sebenar-benarnya mengikut dan memegang perjanjian demikian yang telah terbuat ini oleh masing-masing adanya.

6. Perkara yang keenam

Kedua-dua pihak yang membuat surat perjanjian ini iaitu ada berjanji membantu apa-apa perselisihan atau kusutan yang kemudian akan terjadi atau terbit di antara kedua pihak itu darihal yang tersebut di dalam perkara yang keempat dan yang kelima bolehlah diserahkan perselisihan itu pada hukuman atau perselesaian Government India kerana sebabnya dengan ketahui Gabenor India itu perjanjian ini di antara kedua-dua pihak ada terbuat.

7. Perkara yang ketujuh

Tiadalah apa-apa yang tertulis atau tersebut dalam surat perjanjian ini boleh dikatakan atau disangkakan mengubah atau mencacatkan perkara-perkara di dalam perjanjian yang dahulu ada terbuat pada 2 haribulan Ogos pada tahun seribu lapan ratus dua puluh empat (1824) di antara East India Company dengan al-marhum Sultan dan al-marhum Temenggung Johor adanya sahlah seperti yang tersebut ini sebab sungguh dengan nyatanya serta suka sama suka masing-masing ada membubuh tandatangan serta materikan cop di dalam syarat ini di hadapan saksinya tamat termaktub surat perjanjian ini di dalam Singapura kepada 10 haribulan Mac pada tahun seribu lapan ratus lima puluh lima 1855.

Executed

tandatangan

Governor of Prince of
Wales Island Singapore
and Malacca [Melaka]

tandatangan

Resident Councillor
at Singapore

Cap Dato'
Temenggung Daeng
Ibrahim Seri
Maharaja Ibn Dato'
Temenggung Abdul
Rahman Seri Maharaja

Cap Sultan Ali
Iskandar Shah
Ibn Sultan Husin
Muhammad Shah

Sumber: Arkib Negara Malaysia, Cawangan Selatan, Johor
Bahru (jawi). Muhammad Said bin Haji Sulaiman,
Capt. Dato' Hj. Buku Teriti Johor dengan
Pertambahanannya Johor Bahru, 1941, hlm. 20-23.

**TREATY OF 1855 BETWEEN THE SULTAN
OF JOHORE AND HIS HIGHNESS DATU TUMONGONG**

(Malayan Peninsula, No. (IV)

TREATY OF FRIENDSHIP AND ALLIANCE BETWEEN His Highness SULTAN ALLY SKANDER SHAH BIN SULTAN HUSSAIN MAHOMED SHAH and His Highness DATU TUMONGONG DAING IBRAHIM BIN ABDUL RUHMAN SRI MAHARAJAH, who are both equally desirous to compose and put a final end to the differences and disagreements which have heretofore subsisted between them relative to their respective claims on the Territory and Sovereignty of Johore, and to establish and maintain peace, friendship, and thoroughly amicable relations between them from henceforth in all times to come.

Ist. His Highness the Sultan Ally Iskandar Shah Bin Sultan Hussain Mahomed Shah, for himself, his heirs, and successors, does hereby cede, in full sovereignty and absolute property, to His Highness Datu Tumongong Daing Ibrahim Sri Maharaja Bin Tumongong Abdul Ruhman Sri Maharajah, his heirs and successors for ever, the whole of the territory of Johore within the Malayan Peninsula, and its dependencies, with the exception of the Kassang territory herein-after mentioned.

2nd. In consideration of the cession contained in the foregoing article, his Highness Datu Tumongong Daing Ibrahim Sri Maharaja Bin Tumongong Abdool Ruhman Sri Maharajah does hereby agree to pay, immediately after the execution of these articles, to His Highness Sultan Ally Iskander Shah Bin Sultan Hussain Shah the sum of five thousand Spanish dollars and further engages that he the said Datu Tumongong Daing Ibrahim Sri Maharajah, his heirs and successors, shall and will, from and after the 1st. day of January 1855, pay to his said Highness Sultan Ally Iskandar Shah, his heirs and successors, the sum of five hundred Spanish dollars per mensem.

3rd. His Highness Datu Tumongong Daing Ibrahim Sri Maharajah hereby withdraws all claim whatsoever to the said territory of

Kassang, consisting of the lands lying between the river of Kassang and the river of Muar, and of which the said river of Kassang forms the boundary on the northward, and that of Muar on the southward, and being part of the ancient territory of Johore, and consents that His Highness Sultan Ally Iskandar Shah, his heirs and successors, shall have an enjoy the same in full sovereignty and property for ever.

4th. His Highness Sultan Ally Iskandar Shah, for himself, his heirs, and successors, hereby agrees that the said territory of Kassang shall not be alienated or disposed of to any party or power without the same being in the first place offered to the East India Company and then to His Highness Datu Tumongong Daing Ibrahim Sri Maharajah, his heirs or successors, on such terms as His Highness the Sultan Ally Iskander Shah, his heirs or successors, may be desirous to cede it to any other party or power willing to treat for the same.

5th. The subjects of each of the said contracting parties shall have full liberty to trade to and pass in and out of their respective territories, but shall be amenable for any crime or offence committed in the territory of either of the said contracting parties according to the law there in force; and each of the contracting parties, for himself, his heirs, and successors, hereby solemnly engages to do no act calculated or having a tendency to promote or foment disturbances within the territory of the other of them, but in all respects truly and faithfully to adhere to and observe the engagements hereby entered into by them respectively.

6th. The said contracting parties hereby agree that any difference or disagreement that may arise between them on matters falling within the foregoing Articles 4 and 5 shall be referred to the final decision of the British Government of India, with whose cognizance the said contracting parties have entered into this Treaty.

7th. Nothing contained herein shall be taken or construed to modify or affect the provisions of the Treaty concluded on the 2nd day of August 1824 between the East India Company and their late Highnesses the Sultan of Tumongong of Johore.

This done and concluded at Singapore the 10th. day of March in
the year of Christ 1855.

Executed before

(Signed)

W.J. Butterworth,
Governor, Prince of Wales'
Island, Singapore, and
Malacca.

Tumongong's Seal.

(Signed)

T. Church,
Resident Councillor

Sultan's Seal.

Sumber: C.O. 273/416, Studer and Johore.

LAMPIRAN C

**LETTER HAJI MAHOMED SAWLEY BIN THA
JOODIN AND 50 OTHERS OF CAMPONG
TANJUNG PAGGAR
TO SIR WILLIAM CLEAVER FRANCIS ROBINSON**

To His Excellency

Sir William Cleaver Francis Robinson,
Governor and Commander-in-Chief of the
Straits Settlements,
Singapore

Honourable Sir,

We the undersigned old inhabitants of Singapore and at present residents, under the flag of our most benevolent and gracious Britannic Majesty Queen Victoria and Empress of India, do with all due respect, beg to submit to Your Excellency that we all do with one heart and accord, desire that Tunku Allum, the son and Heir of Sultan Ali Iskandar Shah Almalic Johore, be appointed as our lawful Sovereign by Your Excellency, who, as the representative of our most benevolent and gracious Majesty Victoria and Empress of India, as he is entitled to be our lawful Sovereign according to our rules, customs and manners.

And for which act of grace and benevolence we will ever pray.

We have
The Mark of Hajee Mahomed
Sawley bin Tha Joodin and
50 others of Campong Tanjong
Paggar

Sumber: C.O. 273/93, Claims of Tunku Allum to Moar.

LAMPIRAN D**POLICE D.D.**

Translation of an Invitation Card issued by Tunku Sulong

"O Lord, the Filler of our Desires!"

Peace be with you, with the kindness and blessing of God!

To the very brilliant presence of the Honourable _____
at _____. The Almighty God grant you peace in both worlds.
Amen.

I, your servant, beg the favour to invite you to my house in Kampong Galam at the house of His Highness the Sultan, on the _____ day of the month of _____ on _____ at _____ o'clock, for the purpose of commemorating the anniversary (of the death) of my father; and I hope with a thousand thousand hopes that you will be willing (to come) for the sake of God Almighty.

TUNKU SULONG BIN TUNKU ABDUL JALIL

(ADDRESS.)

The Sign

of this letter is to the
Presence of the Honorable and
Respected at _____

LAMPIRAN E**WARRANT TO ARREST
(ORDINANCE VI. OF 1873)
SCHEDEULE E**

SINGAPORE TO WIT. To the Inspector-General of Police for the Colony of the Straits Settlements and to all other Peace Officers of Singapore.

Whereas Awang Ibrahim of Singapore is accused (1st) of the offence of abetment of the offence of waging war against an Asiatic power at peace with Her Majesty the Queen of Great Britain and Ireland, 2ndly of abetment of the offence of committing depredations of the territory of a power at peace with the Queen, 3rd of abetment of the offence of murder.

That in the year 1879 and in the months of January and February, 1880, Tuanku Omar alias Nong did wage war against the Government of an Asiatic power at peace with Her Majesty the Queen of Great Britain and Ireland, To Wit, against the Government of His Highness the Maharajah of Johore the recognized ruler of the territory of Muar, and that the said Awang Ibrahim at Singapore aforesaid in the years aforesaid did abet the commission of the said offence and thereby committed an offence punishable under Sections 109 and 125 of the Penal Code.

2ndly. That in the years aforesaid the said Tuanku Omar alias Tuanku Nong committed depredation in the territory of Muar in the 1st charge above mentioned and that the said Awang Ibrahim at Singapore aforesaid abetted the commission of the said offence and thereby committed an offence punishable under Sections 109 and 126 of the Penal Code.

3rd. That the said Awang Ibrahim in the years aforesaid at Singapore aforesaid committed the offence of abetment of Murder by instigating the said Tuanku Omar alias Nong and other persons to assassinate William Hole and thereby committed an offence punishable under Sections 109 and 303 of the Penal Code.

You are hereby directed to apprehend the said Awang Ibrahim and produce him before me or any other Justice of the Peace.

Herein fail not.

Dated at Singapore this the 8th. day
of March, 1880.

(Sd.) C.J.T. DUNLOP,
J.P. and Magistrate

Sumber: Muar Papers.

LAMPIRAN F**SEARCH WARRANT**

To the Inspector General of Police for the Colony of the Straits Settlements and to all other Peace Officers of Singapore.

Whereas Awang Ibrahim is accused of the offence of abetment of the offence of waging war against a power at peace with the Queen abetment of the offence of committing depredations on the territory of an Asiatic power at peace with the Queen and abetment of the offence of murder and it appears to me to be necessary that a certain house in the occupation of Tunko Allum and the said Awang Ibrahim should be searched for the purpose of securing evidence relating to the said offences. This is therefore to authorise and require you to enter into the said house which is at Campong Glam and to search the same, and should any articles or documents be found there relating to the said offence, you are required to bring the same with the person in whose possession the same may be found, before me, or before a Magistrate.

Dated at Singapore, the 8th. day of March 1880.

Sd. C.J.T. DUNLOP,
J.P. and Magistrate

Sumber : Muar Papers.

LAMPIRAN G

SURAT PERJANJIAN SETIA KERAJAAN JOHOR BERTARIKH 11 DISEMBER 1885

AGREEMENT on certain points touching the relation of Her Majesty's Government of the Straits Settlements with the Government of the Independent State of Johore, made between the Right Honourable Frederick Arthur Stanley, Her Majesty's Secretary of State for the Colonies, on behalf of the Queen of the United Kingdom of Great Britain and Ireland, Empress of India, and His Highness the Maharaja of Johore.

ARTICLE I

The two Governments will at all times cordially co-operate in the settlement of a peaceful population in their respective neighbouring territories, and in the joint defence of those territories from external hostile attacks, and in the mutual surrender of persons accused or convicted of any crime or offence under such conditions as may be arranged between the two Governments.

ARTICLE II

His Highness the Maharajah of Johore undertakes, if requested by the Government of the Straits Settlements, to co-operate in making arrangements for facilitating trade and transit communication overland through the State of Johore with the State of Pahang.

ARTICLE III

If the Government of the Straits Settlements shall at any time desire to appoint a British officer as Agent to live within the State of Johore, having functions similar to those of a Consular officer, His Highness the Maharajah will be prepared to provide free of cost, a suitable site within his territory, whereon a residence may be erected for occupation by such officer.

ARTICLE IV

Any coinage in the currency of the Straits Settlements, which may be required for the use of the Government of Johore, shall be supplied to it by the Government of the Straits Settlements, at rates not higher than those at which similar coinage is supplied to Governments of the Malay Protected States, and under the same limitations as to amount. His Highness the Maharajah on his part undertakes that the applications of his Government for subsidiary coinage shall be strictly limited by the legitimate requirements of the inhabitants of the States of Johore, and that the coinage so issued shall be subject to the same limitations as regards legal tender as are in force in the Straits Settlements.

ARTICLE V

The Governor of the Straits Settlements, in the spirit of former treaties, will at all times to the utmost of his power take whatever steps may be necessary to protect the Government and territory of Johore from any external hostile attacks; and for these or for similar purpose Her Majesty's officers shall at all times have free access to the waters of the State of Johore; and it is agreed that those waters extend to three miles from the shore of the States, or in any waters less than six miles in width, to an imaginary line midway between the shores of the two countries.

ARTICLE VI

The Maharajah of Johore, in the spirit of former treaties, undertakes on his part that he will not without the knowledge and consent of Her Majesty's Government negotiate any Treaty, or enter into any engagement with any foreign State, or interfere in the politics or administration of any native State, or make any grant or concession to other than British subjects or British companies or persons of the Chinese, Malay, or other Oriental race, or enter into any political correspondence with any foreign State.

It is further agreed that if occasion should arise for political correspondence between His Highness the Maharajah and any foreign State, such correspondence shall be conducted through Her Majesty's Government, to whom His Highness makes over the guidance and control of his foreign relations.

ARTICLE VII

Whereas His Highness the Maharajah of Johore has made known to the Governor of the Straits Settlements that it is the desire of his chiefs and people that he should assume the title of Sultan, it is further agreed that, in consideration of the royal friendship and constant affection His Highness has shown to the Government of Her Majesty the Queen and Empress, and of the stipulations contained in this Memorandum, he and his heirs and successors, lawfully succeeding according to Malay Custom, shall in future be acknowledged as His Highness the Sultan of the State and territory of Johore, shall be so addressed.

In witness whereof the said Right Honourable Frederick Arthur Stanley and his said Highness The Maharajah of Johore have signed this - Agreement at the Colonial Office London the eleventh day of December one thousand eight hundred and eighty five.

Sgd.
Frederick Arthur Stanley
Maharaja Abu Bakar

Witnessed by
Robert W. Herbert
Abdul Rahman

Sumber: Arkib Negara Malaysia, Cawangan Selatan, Johor Bahru.

Indeks

A

A.E.H. Anson, xiv, 173
A. M. Skinner, 87-89, 91, 96, 121
Abas, 130, 146
Abas Jementah, 75
Abdul Aris, 106
Abdul Jamal, 12, 14
Abdullah, 136, 138
Abdul Majid, 14
Abdul Rahman, 106, 124
Abdul Rahman bin Andak, 157
Abdul Samad, 120
Abu Bakar, 37
Acheh, 4
Ah Sin, 128, 144-145
Ah Teng, 131
Akil, 131
Alexander, 37
Alexander Mortier de Fontaine, 157
Allagapah, 162
Anak Ayer Kumuyan, 150
Andak, 78-82, 89, 123-124, 139, 141
Awang, 147
Awang Ibrahim, 120-121, 123, 126-129,
 135, 156-159
Ayer Lemak Kerbau, 152

B

Baboo Ramasamy, 36, 44
Baginda Omar, 43
Baginda (Sultan) Omar, 170
Bandar Maharani, 155
Barak, 124

Basok Pahang, 147-148
Bawang, 150
Bawi, 123, 125-130, 134
Bela Laboo, 151
Bendahara Husin, 12
Bendahara Padang Saujana (Abdul
 Majid), 2, 9-10
Bendahara Tun Habib Abdul Majid, 13
Bendahara Pahang, 102
Bendahara Tun Abas, 16
Bendahara Tun Abdul Jamal, 13
Bendahara Tun Ali, 19, 26-27
Berahman Indera, 170
Bintau (Riau), 4
Bomoh Trang, 130-131
Bonham, 173
Boroh, 120
Bota Kanan, 170
Bujal, 39-40
Bujang, 135, 140
Bukit Asahan, 135-136, 142
Bukit Belubang, 140
Bukit Kepung, 47, 78, 81-82, 126
Bukit Lanjut, 134
Bukit Putai, 82
Bukit Tunggal, 139
Bulang, 19

C

C.J. Irving, 46-47, 76
Carnavon, 52-54, 56-59, 74, 78, 84-87, 91,
 100, 102, 114, 176, 178-179
Cavenagh, 42, 173
Charles James Tennant Dunlop, 156

Charles Keun, 125-126, 143-146
 Che Abas, 56
 Che Abdul Hamid (Daeng Kecil), 12
 Che Ayu, 12, 16, 18
 Che Engku Andak, 16
 Che Makoh, 6
 Che Mariam anak Bandar Hasan, 7
 Che Puan Isah, 16
 Che Puan Sulong, 16
 Che Samboh, 104
 Che Wan Abdul Majid, 16
 Che Wan Abdul Rahman, 16
 Che Wan Abdullah, 16
 Che Wan Abu Bakar, 16
 Che Wan Aishah, 171
 Che Wan/Daeng Abu Bakar, 42
 Che Wan Esah, adik Bendahara Pahang,
 Tun Ali, 8
 Che Wan Muhammad, 16
 Che Wan Muhammad Khalid, 16
 Chohong, 90-91, 125, 130-131, 139, 144-
 146, 152, 154

D

Daeng Abdul Majid, 16
 Daeng Abdul Rahman, 10, 14, 16
 Daeng Abdullah, 19
 Daeng Abu Bakar, 10, 14
 Daeng Chelak, 169
 Daeng Ibrahim, 10, 14, 16, 19
 Daeng Kechil, 10, 12, 15
 Daeng Kemasi, 6
 Daeng Kernboja, 6
 Daeng Marewah, 6, 16, 18
 Daeng Maturang (Daeng Jaafar), 6
 Daeng Menambun, 6
 Daeng Parani, 6, 14, 16, 18
 Dagang, 134
 Dato' Abdul Rahman bin Andak, 168
 Dato' Bentara Luar, 142, 147, 149
 Dato' Bentara Luar Muhammad Salleh
 Perang, 141, 155, 181
 Dato' Gempa, 148
 Dato' Gempa Tengah, 151
 Dato' Inas, 143-144, 181
 Dato' Jaafar, 154
 Dato' Johol, 123-124, 144, 145, 181
 Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman
 bin Andak, 167, 182
 Dato' Seri Setia Diraja Abdullah bin
 Tahir, 167, 182

Datuk Seri Nara Wangsa, 1, 11
 Davidson, 160-161
 Daud, 146, 148
 Dusun Dedap, 142

E

E.A. Blundell, 31-32, 38, 75
 Blundell, 33
 E.E. Isemonger, 49
 Encik Bujal, 103
 Encik Hurus, 105
 Encik Sally, 147, 150
 Encik Suman, 105
 Encik Yahya, 20
 Endut, 81
 Engku Ahmad, 141
 Engku Besar Temenggung Ibrahim, 143
 Engku Fatimah, 18
 Engku Muda Muhammad, 19
 Engku Puan, 18
 Engku Sulaiman bin Daud, 155
 F.Farquhar, 9, 22
 Fenner, 44
 Frank Swettenham, 62, 155, 157
 Francis H. leune, 162
 Frederick Arthur Stanley, 167-168

G

Gamat, 150
 Gemir, 90
 George Bonham, 19

H

H. Hewetson, 42
 Haji Abdul Aziz, 106
 Haji Hamzah, 108
 Haji Hamzah Mansur Alkhatib, 106
 Haji Hassan, 128-129, 135-137, 140-143
 Haji Hassan Padang, 124
 Haji Ibrahim, 108
 Haji Mahomed Sawley bin Tha Joodin
 (Haji Mahomed Salleh bin
 Tajudin), 105-106
 Haji Mohamed Taha, 145
 Haji Mohamed Taha bin Wan Ibrahim,
 148
 Haji Muhammad Ali, 123
 Haji Muhammad Salleh, 83

- Haji Musa, 106
 Hasan, 12
 Herr Lange, 89
 Herr Lind, 44, 89
 Herr Perser, 89
 Herr Von Geelen, 89
Hoogly, 40
 Hulu Akar, 139
 Hulu Muar, Pagoh, 4
 Hussain, 148
- I**
- I.S. Bond, 108-110, 161, 179
 Ibrahim, 104
 Imam Haji Muhammad, 123
 Imam Perang Layut, 134, 137, 146
 Imam Tapal, 126
 Imaum, 142, 145
 Imaun, 125
 Inas, 119
 Ismail, 124
- J**
- J. Douglas, 46-47, 51-52, 57, 87-88, 98, 105-106, 110, 176
 J. Guthrie, 41
 J.D. Vaughan, 42, 157-159
Jaafar bin Muhammad, 157
Jala, 81
 Jementah, 56, 90, 124-127, 129, 131, 134-137
 John Crawford, 22
 Johol, 119
 Johor, 19-20, 22-32, 35, 39-40, 50-53, 59, 63, 107, 121
 Johor Bahru, 75-76
- K**
- Kadi Haji Hamzah, 121
 Kahlil, 129
 Kampung Bengkulu, 107
 Kampung Bugis, 106
 Kampung Gelam, 25, 61, 103, 106-107, 120-121, 128, 142, 181
 Kampung Jawa, 107, 129
 Kampung Kapor, 106
 Kampung Puteh, 47
 Kampung Talang, 106
- Kampung Tanjung Katung, 105
 Kampung Tanjung Pagar, 105
 Katong, 150
Kavana Chana Shellapah, 27, 36, 41-42, 116, 173
 Kedah, 14, 169
 Kelantan, 169-170
 Kesang, 34-35, 37-38, 42, 45, 47, 51, 53, 57-58, 64, 86, 89, 97-98, 100, 113, 122, 127, 137, 139, 155, 160, 177
 Khalil, 134
 Khatib Derus, 125, 127-129, 139
 Kolonel A.E.H. Anson, 50
 Kolonel Anson, 46-47, 49, 51, 53-58, 60-61, 73-76, 78-79, 84-87, 95-96, 98-102, 105, 113, 115-116, 157, 158, 175-179
 Kuala Kangsar, 170
 Kuala Kesang, 145
 Kuala Lenga, 77, 79
 kubu Dedap, 125, 129-130, 147-148
 kubu Depa, 150
 kubu Juling, 150
 Kubu Maharajalela, 140, 150
 Kulup Takat, 144
 Kundang, 90
- L**
- Lamappano' timang-timangan Encik Ono', 18
 Layut, 123, 125, 129-130, 134, 140, 152
 Lepang, 125, 154
 Legeh, 82, 90-91
 Lenga, 47, 81-83, 134
 Lingga, 8, 21, 31, 102, 107, 171
 Long Deraman, 170
 Long Ghaffar, 170
 Long Pandak, 170
 Long Yunus, 170
 Lord Kimberley, 162-165, 182
 Lord Knutsford, 168
 Lord Salisbury, 167
 Lubuk Bandan, 125-126, 132, 134, 140, 142, 146-148
 Lubuk Tebrau, 80-81, 83-84, 123, 138, 146
- M**
- Muhammad Shah, 107
 Maharaja Abu Bakar, xiii-xiv, 38, 45-46,

- 48, 50-56, 57-62, 64-65, 70, 73-81, 84, 86-87, 91-96, 98-100, 105, 112-117, 119-120, 123, 126-128, 132, 134, 136-144, 155-158, 160, 163-164, 166-168, 171, 174-182
- Maharaja Johor, 52, 62, 76, 88, 93, 98, 101, 108, 111-112
- Mahmud, 124, 136, 139, 154
- Malong, 151
- Mani Purindam, 169
- Megat Seri Rama, 4
- Melaka, 4, 46, 103-104, 128-129, 135-136, 140, 145, 160, 169
- Melaka ditawan oleh Portugis, 4
- Menteri Gesah, 131
- Menteri Khamis, 56, 80, 90
- Menteri Khamis Tasik, 85
- Menteri Sudin, 104
- Mering, 135, 137, 150
- Michael Hicks Beach, 58-59, 64, 93, 99, 120, 122, 178-180
- Mina, 134
- Mohamad Said, 122
- Montgomerie, Dr., 28
- Muar, xii, 20, 36-38, 40-41, 44, 47-48, 51-59, 62-64, 73-78, 80, 83-84, 86-89, 91-92, 95-101, 104-105, 108-117, 119-120, 123-125, 129, 132, 137-140, 173-174, 176-182
- Muhammad Salleh, 56, 74-75
- Muhammad Shah (Raja Bisnu), 169
- Mukim, 104
- Mukim Ibrahim, 57, 80, 85
- Mukim Undang, 130, 134
- Murchison, 24
- Musa, 138
- N**
- N.B. Denny, 157
- Nakhoda Sekam, 6
- Nasip, 130
- Nyalas, 134-135, 151-152
- O**
- Ommaney, 162
- Omat, 130
- Orang Kaya Abu Bakar, 79, 82-83
- Orang Kaya Abu Bakar Padang, 81
- Orang Kaya Bakar, 152
- Orang Kaya Padang, 78, 136
- Orang Kaya Seman, 85
- Orfeur Cavenagh, 39, 44
- P**
- P. Benson Maxwell, 96
- Padang, 145
- Padang Juling, 144
- Pagoh, 126
- Pahang, 4, 8, 19, 26-27, 42-43, 121, 169-171
- Panglima Awang, 150-154
- Panglima Bawi, 153
- Panglima Besar Khamat, 157
- Panglima Besar Senchu, 123, 125-127, 130-132, 134-137, 139, 141-142, 144, 146-148, 151-153
- Panglima Besar Yusof, 142, 149
- Panglima Dalam Lamat, 142, 149
- Panglima Dalam Lawit, 130, 134
- Panglima Kiri Awang, 142, 149
- Panglima Isa, 149
- Panglima Perang Isa, 142
- Panglima Perang Majid, 148
- Panglima Sarip, 152
- Panglima Sulong, 151, 153
- Pantie, 144
- Parit Jawa, 145
- Pawang Juling, 130, 134
- Pawang Perak, 141-142
- Pawang Setoo, 130
- Pawang Setu, 134
- Penarikan, 4
- Penghulu Adam, 74, 80, 85, 90, 98
- Penghulu Adam Tanjung Gading, 56, 75
- Penghulu Bakar, 144
- Penghulu Bawi, 129
- Penghulu Besar Kamat, 98
- Penghulu Besar Kamat Jementah, 85
- Penghulu Besar Khamat, 125-128, 132, 134, 138
- Penghulu Besar Khatib, 132
- Penghulu Dagang Subuh, 85, 90-91, 98
- Penghulu Hasim, 85, 90
- Penghulu Ibrahim Tanjung Gading, 75
- Penghulu Jetan, 130-131
- Penghulu Kamat, 90
- Penghulu Khamis Tanjung Gading, 75, 104
- Penghulu Menteri Khamis, 98

- Penghulu Merjam, 104
 Penghulu Merjan, 85, 90
 Penghulu Rahmat, 85, 90, 98
 Penghulu Seman, 90
 Penghulu Senchu, 85, 90
 Penghulu Shamsu, 74, 80, 85, 90, 104
 Penghulu Shamsu Tasik, 56, 75
 Penghulu Subuh, 80
 Penghulu Sudin, 85, 90-91, 98, 130-131
 Penghulu Tanah Merah Kichee, 106
 Penghulu Tanjung Bawi, 132
 Pengkalan Kota, 36
 perjanjian Inggeris -Belanda di London
 17 Mac 1824, 21
 Perjanjian 1824, 41-42, 183
 perjanjian 6 Februari 1819, 9, 20-21, 171-
 172
 Perjanjian 10 Mac 1855, xiv, 33, 55, 97
 Perjanjian 1855, 34-37, 39-41, 45, 53,
 60, 63, 101, 108-109, 113, 161, 173-
 175, 182
 Permatang Panjang, 134,
Plato, 47, 87, 89, 96
 Portugis, 4
Pulai, 74, 77-78, 81-82
 Pulau Penyengat, 8
 Pulau Pinang, 40
 Pulau Tembelan, 4
 Pulau Tiga, 170
 Putay, 130
- R
- Rabil, 151
 Raja Abdul jalil, 107
 Raja Abdul Rahman, 6
 Raja Abdul Samad, 18
 Raja Abdullah (Sultan Abdullah Muayat Shah), 4
 Raja Ahmad, 79, 81-82, 107
 Raja Ahmad (Sultan Ahmad), 6
 Raja Ahmad bin Raja Shahid, 80
 Raja Ali Riau, 18
 Raja Embong, 9
 Raja Guyah, 47
 Raja Haji, 7
 Raja Hussain, 136
 Raja Jaafar, Yamtuan Muda Johor, 9
 Raja Kassim, 169
 Raja Kechil, 14
 Raja Mahadi, 114
 Raja Mahmud, 114
 Raja Mahmud (Sultan Mahmud III), 6
 Raja Maimunah anak Daeng Parani, 14-
 16
 Raja Mansur (Sultan Alauddin Riayat Shah III), 4
 Raja Nambang, 169
 Raja Omar (Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II), 4
 Raja Rambut Panjang, 123, 152, 155
 Raja Siti, 47, 100, 104
 Raja Sulaiman, 6, 14
 Raja (Ungku) Unos, 136
 Ravena Mana Chana Allagapah, 161
 Ravena Mana Chana Shellapah, 161
 Relau, 139, 151, 152
 Rembau, 130, 138
 Reng, 90
 Riau, 9, 19, 28, 103, 171
 Robert Herbert, 168, 178
 Robert Meade, 86, 92, 94, 176
 Rodyk, 157, 159
 Rokan, 169
- S
- S. Japan, 128
 S.S. Pantie, 14, 38
 Sahil, 131
 Sahan, 131
 Samat, 123
 Sambal, 151
 Samuel George Bonham, 24-25
 Saras, 150
 Sayyid Abdullah, 16
 Sayyid Ahmad, 16
 Sayyid Jaafar, 16
 Sayyid Husin, 16, 108
 Sayyid Kasahor, 157
 Sayyid Masahor, 114, 121
 Sayyid Muhammad, 16
 Seban, 125
 Sebang, 130
 Seekling, 126, 128-129, 134-136, 140
 Seenara Rumono, 125
 Segamat, 36-37, 57, 79-80, 124
 Selangor, 160
 Se Mat, 131
 Senut, 134
 Se Odat, 131
 Serkam, 135, 141

- Seri Menanti, 174
 Se Uteh, 131
 Sharifah Aminah, 16
 Shellapah, 160, 162
 Singapura, 9, 19-21, 23, 26-31, 36, 38, 40-42, 47, 50, 53, 61, 79, 84, 88, 91, 96, 103, 105, 107, 110, 116, 120, 126-128, 135-137, 141-142, 144-146, 154-155, 157, 160, 165, 171, 178-179, 181, 183
 Sir Cecil Clementi Smith, 166, 168
 Sir Frederick Weld, 160, 162-168
 Sir Harry Ord, 173
 Sir Henry Ord, 44
 Sir Michael Hicks Beach, 92, 115
 Sir Samuel Garling, 24,
 Sir Stamford Raffles, 1
 Sir Thomas Stamford Raffles, 171
 Stamford Raffles, 9, 20-22
 Sir William Jervois, xiv, 56, 113, 173, 175-176
 Studer, 44
 Sudin, 130
 Sulatawang, 36-38, 143
 Sultan Abdul Jalil Riayah Shah, 171
 Sultan Abdul Jalil Shah I, 4
 Sultan Abdul Jalil Shah III, 4
 Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah, 6
 Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV, xiii, 1, 4-5, 12-14, 17-18, 93
 Sultan Abdullah, 169
 Sultan Abdul Majid, 12
 Sultan Abdul Rahman I, 8, 107
 Sultan Abdul Rahman Lingga, 19
 Sultan Abu Shaid (Raja Ibrahim), 169
 Sultan Alauddin Al-Masik Bi-llah Al-Manan [Al-Mutammassik Bi-llah Al-Mannan] Alauddin Alam Shah, 120
 Sultan Ali, 128, 143, 145, 160, 163, 171-176, 178, 180
 Sultan Ali Iskandar Shah, 24,
 Sultan Ali mangkat, 44-45
 Sultan Ali yang mangkat pada 1877, xiv
 Sultan Alauddin Riayat Shah II, 4
 Sultan Husin, xiii, 9, 20, 22-25, 31, 59, 93, 100-101, 103, 108, 172-173
 Sultan Husin mangkat di Umbai Melaka, 23
 Sultan Husin Shah, 1
 Sultan Husin Muhammad Shah, 51, 107-171
 Sultan Ibrahim Shah
 Sultan Jaafar, 170
 Sultan pindah ke Umbai Melaka, 22
 Sultan Mahmud, xiii, 7-8, 19, 171
 Sultan Mahmud II, 4-5
 Sultan Mahmud III, 6
 Sultan Mahmud III (1761-1812), 107
 Sultan Mahmud Shah, 4
 Sultan Mahmud Shah Johor (1761-1812), 1, 102
 Sultan mansur, 170
 Sultan Mansur I, 170
 Sultan Melaka terakhir, Sultan Mahmud Shah, 4
 Sultan Muhammad, 169-170
 Sultan Muhammad Jiwa, 169
 Sultan Muhammad Shah, 170
 Sultan Muzaffar Shah, 169
 Sultan Muzaffar Shah III, 4, 169-170
 Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah, 6, 107
 Sultan Sulaiman yang mangkat di Senggora, 1
 Sumon, 141
 Sungai Siput, 125, 139
 Syarikat Hindia Timur Inggeris, 20-22, 41-42, 101, 103, 108
- T
- T. Braddel, 157, 160
 T. Duniman, 42
 T.T. Ford, 161
 Tahim, 134
 Tampin, 119, 148
 Tanjung Gading, 139, 145
 Tanjung Gading, Muar, 40
 Tangkak, 131
 Teluk Belanga, 19
 Temenggung, 73
 Temenggung Abu Bakar (Maharaja Abu Bakar), xiii, 1, 12, 17, 23, 42-44
 Temenggung Abdul Jamal, 15-17
 Temenggung Abdul Rahman, 1, 12, 16, 19-21, 23, 103, 171
 Temenggung Daeng Ibrahim, 16, 97, 103, 108
 Temenggung Ibrahim, xiii, 1, 12, 23, 26-33, 35-39, 42, 51, 55, 59, 171-174, 178
 Temenggung Ismail, 35-37, 48, 57, 75, 98

- Temenggung Mohamad Salleh, 126, 134, 139
 Temenggung Muar, 35-38, 46-48, 50, 52, 54, 56-57, 74, 77-85, 90-91, 97-99, 126-127, 152
 Temenggung Muar Ismail, 104
 Tengku Abdul Jalil, 103
 Tengku Abdul Jalil (Sultan Abdul Jalil Muadzam Shah), 6, 52
 Tengku Abdul Rahman, 6, 8-9, 19, 21-22, 102, 107, 171
 Tengku Ahmad, 78-79, 82-84, 123, 125, 142, 146
 Tengku Ahmad Pahang, 139-140
 Tengku Ahmad bin Tengku Long, 77
 Tengku Alam, xiii, 9, 41, 45, 47-52, 57, 59-65, 67, 70-71, 74, 76, 79, 86-88, 91, 95-102, 104-105, 110-112, 115, 120-123, 125, 165-166, 171, 175, 177-180
 Tengku Alam, 106-108, 114, 119, 124, 127-129, 132, 134-137, 141-146, 148-149, 153, 155-157, 159-164, 181-182
 Tengku Ali, 9, 22-24, 26, 30, 33, 35, 103, 108, 172-173
 Tengku Andak, 19
 Tengku Antah, 112
 Tengku Hamidah, 102
 Tengku Hamidah anak Raja Haji, 7
 Tengku Husin, 7-9, 20-21, 102-103, 107, 111, 171, 183
 Tengku Husin (Tengku Long), 6, 19
 Tengku Ismail, 24, 74, 76, 132, 104
 Tengku Jaafar, 24, 103
 Tengku Jalil, 24, 103
 Tengku Kali, 120
 Tengku Kamariah (Tengku Bongsu), 6, 14
 Tengku Long, 171
 Tengku Mahmud, 47-51, 57, 62, 65, 70, 97, 103, 107, 110, 116
 Tengku Mahmud Lingga, 43
 Tengku Maimunah, 103
 Tengku Mandak, 6
 Tengku Mansur, 170
 Tengku Mat, 123
 Tengku Muda Riau, 18
 Tengku Mohamad, 120,
 Tengku Mohammad, 154
 Tengku Muhammad, 103-104, 152-153, 155, 170
 Tengku Muhammad Ali (Tengku Ali), 24
 Tengku Muhammad Ariffin, 120-121, 157
 Tengku Neh, 61-62, 67, 70, 104
 Tengku Nong, 119, 123-134, 136-148, 150-156
 Tengku Nong (Tengku Omar), 78, 82, 104
 Tengku Omar, 46, 48, 51
 Tengku Saban, 107
 Tengku Sali, 120
 Tengku Salim, 121
 Tengku Samboh, 61-62, 70
 Tengku Sarimbah, 61, 67
 Tengku Sepiah, 103
 Tengku Sulaiman, 103
 Tengku Sulong, 24, 46-48, 51-54, 82, 88, 143-144, 181
 Tengku Teh, 24
 Tengku Tengah (Tengah Fatimah atau Tengku Erang), 6, 14, 16
 Tenong, 151
 Terengganu, 9, 12-13, 169-170
 That, 130
 Thomas Church, 25, 28, 30, 33, 103
 Thomas Sid Graeves, 161
 Tok Jenang Abdullah, 106
 Tok Sutan, 126-127, 142, 144
 Tong, 128
 Tuan Sulong, 16, 120
 Tun Abas, 6, 14
 Tun Abdul Bendahara Seri Maharahaja (Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV), 4
 Tun Abdul Jamal, 10, 12, 16
 Tun Ali Pahang, 19
 Tun Habib Abdul Majid (Bendahara Padang Saujana), 1
 Tun Habib Majid Bendahara Seri Maharaja Datuk Padang Saujana, 2-5, 12
 Tun Khatijah, 16
 Tun Sulong (Tun Abdul Jalil bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV), 4-6
 Tun Wati, 169
 Tunku Ahmad Tunggal, 170
 Tunku Antah, 56, 170, 174

U

- Umbai, xiii, 43, 172, 175
 Umboh Awa, 130-131
 Ungku Abdul Jalil, 110
 Ungku Abdul Majid, 154, 157
 Ungku Andak, 77, 79, 81-82, 89
 Ungku Haji, 78-79, 81-82, 84
 Ungku Khalid, 154
 Ungku Mohamad Khalid, 167, 182
 Ungku (Raja) Unos, 134
 Ungku Tanjung, 127

W

- W. Hole, 136, 139, 141-145
 W. Napier, 92
 W.F. Robinson, 48, 53, 56, 58-59, 61-71,
 74, 78, 84-85, 87, 91-94, 96, 99-100,
 102, 104-106, 108, 111-112, 114-117,
 122-123, 166, 168
 W.H. Read, 29, 31, 41, 65-67, 69-70, 76-
 77, 86, 91, 108-110, 116, 122
 W.J. Butterworth, 25-26, 28
 Butterworth, 31, 36
 Wan Da, 143
 Wan Abas, 80, 120, 123, 125-129, 131,
 134, 138-139, 152
 Wan Ahmad, 42-43, 143, 170
 Wan Ali, 171-172
 Wan Chik, 143, 183
 Wan Chili (Chillie), 146
 Wan Daud, 123, 125-129, 132, 152, 155

- Wan Dolah Pahang, 143
 Wan Hassan, 90
 Wan Kechut, 146
 Wan Koris, 143, 181
 Wan Kuning, 146
 Wan Mahmud, 138
 Wan Majid, 143
 Wan Mohamad Salleh, 126-127
 Wan Muhammad, 85
 Wan Muhammad Ali, 79, 81-84
 Wan Muhammad Salleh, 80, 85
 Wan Mutahir, 42-43
 Wan Salleh, 90
 William Edward Maxwell, 77
 William Jervois, 93
 William Hole, 156-157
 William Robinson, 173

Y

- Yam Imam, 170
 Yamtuhan Muda, 6
 Yamtuhan Muda Johor Daeng Kemboja
 (Marhum Janggut), 18
 Yamtuhan Muda Raja Jaafar (anak Raja
 Haji) menjadi Yamtuhan Muda Raja
 Jaafar (anak Raja Haji) menjadi
 Yamtuhan Muda Johor, 8
 Yamtuhan Muda Raja Johor, 171
 Yamtuhan Radin, 170
 Yamtuhan Seri Menanti, Tunku Antah,
 82